Laporan Akhir

PELAN STRATEGIK KESEDAR DALAM HALA TUJU BARU WILAYAH KELANTAN SELATAN 2030



LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN (KESEDAR)

Perunding:
AKADEMI AIDIT SDN. BHD.

Laporan Akhir

BAB 1

PROFIL UMUM KESEDAR



LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN (KESEDAR)

PELAN STRATEGIK KESEDAR DALAM HALA TUJU BARU WILAYAH KELANTAN SELATAN 2030

BAB 1

PROFIL UMUM KESEDAR

1.0 PENGENALAN

Bab ini memaparkan profil umum KESEDAR sebagai sebuah agensi pembangunan wilayah bagi Wilayah Kelantan Selatan. Profil umum berkenaan meliputi:

i. Latar belakang penubuhan KESEDAR
ii. Visi, misi dan objektif KESEDAR
iii. Punca kuasa KESEDAR
iv. Piagam pelanggan KESEDAR
v. Pihak berkepentingan dan pelanggan
vi. Kod etika KESEDAR
vii. Konsep penyampaian KESEDAR dalam perancangan dan pelaksanaan pembangunan
viii. Struktur organisasi KESEDAR

1.1 LATAR BELAKANG PENUBUHAN KESEDAR

Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) adalah sebuah Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) yang ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan 1978 (Akta 203) serta diwartakan pada 2 Mac 1978. Pelancaran penubuhannya disempurnakan oleh Allahyarham Tun Hussein Onn, Perdana Menteri Malaysia ketiga, pada 5 Mac 1978 bertempat di Kampung Batu Gajah, Tanah Merah, Kelantan. KESEDAR adalah salah sebuah agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Kawasan yang diletakkan di bawah pengurusan KESEDAR adalah kawasan bahagian selatan Kelantan yang secara umumnya mundur dan ketinggalan dari segi pembangunan jika dibandingkan dengan kawasan sebelah utara Kelantan. Penubuhan KESEDAR bertujuan untuk mengimbangi komposisi penduduk antara Kelantan Selatan dengan Kelantan Utara, membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

KESEDAR juga memainkan peranan untuk memaju, menggalak, mengusaha, mengawal dan menyelaras pembangunan sosioekonomi terutamanya berkaitan dengan pembangunan tempat tinggal, pertanian, perusahaan dan perdagangan Wilayah Kelantan Selatan yang berkeluasan 1.234 juta hektar. Kawasan yang terlibat adalah keseluruhan Jajahan Gua Musang, Jajahan Kuala Krai, Jajahan Jeli dan sebahagian Jajahan Tanah Merah.



Rajah 1.1: Peranan Dan Tanggungjawab Pembangunan KESEDAR

1.2 VISI, MISI DAN OBJEKTIF KESEDAR



Rajah 1.2: Visi, Misi Dan Objektif KESEDAR

1.3 PUNCA KUASA KESEDAR



Rajah 1.3: Punca Kuasa KESEDAR

1.4 PIAGAM PELANGGAN KESEDAR



Rajah 1.4: Piagam Pelanggan KESEDAR

1.5 PIHAK BERKEPENTINGAN & PELANGGAN



Rajah 1.5: Pihak Berkepentingan Dan Pelanggan

1.6 KOD ETIKA KESEDAR

Dalam usaha mencapai visi Kelantan Selatan menjadi maju dan penduduknya makmur, ekonominya produktif dan menguntungkan serta misi ke arah melahirkan masyarakat sejahtera dan berkualiti, semua warga KESEDAR perlu menghayati dan mengamalkan nilai-nilai murni seperti yang dipamerkan menerusi **Rajah 1.6.**



Rajah 1.6: Kod Etika KESEDAR

Jadual 1.1: Perincian Mengenai Kod Etika KESEDAR

ASPEK	PERINCIAN
Sentiasa awal dan mendahului	a. Mempasakkan iltizam untuk menyempurnakan tugas sebelum masa yang telah ditetapkan b. Menghindari sikap menangguh kerja c. Memastikan diri sentiasa bersemangat dan bertenaga d. Menetapkan matlamat sentiasa ingin melebihi standard yang ditetapkan e. Memahami hala tuju kerja dan organisasi f. Menghargai masa
Sentiasa proaktif	a. Memiliki keupayaan memotivasikan diri sendiri b. Memerlukan penyeliaan yang minimum daripada ketua dalam menyempurnakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan c. Mengamalkan sikap sentiasa peka dengan persekitaran dalam dan luar organisasi d. Memiliki pemikiran dan pandangan jauh e. Memiliki kemampuan menggerakkan diri sendiri (*self-starter*) f. Mendorong diri untuk mengambil inisiatif
Sentiasa menghasilkan kerja cemerlang	a. Mendedikasikan diri kepada matlamat menzahirkan kerja yang cemerlang b. Mengelakkan diri daripada terlibat dalam aktiviti yang mencemarkan profesion dan organisasi c. Melengkapkan diri sebagai seorang warga kerja yang berwibawa d. Menanam azam untuk mengutamakan kepuasan pelanggan
Sentiasa positif, kreatif dan inovatif	a. Mencari jalan untuk menambah baik mutu perkhidmatan b. Mempertingkatkan kualiti dan inovasi kerja c. Mengamalkan sikap positif dan profesional terhadap pelanggan d. Menerima hakikat bahawa perubahan akan berlaku dan bersiap sedia untuk menerima dan mengamalkan perlakuan kerja yang baharu
Sentiasa tekun, rajin dan beristiqomah	a. Memelihara dan mempertingkatkan profesionalisme b. Mengekal dan melipatgandakan mutu kerja c. Mempunyai sikap istiqomah yang tinggi terhadap kerja dan menghindari sifat jemu d. Memberi komitmen yang tinggi terhadap kerja dan organisasi e. Menghayati kerja dan bekerja dengan bersungguh-sungguh


Jadual 1.1: Perincian Mengenai Kod Etika KESEDAR (Sambungan)

ASPEK	PERINCIAN
Sentiasa bertawakal dan bersyukur	a. Menerima tanggungjawab sebagai amanah b. Meyakini bahawa segala perbuatan baik dan buruk akan menerima balasan daripada Yang Maha Esa c. Menganggap kerja sebagai ibadah kepada Yang Maha Esa d. Mengingatkan diri untuk sentiasa redha dengan qadar dan takdir
Sentiasa bekerjasama, cekal dan tabah	a. Mengamalkan sikap bekerja sebagai satu pasukan b. Mempunyai semangat yang tinggi dan tidak mudah berputus asa dalam menyempurnakan tugas c. Mengambil iktibar daripada pengalaman sendiri dan pengalaman orang lain d. Mendedikasikan diri untuk belajar secara berterusan e. Menerima kritikan dengan fikiran yang terbuka
Sentiasa kenal potensi diri dan baiki diri	a. Mengamakan sikap sentiasa menilai diri b. Menggunakan sepenuhnya kehebatan diri untuk kecemerlangan kerja dan organisasi c. Memantapkan sumber d. Menggandakan usaha untuk mendapatkan pengetahuan, kemahiran dan sikap kerja yang baharu agar tugas dapat disempurnakan dengan cekap dan berkesan e. Mengetahui impak sesuatu tindakan terhadap diri, rakan kerja, ketua dan organisasi
Sentiasa ceria dan mesra	a. Menghormati dan mengeratkan jalinan hubungan serta perasaan kekeluargaan sesama rakan b. Menghormati serta menerima pandangan rakan-rakan demi kebaikan bersama c. Menyuburkan budaya dan amalan sentiasa memberi senyuman d. Mengamalkan sikap berhemah dan berbudi bahasa e. Memiliki sikap sentiasa berbaik sangka terhadap orang lain f. Menjaga ketrampilan diri dengan sentiasa berpakaian kemas
Sentiasa adil dan bertimbang rasa	a. Mengelakkan diri daripada amalan pilih kasih b. Membuat keputusan dan mengambil tindakan yang rasional dan tidak menyentuh sensitiviti orang lain c. Menghindari sikap membelakangi tugas organisasi kerana kepentingan peribadi d. Mengekalkan adat dalam organisasi

Kepekaan yang bakal ditimbulkan dalam kajian ini adalah setakat mana intensif dan teraturnya proses latihan dan pengupayaan yang berlaku dalam KESEDAR untuk memacu warganya ke arah penjiwaan tuntutan visi, misi, objektif dan kod etika ini?


1.7 SISTEM PENYAMPAIAN 3-TIER KESEDAR DALAM PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN PEMBANGUNAN

KESEDAR mengamalkan konsep sistem penyampaian tiga peringkat (*3-tier delivery system*) dalam menjalankan perancangan dan pelaksanaan pembangunan wilayah. Sistem ini adalah mekanisme pengurusan dan pentadbiran organisasi yang berbentuk piramid yang terdiri daripada tiga pejabat wilayah, iaitu Pejabat Wilayah Gua Musang, Pejabat Wilayah Kuala Krai dan Pejabat Wilayah Jeli/Tanah Merah serta 21 unit Pejabat Operasi meliputi di empat jajahan utama di negeri Kelantan (**Rajah 1.7**). Mekanisme pengurusan dan pentadbiran organisasi ini membolehkan KESEDAR melaksanakan kerja dengan menggunakan pendekatan sama ada secara bawah ke atas (*bottom-up*) atau secara atas ke bawah (*top-down*). (**Rajah 1.8**).



Rajah 1.7: Sistem Penyampaian 3-Tier KESEDAR

1.8 STRUKTUR ORGANISASI KESEDAR



Rajah 1.8: Struktur Organisasi KESEDAR

Sumber: *Laman Web KESEDAR*

1.9 PRASYARAT PEMACUAN KEMAJUAN KESEDAR

1. Realiti iklim sosiopolitik dan sosioekonomi
2. Sumber dan potensi yang perlu diberi tumpuan
3. Formula gerak kerja yang tepat dengan perancangan
4. Pendekatan multidimensi serta holistik
5. Perancangan senario berkontingensi
6. Penilaian prestasi secara berterusan dan profesional
7. Tadbir urus yang bersifat efikasi dan berpiawaian tinggi

Laporan Akhir

BAB 2

ANALISIS KAJIAN PENANDARASAN DAN KAJIAN LAPANGAN



LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN (KESEDAR)

PELAN STRATEGIK KESEDAR DALAM HALA TUJU BARU WILAYAH KELANTAN SELATAN 2030

BAB 2

ANALISIS KAJIAN PENANDARASAN DAN KAJIAN LAPANGAN

2.0 PENGENALAN

Bab ini adalah rumusan terhadap hasil kajian penandarasan dan kajian lapangan yang telah dilaksanakan. Hasil daripada kedua-duanya dijadikan sebahagian asas pada pengusulan inisitiaf strategik bagi memacu hala tuju baru Wilayah Kelantan Selatan menjelang 2030.

2.1 RUMUSAN PENEMUAN KAJIAN PENANDARASAN

Kajian penandarasan ini dilaksanakan bertujuan menjadikannya sebagai rujukan khususnya berkaitan dengan amalan terbaik dan pencapaian oleh agensi-agensi pembangunan yang terpilih di peringkat antarabangsa dan nasional. Penandarasan yang merangkumi 18 parameter (**Rajah 2.1**) memberi ruang kepada KESEDAR untuk membuat pemadanan dan pengukuhan bagi memantapkan pengurusan dan agenda pembangunan yang mahu dilaksanakan. Di samping itu, ia juga sebagai persediaan untuk KESEDAR menghadapi fasa mengurus perubahan serta menangani cabaran transformasi sosioekonomi dan sosiobudaya. Agensi-agensi penandarasan yang terpilih adalah, (i) Scottish Enterprise; (ii) Chengdu Economic and Technological Development Zone (Chengdu ETDZ); (iii) Mondragon Corporation; (iv) Economic Development Agencies of New Zealand; (v) FELDA; (vi) KEJORA; (vii) KETENGAH; (viii) PERDA; (ix) IRDA dan; (x) KEDA.



Rajah 2.1: Parameter Untuk Analisis Inisiatif Strategik Dan Pencapaian Kemajuan

2.1.1 Status Institusi

KESEDAR mempunyai peluang yang sama untuk maju seperti agensi-agensi pembangunan wilayah tempatan mahupun antarabangsa.

2.1.2 Faktor Kejayaan

i. *Kepemimpinan*

Secara umumnya, agensi-agensi penandarasan lebih memfokuskan pada kepemimpinan organisasi sebagai pemacu pada pembangunan wilayah. Dalam konteks ini, KESEDAR disarankan untuk memberi perhatian kepada kepemimpinan komuniti khususnya bagi menarik penglibatan menyeluruh dalam menjayakan agenda pembangunan Wilayah Kelantan Selatan.

ii. *Warga Kerja*

Faktor kejayaan utama agensi-agensi penandarasan memperlihatkan bahawa sikap dan kemahiran warga kerja berperanan penting dalam menghasilkan pengurusan berefikasi. Setiap agensi mengambil inisiatif memperkukuhkan sikap dan kemahiran warga kerja dan menjadikannya sebagai elemen penting penilaian prestasi. KESEDAR juga perlu memulakan inisiatif untuk membentuk pasukan warga kerja yang berpandangan jauh dan menghasilkan mutu kerja yang berimpak tinggi.

iii. *Sistem*

Agensi-agensi penandarasan menjadikan pelan hala tuju dan pelan strategik sebagai pemangkin menggerakkan fungsi organisasi. Agenda tersebut digerakkan secara kolektif oleh setiap bahagian dalam organisasi dengan mencernakannya mengikut fungsi dan tugas bahagian. Tahap efikasi dan profesionalisme pula adalah kayu ukur penting dalam menilai keupayaan mengurus organisasi. Usaha pengukuhan organisasi melalui penyelidikan dan pembangunan (*R&D*) menjadi amalan yang menyumbang pada peningkatan prestasi agensi. Proses pemantauan dilaksanakan oleh sebuah unit khas dengan menggunakan mekanisme yang komprehensif seperti pengauditan dalaman, pengurusan risiko dan penilaian badan bebas.

iv. *Iklim*

Pencapaian pembangunan agensi-agensi penandarasan adalah berasaskan pengukuhan sumber ekonomi sedia ada dan pewujudan persekitaran ekonomi yang berdaya saing. Persekitaran ekonomi yang berdaya maju diperkukuhkan dengan kestabilan politik dan keutuhan dasar ekonomi. Tahap kesediaan masyarakat untuk terlibat sama dalam pembangunan juga menyumbang pada pencapaian matlamat pembangunan yang ditetapkan. KESEDAR perlu mengorak langkah berani untuk meneroka peluang dan pasaran antarabangsa bagi meningkatkan keupayaan sebagai sebuah organisasi yang berdikari dan berdaya saing.

v. *Kapasiti*

Agensi-agensi penandarasan mengambil pendekatan merangka perancangan memajukan sektor-sektor berpotensi yang terpilih untuk dijadikan asas pengukuhan pada sektor-sektor lain. Penerokaan sumber-sumber baharu turut diberi perhatian untuk menjamin kesinambungan kapasiti kewangan dan sumber. Pengembangan potensi pula dijana oleh keberkesanan peranan anak-anak syarikat khususnya dari segi meneroka peluang-peluang sedia ada dan baharu. Jaringan kerjasama dengan institusi-institusi kewangan dan rakan strategik berjaya menarik pelaburan domestik dan antarabangsa.

vi. ***Imej***

Tahap integriti agensi-agensi penandarasan membentuk persepsi positif terhadap organisasi dan menjadi faktor yang mempengaruhi tahap keyakinan masyarakat.

vii. ***Potensi***

Agensi-agensi penandarasan mengenal pasti dan membangunkan potensi-potensi yang bersifat fizikal dan bukan fizikal sebagai daya tarikan pelaburan. Pembangunan potensi tersebut dipadankan dengan tuntutan semasa dan jangka masa panjang.

viii. ***Faktor-X***

a. Pemangkin pembangunan sosioekonomi masyarakat luar bandar dan pemacu kemajuan negara
b. Pencapaian dinamik dan model rujukan antarabangsa
c. Pemilikan modal insan
d. Penyediaan infrastruktur
e. Penggemblengan tenaga ahli koperasi

2.1.3 Pengukuran Kejayaan

i. ***Faktor Ekonomi***

a. Pembangunan bandar baharu
b. Pewujudan pusat pertumbuhan baharu/kawasan komersial
c. Peluasan kerjasama dan pasaran ekonomi secara strategik ke peringkat antarabangsa

ii. ***Faktor Bukan Ekonomi***

a. Penetapan dan pencapaian KPI
b. Penekanan pada kualiti dan produktiviti
c. Penilaian projek (sebelum, semasa dan pasca pelaksanaan)
d. Pelaksanaan dan penilaian kajian impak
e. Pembangunan kemahiran sumber manusia secara konsisten
f. Pelaksanaan dasar urbanisasi secara seimbang
g. Peningkatan daya inovasi

2.1.4 Masalah/Cabaran/Halangan Yang Dihadapi

Agensi-agensi penandarasan di luar negara berhadapan dengan masalah dan cabaran yang berbeza. Namun, setiap agensi bersikap positif dengan menganggap masalah yang dihadapi sebagai cabaran yang boleh diatasi. Agensi-agensi penandarasan tempatan pula menghadapi trend masalah yang hampir sama. Justeru, KESEDAR sewajarnya mempelajari cara menangani permasalahan dan cabaran menerusi pengalaman agensi-agensi penandarasan.

i. ***Dalaman***

a. Pertindanan bidang kuasa di antara agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan agensi pembangunan wilayah berkenaan itu sendiri
b. Peruntukan yang terhad
c. Persaingan daripada projek pembangunan berimpak besar
d. Penggunaan pengaruh dan kepentingan mengganggu perancangan
e. Permasalahan daya saing dan daya tahan
f. Permasalahan kekurangan tenaga kerja dari kalangan penduduk tempatan
g. Pemindahmilikan tanah kepada orang luar
h. Peningkatan kos buruh dan sara hidup
i. Penguasaan Bahasa Inggeris
j. Pencemaran udara dan jerebu
k. Penglibatan dan campur tangan politik
l. Penentangan dan bantahan oleh sebahagian penduduk

ii. ***Luaran***

a. Permasalahan sikap dan pemikiran negatif masyarakat
b. Pertumbuhan ekonomi negara yang perlahan

2.1.5 Perancangan Masa Depan Dan Bidang Yang Diberi Penumpuan

Secara umumnya, agensi-agensi penandarasan membuat perancangan masa depan dan memilih bidang yang diberi tumpuan berdasarkan pada kemampuan agensi untuk memaju dan mengembangkannya bagi tempoh jangka masa panjang serta memenuhi keperluan sosioekonomi. KESEDAR perlu jelas dengan peranan asalnya, apa ia ingin jadi menjelang 2030 dan berani bertindak ke arah matlamat yang ditetapkan.

Aspek-aspek yang tersenarai dalam perancangan agensi-agensi yang telah dikaji adalah:

i. Moral
ii. Pengurusan pentadbiran
iii. Pendidikan
iv. Kesihatan
v. Ekonomi
vi. Sosial
vii. Sains dan teknologi
viii. Alam sekitar
ix. Prasarana
x. Undang-undang
xi. Keselamatan
xii. Budaya dan warisan
xiii. Pelancongan dan rekreasi
xiv. Komuniti

2.1.6 Kepentingan Kepemimpinan Dan Isu Yang Berkaitan

Agensi-agensi penandarasan menitikberatkan pembangunan kepemimpinan sama ada di peringkat organisasi mahupun komuniti. Pembangunan kepemimpinan penting kerana ia berperanan sebagai salah satu agen penggerak utama organisasi dan masyarakat. Pemimpin-pemimpin dipilih atas pertimbangan:

i. Meritokrasi
ii. Penerimaan oleh masyarakat
iii. Fokus dengan agenda organisasi atau setempat

2.1.7 Kepentingan Modal Insan Dan Isu Yang Berkaitan

Secara keseluruhannya, agensi-agensi penandarasan mengutamakan pembangunan modal insan meliputi semua peringkat. Perancangan dan pembangunan menjurus pada aspek penyediaan modal insan menerusi pengukuhan akademik dan kemahiran. Seterusnya, proses pemadanan potensi modal insan dilaksanakan melalui penempatan dan penyediaan peluang pekerjaan. Usaha pembentukan golongan profesional dan

pakar di kalangan anak tempatan dilaksanakan dengan memberi peluang dan pendedahan kepada individu-individu terpilih yang berkelayakan untuk mengikuti pengajian lanjutan atau penimbaan pengalaman di organisasi-organisasi ikonik.

2.1.8 Kepentingan Sistem Pengurusan Dan Isu Yang Berkaitan

Sebahagian agensi-agensi penandarasan masih berorientasikan peranan sebagai agensi pelaksana. Namun begitu, sebahagian yang lain pula lebih berani mengembangkan peranan sebagai peneraju pembangunan wilayah dan pemangkin perubahan masyarakat. Jurang tersebut wujud disebabkan agensi-agensi penandarasan yang terkehadapan memberi tumpuan secara menyeluruh terhadap aspek-aspek kritikal dalam sistem pengurusan seperti penilaian dan pemantauan, pengurusan risiko dan penambahbaikan yang berterusan.

2.1.9 Kepentingan Persekitaran Sosial Yang Kondusif Dan Isu Yang Berkaitan

Agensi-agensi penandarasan cenderung pada menyediakan persekitaran sosial yang berteraskan budaya kerja positif, ilmu dan pemikiran cerdas, keselamatan terjamin, kebersihan dan kemudahan rekreasi yang dapat menyumbang pada peningkatan kualiti hidup masyarakat.

2.1.10 Kepentingan Kemahiran, Perhubungan Awam, Komunikasi, ICT, Imej Dan Isu Yang Berkaitan

Agensi-agensi penandarasan mengutamakan warga kerja yang berkemahiran dan mempunyai perhubungan awam yang baik sebagai penggerak organisasi yang berprestasi tinggi. Aplikasi ICT pula dimanfaatkan untuk mengoptimumkan hasil kerja. Dari segi imej pula, agensi-agensi penandarasan tempatan berjaya menempatkan status sebagai agen pembangunan komuniti.

2.1.11 Kepentingan Sumber Dan Isu Yang Berkaitan

Secara keseluruhan, agensi-agensi penandarasan meletakkan modal insan sebagai sumber terpenting. Secara perbandingan pula, agensi-agensi luar negara lebih berjaya dari segi kualiti modal insan kerana disokong oleh amalan budaya masyarakat yang kondusif. Dalam konteks ini, usaha menyediakan modal insan yang berkualiti

memerlukan inisiatif dan strategi yang objektif serta berjangka masa panjang, melibatkan warga kerja organisasi serta masyarakat. Di samping itu, pemilihan sektor ekonomi yang kritikal dan berpotensi perlu diutamakan untuk dimajukan bagi tujuan pengurusan sumber secara cekap dan berkesan.

2.1.12 Kepentingan Sokongan Politik Dan Isu Yang Berkaitan

Pihak-pihak politik hanya mampu memainkan peranan berkesan jika kepentingan masyarakat sentiasa diutamakan selaras dengan nilai-nilai, tonggak dan keperluan negara masing-masing. Pihak politik mampu menjadi aset yang terpenting pada strategi pembangunan dan jika silap pertimbangan, juga mampu menjadi kekangan yang terbesar.

2.1.13 Formula Dalam Membangunkan Potensi Organisasi Dan Kawasan

Agensi-agensi penandarasan tempatan cenderung pada menggunakan pendekatan *sweeping* (rangkum semua), *snowball initiatives* (bantu wujudkan momentum), *joint-ventured* (bekerjasama dengan pihak lain) dan *top down* (usaha dan capai ikut kapasiti yang ada) dalam membangunkan organisasi dan kawasan. Pendekatan-pendekatan lain turut digunakan mengikut kesesuaian dan keperluan sebagaimana dalam senarai berikut:

i. *Popular* (dapat perhatian ramai)
ii. *Mileage* (mempunyai kepentingan untuk pihak tertentu)
iii. *Hierarchical* (ikut hierarki)
iv. *Capacity-constrained* (laksana tindakan ikut kekangan yang ada)
v. *Decentralised* (diagihkan)
vi. *Phasal* (berfasa)
vii. *Seasonal* (ikut desakan keadaan atau secara bermusim)
viii. *Bottom up* (kenal pasti prasyarat yang perlu dipenuhi untuk mencapai sesuatu matlamat)

2.1.14 Kisah Kejayaan Utama

Pengiktirafan yang diterima oleh agensi-agensi penandarasan adalah berdasarkan kemajuan prestasi dan pencapaian serta sumbangan kepada masyarakat. Beberapa

agensi penandarasan berjaya meletakkan organisasi mereka sebagai model rujukan serta mampu menarik penglibatan masyarakat dan institusi luar.

2.1.15 Keunikan Yang Boleh Dipelajari Oleh Pihak Lain

Keunikan yang boleh dipelajari daripada agensi-agensi penandarasan lebih tertumpu pada aspek pendekatan dan strategi serta daya inovasi. Bagi agensi penandarasan tempatan, keunikan dapat juga dilihat pada aspek organisasi manakala agensi penandarasan luar negara pula menyerlah dari segi aspek budaya masyarakat, etika kerja dan wawasan dinamik.

2.1.16 Inisiatif Kerajaan Dan Badan Politik, Pengaruh Dan Perundangan, Pembangunan Dan Sokongan Untuk Pelaksanaan Projek

Hala tuju sesebuah kerajaan akan menjadi teras utama dalam pelaksanaan projek oleh agensi-agensi penandarasan. Faktor pembangunan dan sokongan serta aspek perundangan turut memainkan peranan dalam pelaksanaan sesuatu projek. Di sinilah terletaknya kesungguhan kerajaan untuk melancarkan pencapaian agensi dan bukannya merumitkan.

2.1.17 Status Kewangan Dan Pencapaian

Secara umumnya, agensi-agensi penandarasan masih memerlukan bantuan geran bagi mengukuhkan status kewangan di samping janaan hasil yang diusahakan (kecuali Mondragon Corporation yang berstatus koperasi). Sebahagian agensi penandarasan memanfaatkan suntikan modal/pinjaman asing untuk membantu agensi berkenaan mengukuhkan status kewangan sehingga mampu biaya sendiri.

2.1.18 Pandangan Masyarakat Umum Dan Komentar

Pandangan optimis, kritikan objektif dan idea positif diperlukan daripada masyarakat dan penting untuk meningkatkan tahap keyakinan serta penglibatan yang lebih menyeluruh serta konsisten dalam agenda pembangunan yang dirangka.

Perincian penemuan utama fasa penandarasan dapatlah disimpulkan sebagai berikut:

i. Fungsi hubungan (kepemimpinan, warga kerja, sistem, iklim, kapasiti, imej, potensi, faktor-X) ternyata relevan untuk organisasi-organisasi yang telah dikaji.

ii. Walaupun ada di antara organisasi-organisasi ini tidak sepenuhnya seperti profil KESEDAR, namun ini tidak menafikan bahawa formula kejayaan sesebuah organisasi adalah sama dari segi prinsip dan teras. Perbezaan akan terletak pada pelaksanaan formula tertakluk pada realiti yang dihadapi setempat dan dalam tempoh tertentu.

iii. Walaupun ada organisasi-organisasi yang ditemui tidak menyatakan dengan langsung aspek-aspek tertentu, ini tidak bermaksud bahawa aspek-aspek ini tidak penting.

Di samping itu, berdasarkan pada penelitian terhadap perancangan, pengurusan dan pencapaian agensi-agensi yang telah dikaji, dapatlah dirumuskan bahawa pembangunan sesebuah wilayah yang ingin dimajukan perlu mempertimbangkan faktor-faktor berikut:

i. Penyediaan iklim sosiopolitik dan sosioekonomi yang stabil serta adil bagi menjamin kelancaran pelaksanaan perancangan pembangunan.

ii. Pengenalpastian sumber dan potensi yang perlu diberi keutamaan sama ada untuk diterokai, dimanfaatkan, diperkukuhkan mahupun digiatmajukan supaya dapat dipadankan dengan kapasiti, trend permintaan dan penawaran serta perintisan yang bersifat kreatif dan inovatif.

iii. Pemilihan pendekatan atau formula yang tepat serta bersesuaian dengan keperluan pembangunan wilayah dan memberi impak positif kepada masyarakat, negeri dan negara.

iv. Pendekatan multidimensi serta holistik yang tidak hanya menekankan pada aspek fizikal sahaja tetapi perlu menyuburkan elemen-elemen moral dan etika sebagai teras utama.

v. Perancangan senario dan penekanan pada pengurusan risiko yang bersifat jangka segera, jangka pendek, jangka sederhana, jangka panjang dan pasca jangka panjang sebagai persediaan menangani pelbagai senario kemungkinan.

vi. Penilaian secara saintifik dan sistematik perlu dipergiatkan bagi mengimbangi penggubalan dan penetapan sesuatu dasar kerana strategi perancangan dan pelaksanaan perlu bersifat dinamik selari dengan keperluan masyarakat yang berubah-ubah.

vii. Pelaksanaan tadbir urus yang bersifat efikasi untuk memastikan perancangan dan proses membuat keputusan akan memanfaatkan segala sumber yang dimiliki bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

viii. Pemadanan potensi dan sumber dengan kemahiran dan kepakaran yang dimiliki oleh organisasi.

ix. Pengurusan berefikasi melalui inisiatif pemerkasaan yang berterusan dari segi budaya kerja berkualiti dan dinamik, berintegriti, berorientasikan produktiviti, kerja berpasukan dan profesionalisme di kalangan warga kerja agensi-agensi pembangunan.

x. Penyelarasan secara objektif dan konsisten bagi merapatkan jurang pencapaian serta masalah ketidaksetaraan potensi sumber antara agensi-agensi pembangunan.

xi. Pemantapan jaringan kerja strategik sama ada antara agensi-agensi, intra-agensi mahupun agensi dengan pihak luar melalui pendekatan strategik, taktikal dan operasi (*S.T.O*).

xii. Pembentukan imej dengan identiti bersifat integriti dan efikasi dalam mempengaruhi tahap keyakinan dan kepercayaan pihak lain terutamanya pelabur. Pada masa yang sama pengekalan elemen identiti dan tradisi asal menjadi simbol keunikan.

xiii. Pembentukan kualiti sumber manusia sebagai tonggak pemacu segala perancangan yang dibuat di semua peringkat.

xiv. Penjanaan sepenuhnya potensi dan kemahiran warga kerja serta pewujudan sikap kebersamaan yang tinggi, contohnya dengan penyediaan skim pencen untuk ahli sebagai jaminan masa depan.

xv. Penetapan objektif asas yang bersifat kolektif bagi menarik penglibatan menyeluruh daripada masyarakat dengan memberi kefahaman mengenai agenda pembangunan wilayah termasuklah:

   a. Menyuburkan elemen moral, etika dan budaya murni
   b. Menyemarakkan semangat perpaduan dan integrasi nasional
   c. Membangunkan minda kelas pertama termasuk pemikiran inovatif, kreatif dan konstruktif

d. Membentuk modal insan yang beretika, berilmu, berkemahiran, berprestasi tinggi dan berdaya saing
e. Menggalakkan pertumbuhan ekonomi
f. Merealisasikan matlamat negara berpendapatan tinggi melalui pewujudan peluang pekerjaan dan peningkatan pendapatan
g. Menyediakan prasarana sosioekonomi yang memenuhi keperluan dan kebajikan masyarakat

xvi. Penyesuaian pendekatan pembangunan dengan profil penduduk demi mewujudkan kerjasama dan sinergi yang dinamik, antara lain dengan mengkaji dan memahami budaya masyarakat setempat.

xvii. Penggemblengan sumber manusia secara strategik dan berkesan dalam bentuk koperasi.

Faktor-faktor yang dihuraikan di atas dapat dijadikan asas pertimbangan dan pengukuran dalam usaha memperkukuhkan KESEDAR sebagai sebuah agensi pembangunan wilayah yang berdikari, berdaya maju dan berdaya saing. Ia boleh dijadikan teras bagi inisiatif yang bersifat menu tindakan ataupun strategik, taktikal dan operasi dengan mengikuti acuan tempatan. Namun begitu, perincian inisiatif yang bersandarkan pada faktor-faktor tersebut bergantung pada penilaian yang menyeluruh. Penilaian yang menyeluruh penting untuk menggubal pelan hala tuju yang dimatlamatkan dengan mengutamakan pemerkasaan aspek-aspek kritikal bagi KESEDAR sebagai agensi pelaksana dan peletakan asas transformasi Wilayah Kelantan Selatan dalam menerima dan mengurus perubahan.

2.2 RUMUSAN KAJIAN PENANDARASAN



2.3 RUMUSAN HASIL PENEMUAN KAJIAN LAPANGAN

Rumusan penemuan hasil kajian lapangan ini adalah berdasarkan pada kaji selidik yang telah dijalankan terhadap responden yang dipilih secara rawak dari empat wilayah di bawah Kelantan Selatan, iaitu Gua Musang, Jeli, Tanah Merah dan Kuala Krai. Kaji selidik dijalankan ke atas responden yang merupakan penduduk di Rancangan Kemajuan Tanah (RKT), Rancangan Pemulihan Tanah (RPT), Kampung Tradisional (KT), penempatan FELDA dan bandar di keempat-empat wilayah berkenaan. **(Sila rujuk Lampiran 4 bagi perincian hasil penemuan kajian)**.

Rumusan penemuan hasil kajian lapangan menggunakan pendekatan pengauditan forensik iaitu melibatkan diagnosis isu, prognosis (ramalan keberkesanan) dan strategi preskripsi.

2.3.1 Tahap Pengetahuan, Penglibatan Dan Kepuasan Terhadap Program/Aktiviti Pembangunan KESEDAR

Diagnosis	⊙ Sumber dan sistem penyampaian maklumat yang kurang berkesan menjejaskan tahap pengetahuan dan penglibatan masyarakat dalam program yang dianjurkan
Prognosis	⊙ Penglibatan masyarakat dalam program kurang menyeluruh ⊙ Pembentukan semangat kolektif mengambil masa untuk direalisasikan ⊙ Keyakinan masyarakat terhadap KESEDAR memerlukan pengukuhan
Preskripsi	⊙ Mempergiatkan lagi usaha penyebaran maklumat secara strategik kepada golongan sasar dengan menggunakan mekanisme yang sesuai seperti media cetak dan elektronik, penggunaan papan-papan iklan dan sebagainya ⊙ Meningkatkan pendekatan mendekati masyarakat secara kerap dan konsisten ⊙ Merangka strategi dari segi pengisian dan lokasi program yang boleh menarik penyertaan masyarakat

2.3.2 Tahap Persetujuan Terhadap Program Pembangunan KESEDAR

i. *Pembangunan Ekonomi*

Diagnosis	⊙ KESEDAR perlu bergerak dengan lebih proaktif untuk memperkukuhkan pembangunan ekonomi di negeri Kelantan supaya selaras dan seimbang dengan matlamat kerajaan untuk mencapai pembangunan ekonomi mampan menjelang 2020 dan boleh dijadikan sebagai pusat pembangunan negeri yang dinamik
Prognosis	⊙ Mengurangkan kebergantungan masyarakat pada satu sumber pendapatan sahaja ⊙ Meningkatkan kualiti hidup warga masyarakat di kawasan seliaan KESEDAR ⊙ Mengurangkan jurang ekonomi antara penduduk bandar dan desa
Preskripsi	⊙ Mencari inisiatif yang proaktif bagi merangsang pertumbuhan ekonomi di kawasan seliaan KESEDAR seperti memberi galakan kepada penduduk menjalankan aktiviti ekonomi sampingan melalui peningkatan akses pada bantuan dan pinjaman perniagaan

ii. *Pembangunan Sosial*

Diagnosis	⊙ Masyarakat Wilayah Kelantan Selatan turut berhadapan dengan masalah sosial di kalangan generasi muda yang antara faktornya mungkin disebabkan masih kurangnya program yang memberi peluang kepada generasi baru meningkatkan penguasaan dari segi tahap rohani, ilmu, kemahiran dan peluang ekonomi
Prognosis	⊙ Menyumbang pada penularan gejala sosial sekiranya tidak ditangani secara berkesan ⊙ Mensia-siakan potensi generasi muda sebagai generasi pelapis
Preskripsi	⊙ Menggunakan pendekatan empat dimensi insan iaitu penyuburan aspek rohani, emosi, akal dan fizikal perlu dipasakkan di kalangan generasi muda. ⊙ Menganjurkan program-program pembinaan potensi insan melalui latihan kemahiran atau keusahawanan yang sesuai untuk golongan belia bagi menjamin survival generasi muda yang berkualiti

iii. *Pembangunan Infrastruktur*

Diagnosis	⊙ Tahap pembangunan infrastruktur merangkumi sistem bekalan air, bekalan elektrik, jalan raya, liputan komunikasi, sistem saliran dan perparitan serta kemudahan awam adalah memuaskan
Prognosis	⊙ Pembangunan infrastruktur dan penyelenggaraannya perlu dibangunkan secara cekap dan konsisten kerana ia sebahagian agenda penting pembangunan luar bandar ⊙ Kualiti dan kuantiti infrastruktur menjadi kayu ukur penting bagi masyarakat menilai tahap keberkesanan pengurusan sesebuah agensi
Preskripsi	⊙ Memastikan peningkatan dan penambahbaikan berterusan terhadap pembangunan infrastruktur ⊙ Mewujudkan kemudahan-kemudahan lain yang memenuhi keperluan masyarakat dari semasa ke semasa bertujuan penduduk boleh menikmati faedah kemudahan secara kolektif ⊙ Memberi perhatian khusus terhadap penjagaan kampung termasuklah dari segi kebersihan, keindahan dan keceriaan agar menjadi contoh dan ikon

2.3.3 Tahap Persetujuan Terhadap Pihak Pengurusan KESEDAR

Diagnosis	⊙ Pengurusan KESEDAR menerima penilaian yang positif daripada masyarakat Wilayah Kelantan Selatan
Prognosis	⊙ Pengurusan berefikasi dan pelaksanaan program yang menyeluruh, tepat dan sampai kepada kumpulan sasaran adalah sebahagian prasyarat untuk memelihara dan mempertingkatkan imej serta kredibiliti
Preskripsi	⊙ Mempergiatkan usaha merapatkan jurang antara KESEDAR dengan penduduk setempat secara konsisten untuk meningkatkan lagi keyakinan masyarakat tempatan terhadap kredibiliti KESEDAR ⊙ Menganjurkan program-program yang boleh menggalakkan kebersamaan dengan masyarakat yang dapat memperkukuhkan keyakinan masyarakat terhadap peranan dan keupayaan KESEDAR

2.3.4 Penilaian Terhadap Program Pembangunan Terpilih KESEDAR

i. *Program Pembangunan Usahawan*

Diagnosis	⊙ Wujud keperluan bagi KESEDAR memfokuskan pada pembangunan keusahawanan sebagai saluran untuk masyarakat meningkatkan pendapatan dan taraf hidup
Prognosis	⊙ Masyarakat Wilayah Kelantan Selatan mempunyai kekuatan dan potensi sebagai usahawan ⊙ Peluang dan sokongan yang disediakan masih kurang menyeluruh ⊙ Sokongan dan bantuan keusahawanan menyumbang pada pembentukan kumpulan usahawan yang berdaya maju dan berdaya saing
Preskripsi	⊙ Menganjurkan program latihan dan keusahawanan yang lebih intensif ⊙ Mewujudkan platform atau mekanisme yang sesuai bagi membolehkan usahawan memasarkan hasil produk perniagaan mereka di pasaran tempatan mahupun antarabangsa

	⊙ Menjalin usahasama dengan agensi pembangunan lain bagi melahirkan usahawan dalam bidang teknologi tinggi ⊙ Menyediakan khidmat nasihat perniagaan bagi mengukuh dan meningkatkan daya saing usahawan agar memenuhi keperluan pasaran global

ii. *Program Pembangunan Generasi baru*

Diagnosis	⊙ Penglibatan belia dalam program pembangunan generasi muda memerlukan pengukuhan dari segi strategi menarik penyertaan mereka ⊙ Program yang memenuhi keperluan generasi muda perlu diberi perhatian dan diperluaskan (pemantapan empat dimensi insan, kemahiran serta peluang pekerjaan dan daya berdikari)
Prognosis	⊙ Pengukuhan program generasi muda yang bernilai tambah, berinovatif dan berjaya memenuhi keperluan menjadi teras pada pembentukan generasi muda mithali dan berkualiti ⊙ Pengabaian pada kualiti program akan mensiakan-siakan potensi generasi muda ⊙ Penghijrahan generasi muda ke luar negeri Kelantan terus berlaku sekiranya tiada pelan pembangunan modal insan yang komprehensif dan tepat yang turut memfokus pada pembangunan generasi muda
Preskripsi	⊙ Memastikan maklumat program disalurkan secara berkesan dan sampai kepada kumpulan sasaran ⊙ Menggunakan formula A.I.D.A.C (*awareness, interest, desire, action, continuity*) untuk menjamin penglibatan berterusan generasi muda dalam program ⊙ Menyediakan kemudahan dan menetapkan lokasi yang mencukupi serta strategik bagi membolehkan mereka menyertai program ⊙ Menganjurkan program berimpak dan menyuntik elemen baru yang boleh menarik minat mereka untuk menyertai program ⊙ Membentuk pemimpin pelapis di kalangan generasi muda perlu dipergiatkan dari pendidikan rendah melalui jalinan kerjasama strategik dengan agensi-agensi di bawah beberapa kementerian yang berkaitan

iii. *Program Pembangunan Pertanian*

Diagnosis	⊙ Memperkukuhkan aspek pembangunan pertanian khususnya dari segi menjamin keselamatan ladang dan meningkatkan keuntungan penggunaan tanah dengan pelbagai aktiviti pertanian
Prognosis	⊙ Ancaman dan risiko ke atas ladang perlu ditangani dengan berkesan dan berterusan bagi memastikan pendapatan peneroka/pengusaha tIdak terjejas ⊙ Usaha mengoptimumkan penggunaan tanah dengan mempelbagaikan aktiviti pertanian dapat meningkatkan hasil pendapatan ladang dan menggalakkan penduduk menceburi bidang keusahawanan
Preskripsi	⊙ Mewujudkan langkah-langkah yang strategik bagi memastikan ladang peneroka terjamin daripada serangan binatang liar dan kes kecurian hasil ladang ⊙ Melantik dan menubuhkan satu jawatankuasa khas keselamatan ladang khususnya yang berperanan mengawal dan memantau setiap ladang peneroka daripada dicerobohi ⊙ Meningkatkan penggunaan tanah dengan pelbagai aktiviti pertanian secara optimum oleh penduduk seperti penanaman pokok pisang dan sebagainya bagi membantu mempertingkatkan pencarian pendapatan sampingan

2.3.5 Perspektif Umum Berkaitan Isu Dan Permasalahan Utama

Isu dan permasalahan utama yang dirumuskan adalah berdasarkan penilaian terhadap fungsi hubungan bagi hala tuju baru Wilayah Kelantan Selatan iaitu:

FUNGSI	PENGUKURAN
Kepemimpinan	Kualiti rohani, akal, jasmani, emosi
Warga Kerja	*Attitude* (sikap), *aptitude* (kemahiran), *altitude* (KPI), *amplitude* (impak)
Sistem	Perancangan, pengurusan, pemantauan, penyelidikan dan pembangunan
Iklim	Ekonomi, politik, sosial, antarabangsa
Kapasiti	Kewangan, jaringan, peluang, sumber, tahap berdikari
Imej	Imej, persepsi
Potensi	Meningkatkan daya saing dan potensi pembangunan
Faktor-X	Mengikut keunikan dan kelebihan negeri

Secara amnya, **sistem** adalah isu utama yang diutarakan oleh penduduk di bawah Wilayah KESEDAR di keseluruhan Wilayah Kelantan Selatan. Perancangan dan pengurusan adalah elemen yang perlu dititikberatkan pada pembentukan sesebuah wilayah ke arah mencapai pembangunan yang lebih maju. Kekurangan elemen tersebut boleh menyebabkan matlamat untuk mencapai pembangunan mampan khususnya di kawasan luar bandar terhalang. Rentetan dari itu, sebagai badan pelaksana pembangunan wilayah, KESEDAR hendaklah sentiasa proaktif dalam mempertingkatkan kualiti sesuatu perancangan khususnya terhadap isu infrastruktur yang sepatutnya perlu ditambah baik dari semasa ke semasa untuk keperluan penduduk. Bagi elemen pengurusan pula, KESEDAR perlu turut mempergiatkan pendekatan *bottom-up* iaitu dengan cara mengambil kira pandangan masyarakat bagi memastikan sesuatu perkara yang diutarakan akan disusuli dengan tindakan yang cepat dan berkesan. Ini bertujuan untuk memastikan bahawa pengurusan KESEDAR sentiasa bergerak lebih efektif dan efisien serta berdaya saing setaraf dengan agensi pembangunan wilayah di negeri-negeri lain. Hal sedemikian boleh membantu KESEDAR ke arah mentransformasikan pengurusan dan pembangunan KESEDAR setaraf dan seimbang dengan pembangunan agensi-agensi dalam negara mahupun pada peringkat serantau dan antarabangsa.

Laporan Akhir

BAB 3

ANALISIS SWOT



LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN (KESEDAR)

PELAN STRATEGIK KESEDAR DALAM HALA TUJU BARU WILAYAH KELANTAN SELATAN 2030

BAB 3

ANALISIS SWOT

3.0 PENGENALAN

Analisis SWOT digunakan bagi mengenal pasti kedudukan semasa dan langkah-langkah yang perlu dilaksanakan oleh KESEDAR sebagai agensi peneraju bagi pembangunan Wilayah Kelantan Selatan. Analisis SWOT yang dijalankan menilai tiga aspek utama berkaitan dengan KESEDAR iaitu organisasi, pelaksanaan pembangunan dan pencapaian status biaya diri. Dalam konteks ini, SWOT didefinisikan sepertimana huraian berikut (**Rajah 3.1**):



Rajah 3.1: Definisi SWOT KESEDAR

3.1 ANALISIS SWOT ORGANISASI

S

- Menerima sokongan Kerajaan Persekutuan dan agensinya
- Mempunyai struktur organisasi tersusun
- Memiliki warga kerja berpengetahuan, berkemahiran dan berpengalaman
- Mengamalkan semangat kerja berpasukan
- Menggariskan dasar, peraturan dan skop kerja organisasi yang jelas
- Mempunyai persekitaran budaya dan organisasi yang kondusif
- Memiliki potensi aset fizikal dan bukan fizikal yang berdaya maju

W

- Mempunyai sikap responsif dan proaktif yang rendah terhadap perubahan di peringkat nasional dan global
- Memberi kurang penekanan dari segi '*Business Process Re-engineering*'
- Menangani kompleksiti rasa rendah diri terhadap kemampuan mengurus dan membuat transformasi berimpak

O

- Mempunyai peranan dan bidang kuasa yang boleh dimanfaatkan untuk menggerakkan organisasi secara berkesan
- Mengutamakan penambahbaikan secara berterusan melalui latihan dan pembelajaran sepanjang hayat
- Mempunyai potensi membentuk modal insan berminda kelas pertama
- Menubuhkan institusi latihan untuk bidang-bidang terpilih
- Merangka transformasi organisasi sebagai persediaan kemampuan mengurus perubahan
- Meluaskan jaringan kerjasama strategik dan penglibatan masyarakat dengan perancangan, program dan aktiviti pembangunan
- Meneroka dan mengguna pakai teknologi yang terkini dan canggih
- Mengimbangi program sosial dan program komersial
- Memanfaatkan kekuatan dan keunikan masyarakat Kelantan dan masyarakat KESEDAR untuk memacu pembangunan secara sinergi dan kolektif

T

- Menghadapi dilema perubahan gaya dan pendekatan kepemimpinan kesan daripada pertukaran pemimpin secara agak kerap
- Menghadapi cabaran menyediakan barisan warga kerja berpengalaman dan berkemahiran susulan daripada jumlah kakitangan yang menghampiri umur persaraan agak tinggi
- Menjejaskan pembangunan kendiri warga kerja kerana usaha ke arah pengembangan kerjaya warga kerja agak terhad
- Menghadapi masalah atau risiko dari segi polisi kerajaan (pusat dan negeri) yang kerap berubah dan campur tangan dan tekanan daripada pihak-pihak yang berkepentingan
- Memerlukan keberanian untuk meneroka dan melaksanakan pelbagai formula pendekatan pengurusan bagi meningkatkan daya tahan dan daya saing
- Menghadapi kekangan dari segi sumber yang terhad
- Memerlukan peningkatan dari segi penguasaan kemahiran mengurus organisasi, menyelesaikan masalah, membuat keputusan dan mengurus transformasi
- Menghadapi cabaran menjana transformasi dalaman dan luar organisasi secara serentak dan seimbang
- Mengikis budaya zon selesa, karenah birokrasi, pasif, pesimis dan penolakan pada perubahan
- Menghadapi cabaran dari segi kemahiran dan kecekapan mengurus (sumber, perancangan, pelaksanaan, peluang, persaingan dan perubahan)

Rajah 3.2: SWOT Organisasi

3.2 ANALISIS SWOT PELAKSANAAN PEMBANGUNAN

S

- Memiliki warga kerja yang berpegang pada prinsip akauntabiliti dan integriti bagi membangunkan Wilayah Kelantan Selatan
- Mempunyai warga kerja teknikal dan bukan teknikal yang berkeupayaan dalam pelbagai bidang
- Mematuhi *Standard Operation Procedure* (*S.O.P*) dan sasaran kerja tahunan
- Mengamalkan pengauditan dan pendekatan '*check and balance*'
- Membuat penilaian dan penambahbaikan
- Mempunyai persekitaran sosial, politik dan ekonomi yang stabil
- Merancang dan melaksanakan program pembangunan untuk sebuah masyarakat yang majoritinya Melayu dan beragama Islam
- Menggerakkan pembangunan selari dengan dasar-dasar negara
- Memanfaatkan aset dan sumber sedia ada
- Memiliki potensi modal insan berpengetahuan, berkemahiran dan komited bagi mengisi tuntutan transformasi
- Menyediakan model pelan pembangunan wilayah secara berfasa serta bersifat holistik dan seimbang

W

- Mempergiatkan usaha menggerakkan organisasi sebagai agensi pelaksana yang proaktif, berdaya tahan dan berdaya saing
- Menuntut pada anjakan bernilai tambah dari segi sikap, pemikiran dan budaya kerja
- Memerlukan pengukuhan dari segi pengurusan kerja sistematik, proaktif, inovatif dan produktif
- Memerlukan usaha yang berganda dari segi menyediakan persekitaran sosioekonomi yang meyakinkan masyarakat, pemain industri dan pelabur
- Menghadapi cabaran berkaitan dengan mentaliti masyarakat tempatan yang kurang responsif terhadap perubahan
- Menghadapi kekangan dari segi memenuhi tuntutan dasar dan polisi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, undang-undang dan peraturan serta kolaborasi antara agensi
- Memiliki kemahiran dan pengalaman yang terhad untuk mengurus transformasi secara makro
- Mengurus sebuah masyarakat yang cenderung pada sikap pergantungan daripada sikap berdikari
- Mengurus cabaran dalaman secara cekap dan menangani cabaran luar secara objektif dan strategik

O

- Merangka agenda pembangunan dan pelan tindakan yang dapat memenuhi matlamat dasar-dasar nasional
- Memotivasikan diri untuk mencapai prestasi peribadi dan organisasi yang cemerlang
- Meningkatkan keupayaan berasaskan prinsip 4A (*Attitude* (Sikap), *Aptitude* (Kemahiran), *Altitude* (KPI) dan *Amplitude* (Impak)) dan pemikiran 3K + 1I (Kreatif, Kritikal, Konstruktif dan Inovatif)
- Mengurus organisasi yang memenuhi ISO
- Menetapkan pengukuran berasaskan *OHI* (Indeks Kesihatan Organisasi)
- Memperluaskan pemasaran produk dengan memanfaatkan teknologi dan ICT
- Menyediakan persekitaran mesra perniagaan dan mesra komuniti
- Memperlengkapkan urbanisasi dengan infrastruktur dan infostruktur yang memberi manfaat kepada kumpulan sasaran
- Mengenal pasti sumber dan peluang-peluang baharu bagi menyokong momentum pembangunan dari semasa ke semasa
- Mencorakkan pembangunan mengikut acuan tersendiri
- Membentuk komuniti partisipatif
- Menjana modal insan tempatan
- Mengoptimumkan potensi serta daya kecendekiawanan dan keusahawanan masyarakat Kelantan
- Mentransformasi landskap sosioekonomi Wilayah Kelantan Selatan

T

- Menetapkan piawaian pengurusan organisasi yang dapat dijadikan rujukan
- Memelihara konsistensi dan prestasi dalam perancangan dan pelaksanaan
- Menghadapi risiko senario perubahan landskap politik
- Menghadapi cabaran untuk meraih keyakinan dan sokongan masyarakat tempatan
- Memerlukan keberanian, kemahiran dan kecekapan untuk bersaing
- Menghadapi kekangan dari segi sumber yang terhad dan mengurusnya secara berkesan
- Menghadapi faktor-faktor penghalang di luar bidang kuasa seperti dasar, undang-undang dan peraturan serta pengaruh politik
- Menghadapi cabaran mengekalkan pembangunan wilayah mengikut acuan sendiri

Rajah 3.3: SWOT Pelaksanaan Pembangunan

3.3 ANALISIS SWOT STATUS BIAYA DIRI

S

- Mendapat sokongan daripada Kerajaan Persekutuan
- Memanfaatkan peranan dan bidang kuasa untuk menggerakkan sumber pendapatan organisasi secara berkesan
- Mempunyai warga kerja yang berpengalaman dan terdiri daripada pelbagai latar belakang akademik
- Mengutamakan pendekatan *top down* dan *decentralized* dalam mengurus kewangan dan menjana pendapatan (induk dan anak syarikat)
- Memastikan nilai integriti dalam organisasi
- Mengawal pengaruh atau elemen berkepentingan dalam organisasi
- Mengurus sebuah wilayah yang majoriti penduduknya adalah Islam dan Melayu
- Mempunyai rangkaian aset, sumber alam dan kedudukan geografi yang boleh dijana secara optimum
- Mempergiatkan penerokaan dan penggalakan bidang teknologi, kreativiti dan inovatif selaras dengan perkembangan serta tuntutan globalisasi
- Menggubal agenda pembangunan Islam dan umat Melayu sebagai peneraju transformasi
- Mempunyai nilai-nilai dan budaya positif yang dikongsi bersama sebagai asas menggerakkan masyarakat keseluruhannya

W

- Menghadapi dasar dan pendekatan yang berbeza antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri
- Membataskan peranan dan bidang kuasa yang mengekang usaha meneroka peluang penjanaan sumber ekonomi dan biaya diri
- Memerlukan usaha mengurangkan masalah zon selesa, karenah birokrasi, sikap pergantungan serta sikap reaktif dan pasif di kalangan sebahagian anak syarikat dan warga kerja
- Memerlukan pengukuhan dari segi pengurusan kewangan secara strategik dan penggiatan aktiviti ekonomi yang kompetitif

O

- Membentuk pelapis kepemimpinan yang berkemahiran dari segi pengurusan, perancangan dan pembangunan organisasi dinamik
- Menubuhkan unit khas untuk menggubal, meneliti, melaksana dan memantau pengurusan dana dan kewangan KESEDAR
- Menggubal Manual Transformasi KESEDAR bagi memperkasakan tugas dan peranan warga kerja
- Menerajui transformasi sebagai asas dan rujukan untuk masyarakat menyesuaikan diri dan menerima perubahan
- Meningkatkan jaringan kerjasama dengan agensi-agensi tempatan, serantau dan antarabangsa
- Meningkatkan usaha pemasaran dengan menggunakan pelbagai pendekatan
- Meneroka sumber dan peluang secara optimum, strategik, berobjektif dan berfasa
- Memperkasakan fungsi, peranan dan prestasi anak-anak syarikat
- Mempertimbangkan KESEDAR beroperasi sebagai sebuah perbadanan
- Memperkenalkan model pengurusan pembangunan sosioekonomi wilayah yang Islamik dan bersifat glokal

T

- Membangunkan struktur kepemimpinan yang diwakili individu-individu yang berkelayakan serta mampu memenuhi aspirasi KESEDAR dari semasa ke semasa
- Menilai serta menanda aras tahap kemahiran dan kecekapan warga kerja sebagai agen perubahan penting transformasi
- Mematuhi peraturan, prosedur dan perancangan yang dirangka
- Menjangkakan risiko dan mengenal pasti mekanisme mengurus risiko
- Mempunyai kecenderungan pada sikap reaktif berbanding proaktif
- Menghadapi persaingan daripada agensi-agensi pembangunan wilayah tempatan yang lain
- Memerlukan keberanian untuk mengikis sikap dan imej kebergantungan kepada Kerajaan Persekutuan dan sokongan daripada agensi-agensi lain
- Menghadapi cabaran dari segi sifat penolakan pada perubahan oleh sebahagian warga kerja dan masyarakat tempatan
- Menambah baik rekod prestasi yang menuntut usaha berganda untuk meyakinkan pelabur tempatan dan asing
- Mengurus cabaran dalaman secara cekap dan menangani cabaran luar secara objektif dan strategik

Rajah 3.4: SWOT Pencapaian Status Biaya Diri

3.4 RUMUSAN ANALISIS SWOT

1. Cabaran yang dihadapi oleh KESEDAR boleh diurus dengan jayanya sekiranya mengambil kira rumusan kajian penandarasan

2. Perancangan pemerkasaan modal insan yang melibatkan warga kerja KESEDAR dan warga Wilayah Kelantan Selatan perlu disegerakan dalam bentuk program pembudayaan minda dinamik, peningkatan kemahiran, hubungan masyarakat dan semangat setiakawan dalam membina masa depan yang cerah di Wilayah Kelantan Selatan

3. Dalam menjayakan pelan strategik, KESEDAR memerlukan komitmen yang segera khususnya daripada:

- Agensi persekutuan
- Kerajaan Negeri
- Agensi lain yang berkaitan
- Badan-badan berkepentingan

4. Mana-mana kekangan di mana KESEDAR memerlukan bantuan perlu diberi perhatian sebagaimana yang terkandung dalam cadangan-cadangan inisiatif

Laporan Akhir

BAB 4

PEMBIAYAAN DIRI KESEDAR: STRATEGI DAN INISIATIF



LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN (KESEDAR)

PELAN STRATEGIK KESEDAR DALAM HALA TUJU BARU WILAYAH KELANTAN SELATAN 2030

BAB 4

PEMBIAYAAN DIRI KESEDAR: STRATEGI DAN INISIATIF

4.0 PENGENALAN

Bab ini memajukan cadangan untuk memperkasakan KESEDAR sebagai sebuah organisasi yang berdaya tahan dan berdaya saing di peringkat nasional, serantau mahupun di peringkat antarabangsa. Fokus pengukuhan menjurus pada pemerkasaan pengurusan yang profesional dan pemerkasaan pendapatan yang menjadi teras utama pemerkasaan untuk KESEDAR mengoptimumkan segala sumber, peluang dan potensi sehingga menjadi sebuah organisasi yang dinamik.

4.1 STRATEGI & INISIATIF



Rajah 4.1: Strategi Dan Inisiatif Pemerkasaan

4.1.1 Strategi dan Inisiatif Pemerkasaan Pengurusan Yang Profesional

INISIATIF	KAEDAH PELAKSANAAN
Objektif: Pemerkasaan Organisasi	
Memperkukuhkan struktur pelaporan yang jelas	a. Mengkaji pelaksanaan semasa dengan undang-undang untuk penambahbaikan b. Memperkasakan Peranan Ahli Lembaga Pengarah dengan menguatkuasakan Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998, Peranan Ahli Lembaga Pengarah c. Menetapkan fungsi yang jelas serta menyatukan unit-unit yang sama fungsi, sebagai contoh: ⊙ Pejabat Pengurus Besar: menyediakan strategi dan kunci kepada kejayaan transformasi KESEDAR ⊙ Timbalan Pengurus Operasi Wilayah diwujudkan
Memperkasakan pengurusan pelan korporat	a. Memasukkan strategi biaya diri dalam pelan korporat b. Mewujudkan Bahagian Pengurusan Projek Transformasi di bawah Pejabat Pengurus Besar yang menggalakkan aktiviti perniagaan yang menjana pendapatan dan impak tinggi sebagai platform mempelbagaikan pendapatan
Memperkasakan audit dalam	a. Mewujudkan dua seksyen baharu di bawah Unit Audit Dalam iaitu; (i) operasi & kewangan dan; (ii) wilayah & anak syarikat b. Memperluaskan fungsi audit dalaman bukan sahaja sebagai penyemak laporan kewangan, kawalan dalaman, ketelusan dan ketepatan laporan malah sebagai konsultan kepada organisasi
Memantapkan pengurusan sumber	a. Menyemak fungsi kewangan dan pentadbiran di setiap bahagian b. Memperkasakan pejabat wilayah c. Menyediakan latihan secara intensif kepada pegawai yang akan bertukar ke bahagian/unit yang lain dan latihan diberikan secara berterusan
Objektif: Pengurusan Yang Berefikasi	
Memantau prestasi anak syarikat	a. Membentang laporan prestasi anak syarikat di dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah b. Memantau pelan perniagaan anak syarikat
Menyediakan bajet yang menyeluruh dan lengkap	a. Memasukkan strategi biaya diri dalam bajet kewangan b. Menyasarkan pendapatan yang lebih tepat
Memperkasakan kawalan dalaman	a. Menyemak semula proses dan prosedur terutamanya berkaitan pendapatan seperti kawalan hutang/kutipan hasil b. Mewujudkan Manual Kuasa

INISIATIF	KAEDAH PELAKSANAAN
Mempertingkatkan mutu kerja secara efikasi	a. Menggunakan teknologi/sistem dalam penyimpanan data tanah b. Merekod kewangan yang lengkap c. Merekod hartanah yang jelas bagi mengetahui milikan sebenar KESEDAR d. Mendapat kelulusan Lembaga untuk hutang-hutang anak syarikat termasuk kaedah penyelesaian dan implikasi kepada KESEDAR e. Memperoleh pengesahan perbelanjaan operasi di ladang secara tepat dan berkesan
Objektif: Pemerkasaan Tadbir Urus	
Menubuhkan KESEDAR Holdings	a. Mengguna pakai Pekeliling Perbendaharaan Bil 12/1993 b. Memantau serta melaksanakan kawalan yang berkesan ke atas anak syarikat
Mempergiatkan usaha penyelidikan dan pembangunan	a. Melaksanakan penyelidikan ke atas organisasi b. Membuat penyelidikan ke atas produk KESEDAR
Menilai dan memantau agen pengurusan	a. Memastikan jawatankuasa bersama yang diwujudkan mengikut perjanjian berfungsi dengan baik dan berkesan b. Membentang laporan pemantauan agen pengurusan di dalam Jawatankuasa Kewangan dan Akaun (JKPA)

4.1.2 Strategi dan Inisiatif Pemerkasaan Pendapatan

INISIATIF	KAEDAH PELAKSANAAN
Objektif: Pewujudan Kebolehan	
Mendapatkan Kebenaran Am di bawah Bab 13(a) Enakmen Rizab Melayu tahun 1930 dan Bab 104 Enakmen Tanah Kelantan 1983	a. Menyediakan kertas permohonan beri milikan tanah b. Memohon pajakan
Mewujudkan Dasar Pembangunan Tanah KESEDAR	a. Mewujudkan dasar di antaranya adalah: ⊙ Nilai pulangan dari *Gross Development Value* projek hartanah ⊙ Bentuk pulangan kepada KESEDAR ⊙ Kaedah tender atau *request for proposal* ⊙ Pelantikan *Project Management Consultant (PMC)* ⊙ Polisi dan dasar lain yang difikir suai manfaat
Menyediakan Pelan Pembangunan Hartanah KESEDAR	a. Menggariskan sasaran pelan pembangunan di setiap jajahan dan tahun pembinaan b. Menyediakan hala tuju pembangunan hartanah KESEDAR seperti: ⊙ Pelan Pembangunan Bandar Teknologi Hijau ⊙ Bandar Tema Air dan Rekreasi yang berkonsepkan Islam

INISIATIF	KAEDAH PELAKSANAAN
Menyediakan Pelan Pelaburan KESEDAR	a. Menggariskan aspek-aspek yang terkandung di dalam pembentukan pelan: ⊙ Pengurusan risiko ⊙ Sasaran pelaburan tahunan ⊙ Bentuk-bentuk pelaburan ⊙ Bentuk pemantauan
Objektif: Peningkatan Pendapatan	
Memajukan tanah-tanah di negeri Kelantan	a. Meneruskan usaha-usaha mendapatkan tanah-tanah di negeri Kelantan untuk dibangunkan oleh anak syarikat KESEDAR b. Mempelbagaikan usaha memajukan tanah seperti menceburi sektor penternakan atau pelancongan
Memfokus pada pembangunan hartanah	a. Melaksanakan pembangunan hartanah KESEDAR secara berperingkat b. Memantau projek yang dilaksanakan oleh anak syarikat dengan memastikan tempoh sasaran diikuti c. Menubuhkan Jawatankuasa Teknikal KESEDAR
Mengoptimumkan penggunaan tanah	a. Melaksanakan kajian kesesuaian tanah b. Mewujudkan jaringan kerjasama dengan agensi lain seperti RISDA dan FELCRA c. Meluaskan bidang pertanian selain perladangan seperti penternakan dan pelancongan d. Merangka Rancangan Tanaman Semula (milik KESEDAR) menggunakan dana sedia ada
Memastikan pelaburan memberikan pulangan tinggi	a. Menyediakan kajian-kajian sebagai penandarasan kepada peningkatan pelaburan: ⊙ Kajian Pelaburan Kewangan ⊙ Kajian Pelaburan Hartanah b. Menyemak semula pelaburan ke atas anak syarikat dengan meletakkan sasaran pulangan setiap tahun c. Menyediakan pelan perniagaan untuk anak syarikat
Objektif: Pengurusan Kewangan & Penjanaan Pendapatan Secara Berterusan	
Menambah pemilikan aset di luar negeri Kelantan	a. Menawarkan jaringan kerjasama dengan agensi lain dalam perladangan atau ekonomi oleh KESEDAR ataupun anak syarikat b. Membeli hartanah luar dari negeri Kelantan
Memaksimumkan ekonomi melalui KESEDAR Holdings	a. Menyelaraskan dan mengkaji semula peranan anak syarikat KESEDAR b. Memantau prestasi anak syarikat dengan lebih efisien dan efektif
Mengawal pendapatan	a. Memantau kutipan ladang dengan lebih berkesan b. Menambah baik sistem pengurusan hutang c. Menyediakan Laporan Kewangan KESEDAR yang tepat d. Menyediakan kaedah kawalan yang lebih berkesan

INISIATIF	KAEDAH PELAKSANAAN
Mengawal perbelanjaan	a. Melaksanakan pelan pengurangan perbelanjaan ⊙ Meningkatkan kawalan pengurusan stok, bekalan pejabat, dan perbelanjaan sumber-sumber lain dengan memastikan sumber-sumber digunakan secara berhemat, cekap dan berkesan ⊙ Menetapkan dan menyusun semula perbelanjaan mengikut keutamaan dengan memberi tumpuan terhadap program dan aktiviti yang dapat menyumbang kepada hasil ⊙ Mengadakan penyelenggaraan secara berjadual ⊙ Mengurangkan penyediaan makanan semasa seminar, kursus, mesyuarat dan lain-lain ⊙ Membekukan pengubahsuaian ruang pejabat sehingga tahun 2018 melainkan keperluan terdesak ⊙ Mempertimbangkan pendahuluan kepada anak syarikat dikaji dan dibekukan sehingga tahun 2018 ⊙ Mengurangkan pemberian saguhati dan cenderahati untuk penganjuran majlis-majlis yang membabitkan warga kerja KESEDAR ⊙ Mengawal rapi elaun lebih masa b. Merasionalkan kos dengan bertunjangkan tahap kecekapan
Memantau pelaburan di dalam anak syarikat dan kewangan	a. Memperkasa peranan Jawatankuasa Tetap Kewangan di bawah KESEDAR b. Memperkasa fungsi anak-anak syarikat melalui pemantauan oleh bahagian/unit di KESEDAR

4.2 PERSEMPADANAN FOKUS

PELABURAN	BIAYA DIRI	JARINGAN PERNIAGAAN
⊙ Menggariskan aspek-aspek yang terkandung di dalam pembentukan pelan: ▪ Pengurusan risiko ▪ Sasaran pelaburan tahunan ▪ Jenis pelaburan kewangan ▪ Pegawai Pemantau ⊙ Memantau projek pembangunan kedai dan perumahan dengan memastikan tempoh dan sasaran pulangan dipatuhi. ⊙ Menyemak dan memantau pelan perniagaan untuk anak syarikat bagi memastikan syarikat	⊙ Menguruskan sewaan bangunan sendiri dengan memastikan kenaikan 10% setiap dua tahun. ⊙ Mewujudkan dasar di antaranya ialah: ▪ Nilai pulangan dari *Gross Development Value* projek hartanah ▪ Bentuk pulangan kepada KESEDAR ▪ Kaedah tender atau *request for proposal* ▪ Pelantikan *Project Management Consultant* ⊙ Menggubal pelan pembangunan di setiap wilayah dan tahun pembinaan merangkumi: ▪ Jajahan Gua Musang: Bandar Rekreasi 2015 ▪ Jajahan Kuala Krai: Pusat Peniaga	⊙ Menceburi sektor penternakan ayam, lembu dan kambing. ⊙ Memperluaskan sektor pelancongan dengan mewujudkan Bandar Warisan dan Bandar Rekreasi. KESEDAR membina unit-unit perniagaan untuk sewaan dan perniagaan. ⊙ Menawarkan jaringan kerjasama dengan agensi lain dalam perladangan seperti RISDA dan FELDA atau ekonomi

PELABURAN	BIAYA DIRI	JARINGAN PERNIAGAAN
mampu memberikan dividen kepada KESEDAR bermula 2015 dengan kenaikan sekurang-kurangnya 5%. ⊙ Membuat pinjaman RM60 juta daripada Kerajaan Persekutuan dalam bentuk tunai untuk penanaman semula dengan tempoh pinjaman 15 tahun. Penanaman semula secara berperingkat. ⊙ Membuat pelaburan di saham dan unit amanah dengan memperoleh pulangan minimum.	dan Bandar Warisan ▪ Jajahan Jeli/Tanah Merah: Bandar Bebas Cukai dan Ekopelancongan ▪ Menyediakan hala tuju pembangunan hartanah KESEDAR Bandar Teknologi Hijau ⊙ Meneruskan usaha-usaha mendapatkan tanah-tanah di negeri Kelantan dengan membuat permohonan pajakan dan usahasama dengan Kerajaan Negeri. ⊙ Memastikan hasil kelapa sawit mencapai sekurang-kurangnya 60% daripada jumlah hasil sebenar. ⊙ Menubuhkan KESEDAR Holdings: ▪ Modal berbayar RM20 juta ▪ Pemindahan saham-saham KESEDAR di dalam syarikat berkaitan kepada KHSB ▪ Pemindahan kakitangan secara berperingkat ▪ Surat kuasa daripada KESEDAR ▪ Membeli hartanah luar dari negeri Kelantan iaitu Perak dan Terengganu ⊙ Membangunkan tanah-tanah KESEDAR dengan membuat projek perumahan dan kedai dengan kadar pulangan minimum RM2,000,000 pulangan. ⊙ Membina minimum 20 unit rumah atau kedai untuk disewa dalam tempoh lima tahun.	seperti TEKUN. ⊙ Menjalankan kajian kesesuaian tanah di tanah-tanah untuk mengenal pasti mineral iaitu bijih besi dan kapur untuk dijual. ⊙ Mewujudkan jalinan kerjasama di antara KESEDAR INN dengan hotel-hotel kecil di negeri Perak dan Terengganu sebagai cawangan KESEDAR. Keuntungan diambil dalam bentuk royalti. ⊙ Memohon kuota pelajar seluruh Malaysia sebanyak sekurang-kurangnya 10% daripada jumlah pemohon ke Kolej Poly-Tech Mara dari pantai timur ke KESEDAR.

4.3 PENUTUP

Strategi dan inisiatif yang dimajukan adalah berdasarkan status semasa serta sumber dan potensi yang mampu dijana untuk memantapkan keupayaan KESEDAR khususnya dari segi kemampuan biaya diri dan lebih berdaya saing. Namun begitu, ia perlu digemblengkan dengan pengukuhan pengurusan yang profesional. Penggemblengan dua teras utama pemerkasaan tersebut adalah kritikal dan wajar diberi fokus secara tuntas bagi menterjemahkan visi dan misi KESEDAR menjelang 2030 dan mampu memainkan peranan sebagai penyumbang transformasi secara holistik pasca 2030.

Laporan Akhir

BAB 5

INISIATIF STRATEGIK



LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN (KESEDAR)

PELAN STRATEGIK KESEDAR DALAM HALA TUJU BARU WILAYAH KELANTAN SELATAN 2030

BAB 5

INISIATIF STRATEGIK

5.0 PENGENALAN

Bab ini mengemukakan inisiatif-inisiatif strategik untuk memacu hala tuju baru KESEDAR menjelang 2030. Inisiatif-inisiatif strategik yang dimajukan adalah hasil analisis daripada dapatan yang diperoleh daripada penilaian dokumen-dokumen rasmi, lawatan penandarasan, perbincangan kumpulan fokus bersiri, kerja lapangan, temu bual langsung dan seminar. Inisiatif-inisiatif strategik tersebut juga diusulkan berasaskan kerangka dasar-dasar utama nasional supaya menepati perancangan dan matlamat yang digariskan (**Rajah 5.1** dan **Jadual 5.1**).

Pelaksanaan inisiatif strategik berkenaan dicadangkan secara berfasa dan dibahagikan pada tujuh aspek iaitu:

a. Pembangunan organisasi
b. Pembangunan ekonomi
c. Pembangunan modal insan
d. Pembangunan sosial
e. Pembangunan infrastruktur
f. Pemantapan undang-undang
g. Pembinaan imej dan kredibilti

5.1 PEMADANAN DASAR-DASAR UTAMA NASIONAL DENGAN HALA TUJU KESEDAR

Jadual 5.1 adalah intipati dasar-dasar utama di peringkat nasional yang mempunyai kaitan dengan hala tuju baru KESEDAR.



Rajah 5.1: Kerangka Rujukan Hala Tuju Baru Wilayah Kelantan Selatan 2030

Jadual 5.1: Dasar-Dasar Utama Nasional

DASAR	PERINCIAN
Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK 10)	Menuju ke arah pembangunan sosioekonomi secara inklusif dan meningkatkan kualiti hidup isi rumah luar bandar: a. Menyediakan pembiayaan dan program sokongan secara menyeluruh untuk perniagaan mikro b. Menghubungkan tenaga kerja berkemahiran dari luar bandar dengan majikan dalam kluster berkaitan dan bandar berhampiran c. Meningkatkan pendapatan secara berterusan bagi sektor pertanian melalui konsep perladangan kontrak d. Menyediakan peluang untuk memiliki perniagaan kepada usahawan luar bandar yang berkeupayaan e. Meningkatkan produktiviti dan hasil melalui penyatuan tanah f. Meningkatkan produktiviti modal insan dalam pertanian luar bandar dan industri asas tani g. Mengembangkan aplikasi konsep agropolitan kepada pertanian dan industri asas tani yang lebih luas
Program Transformasi Kerajaan (PTK)	Mempertingkatkan infrastruktur asas luar bandar: a. Jalan raya b. Air c. Elektrik d. Penyelenggaraan Membangunkan Kampung Abad Ke 21: a. Pertanian: membangunkan ladang berskala besar dan moden b. Pelancongan: meningkatkan kampung pelancongan eko atau agro c. Perladangan: meningkatkan pengeluaran perladangan kelapa sawit, getah atau sago d. Industri desa: meningkatkan pengeluaran makanan tradisional dan kraf tangan di kampung
Program Transformasi Ekonomi (PTE)	NKEA Pertanian: ⊙ Memberi tumpuan kepada subsektor yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi iaitu akuakultur, pertanian rumpai laut, sarang burung walit, produk herba, buah-buahan dan sayur-sayuran serta makanan diproses premium. Sub sektor padi dan ternakan haiwan turut dipilih kerana kepentingannya sebagai sumber utama keterjaminan makanan negara b. Sebanyak 16 Projek Permulaan (EPP) telah dikenal pasti:

DASAR	PERINCIAN
	⊙ EPP 1 : Produk herba bernilai tinggi ⊙ EPP 2 : Pengeluaran sarang burung walit ⊙ EPP 3 : Mini estet untuk rumpai laut ⊙ EPP 4 : Penternakan ikan dalam sangkar ⊙ EPP 5 : Integrasi lembu di ladang kelapa sawit ⊙ EPP 6 : Replikasi i-ZAQ ⊙ EPP 7 : Pasaran premium buah dan sayur segar ⊙ EPP 8 : Taman pengeluaran makanan ⊙ EPP 9 : Pengeluaran beras wangi di luar kawasan saliran ⊙ EPP 10 : Penanaman padi di MADA ⊙ EPP 11 : Penanaman padi di kawasan jelapang ⊙ EPP 12 : Penambahan ladang fidlot ⊙ EPP 13 : Kluster tenusu ⊙ EPP 14 : Pembangunan industri benih ⊙ EPP 15 : Penyertaan syarikat multinasional ⊙ EPP 16 : Pengambilalihan syarikat luar negara/usahasama (*joint venture*)
Rancangan Fizikal Negara 2 (RFN2)	Strategi pembentukan masyarakat luar bandar: a. Menambah baik produktiviti pertanian dan nilai tambah dalam rangkaian penawaran dan pemasaran melalui penggabungan ladang, koperasi perladangan dan pengurusan profesional b. Membangunkan tenaga sumber manusia sebagai penggerak produktiviti dan inovasi c. Menggalakkan dan memudahcara penggunaan teknologi termasuk akses internet jalur lebar dan Pusat ICT Desa d. Menyediakan aksesibiliti yang baik terutamanya pengangkutan awam e. Mewujudkan peluang bagi pelbagai sumber bukan pertanian f. Merangkumkan petempatan luar bandar dan perkampungan ke dalam kawasan pentadbiran PBT g. Menaik taraf petempatan-petempatan kecil dan pusat pertumbuhan desa dari segi sosial, perniagaan dan peluang kerja
Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PILB)	Tujuh tunggak utama: a. Pembangunan modal insan dan pengupayaan masyarakat b. Pembangunan ekonomi yang berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan c. Pengintegrasian perancangan fizikal dengan program pembangunan luar bandar d. Pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam yang menyeluruh e. Peningkatan kualiti hidup dan pendapatan golongan isi rumah kumpulan 40% terendah f. Pengurusan pembangunan secara bersepadu g. Pengurusan sumber alam secara mampan
Model Baru Ekonomi Luar Bandar (MBELB)	10 pendekatan strategik: a. Meneroka aktiviti ekonomi bernilai tinggi b. Memperkukuhkan kekuatan sedia ada dan peluang potensi baharu c. Memantapkan sistem rantaian nilai secara menyeluruh d. Mewujudkan aktiviti ekonomi nilai tambah e. Memperluaskan penglibatan sektor swasta dalam aktiviti ekonomi luar bandar f. Mengoptimumkan penggunaan tanah g. Membudayakan aplikasi teknologi terkini bagi meningkatkan produktiviti i. Memperkasakan ekonomi melalui pembentukan modal dan dana kewangan daripada kerajaan dan swasta

DASAR	PERINCIAN
	j. Membangunkan modal insan luar bandar h. Memperkukuhkan koordinasi antara agensi
Pelan Induk Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)	a. Koridor Pantai Timur ⊙ Sub Koridor Lumut - Gua Musang - Kuala Terengganu ▪ Koridor Tempatan • Bukit Bunga - Jeli - Machang • Cameron Highlands - Lojing - Gua Musang - Kuala Krai b. Posisi negeri Kelantan ⊙ Perdagangan dan pembangunan modal insan ▪ Pendidikan ▪ Pelancongan ▪ Pertanian ▪ Perkilangan ▪ Infrastruktur & pengangkutan ▪ Persekitaran

5.2 INISIATIF STRATEGIK

5.2.1 Pembangunan Organisasi: Memperkasakan Organisasi Dan Memperkukuhkan Sistem Penyampaian

i. *Kepemimpinan Dinamik*

Objektif:

a. Menerapkan daya kepemimpinan diri bersifat dinamik di kalangan warga kerja

b. Memantapkan kemahiran kepemimpinan organisasi

c. Membentuk kepemimpinan yang berintegriti, berefikasi dan berinovasi

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
Segera (2014)	a. Memantapkan struktur organisasi KESEDAR: ⊙ Pengukuhan struktur organisasi ⊙ Pemadanan potensi warga kerja dengan bidang tugas melalui mekanisme pemprofilan b. Menghayati visi, misi dan etika organisasi: ⊙ Penerangan secara intensif kepada seluruh warga kerja ⊙ Penggubalan program penghayatan visi, misi dan etika organisasi
Jangka Masa Pendek (Sehingga Disember 2015)	a. Melaksanakan siri program latihan pembangunan kepemimpinan (kepemimpinan peringkat pengurusan dan eksekutif): ⊙ Pengurusan vs Kepemimpinan ⊙ Kepemimpinan Efektif ⊙ Ciri-ciri Kepemimpinan Mithali

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
	⊙ Pemikiran Baharu Dalam Kepemimpinan ⊙ Kepemimpinan Masa Hadapan ⊙ Kemahiran Memahami Karakter Insani ⊙ Seni Mengurus dan Mempengaruhi Insan ⊙ Kemahiran Pembuatan Keputusan ⊙ Pengurusan stres/risiko/krisis/strategik ⊙ Pemerkasaan Pemikiran 3K (Kreatif, Kritikal dan Konstruktif), Analitikal dan Inovatif b. Menyuburkan daya kepemimpinan berteraskan Prinsip 4E: ⊙ *Envision* (Merangka visi dan strategi) ⊙ *Enable* (Membugar operasi) ⊙ *Empower* (Memperteguh kemahiran dan taktikal) ⊙ *Energize* (Memperkasa modal insan) c. Menerbitkan Manual Kepemimpinan KESEDAR sebagai rujukan bagi menetapkan imej, sistem dan fikrah yang seragam ke arah mencapai piawaian kepemimpinan berintegriti merangkumi: ⊙ Asas dan prinsip utama kepemimpinan ⊙ Proses dan kaedah pelaksanaan tugasan ⊙ Alat bantu kerja (langkah-langkah praktikal dan rujukan kendiri)
Jangka Masa Sederhana (2016 - 2020)	a. Melaksanakan siri program latihan pembangunan kepemimpinan: ⊙ Program pembangunan kepemimpinan peringkat pengurusan ⊙ Program pembangunan kepemimpinan peringkat eksekutif b. Merangka program pementoran bagi menyediakan barisan pelapis kepemimpinan secara sistematik menerusi beberapa pendekatan antaranya: ⊙ Penerangan (media dalaman, perjumpaan umum, diskusi dan arahan pentadbiran) ⊙ Program dan aktiviti (mempergiatkan kempen kesedaran dan penerapan kemahiran) ⊙ Ganjaran (menyedia anugerah untuk mentor dan mentee yang mencapai piawaian kepemimpinan KESEDAR) c. Membentuk kepemimpinan dinamik iaitu barisan pemimpin yang mempunyai sahsiah Qur'anik, pemikiran global, berkeyakinan, berkemahiran dan berinovasi bagi memperkasakan lagi kredibiliti KESEDAR
Jangka Masa Panjang (2021 - 2025)	Menterjemahkan kepemimpinan dinamik secara konsisten dan bernilai tambah dengan sentiasa mengutamakan agenda pembangunan yang dirangka dan dimatlamatkan agar berjaya direalisasikan
Pasca Jangka Masa Panjang (2026 - 2030)	Meletakkan status KESEDAR sebagai model kepemimpinan holistik untuk pembangunan organisasi, komuniti luar bandar dan wilayah

ii. *Warga Kerja*

Objektif

a. Mempasakkan nilai-nilai murni di kalangan warga kerja

b. Memantapkan kemahiran empat dimensi insan di kalangan warga kerja

c. Memastikan peningkatan penguasaan pengurusan yang berterusan di kalangan warga kerja

d. Membentuk warga kerja yang berkualiti dan berprestasi tinggi

e. Melahirkan warga kerja yang kompeten, berdaya saing dan berintegriti

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
Segera (2014)	a. Menerapkan pemahaman visi dan misi organisasi secara kolektif sebagai pemangkin untuk warga kerja melaksanakan peranan dan tanggungjawab berasaskan hala tuju, komitmen dan minat, penglibatan berpasukan, piawaian tinggi serta prestasi cemerlang b. Mempasakkan budaya dan nilai murni serta etika kerja secara kolektif melalui: ⦿ Pembudayaan ilmu (duniawi dan ukhrawi) ⦿ Percambahan minda (usrah, pengucapan awam dan penulisan) ⦿ Pendekatan berkala (kempen, ceramah dan aktiviti) c. Menjalankan program pemprofilan warga kerja secara komprehensif d. Menetapkan KPI bagi setiap warga kerja. e. Merangka program pembangunan warga kerja secara holistik yang menjurus pada: ⦿ Membentuk akhlak mithali ⦿ Menjana minda kelas pertama ⦿ Memantapkan budaya dan standard kerja berefikasi f. Mempertingkat penguasaan dan penjiwaan ilmu sebagai asas pembentukan modal insan yang cemerlang melalui beberapa siri kursus dan latihan: ⦿ Pengukuhan kemahiran teras ▪ Pemantapan akidah/syari'at/akhlak Islam ▪ Amalan *hablun-minallah* (hubungan dengan Allah) dan *hablun-minannas* (hubungan dengan manusia) ▪ Sifat-sifat terpuji seorang pekerja dan pengurus Muslim ▪ Kerja sebagai ibadat dan jihad ▪ Pemantapan daya tahan rohani, jasmani, akli dan emosi ⦿ Pengukuhan kemahiran penguasaan ilmu dan kaedah-kaedah asas Islam yang utama ▪ Penguasaan sirah Rasulullah dan penguasaan dalil-dalil dan kaedah-kaedah fikah Islam yang terpenting ▪ Kaedah penjagaan tahap *haibah* dan *thiqoh* dalam diri ▪ Pemahaman undang-undang dan peraturan

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
Jangka Masa Pendek (Sehingga Disember 2015)	a. Merangka dan melaksanakan program penempatan dan pertukaran bagi mempertingkatkan ilmu, kemahiran, pemikiran dan pengalaman warga kerja dengan mengambil kira: ⊙ Kesesuaian masa dan penetapan tempoh ⊙ Pemilihan warga kerja ⊙ Tuntutan ilmu, kemahiran, pemikiran dan pengalaman yang perlu difokuskan b. Menyediakan warga kerja dengan kemahiran-kemahiran berimpak bagi membolehkan usaha transformasi dilakukan dengan berkesan: ⊙ Kemahiran pembinaan dan pemantapan kendiri ▪ Kaedah berkomunikasi secara berimpak ▪ Membina minda kreatif ▪ Kemahiran mengarang secara padat, mantap dan jitu ▪ Kemahiran mengurus stres ▪ Kemahiran mengurus hubungan insaniah ▪ Kemahiran mengurus amanah ▪ Kemahiran mengurus kuasa ▪ Kemahiran mengurus masa ▪ Kemahiran mengurus kerja ▪ Kemahiran mengurus desakan ▪ Kemahiran mengurus masalah ▪ Kemahiran mengurus kaunseling ⊙ Kemahiran mengurus insan dan organisasi secara holistik ▪ Kemahiran diplomasi dalam Islam ▪ Pembawaan diri sebagai ikon umat ▪ Penguasaan aplikasi seni peperangan Rasulullah dalam pengurusan organisasi ▪ Kaedah mentafsir karaktor insan ▪ Kemahiran mengurus individu sukar ▪ Pemantapan sikap, piawaian kerja, impak prestasi dan pengajaran ▪ Pemahaman budaya kerja kesilapan sifar ▪ Pemahaman budaya kerja efektif-masa ▪ Kemahiran menghakis sifat-sifat dayus pemikiran dan jiwa ▪ Penanaman sifat-sifat terpilih dalam jiwa warga KESEDAR: Kesegeraan (*urgency*), penjiwaan (*passion*), profesional, kerja pintar ⊙ Kemahiran penyelidikan, pemikiran analitikal dan pengucapan awam yang berkesan ▪ Kaedah kajian diagnostik ▪ Kaedah kajian prognostik ▪ Kaedah analisis pelbagai sudut ▪ Kaedah menjadi pengkritik yang membina ▪ Kaedah berhujah dari isi hati ▪ Kaedah menangkis secara berhemah

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
	▪ Kaedah menangani hujah luar jangkaan ▪ Kaedah membaca harapan insan ▪ Kaedah pemikiran pelbagai sudut
Jangka Masa Sederhana (2016 - 2020)	Menyediakan pangkalan maklumat yang tepat, luas dan terperinci bagi memahami keupayaan dan keperluan bagi setiap kumpulan sasar melalui modul latihan kemahiran pemprofilan forensik golongan belia, ikhtisas, wanita, akademia, ulama, NGO-NGO, bandar, luar bandar, politik, pentadbir awam, veteran, korporat Melayu, pelabur, validator, bukan Muslim, golongan berpendapatan rendah dan minda politik pembangkang
Jangka Masa Panjang (2021 - 2025)	Mencari ruang penambahbaikan melalui kupasan perbandingan, pengauditan, semakan realiti dan kaedah pemprofilan bagi merangka pelan transformasi dan hala tuju KESEDAR serta menilai kebolehlaksanaan melalui: a. Pengauditan forensik tentang kapasiti dan potensi KESEDAR, baik dari segi kualiti mahupun segi kuantiti b. Kemahiran menggubal *blueprint* dinamik c. Ruang-ruang penambah sebatian utama antara Piagam KESEDAR dengan asas-asas Al-Qur'an, As-Sunnah dan Perlembagaan Persekutuan d. Perbandingan konstruktif dan kritis antara KESEDAR dengan organisasi dalam dan luar negara e. Pelan transformasi imej KESEDAR segi strategi, taktik dan operasi f. Realiti dan analisis bahaya ancaman budaya lesu, zon selesa dan hedonis terhadap kemajuan KESEDAR g. Perbandingan konstruktif dan kritis antara KESEDAR dan organisasi luar h. Kemahiran pemprofilan persepsi negatif terhadap KESEDAR: faktor-faktor penentu, tahap impak, opsyen preskripsi dan pengajaran
Pasca Jangka Masa Panjang (2026 - 2030)	Mengupas pelbagai pemikiran serta penilaian relevansi dan impak bagi menggubal tindakan susulan yang jitu melalui: a. Pemahaman bacaan trend sosioekonomi dan politik b. Penguasaan isu-isu semasa secara kontekstualisasi c. Kemahiran membaca landskap politik : Nyata dan Tersirat d. Konsep pelaksanaan meritokrasi di kalangan umat Melayu e. Realiti dan analisis bahaya ancaman aliran-aliran kepercayaan dan pemikiran songsang terhadap akidah, syari'at dan akhlak umat Islam di Malaysia f. Kemahiran mengenal pasti isu-isu tersirat di kalangan pelbagai kelompok masyarakat g. Kemahiran menguasai strategi kejayaan kerja bangsa Cina h. Kemahiran menguasai strategi kejayaan kerja bangsa Yahudi i. Kemahiran menguasai strategi kejayaan budaya survivalis

iii. *Kewangan*

Objektif:

a. Membentuk dan mengukuhkan peranan jawatankuasa kewangan KESEDAR

b. Mempertingkatkan tahap efikasi dalam pentadbiran dan pengurusan kewangan

c. Mengenal pasti sumber berpotensi bagi menyokong pertumbuhan kewangan KESEDAR

d. Mempersiapkan KESEDAR ke arah organisasi yang berdikari

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
Segera (2014)	a. Membentuk jawatankuasa khas bagi menilai prestasi tahunan dan potensi kewangan KESEDAR sebagai asas untuk merangka dasar, strategi dan rangka kerja bagi setiap inisiatif pengukuhan kewangan KESEDAR b. Menetapkan strategi dan matlamat pengurusan pencapaian berasaskan ISO
Jangka Masa Pendek (Sehingga Disember 2015)	a. Merangka strategi bagi mempertingkatkan tahap efikasi pengurusan kewangan: ⊙ Menguruskan kewangan berdasarkan matlamat strategik organisasi ▪ Menepati visi, misi, dasar dan strategi organisasi ▪ Mengamalkan perbelanjaan berhemat dan menghindari pembaziran ⊙ Membangunkan piawaian, prosedur dan garis panduan ▪ Merangka garis panduan dan piawaian umum ▪ Mendokumentasi, menyemak dan mengemas kini polisi, proses dan prosedur kerja ▪ Mengawasi, memantau dan menyelia undang-undang dan peraturan kewangan melalui Jawatankuasa Keutuhan Akaun (JKPA) dan Unit Audit Dalaman (UAD) ⊙ Melaksanakan piawaian dan penandarasan ▪ Menetapkan strategi dan matlamat pencapaian ISO dan Anugerah Kualiti Pengurusan Kewangan (AKPK) sebagai asas menterjemahkan amalan terbaik dan kecemerlangan pengurusan kewangan ⊙ Mempertingkatkan latihan pengurusan kewangan ▪ Mempertingkatkan akauntabiliti pengurusan kewangan ▪ Memperkukuhkan pengetahuan dan kemahiran mengenai sistem pengurusan kewangan ▪ Mematuhi segala peraturan dan prosedur kewangan, ikrar piagam pelanggan serta Pelan Integriti Nasional ⊙ Memanfaatkan keupayaan teknologi Mengguna pakai sistem yang berkesan seperti e-Perolehan, *Government Financial and Management Accounting System*

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
	(GFMAS) dan *Accountability Index Monitoring System* (AIMS) ⊙ Menetapkan Petunjuk Utama Prestasi • Menentukan bidang pencapaian prestasi utama (BPPU) yang berkaitan dengan visi, misi dan objektif organisasi • Menyediakan mekanisme bagi mengukur pencapaian KPI secara berterusan • Mengumumkan pencapaian KPI secara berkala ⊙ Melaksanakan pengurusan risiko ▪ Melaksanakan penilaian risiko dalam pelaksanaan program ▪ Mengenal pasti jenis dan tahap risiko ▪ Mengambil tindakan mengurang atau mengelak risiko ▪ Menilai status risiko dari semasa ke semasa ⊙ Menerapkan nilai-nilai efikasi, etika dan integriti ▪ Mempergiatkan pemantauan terhadap program melalui laporan berkala dan berterusan ▪ Mengenal pasti kelemahan dan mengambil tindakan tegas terhadap amalan salah laku pengurusan seperti penipuan dan rasuah ▪ Menubuhkan Jawatankuasa Keutuhan Pengurusan selaras dengan arahan Perdana Menteri Bil. 1 Tahun 1998 bagi mencegah rasuah dan salah guna kuasa di kalangan pegawai awam ▪ Mewujudkan persekitaran budaya kerja berkat dan cemerlang b. Mempermudahkan tatacara pentadbiran dan kewangan untuk mengurangkan masalah karenah birokrasi di KESEDAR c. Menggerakkan strategi memperkukuhkan pendapatan anak-anak syarikat KESEDAR
Jangka Masa Sederhana (2016 - 2020)	a. Memperluaskan pasaran produk dan perkhidmatan anak-anak syarikat secara intensif dan berfokus iaitu berdasarkan: ⊙ Potensi sedia ada ⊙ Potensi boleh dicipta ⊙ Potensi limpahan b. Menggubal dan melaksanakan Strategi Pengupayaan Kewangan pra tahun 2020 c. Menilai impak pelaksanaan Strategi Pengupayaan Kewangan pra tahun 2020
Jangka Masa Panjang (2021 - 2025)	a. Menggubal dan melaksanakan Strategi Pengupayaan Kewangan pasca tahun 2020 b. Menilai impak pelaksanaan Strategi Pengupayaan Kewangan pasca tahun 2020 c. Merangka strategi pengupayaan dan menetapkan piawaian kewangan bagi mengisi tuntutan fasa negara/wilayah maju dengan: ⊙ Pemantauan aktiviti-aktiviti pengupayaan kewangan ⊙ Pengukuran pencapaiannya dari semasa ke semasa

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
Pasca Jangka Masa Panjang (2026 -2030)	a. Mempergiatkan jaringan pengupayaan kewangan bertujuan: ⊙ Mempertingkatkan keupayaan kewangan bagi mengukuhkan tahap berdikari ⊙ Membangunkan rangkaian strategik pengupayaan kewangan KESEDAR ⊙ Menyuntik keyakinan terhadap keupayaan kewangan KESEDAR

iv. *Sistem*

Objektif

a. Memantapkan sistem pengurusan KESEDAR

b. Memperkukuhkan peraturan dan prosedur-prosedur KESEDAR bagi mendukung tadbir urus dinamik

c. Memperkasakan tahap efikasi pengurusan KESEDAR

d. Mempersiapkan KESEDAR untuk mengurus transformasi dan cabarannya

e. Meletakkan asas untuk melonjakkan pengurusan KESEDAR sebagai model pengurusan pembangunan wilayah dan komuniti bertaraf global

Perancangan dan Pengurusan

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
Segera (2014)	a. Merangka perancangan, pelaksanaan, penyesuaian dan inovasi pembangunan Wilayah Kelantan Selatan dengan menggunakan pendekatan yang berikut: ⊙ Pemikiran ke hadapan ▪ Ketidakpastian masa depan ▪ Pandangan jauh ▪ Pelaburan ▪ Melangkau keadaan semasa ▪ Implikasi masa depan ⊙ Pemikiran semula ▪ Isu dan masalah dalaman ▪ Pengalaman lalu ▪ Kualiti yang lebih baik ▪ Peningkatan ▪ Prestasi semasa ⊙ Pemikiran silang ▪ Amalan luar ▪ Wawasan ▪ Idea baharu

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
	▪ Melepasi sempadan ▪ Program-program luaran dan dalaman ▪ Visi b. Menggunakan pendekatan tadbir urus dinamik dan bernilai tambah berdasarkan menu formula berikut: ⊙ *Sweeping* (rangkum semua) ⊙ *Popular* (dapat perhatian ramai) ⊙ *Mileage* (mempunyai kepentingan untuk pihak tertentu) ⊙ *Hierarchical* (ikut hierarki) ⊙ *Capacity-constrained* (laksana tindakan ikut kekangan yang ada) ⊙ *Snowball initiatives* (bantu wujudkan momentum) ⊙ *Decentralised* (diagihkan) ⊙ *Phasal* (berfasa) ⊙ *Joint-ventured* (bekerjasama dengan pihak lain) ⊙ *Seasonal* (ikut desakan keadaan atau secara bermusim) ⊙ *Top down* (usaha dan capai ikut kapasiti yang ada) ⊙ *Bottom up* (kenal pasti prasyarat yang perlu dipenuhi untuk mencapai sesuatu matlamat) c. Memantapkan pengurusan data dan maklumat merangkumi: ⊙ Menyediakan pangkalan data bagi Wilayah Kelantan Selatan ⊙ Menyediakan sistem perhubungan dalam talian antara ibu pejabat KESEDAR dengan kementerian, pejabat-pejabat wilayah dan operasi serta anak-anak syarikat ⊙ Menggunakan mekanisme berkesan bagi mengemas kini maklumat supaya tepat dan terkini
Jangka Masa Pendek (Sehingga Disember 2015)	a. Memantapkan peraturan dan prosedur-prosedur sebagai teras untuk menghasilkan tadbir urus dinamik: ⊙ Mengemas kini peraturan dan undang-undang supaya memenuhi keperluan semasa dan bersifat praktikal ⊙ Menggubal *S.O.P* yang bernilai tambah dan praktikal ⊙ Memberi penerangan kepada warga kerja dan masyarakat mengenai peraturan dan undang-undang yang berkaitan b. Menggunakan secara optimum teknologi ICT dalam pengurusan dan pentadbiran: ⊙ Menyediakan rangkaian perhubungan yang efektif antara bahagian mahupun antara agensi ⊙ Menggunakan teknologi GIS secara optimum bagi pengumpulan serta penyediaan maklumat terkini dan perhubungan antara bahagian ⊙ Menyediakan akses kepada maklumat secara berkesan, pantas dan tepat ⊙ Menyediakan kemudahan dan memudahkan proses permohonan, aduan, maklum balas dan sebagainya untuk orang awam

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
	d. Mempertingkatkan kecekapan warga kerja KESEDAR dan entitinya melalui: ⊙ Mekanisme semak dan seimbang ⊙ Kursus pengurusan profesional dan strategik ⊙ Program pertukaran e. Mempasakkan budaya dan nilai murni serta etika kerja secara kolektif melalui: ⊙ Pembudayaan ilmu (duniawi dan ukhrawi) ⊙ Percambahan minda (usrah, pengucapan awam dan penulisan) ⊙ Pendekatan berkala (kempen, ceramah dan aktiviti) f. Memantapkan sumber dan sistem maklumat serta mengenal pasti mekanisme penyaluran maklumat yang berkesan termasuk: ⊙ Menyedia dan menerbitkan maklumat ⊙ Memanfaatkan media cetak dan media elektronik ⊙ Mengguna secara optimum papan iklan ⊙ Melantik rakan info (agensi, masjid, kepemimpinan dan peserta program terpilih) g. Mempergiatkan kempen mendekati masyarakat secara objektif dan konsisten melalui: ⊙ Program turun padang, ziarah dan tanggungjawab sosial ⊙ Penganjuran program masyarakat secara usahasama (agensi, institusi, pertubuhan dan badan-badan korporat) ⊙ Pertandingan menjurus pada pembinaan empat dimensi insan (secara kolektif dan individu) ⊙ Penyediaan pelan promosi berimpak dan berterusan
Jangka Masa Sederhana (2016 - 2020)	a. Memperkasakan struktur organisasi merangkumi kumpulan (pakar, berpengetahuan, berpengalaman, berkemahiran dan beretika) b. Membentuk warga kerja supaya boleh menguasai kemahiran tadbir urus dinamik
Jangka Masa Panjang (2021 - 2025)	Mencapai standard organisasi yang dinamik (berdaya tahan, berdaya saing dan progresif)
Pasca Jangka Masa Panjang (2026 - 2030)	Meletakkan KESEDAR bertaraf global dan menjadi rujukan sebagai agensi pembangunan wilayah yang dinamik dari segi: ⊙ Pengurusan organisasi ⊙ Pengurusan sistem dan operasi ⊙ Pengurusan pembangunan kepemimpinan dan warga kerja ⊙ Pengurusan kawalan, kualiti dan piawaian ⊙ Pengurusan pembangunan modal insan ⊙ Pengurusan pembangunan komuniti dan penempatan ⊙ Pengurusan pembangunan sosiekonomi wilayah, pemantapan nilai dan budaya integriti, cemerlang dan beretika

Penyelidikan dan Pembangunan

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
Segera (2014)	Menggariskan bentuk-bentuk kajian yang diperlukan bagi memenuhi tuntutan transformasi serta mengikut fasa dengan mengambil kira kajian berkenaan mampu: a. Memberi penyelesaian pada isu serta permasalahan organisasi dan masyarakat b. Mempertingkatkan keberkesanan sistem penyampaian dan pengurusan organisasi c. Mengukur keberkesanan dan impak program-program yang dijalankan d. Menggalakkan penghasilan produk/perkhidmatan yang kreatif dan inovatif
Jangka Masa Pendek (Sehingga Disember 2015)	a. Memberi pendedahan (pendidikan dan latihan) berkaitan *R&D* kepada warga kerja KESEDAR b. Mempertingkatkan jaringan dan kerjasama dengan institusi pendidikan dan penyelidikan termasuk pemain-pemain industri dengan mendapatkan sokongan peruntukan daripada kerajaan c. Memulakan inisiatif untuk membangunkan KESEDAR sebagai pusat maklumat setempat Wilayah Kelantan Selatan (sama ada secara fizikal atau atas talian) dengan menyediakan kemudahan: ⊙ Pangkalan data ⊙ Perpustakaan (fizikal atau maya) ⊙ Pusat kajian
Jangka Masa Sederhana (2016 - 2020)	a. Memanfaatkan model pemindahan ilmu dan teknologi iaitu menanda aras amalan-amalan terbaik daripada agensi tempatan dan luar negara untuk menambah nilai dan memperbaiki proses transformasi *R&D* melalui: ⊙ Siri lawatan ⊙ Program latihan ⊙ Program pertukaran kepakaran b. Mewujudkan unit *R&D* dalam KESEDAR sebagai asas untuk meneroka peluang-peluang baharu serta mempertingkatkan produktiviti dan daya saing c. Menggubal strategi penyelidikan berjangka panjang
Jangka Masa Panjang (2021 - 2025)	Mempergiatkan usaha *R&D* yang komprehensif dan berterusan serta mengutamakan suntikan elemen inovatif bagi memenuhi keperluan fasa pembangunan dinamik
Pasca Jangka Masa Panjang (2026 - 2030)	Memperkukuhkan fungsi *R&D* di Wilayah Kelantan Selatan dengan mempergiatkan pendidikan, latihan, penerbitan serta penerokaan dan penciptaan

Pemantauan

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
Segera (2014)	Memperkukuhkan fungsi dan peranan unit audit dalaman KESEDAR dengan mewujudkan bahagian pengurusan risiko
Jangka Masa Pendek (Sehingga Disember 2015)	a. Menubuhkan unit khas dalam membuat, melaksana dan memantau pelaksanaan perancangan pembangunan Wilayah Kelantan Selatan b. Merangka mekanisme untuk memantau perancangan dan pelaksanaan dengan mengambil kira faktor: ⊙ Kecekapan ⊙ Kualiti ⊙ Produktiviti ⊙ Pengauditan ⊙ Pengurusan risiko
Jangka Masa Sederhana (2016 - 2020)	Mengukur prestasi dan tahap kebolehcapaian piawaian bagi setiap perancangan dan pelaksanaan melalui: a. Jawatankuasa Penilaian b. Kajian c. Badan penilai bebas
Jangka Masa Panjang (2021 - 2025)	Menanda aras keupayaan dan prestasi KESEDAR merangkumi aspek: a. Ketara (pengurusan, sistem, kewangan, infrastruktur dan kemudahan, program dan aktiviti, promosi, pembangunan fizikal dan bukan fizikal serta penilaian) b. Tidak ketara (etika, budaya, pengetahuan, kepemimpinan, komitmen, komunikasi, akauntabiliti, kepuasan serta kredibiliti dan integriti)
Pasca Jangka Masa Panjang (2026 - 2030)	Membangunkan indeks daya saing Wilayah Kelantan Selatan merangkumi: a. Indikator prestasi ekonomi b. Indikator kecekapan pengurusan c. Indikator kecekapan perniagaan d. Indikator kualiti infrastruktur e. Indikator kualiti hidup

5.2.2 Pembangunan Ekonomi: Memangkin Ekonomi Berdaya Tahan Dan Berdaya Saing

Objektif:

a. Memperkukuhkan pengurusan kewangan dan menggunakan sumber kewangan secara optimum

b. Merangka perancangan dan program pengukuhan ekonomi secara menyeluruh serta berorientasikan *outcome*

c. Menyediakan persekitaran kewangan dan ekonomi yang sihat serta kondusif

d. Merangsang pertumbuhan ekonomi yang berupaya melonjakkan tahap daya tahan dan daya saing Wilayah Kelantan Selatan

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
Segera (2014)	***Perancangan dan Persediaan*** a. Menilai status dan pencapaian kewangan KESEDAR untuk dijadikan asas pada penetapan strategi dan amalan terbaik memperkukuhkan pengurusan kewangan b. Mengenal pasti cabaran inisiatif transformasi serta persediaan secara objektif dan strategik untuk mengatasinya. Antara cabarannya: ⦿ Menyediakan persekitaran pelbagai dimensi yang sihat ⦿ Mempertingkatkan taraf hidup dan pembasmian kemiskinan ⦿ Mempertingkatkan kualiti hidup ⦿ Mengurus dan menjana sumber secara berkesan ***Pembangunan Pertanian*** a. Mengoptimumkan penggunaan tanah untuk pelbagai aktiviti pertanian dan penternakan b. Merangka perancangan dan pelaksanaan bagi pembangunan pertanian menggunakan teknologi terkini dan Amalan Pertanian Baik c. Mempergiatkan pembangunan pertanian secara agropolitan selaras dengan objektif menjadikan Wilayah Gua Musang sebagai pusat pembangunan pertanian d. Melaksanakan program penanaman semula secara berperingkat e. Menjalankan kajian fisibiliti bagi membangunkan kilang sawit f. Memperkukuhkan rangkaian strategik pembangunan pertanian ***Pembangunan Pelancongan*** a. Memberi sokongan dan mengembangkan beberapa industri yang berpotensi menjadi tarikan pelancongan: ⦿ Perkampungan seni tempatan: ▪ Batik ▪ Wau ▪ Seni ukir ▪ Gasing ▪ Wayang kulit

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
	▪ Dikir barat ▪ Seni pertahanan diri ⊙ Sukan dan rekreasi: ▪ Sukan lasak (pendakian, *muay thai, all terrain vehicle (ATV), mountain bike*) ▪ Taman rekreasi keluarga ▪ Taman ilmu ▪ Taman ekspresi kreativiti dan inovasi ⊙ Perkampungan juadah Kelantan: ▪ Makanan tempatan negeri Kelantan ⊙ Perkhidmatan ▪ Hotel ▪ Inap desa ▪ Perubatan alternatif b. Merangsang kegiatan ekonomi pekan Bukit Bunga sebagai pusat membeli belah utama di sempadan Kelantan - Thailand: ⊙ Mempertingkatkan kemudahan infrastruktur perhubungan dan khidmat sokongan di kawasan sempadan Kelantan - Thailand ⊙ Mengenal pasti keluasan dan menetapkan sempadan kawasan perdagangan Bukit Bunga ⊙ Mempertingkatkan penyediaan ruang lantai perdagangan yang secukupnya khususnya rumah kedai dan kompleks/arked membeli belah di Bukit Bunga ⊙ Mewujudkan pusat penerangan pelancong dan pusat pameran produk tempatan di Bukit Bunga ⊙ Menggalakkan penyediaan kemudahan rehat dan rawat (R&R) untuk pengunjung dan pelancong khususnya medan selera, bilik solat, bilik mandi, tandas awam dan wakaf ⊙ Membangunkan rangkaian restoran dan pusat menjamu selera untuk pengunjung dan pelancong
Jangka Masa Pendek (Sehingga Disember 2015)	***Perancangan dan Persediaan*** a. Menetapkan matlamat yang jelas untuk membangunkan potensi Wilayah Kelantan Selatan dengan memfokus pada: ⊙ Mempertingkatkan daya saing sektor-sektor utama sedia ada (seperti pertanian dan perhutanan) ⊙ Mempertingkatkan persekitaran dan pinggir bandar ⊙ Mempertingkatkan kualiti hidup penduduk Wilayah Kelantan Selatan ⊙ Mempertingkatkan kepelbagaian ekonomi Wilayah Kelantan Selatan b. Mengenal pasti zon-zon pembangunan ekonomi: ⊙ Perindustrian berskala besar ⊙ Perindustrian mikro, kecil dan sederhana ⊙ Pembangunan hab bagi sektor terpilih: ▪ Pendidikan ▪ Pelancongan Islam ▪ Ekopelancongan ▪ Pertanian ▪ Produk dan perkhidmatan halal ▪ Pusat kewangan Islam

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
	c. Mengenal pasti kekuatan teras sektor-sektor industri terpilih yang berpotensi berkembang dari tahap firma sederhana ke tahap firma berskala besar seperti: ⊙ Perkilangan ⊙ Perdagangan borong ⊙ Perkhidmatan d. Membangunkan sistem maklumat mengenai peluang ekonomi dan perniagaan untuk rujukan semasa dan potensi masa hadapan: ⊙ Pangkalan data ⊙ Manual pelaburan e. Mewujudkan Jawatankuasa Promosi dan Pelaburan Wilayah Kelantan Selatan bagi menarik pelabur tempatan dan antarabangsa f. Merangka tindakan untuk menarik penyertaan perniagaan yang meluas daripada: ⊙ Firma-firma maju yang utama ⊙ Firma-firma mikro, kecil dan sederhana g. Mempertingkatkan kerjasama dan penyertaan dari kalangan agensi-agensi, syarikat swasta, institusi pendidikan, institusi kewangan dan masyarakat awam melalui penganjuran program-program ekonomi yang berimpak h. Menyediakan Pelan Pembangunan Wakaf Wilayah Kelantan Selatan yang memfokus pada: ⊙ Hartanah ⊙ Infrastruktur dan kemudahan awam ⊙ Peluang mempertingkatkan pendapatan ⊙ Kebajikan ⊙ *Fi sabilillah* i. Menggalakkan pembangunan koperasi dengan mengenal pasti beberapa petempatan KESEDAR yang berpotensi menjadi model ekonomi komuniti dan mempengaruhi komuniti petempatan lain: ⊙ Mendapatkan sokongan kementerian dan agensi berkaitan bagi mendapatkan kelulusan, peruntukan, khidmat nasihat dan bimbingan ⊙ Menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pemantauan dan Penilaian bagi memastikan perancangan dan pembangunan koperasi berjalan dengan lancar ⊙ Membentuk struktur kumpulan kerja yang telus, efektif dan dinamik ⊙ Menggubal manual pengurusan dan pembangunan koperasi yang komprehensif sebagai rujukan serta kerangka pelaksanaan kerja dan aktiviti ⊙ Mengenal pasti bidang-bidang strategik untuk menjana keuntungan dan kewangan koperasi ⊙ Menyediakan mekanisme kewangan dan sistem ekonomi yang berkesan: ▪ Sumbangan modal ▪ Modal saham yang pelbagai ▪ Bayaran pendahuluan ▪ Agihan lebihan dan kerugian bersih ▪ Dividen koperasi ▪ Perkongsian keuntungan ▪ Dana berpusat antara koperasi

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
	⊙ Mengutamakan anak tempatan untuk bekerja di koperasi dan rangkaian perniagaan di bawahnya ⊙ Menyediakan program pembangunan kemahiran dan potensi secara berterusan ⊙ Menetapkan prinsip-prinsip utama yang perlu dipatuhi: ▪ Niat yang jelas, tepat dan kolektif ▪ Kerjasama ▪ Penglibatan ▪ Tanggungjawab sosial ▪ Inovasi ⊙ Infrastruktur dan kemudahan awam ⊙ Peluang meningkatkan pendapatan ⊙ Kebajikan ⊙ *Fi sabilillah* ***Pembangunan Pertanian*** a. Mengurus sumber pertanian untuk keluaran hasil yang tinggi dan bermutu: ⊙ Membangunkan benih baka klon yang baik dan bermutu bagi mempertingkatkan hasil yang berkualiti ⊙ Mempertingkatkan produktiviti ladang dengan penggunaan jentera dan mengoptimumkan penggunaan baja ⊙ Menggabungkan tanah-tanah kecil dan tidak ekonomik melalui pengurusan berpusat ⊙ Memilih jenis tanaman dan ternakan serta sistem perladangan yang berdaya saing berpandukan pasaran domestik dan eksport ⊙ Menggunakan teknologi terkini dan mengamalkan pembangunan mampan b. Membangunkan Wilayah Kelantan Selatan dengan aktiviti ternakan secara komersial: ⊙ Memperuntuk dan memperluaskan kawasan yang sesuai untuk perusahaan ternakan secara berkelompok ⊙ Mendapatkan khidmat nasihat daripada agensi-agensi berkaitan Jabatan Haiwan dan Lembaga Pemasaran Pertanian Malaysia (FAMA) ⊙ Memantau dan mengawal penyakit ternakan ⊙ Meneroka dan mempergiatkan produk hiliran daripada aktiviti ternakan ⊙ Memperkukuhkan mekanisme pemasaran ***Pembangunan Perdagangan dan Perindustrian*** a. Menyediakan kawasan-kawasan yang sesuai untuk kawasan industri yang dapat menawarkan perkhidmatan pusat sehenti (*one-stop centre),* perkhidmatan kenderaan serta mampu mengawal pencemaran air, bunyi dan udara: ⊙ Mewujudkan pusat-pusat automobil di bandar-bandar Gua Musang dan Jeli supaya perkhidmatan kenderaan dapat diberi secara mudah dan berkesan dengan mengambil kira kawalan pencemaran air, bunyi dan udara

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
	⊙ Menguatkuasakan peraturan supaya semua industri perkhidmatan beroperasi di kawasan pusat automobil yang disediakan agar memudahkan proses penyaluran kemudahan infrastruktur yang lain b. Memperkasakan sektor perdagangan dan perindustrian supaya berdaya saing dan dinamik ⊙ Merangka program latihan dan bimbingan in-situ agar dapat mempertingkatkan kemampuan pengurusan dan teknikal pengusaha ⊙ Mempergiatkan program latihan seperti perakaunan, pengurusan perniagaan, pemasaran dan pembangunan keusahawanan selari dengan keperluan semasa dan masa hadapan ⊙ Menggalakkan peniaga menggunakan kaedah e-dagang bagi mempertingkatkan imej dan mengembangkan perniagaan mereka. ⊙ Menggalakkan program pembangunan francais yang dapat menawarkan pelbagai jenis pilihan yang lebih luas kepada peniaga dan pengguna ***Pembasmian Kemiskinan dan Peningkatan Pendapatan Komuniti*** a. Merangka perancangan pembasmian kemiskinan dan peningkatan pendapatan komuniti: ⊙ Membasmi kemiskinan ▪ Mengenal pasti maklumat penduduk miskin di petempatan-petempatan di bawah KESEDAR ▪ Mengenal pasti jumlah dan bentuk bantuan ▪ Menyediakan profil dan pangkalan data penduduk miskin ▪ Membangunkan pangkalan data yang mudah untuk diakses ▪ Merangka program dan bentuk bantuan ▪ Menyalurkan bantuan secara langsung dan segera kepada keluarga miskin tegar ⊙ Mempertingkatkan pendapatan ▪ Mempelbagaikan sumber pendapatan peneroka ▪ Mempelbagaikan aktiviti ekonomi desa secara kreatif dan inovatif bagi mempertingkatkan rantaian antara industri desa dan bandar ▪ Memperkembangkan aktiviti ekonomi berasaskan pertanian kepada aktiviti ekonomi berteraskan perkhidmatan dan pembuatan bagi merapatkan jurang pendapatan di antara penduduk luar bandar dengan penduduk bandar ▪ Menggalakkan syarikat-syarikat swasta yang besar membantu masyarakat dalam memoden dan mempertingkatkan lagi pengeluaran hasil-hasil pertanian dan kraftangan ▪ Membangunkan ekonomi berskala kecil dengan mempertingkatkan tahap kecekapan, menerapkan amalan-amalan yang terbaik serta menyediakan infrastruktur untuk aktiviti pengumpulan dan pemasaran ▪ Mempertingkatkan akses kepada skim mikro kredit dan

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
	skim-skim kewangan yang sedia ada serta sokongan daripada institusi zakat ▪ Memperkasakan golongan wanita dengan menyediakan persekitaran pekerjaan yang kondusif supaya mereka dapat melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap keluarga dan pekerjaan secara seimbang ▪ Memberi peluang kepada ahli komuniti memperoleh sumber pendapatan yang lebih stabil seperti bekerja sebagai petani kontrak atau bekerja di sektor perkhidmatan (pusat penjagaan, pusat kraftangan dan sebagainya) ▪ Menggalakkan penubuhan koperasi di kawasan petempatan KESEDAR serta memberi sokongan dan peluang kepada koperasi petempatan KESEDAR menjana pendapatan melalui rangkaian perniagaan: • Pasar raya • Terminal rehat dan rawat • Stesen minyak • Perkhidmatan penginapan ▪ Menggalakkan perniagaan keluarga sebagai satu pendekatan menawarkan pekerjaan kepada ahli keluarga sendiri
Jangka Masa Sederhana (2016 - 2020)	***Perancangan dan Persediaan*** a. Menyediakan kertas kerja bagi memohon pembentukan Dana Pelaburan dan Pembangunan Komprehensif Wilayah Kelantan Selatan daripada Kerajaan Persekutuan b. Mempergiatkan inisiatif mengembangkan Dana Pelaburan dan Pembangunan Komprehensif Wilayah Kelantan Selatan melalui: ⊙ Menyalurkan insentif kewangan daripada Kerajaan Persekutuan ⊙ Menyuntik modal pelaburan dan pinjaman daripada institusi-institusi kewangan ⊙ Mempertingkatkan pelaburan syarikat-syarikat swasta (tempatan dan asing) c. Mempergiatkan pembangunan perumahan, perdagangan dan perindustrian di kawasan bandar dengan kerjasama pihak swasta dan dalam kerangka Garis Panduan Pembangunan dan Piawaian Perancangan negeri Kelantan d. Membuat persediaan kesan daripada limpahan perkembangan industri kepada sektor-sektor berdaya maju sebagai asas merangka strategi pembangunan dan pengukuhan terhadap: ⊙ Sektor kewangan dan pelaburan ⊙ Sektor pengangkutan ⊙ Sektor penyelidikan & pembangunan e. Memperkukuhkan asas-asas pemangkin agenda pembangunan sosioekonomi dengan memfokus pada: ⊙ Pengukuhan sokongan dan peranan kerajaan ⊙ Keberkesanan pengurusan ⊙ Keberkesanan pasaran kewangan ⊙ Penyediaan infrastruktur ⊙ Penyediaan dan penerokaan pasaran modal insan ⊙ Peningkatan teknologi dan *R&D* ⊙ Pewujudan jaringan kerjasama

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
	f. Menggalakkan institusi-institusi kewangan (tempatan dan antarabangsa) yang menawarkan perkhidmatan kewangan patuh syari'ah membuka cawangan di Wilayah Kelantan Selatan g. Membangun dan memperkukuhkan zon-zon pembangunan ekonomi: ⊙ Perindustrian berskala besar ⊙ Perindustrian kecil dan sederhana ⊙ Pembangunan hab sektor terpilih seperti pendidikan, pelancongan Islam, ekopelancongan, pertanian, produk dan perkhidmatan halal serta pusat kewangan Islam h. Memajukan perindustrian kluster merangkumi industri kecil, sederhana dan desa (makanan, produk kayu, perabot kraftangan, tekstil/batik serta petrokimia) i. Menawarkan pakej pembangunan perniagaan (akses perniagaan, sumber modal, insentif perniagaan serta tenaga kerja mahir dan berkualiti) berdasarkan: ⊙ Memperkukuhkan jaringan sokongan dan kerjasama daripada kementerian dan agensi-agensi berkaitan ⊙ Menyediakan akses pada kemudahan kewangan (dana dan pinjaman) ⊙ Membentuk tenaga kerja berkemahiran dan berkualiti (program dan latihan, skim perkaderan dengan IPTA/IPTS) ***Pembangunan Pertanian*** a. Memperkukuhkan produktiviti kawasan pertanian ⊙ Memperkukuhkan pengeluaran pertanian dengan mengintegrasikan keseluruhan sistem pengeluaran dan pemasaran termasuk merancang pengeluaran pertanian ⊙ Memperketatkan kawalan mutu dengan memperbaiki pengendalian pasca tuai serta disokong skim akreditasi dan pensijilan kualiti ⊙ Memantapkan jaringan kerjasama antara pihak kerajaan dan swasta bagi menggerakkan pemasaran ⊙ Menjalin kerjasama dagangan serantau untuk mempertingkatkan ekspot ⊙ Memastikan pembangunan pertanian berterusan dan berdaya saing serta aktiviti pertanian perlu mesra alam ⊙ Membangunkan infrastruktur pemasaran dengan menubuhkan pusat-pusat pengumpulan dan pemasaran hasil b. Memperkukuhkan pemasaran dan khidmat sokongan pertanian ⊙ Membangunkan infrastruktur pemasaran dengan menubuhkan pusat-pusat pengumpulan dan pemasaran hasil ⊙ Menggalakkan kewujudan sistem pemasaran yang telus dan adil supaya hasil tanaman dapat dipasarkan dengan berkesan ⊙ Mempertingkatkan produktiviti dan kecekapan pengendalian, pengurangan kos, peningkatan mutu hasil dan kawalan pengeluaran mengikut pasaran ⊙ Membangunkan infrastruktur pertanian seperti jalan ke kawasan pertanian serta kemudahan pemasaran seperti pasar borong, pusat memproses serta pusat jualan hasil tani untuk pasaran domestik dan eksport

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
	⊙ Memberi tumpuan kepada potensi pasaran daging dan produk daging serta ikan c. Menyasarkan Wilayah Kelantan Selatan sebagai hab pengeluaran produk pertanian dengan membangunkan Jeli dan Lojing sebagai agropolis utama: ⊙ Mempertingkatkan infrastruktur pertanian yang berkaitan dengan tanaman makanan dan akuakultur ⊙ Mempertingkatkan daya pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran ⊙ Menyediakan kemudahan asas dan sokongan ⊙ Memfokus pada industri kecil dan sederhana berasaskan pertanian, ternakan komersial dan tanaman (buah-buahan, sayur-sayuran dan produk pertanian yang berproduktiviti tinggi) yang berpotensi menjana pendapatan melalui aktiviti eksport ***Pembangunan Perdagangan dan Perindustrian*** a. Membangun dan memajukan industri desa serta industri kecil dan sederhana (IKS): ⊙ Mewujudkan pusat maklumat bagi industri desa dan industri IKS ⊙ Mendapatkan kerjasama dan sokongan daripada agensi-agensi berkaitan untuk menawarkan khidmat nasihat, bimbingan, kemudahan kredit dan khidmat pemasaran ⊙ Mewujudkan kemudahan pemasaran dan pembungkusan produk-produk industri desa dan IKS ⊙ Membantu mempertingkatkan keupayaan industri desa ke taraf IKS ⊙ Mempertingkatkan penyelidikan dan pembangunan (*R&D*) dengan memberi tumpuan pada bioteknologi, pengawalan kualiti, pemerosesan dan pembungkusan produk ⊙ Mewujudkan peluang pembangunan bakat dan kemahiran tempatan bagi meneroka dan memajukan industri pembuatan tempatan b. Mempertingkatkan pembangunan perdagangan dan perkhidmatan di rangkaian pusat petempatan: ⊙ Mempertingkatkan penyediaan kemudahan infrastruktur perhubungan, utiliti dan kemudahan sokongan yang secukupnya di bandar sedia ada di dalam kelompok kawasan pertumbuhan iaitu kawasan-kawasan pertumbuhan Jeli - Bukit Bunga, Kuala Krai - Manek Urai, Gua Musang, Dabong, Chiku dan Lojing ⊙ Menggalakkan pembangunan perdagangan secara komprehensif di pusat bandar sedia ada dan yang baharu ⊙ Melaksanakan program pembangunan semula dan pembaharuan di kawasan kritikal, khususnya kawasan perdagangan yang berkeadaan usang di pusat bandar sedia ada ⊙ Melaksanakan program pengekalan (pemeliharaan dan pemuliharaan) bangunan perdagangan yang mempunyai nilai warisan sejarah ⊙ Menyediakan ruang lantai perdagangan yang secukupnya mengikut permintaan di pusat-pusat bandar

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
	c. Mempergiatkan *R&D* dalam menghasilkan produk berasaskan minyak sawit dan getah untuk tujuan pengkomersialan, pengeluaran industri serta pemasaran tempatan dan eksport ***Pembangunan Pelancongan*** a. Membangun dan memajukan ekopelancongan dan geopelancongan yang mampan ⊙ Membangunkan tempat tarikan ekopelancongon dan geopelancongon seperti di Taman Negeri Gunung Stong, Air Terjun Jelawang, kawasan kolam air panas, gua-gua dan sebagainya dengan mematuhi Garis Panduan Ekopelancongan Kebangsaan ⊙ Menggalakkan penggunaan bahan-bahan tempatan dan semula jadi di dalam pembinaan kemudahan-kemudahan asas bersesuaian dengan persekitaran semula jadinya ⊙ Menyediakan laluan pejalan kaki khas untuk pengunjung demi memelihara kawasan semula jadi ⊙ Menyediakan papan informasi yang menerangkan tata tertib ketika lawatan ⊙ Mendidik pengunjung tentang penjagaan kebersihan dan keindahan alam sekitar ⊙ Menyokong projek kitar semula dengan menyediakan kemudahan pembuangan sampah ⊙ Menjalankan kajian EIA untuk mengenal pasti langkah-langkah mitigasi yang berkaitan bagi kawasan yang dikenal pasti sebagai Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) ⊙ Menyelenggara kemudahan dan mempertingkatkan taraf kemudahan sokongan pelancongan b. Menyelaras dan memastikan kemudahan pelancongan yang mencukupi dan memenuhi piawaian: ⊙ Surau (destinasi pelancongan, kawasan rehat dan rawat, pusat membeli belah, terminal/stesen pengangkutan, hotel dan lain-lain) ⊙ Tandas mesra pengguna (kawasan wudhu', *bidet*, bilik mandi, bilik persalinan dan lain-lain) ⊙ Kemudahan untuk OKU dan warga emas c. Memperkukuhkan kerjasama dengan agensi/institusi/badan swasta yang mempunyai idea-idea dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan pelancongan yang berdaya maju serta boleh menghasilkan pulangan yang memberangsangkan untuk Wilayah Kelantan Selatan ***Pembasmian Kemiskinan dan Peningkatan Pendapatan Komuniti*** Melaksanakan program pembasmian kemiskinan dan peningkatan pendapatan komuniti

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
Jangka Masa Panjang (2021 - 2025)	***Perancangan dan Persediaan*** a. Memperluaskan fokus pembangunan ekonomi dan aktiviti huluan kepada pembangunan dan aktiviti ekonomi hiliran secara seimbang, berperingkat dan optimum b. Mempergiatkan usaha mempertingkatkan taraf pendapatan penduduk selari dengan matlamat negara berpendapatan tinggi c. Memperkukuhkan sumber sedia ada dan meneroka sumber-sumber baharu d. Mempergiatkan usaha penyelidikan dan inovasi bagi memperkukuhkan daya saing dan daya tahan ekonomi Wilayah Kelantan Selatan ***Pembangunan Pertanian*** a. Merangka dan melaksanakan perancangan menjadikan Wilayah Kelantan Selatan sebagai pusat penghasilan utama produk pertanian berasaskan akuakultur: ⊙ Mengoptimumkan sungai, tasik, paya sebagai pusat ternakan ikan air tawar ⊙ Memanfaatkan Lojing sebagai pusat ternakan ikan iklim sederhana ⊙ Mempertingkatkan keluaran hasil ikan kelah, patin, baung dan kerang ⊙ Mempertingkat hasil ternakan akuakultur b. Menyemarakkan transformasi aktiviti pertanian tradisi kepada komersial dan merancakkan orientasi eksport ***Pembangunan Perdagangan dan Perindustrian*** a. Mempertingkatkan kemudahan infrastruktur Industri dan perkhidmatan sokongan di kawasan-kawasan industri ⊙ Menguatkuasakan peraturan supaya semua industri beroperasi di kawasan estet industri yang ditetapkan untuk memudahkan proses penyaluran kemudahan ⊙ Mempertingkatkan penyediaan kemudahan berteknologi tinggi di kawasan perindustrian ⊙ Mewujudkan sistem penyelenggaraan, pembaikan dan pengurusan kemudahan infrastruktur, utiliti dan perkhidmatan sokongan termasuk perkhidmatan komersial, rekreasi, ICT yang moden, lengkap dan berkemampuan, sistem pemungutan sampah dan pembuangan sisa industri secara sistematik ⊙ Mempertingkatkan penyediaan dan penyelenggaraan kemudahan landskap ⊙ Mempertingkatkan tahap dan kualiti kemudahan pengangkutan awam b. Merangsang pembangunan perdagangan dan perkhidmatan di Pusat Bandar Kuala Krai dan Pusat Bandar Jeli ⊙ Melaksanakan program pembangunan semula bagi kawasan perdagangan yang berkeadaan usang khususnya di Pusat Bandar Kuala Krai ⊙ Memperluaskan kawasan perdagangan Pusat Bandar Jeli ⊙ Mempertingkatkan penyediaan ruang lantai perdagangan yang secukupnya khususnya rumah kedai dan kedai pejabat di Pusat Bandar Kuala Krai dan Pusat Bandar Jeli selaras dengan

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
	permintaan (pertambahan penduduk) ⊙ Menggalakkan perkhidmatan taraf sederhana dan tinggi khususnya sektor kewangan dan peruncitan serta perkhidmatan sosial dan persendirian di Pusat Bandar Kuala Krai dan Pusat Bandar Jeli ⊙ Mempertingkatkan penyediaan kawasan penjaja terancang (pasar awam, arked dan medan selera) yang secukupnya di lokasi strategik di Pusat Bandar Kuala Krai dan Pusat Bandar Jeli ⊙ Mempertingkatkan penyediaan kemudahan infrastruktur perhubungan, utiliti dan kemudahan sokongan yang secukupnya di Pusat Bandar Kuala Krai dan Pusat Bandar Jeli serta rangkaian pusat-pusat petempatan sedia ada di kedua-dua jajahan
Pasca Jangka Masa Panjang (2026 - 2030)	***Perancangan dan Persediaan*** a. Menetapkan sasaran penyenaraian KESEDAR ke Papan Utama Bursa Malaysia b. Meletakkan status ekonomi Wilayah Kelantan Selatan berdaya saing pada peringkat serantau dan antarabangsa

5.2.3 Pembangunan Modal Insan: Mempertingkatkan Keupayaan Dan Membentuk Modal Insan Berpengetahuan, Berkemahiran Dan Berprestasi Tinggi

i. *Perancangan*

Objektif:

a. Menetapkan matlamat melahirkan modal insan yang cemerlang secara holistik

b. Merangka perancangan program pembangunan modal insan yang komprehensif dan bernilai tambah dari semasa ke semasa

c. Melaksanakan program pembangunan modal insan berdasarkan kapasiti, keperluan dan potensi

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
Segera (2014)	a. Menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan Modal Insan Wilayah Kelantan Selatan yang berperanan dan bertanggungjawab merangka, memantau dan menilai setiap perancangan dan pelaksanaan agenda dan program pembangunan modal insan yang terdiri daripada: ⊙ Wakil kementerian berkaitan ▪ Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ▪ Kementerian Pendidikan ▪ Kementerian Sumber Manusia ▪ Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ▪ Kementerian Belia dan Sukan ▪ Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi ⊙ Wakil Kerajaan Negeri ⊙ Wakil Ahli Lembaga Pengarah dan Pengurusan KESEDAR ⊙ Wakil Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan ⊙ Wakil Polis DiRaja Malaysia ⊙ Wakil kepemimpinan peringkat wilayah (Gua Musang, Kuala Krai, Jeli, Tanah Merah) ⊙ Wakil pertubuhan berkaitan (NGO, wanita, belia, ikhtisas, keusahawanan) b. Memperkukuhkan jaringan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, agensi-agensi swasta, agensi akademia, badan-badan korporat, badan-badan media NGO, pertubuhan-pertubuhan dan institusi sosial berkaitan melalui: ⊙ Mengadakan sesi penerangan ⊙ Menyediakan mekanisme bagi menggalakkan penglibatan dalam merangka, menilai dan menambah baik program ⊙ Memperluaskan promosi ⊙ Melaksanakan program secara kerjasama
Jangka Masa Pendek (Sehingga Disember 2015)	a. Menggubal pelan pembangunan modal insan yang holistik dan seimbang dari segi rohani, akli, emosi dan fizikal b. Mempergiatkan program pembangunan modal insan yang holistik dan seimbang dengan memfokus pada: ⊙ Kanak-kanak pra sekolah ⊙ Pelajar ⊙ Belia ⊙ Wanita ⊙ Warga emas ⊙ Orang kelainan upaya ⊙ Usahawan ⊙ Golongan *ar-riqab* c. Mendapatkan bantuan dan sokongan daripada Kerajaan Persekutuan dan agensi-agensi yang berkaitan bagi menggerakkan usaha membangunkan Wilayah Kelantan Selatan sebagai hab pendidikan yang menyumbang pada pembangunan modal insan:

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
	⊙ Dana khas ⊙ Insentif pelaburan ⊙ Program pertukaran antara negara/wilayah d. Mempergiatkan inisiatif memperluaskan kemudahan, jaringan dan pembangunan pendidikan yang membawa Wilayah Kelantan Selatan sebagai hab pendidikan antarabangsa bagi Koridor Timur: ⊙ Menetapkan zon pembangunan pendidikan utama bagi Wilayah Kelantan Selatan ⊙ Menggalakkan penubuhan institusi-institusi pendidikan dan latihan tempatan dan antarabangsa termasuk pembukaan kampus cawangan di Wilayah Kelantan Selatan ⊙ Menawarkan skim khas untuk golongan ekspatriat yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang terpilih yang kritikal seperti sains, teknologi dan inovasi e. Memohon peruntukan bagi memperkenalkan skim pembangunan potensi modal insan (seperti biasiswa pengajian, tajaan kursus kemahiran, bantuan modal, pemadanan dan penempatan pekerjaan) untuk mengurangkan penghijrahan dan menggalakkan anak tempatan yang bekerja di luar negeri Kelantan kembali untuk memajukan Wilayah Kelantan Selatan
Jangka Masa Sederhana (2016 - 2020)	Merangka program latihan dan pengukuhan latihan yang berterusan untuk menyediakan modal insan yang berkemahiran dan berprestasi tinggi bagi memenuhi keperluan pasaran modal insan peringkat Wilayah Kelantan Selatan dan negara
Jangka Masa Panjang (2021 - 2025)	Mengoptimumkan sumber modal insan secara strategik dan komprehensif selari dengan perkembangan memasuki fasa negara maju
Pasca Jangka Masa Panjang (2026 - 2030)	Memperkasakan pembangunan modal insan menggunakan pendekatan holistik, seimbang, akar umbi, strategik, memiliki elemen bernilai tambah dan menepati keperluan

ii. *Penerapan Nilai-Nilai Murni*

Objektif:

a. Membentuk modal insan yang berakhlak, berilmu dan memiliki jati diri

b. Membangunkan modal insan yang menghayati ajaran agama dan mengamalkan nilai-nilai murni

c. Melahirkan modal insan yang berketrampilan sebagai ikon mithali

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
Segera (2014)	Menerapkan nilai-nilai Islam dalam merangka pengisian program menyuburkan nilai-nilai murni modal insan berasaskan: a. Al-Qur'an dan As-Sunnah b. Kitab-kitab ulama dan sarjana Muslim
Jangka Masa Pendek (Sehingga Disember 2015)	a. Menggubal pelan pembangunan modal insan yang holistik dan seimbang dari segi rohani, akli, emosi dan fizikal b. Mempergiatkan program pembangunan modal insan yang holistik dan seimbang dengan memfokus pada: ⊙ Kanak-kanak pra sekolah ⊙ Pelajar ⊙ Belia ⊙ Wanita ⊙ Warga emas ⊙ Orang kelainan upaya ⊙ Usahawan ⊙ Golongan *ar-riqab* c. Merangka strategi penggalakan keusahawanan dengan menyediakan platform dan kemudahan dari segi: ⊙ Kewangan ⊙ Undang-undang dan peraturan ⊙ Program keusahawanan ⊙ Pendidikan dan latihan ⊙ Pemindahan kemahiran *R&D* ⊙ Pasaran ⊙ Akses kepada infrastruktur fizikal ⊙ Amalan dan budaya d. Memperluaskan peluang dan membantu mempertingkatkan daya keusahawanan melalui program motivasi, kemahiran dan insentif secara berfasa dan konsisten dengan memfokuskan kepada: ⊙ Golongan wanita ⊙ Golongan belia ⊙ Golongan lepasan graduan
Jangka Masa Sederhana (2016 - 2020)	a. Memperkukuhkan program pembangunan modal insan yang holistik, seimbang dan bernilai tambah b. Mewujudkan peluang pekerjaan melalui mekanisme pembangunan modal insan holistik: ⊙ Pengukuhan jati diri ⊙ Penyuburan minat ⊙ Penimbaan ilmu ⊙ Penguasaan kemahiran
Jangka Masa Panjang (2021 - 2025)	Memperkukuhkan asas pembentukan modal insan yang berpegang pada nilai-nilai murni, berilmu, berkemahiran, berdaya saing dan berdikari
Pasca Jangka Masa Panjang (2026 - 2030)	Melahirkan modal insan yang mampu memimpin dan memajukan diri, keluarga dan masyarakat

iii. *Pendidikan*

Objektif:

a. Melahirkan modal insan cemerlang melalui pendekatan pembelajaran sepanjang hayat

b. Membentuk modal insan yang menguasai ilmu duniawi dan ukhrawi secara seimbang

c. Memperlengkapkan modal insan dengan ilmu sains dan teknologi terkini

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
Segera (2014)	Merangka perancangan bagi memenuhi salah satu matlamat Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PIPLB) yang menyasarkan sekurang-kurangnya masyarakat luar bandar memiliki sijil di peringkat menengah atas selain memperluaskan latihan dan kemahiran pelbagai peringkat, bidang dan peluang
Jangka Masa Pendek (Sehingga Disember 2015)	a. Mempergiatkan program pembangunan modal insan yang holistik dan seimbang dengan memfokus pada: ⊙ Kanak-kanak pra sekolah ⊙ Pelajar ⊙ Belia ⊙ Wanita ⊙ Warga emas ⊙ Orang kelainan upaya ⊙ Usahawan ⊙ Golongan *ar-riqab* b. Merangka strategi penggalakan keusahawanan dengan menyediakan platform dan kemudahan dari segi: ⊙ Kewangan ⊙ Undang-undang dan peraturan ⊙ Program keusahawanan ⊙ Pendidikan dan latihan ⊙ Pemindahan *R&D* ⊙ Pasaran ⊙ Akses kepada infrastruktur fizikal ⊙ Amalan dan budaya c. Memperluaskan peluang dan membantu mempertingkatkan daya keusahawanan melalui program motivasi, kemahiran dan insentif secara berfasa dan konsisten dengan memfokuskan pada: ⊙ Golongan wanita ⊙ Golongan belia ⊙ Golongan lepasan graduan

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
Jangka Masa Sederhana (2016 - 2020)	a. Memperkukuhkan program pembangunan modal insan yang holistik, seimbang dan bernilai tambah b. Mewujudkan peluang pekerjaan melalui mekanisme pembangunan modal insan holistik: ⊙ Pengukuhan jati diri ⊙ Penyuburan minat ⊙ Penimbaan ilmu ⊙ Penguasaan kemahiran c. Memberi pendedahan secara meluas dan konsisten terutamanya pelajar-pelajar sekolah serta usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) terhadap kemahiran dan penguasaan ICT
Jangka Masa Panjang (2021 - 2025)	Memperkukuhkan asas pembentukan modal insan yang berpegang pada nilai-nilai murni, berilmu, berkemahiran, berdaya saing dan berdikari
Pasca Jangka Masa Panjang (2026 -2030)	Membentuk modal insan yang menguasai ilmu secara seimbang dan holistik bagi memacu transformasi di Wilayah Kelantan Selatan

iv. *Latihan dan Kemahiran*

Objektif:

a. Melahirkan modal insan yang berkemahiran, kompetitif, berprestasi tinggi dan berkelas pertama

b. Membentuk modal insan yang memiliki daya tahan dan daya saing yang tinggi

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
Segera (2014)	a. Merangka perancangan pembangunan latihan dan kemahiran modal insan sehingga 2015 b. Menggubal Pelan Tindakan Modal Insan Wilayah Kelantan Selatan 2016-2019
Jangka Masa Pendek (Sehingga Disember 2015)	a. Menggubal pelan pembangunan modal insan yang holistik dan seimbang: ⊙ Rohani ▪ Mempertingkatkan ketakwaan dan ketaatan terhadap syari'at Allah ▪ Menyuburkan nilai murni dan amalan baik ▪ Membentuk sahsiah dan akhlak mulia ⊙ Akli ▪ Mewujudkan insan-insan terdidik ▪ Membentuk insan dan masyarakat yang berfikiran jernih, matang, bernas serta berwawasan ▪ Mempertingkatkan pemikiran kreatif dan inovatif ▪ Membentuk insan dan masyarakat yang menolak unsur-unsur fikrah yang merosakkan sama ada daripada media

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
	cetak, media elektronik mahupun individu atau golongan yang mempunyai agenda tersendiri ⊙ Emosi ▪ Mewujudkan persekitaran yang sihat dan kondusif dalam masyarakat ke arah pembentukan peribadi mulia ▪ Membangunkan jiwa yang kental, bersungguh-sungguh, berdaya tahan, berpandangan jauh dan bersyukur dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab sebagai individu mahupun anggota masyarakat ▪ Memiliki kekuatan untuk menutup atau menghindari unsur-unsur yang membawa kerosakan pada pembangunan diri ⊙ Fizikal ▪ Menyumbang pada kemajuan ekonomi untuk pembangunan diri, keluarga dan masyarakat ▪ Memanfaatkan kemudahan pendidikan, kesihatan dan fizikal untuk membina kehidupan sejahtera dan produktif b. Mempergiatkan program pembangunan modal insan yang holistik dan seimbang dengan memfokus pada: ⊙ Kanak-kanak pra sekolah ⊙ Pelajar ⊙ Belia ⊙ Wanita ⊙ Warga emas ⊙ Orang kelainan upaya ⊙ Usahawan ⊙ Golongan *ar-riqab* c. Memohon peruntukan bagi memperkenalkan skim pembangunan potensi modal insan (seperti biasiswa pengajian, tajaan kursus kemahiran, bantuan modal, pemadanan dan penempatan pekerjaan) untuk mengurangkan penghijrahan dan menarik anak tempatan yang bekerja di luar negeri Kelantan kembali untuk memajukan Wilayah Kelantan Selatan d. Merangka strategi penggalakan keusahawanan dengan menyediakan platform dan kemudahan dari segi: ⊙ Kewangan ⊙ Undang-undang dan peraturan ⊙ Program keusahawanan ⊙ Pendidikan dan latihan ⊙ Pemindahan kemahiran *R&D* ⊙ Pasaran ⊙ Akses kepada infrastruktur fizikal ⊙ Amalan dan budaya e. Memperluaskan peluang dan membantu mempertingkatkan daya keusahawanan melalui program motivasi, kemahiran dan insentif secara berfasa dan konsisten dengan memfokuskan pada: ⊙ Golongan wanita

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
	⊙ Golongan belia ⊙ Golongan lepasan graduan
Jangka Masa Sederhana (2016 - 2020)	a. Melaksanakan Pelan Tindakan Modal Insan Wilayah Kelantan Selatan 2016 -2019 b. Memperkukuhkan program pembangunan modal insan yang holistik, seimbang dan bernilai tambah c. Membangunkan sumber manusia di desa melalui pendedahan ilmu pertanian, keusahawanan dan kemahiran lain bagi membentuk masyarakat desa yang berdaya saing dan inovatif d. Mewujudkan peluang pekerjaan melalui mekanisme pembangunan modal insan holistik: ⊙ Pengukuhan jati diri ⊙ Penyuburan minat ⊙ Penimbaan ilmu ⊙ Penguasaan kemahiran e. Menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan: ⊙ Mengurangkan pergantungan kepada tenaga kerja asing dengan melatih penduduk tempatan sebagai modal insan pelapis ⊙ Membangunkan pusat latihan dan kemahiran bagi melahirkan tenaga mahir f. Menilai pencapaian pelaksanaan Pelan Tindakan Modal Insan Wilayah Kelantan Selatan 2016 - 2019
Jangka Masa Panjang (2021 - 2025)	Memperkukuhkan asas pembentukan modal insan yang berpegang pada nilai-nilai murni, berilmu, berkemahiran, berdaya saing dan berdikari
Pasca Jangka Masa Panjang (2026 - 2030)	a. Menyediakan sumber modal insan yang berintegriti, berprestasi tinggi dan berkelas pertama b. Melahirkan golongan profesional dan pakar dalam pelbagai bidang

v. *Kreativiti dan Inovasi*

Objektif:

a. Memupuk modal insan yang kreatif dan inovatif

b. Menggilap potensi modal insan dengan meneroka ilmu dan menguasai kemahiran baharu sebagai asas pembentukan masyarakat pengeluar dan pencipta

c. Memperkasakan modal insan dengan keupayaan mengurus cabaran transformasi

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
Segera (2014)	a. Mewujudkan satu unit khas pembangunan kreativiti dan inovasi b. Merangka perancangan bagi meletakkan asas pada pembentukan modal insan yang kreatif dan berinovasi dengan mengambil kira faktor penyumbang berikut: ⊙ Sumber teknologi dan ekonomi yang mencukupi untuk menggalakkan aktiviti kreatif dan inovasi ⊙ Sistem komunikasi yang membenarkan pertukaran maklumat dan idea ⊙ Sistem nilai yang memberi ganjaran pada kreativiti dan inovasi ⊙ Tahap penerimaan terhadap kreativiti dan inovasi yang tinggi ⊙ Sistem pendidikan yang menggalakkan pertanyaan, penyelidikan, penyiasatan dan penerokaan serta mengiktiraf kreativiti dan inovasi
Jangka Masa Pendek (Sehingga Disember 2015)	a. Merangka strategi dan kerangka program latihan untuk melahirkan k-pekerja dan k-profesional yang kreatif, inovatif dan berdaya saing dengan teras inisiatif berikut: ⊙ Pembelajaran berterusan ⊙ Penggalakan pemikiran strategik ⊙ Pengupayaan daya kreativiti dan inovatif yang tinggi ⊙ Pembuatan keputusan dan penyelesaian masalah ⊙ Penambahbaikan dengan suntikan elemen bernilai tambah b. Menjalin kerjasama dan mendapat sokongan daripada agensi dan institusi pendidikan, penyelidikan dan kemahiran sebagai sebahagian agen penggerak strategi dan program yang dirangka c. Merangka pelaksanaan program secara berjadual dan berfasa dengan memfokus pada kumpulan sasaran berikut: ⊙ Pelajar (sekolah rendah dan sekolah menengah) ⊙ Pelajar IPT ⊙ Belia ⊙ Usahawan ⊙ Pemimpin komuniti
Jangka Masa Sederhana (2016 - 2020)	a. Memperkukuhkan program inovasi melalui pemantapan: ⊙ Khidmat nasihat ⊙ Kemudahan sokongan ⊙ Jaringan kerjasama dan pembiayaan ⊙ Sokongan promosi dan insentif b. Menggalakkan program-program yang mempunyai elemen kreatif dan inovasi dalam aktiviti pembelajaran, latihan dan kemasyarakatan c. Mendapatkan peruntukan/penajaan daripada Kerajaan Persekutuan, kementerian atau agensi berkaitan, syarikat swasta dan badan-badan korporat bagi menyediakan infrastruktur asas dan sokongan serta menyemarakkan program peningkatan kreativiti dan inovasi d. Menggalakkan program pertukaran inovasi dengan negara luar
Jangka Masa Panjang (2021 - 2025)	a. Mendapatkan peruntukan bagi menjalankan *R&D* yang menyumbang pada penghasilan kreativiti dan inovasi yang bernilai tambah b. Menyediakan peluang untuk anak tempatan mendapat pendedahan

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
	meneroka dan mempelajari kemajuan bidang kreatif dan inovasi dalam bidang-bidang kritikal: ⊙ Sains dan teknologi ⊙ Pertanian dan perindustrian ⊙ Keusahawanan ⊙ Kesenian dan kebudayaan
Pasca Jangka Masa Panjang (2026 - 2030)	Menetapkan matlamat dan merangka perancangan untuk membentuk modal insan yang mempunyai keupayaan mencipta

5.2.4 Pembangunan Sosial: Membentuk Masyarakat Yang Sejahtera, Dinamik Dan Produktif

i. *Pembangunan Kepemimpinan Komuniti*

Objektif:

a. Menyediakan kepemimpinan yang berintegriti, berpandangan jauh dan berupaya menguasai perubahan

b. Memperkasakan daya kepemimpinan komuniti melalui pemantapan ilmu dan kemahiran

c. Memperkukuhkan peranan kepemimpinan komuniti sebagai agen penggerak transformasi dalam menyediakan persekitaran sosial yang sihat dan kondusif

d. Mempersiapkan pelapis kepemimpinan yang bersedia dan berkeupayaan tinggi untuk mengurus transformasi bersama ahli komuniti

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
Segera (2014)	Memantapkan jaringan kepemimpinan di penempatan KESEDAR melalui program: a. Penerangan b. Percambahan fikiran c. Dialog d. Pengiktirafan
Jangka Masa Pendek (Sehingga Disember 2015)	a. Mendapatkan peruntukan dan merangka opsyen-opsyen kewangan berjangka panjang (dana khas, tajaan dan pelaburan) untuk membantu kepemimpinan kampung/komuniti mengurus dan menggerakkan program dan aktiviti b. Mengadakan kursus secara objektif dan berfasa bagi memperkasakan daya dan kemahiran kepemimpinan untuk: ⊙ Barisan pemimpin ⊙ Ahli masyarakat c. Menyediakan peruntukan untuk kepemimpinan komuniti

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
	membangunkan projek-projek yang dapat membantu menjana pendapatan atau membangunkan dana kebajikan untuk penduduk d. Membentuk Pertubuhan Jaringan Kepemimpinan Komuniti KESEDAR yang terdiri daripada anak tempatan iaitu melibatkan: **Teras** ⊙ JKKK/JKKP kampung ⊙ Wanita ⊙ Belia ⊙ Pengurusan masjid **Sokongan** ⊙ Akademia ⊙ Profesional ⊙ Usahawan ⊙ Ahli pasukan keselamatan ⊙ Ahli badan-badan siasah ⊙ Pelajar IPTA/IPTS e. Menaja program kepemimpinan rakan sebaya dan belia bagi mengaktifkan golongan tersebut dalam aktiviti bermanfaat serta berpotensi mempengaruhi kelompok remaja/belia memiliki sahsiah mulia serta daya kepemimpinan
Jangka Masa Sederhana (2016 - 2020)	a. Menggubal Model Kepemimpinan Komuniti Wilayah Kelantan Selatan b. Membangunkan Program Pembangunan Kepemimpinan Komuniti (*Training of Trainers*) secara bersiri bagi memperkukuhkan kemahiran kepemimpinan dan menyediakan barisan pelapis c. Memantapkan pembinaan jaringan kepemimpinan menerusi perkongsian pintar dengan kepemimpinan agensi-agensi pembangunan wilayah yang terkehadapan dan peringkat serantau melalui: ⊙ Persidangan ⊙ Program lawatan kerja ⊙ Kerjasama strategik
Jangka Masa Panjang (2021 - 2025)	a. Memperluaskan fungsi dan peranan kepemimpinan komuniti sebagai: ⊙ Agen pembangunan insan (dengan menyuburkan minat, kemahiran dan komitmen) ⊙ Agen perhubungan dengan beberapa institusi kritikal (pembangunan Islam, pembangunan pendidikan, pembangunan sumber manusia, pembangunan keluarga dan masyarakat serta pembangunan kesejahteraan dan keselamatan) ⊙ Duta kecil untuk projek-projek sosioekonomi terpilih
Pasca Jangka Masa Panjang (2026 - 2030)	Menetapkan matlamat Wilayah Kelantan Selatan sebagai peneraju kepemimpinan komuniti peringkat nasional, serantau dan antarabangsa

ii. *Pembangunan Komuniti*

Objektif:

a. Menyediakan kehidupan sejahtera untuk masyarakat dengan melaksanakan agenda pembangunan komuniti secara menyeluruh dan seimbang

b. Membangunkan komuniti yang mengutamakan penghayatan agama, pendidikan seimbang, perpaduan dan keharmonian serta kemahuan menerima dan memacu perubahan

c. Menetapkan fikrah dan usaha secara kolektif untuk membentuk identiti komuniti KESEDAR yang dikagumi dan menjadi model rujukan

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
Segera (2014)	a. Menetapkan agenda pembangunan komuniti secara holistik merangkumi kumpulan berikut: ⊙ Individu: Kanak-kanak pra sekolah, pelajar, belia, wanita, warga emas, orang kelainan upaya, usahawan ⊙ Keluarga dan masyarakat: Ibu bapa, keluarga dan masyarakat ⊙ Institusi/organisasi sosial: Kepemimpinan kampung, pengurusan masjid/surau, pertubuhan wanita, pertubuhan belia, rukun tetangga, koperasi, NGO dan swasta b. Membentuk jawatankuasa khas bagi merancang, mengurus, memantau dan menilai pelaksanaan "Memasyarakatkan Pembangunan" c. Merangka perancangan dan pelaksanaan "Memasyarakatkan Pembangunan" dengan menerapkan lapan *uslub* (pendekatan) teras dalam usaha memperkasakan komuniti KESEDAR iaitu: ⊙ *Uslub siyasi* (politik) ⊙ *Uslub tarbiyyah* (pendidikan) ⊙ *Uslub dakwah* (ajakan) ⊙ *Uslub tafa'uliy* (reaktif) ⊙ *Uslub mufakaah* (insentif) ⊙ *Uslub idghat* (desakan) ⊙ *Uslub dakwah lit tafkir* (ajakan berfikir) ⊙ *Uslub musyarakah jama'iyyah* (penglibatan secara kolektif) d. Merangka perancangan strategik bagi meningkatkan kualiti dan kuantiti program pembangunan komuniti: ⊙ Jenis program ⊙ Kaedah pengendalian ⊙ Maklumat ⊙ Lokasi ⊙ Jaringan kerjasama ⊙ Penyertaan

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
Jangka Masa Pendek (Sehingga Disember 2015)	a. Mempergiatkan program pembangunan komuniti yang holistik dan seimbang: ⊙ Rohani • Meningkatkan ketakwaan dan ketaatan terhadap syari'at Allah • Menyuburkan nilai murni dan amalan baik • Membentuk sahsiah dan akhlak mulia ⊙ Akli • Mewujudkan insan-insan terdidik • Membentuk insan dan masyarakat yang berfikiran jernih, matang, bernas, berwawasan • Meningkatkan pemikiran kreatif dan inovatif • Membentuk insan dan masyarakat yang menolak unsur-unsur fikrah yang merosakkan sama ada daripada media cetak, media elektronik mahupun individu atau golongan yang mempunyai agenda tersendiri ⊙ Emosi • Mewujudkan persekitaran yang sihat dan kondusif dalam masyarakat ke arah pembentukan peribadi mulia • Membangunkan jiwa yang kental, bersungguh-sungguh, berdaya tahan, berpandangan jauh dan bersyukur dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawab sebagai individu mahupun anggota masyarakat • Memiliki kekuatan untuk menghindari unsur-unsur yang membawa kerosakan terhadap pembangunan diri ⊙ Fizikal • Menyumbang pada kemajuan ekonomi untuk pembangunan diri, keluarga dan masyarakat • Memanfaatkan kemudahan pendidikan, kesihatan dan fizikal untuk membina kehidupan sejahtera dan produktif b. Merangka strategi mengawal dan membasmi gejala sosial dengan menggunakan mekanisme: ⊙ Pencegahan ⊙ Pendidikan ⊙ Penguatkuasaan ⊙ Hukuman ⊙ Pemulihan c. Memperkukuh, membangun dan memperkasakan sistem kekeluargaan dan kemasyarakatan bagi membentuk masyarakat yang maju mengikut acuan Islam dan kekuatan budaya tempatan melalui program pemantapan: ⊙ Penghayatan agama ⊙ Pembinaan sahsiah ⊙ Pengukuhan perpaduan dan silaturahim ⊙ Pemantapan budaya

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
	⊙ Penguasaan ilmu dan kemahiran d. Memelihara kebajikan seluruh lapisan komuniti iaitu warga emas, orang kelainan upaya, miskin tegar, anak-anak yatim dan ibu tunggal: ⊙ Mendapatkan peruntukan untuk menyalurkan bantuan bulanan ⊙ Memajukan institusi wakaf bagi membantu penyaluran bantuan kesihatan, pendidikan dan pekerjaan ⊙ Menaja atau mendapatkan tajaan bagi tabung simpanan bertempoh untuk kegunaan kecemasan, melanjutkan pelajaran dan memulakan perniagaan ⊙ Mewujudkan skim insuran berkelompok ⊙ Mendapatkan kerjasama dan sokongan daripada Tenaga Nasional Berhad dan Syarikat Bekalan Air Kelantan untuk mengecualikan atau mengenakan bayaran minimum bagi penggunaan elektrik dan air ⊙ Menyediakan bantuan rumah dan tempat perlindungan e. Menyemarakkan semangat kesukarelawanan di kalangan seluruh lapisan penduduk Wilayah Kelantan Selatan: ⊙ Pemimpin ⊙ Wanita ⊙ Belia ⊙ Pelajar f. Merangka dan mempergiatkan inisiatif terhadap peningkatan kualiti hidup masyarakat: ⊙ Keselamatan ▪ Memupuk semangat kekitaan dan kejiranan di kalangan ahli komuniti ▪ Mengaktifkan rukun tetangga ▪ Menjalin kerjasama dengan badan-badan keselamatan (polis, bomba, RELA) ▪ Mengadakan program dan kempen kesedaran keselamatan secara berkala ⊙ Kemudahan awam (akses dan penyelenggaraan) ▪ Memperkenalkan mekanisme pemantauan berkaitan keperluan dan penyelenggaraan kemudahan awam ▪ Mempergiatkan skim penajaan kemudahan awam dengan mendapatkan kerjasama dan sokongan daripada badan-badan korporat serta individu ▪ Menyediakan peruntukan untuk menggalak serta memanfaatkan daya kreativiti dan inovatif komuniti untuk membina sendiri kemudahan awam ⊙ Kebersihan, keindahan serta keceriaan untuk kampung-kampung dan bandar-bandar utama ▪ Menyuburkan kesedaran dan budaya cintakan kebersihan melalui program, kempen dan pengiktirafan ▪ Mempergiatkan program gotong-royong bersama masyarakat secara lebih kerap

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
	▪ Memastikan pengurusan dan pelupusan sampah yang berkesan ▪ Mempromosi kempen kebersihan secara berkesan melalui sesi penerangan, klinik bergerak, papan iklan serta program ilmu di masjid/surau (ceramah agama, forum dan khutbah) ⊙ Semangat perpaduan • Memperkukuhkan perpaduan melalui: ▪ Mempergiatkan kempen penghayatan semangat perpaduan menurut Islam (ceramah, forum, risalah, papan iklan) ▪ Menganjurkan program pertukaran lawatan antara kampung di bawah KESEDAR dan petempatan-petempatan contoh di bawah agensi-agensi pembangunan wilayah yang lain ▪ Mempergiatkan program turun padang ▪ Memberi peluang penglibatan kepada komuniti secara adil, telus dan inklusif bagi mewujudkan persefahaman serta perpaduan g. Menyemarakkan pembangunan Islam di Wilayah Kelantan Selatan ⊙ Menganjur program-program kerohanian secara konsisten di masjid, surau dan sekolah ⊙ Menjalin hubungan dan kerjasama dengan pengurusan masjid melalui program berkala (lawatan, jamuan teh, majlis berbuka puasa dan menyediakan ruangan khas dalam buletin KESEDAR untuk berita aktiviti ataupun sumbangan penulisan) ⊙ Memperkenalkan konsep masjid angkat KESEDAR bagi setiap wilayah dengan menyediakan manual pengurusan dan memberi latihan kepada pengurusan masjid berkenaan mengurus secara profesional dan menjadi model bagi masjid-masjid lain ⊙ Memperkenalkan program Dai'e Mithali secara tahunan
Jangka Masa Sederhana (2016 - 2020)	a. Memperlengkapkan komuniti dengan kehidupan yang berkualiti dari segi: ⊙ Memenuhi keperluan asas: kehidupan beragama, kehidupan berkeluarga, makanan, rumah, kesihatan dan keselamatan ⊙ Menikmati kehidupan harmoni: bersatu hati, berkasih sayang, saling menghormati dan menjaga hak ⊙ Mencintai ilmu: pendidikan, latihan dan pengalaman ⊙ Membina identiti tersendiri: rasa milik bersama, nilai kerohanian, keelokan akhlak dan ketinggian budaya ⊙ Memelihara persekitaran yang sihat: sumber alam yang berkualiti dan lestari ⊙ Memperoleh pendapatan berkat: bekerja secara ikhlas, kreatif, produktif dan mengharap keredhaan Allah b. Membentuk insan dan komuniti yang memiliki ketinggian dari segi pegangan agama, ilmu, pemikiran, kemahiran, kecergasan dan budaya melalui program pemerkasaan diri: ⊙ Kerohanian dan sahsiah

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
	⊙ Pendidikan ⊙ Latihan dan kemahiran ⊙ Kreativiti dan inovatif ⊙ Teknologi dan saintifik ⊙ Potensi dan daya berdikari c. Membentuk komuniti yang celik IT melalui program dan pendekatan e-komuniti dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan: ⊙ Membangunkan pusat IT untuk komuniti IT ⊙ Menyediakan kemudahan IT bergerak ke kawasan yang kurang kemudahan IT ⊙ Menyemarakkan program IT desa ⊙ Menganjurkan Bulan IT Wilayah Kelantan Selatan ⊙ Mewujudkan Kelab IT Generasi Muda Wilayah Kelantan Selatan
Jangka Masa Panjang (2021 - 2025)	a. Meneruskan usaha pemerkasaan program pembangunan insan dan komuniti dengan menyuntik elemen-elemen nilai tambah dan transformasi bagi melestarikan kualiti hidup masyarakat sebuah negara/wilayah maju yang menyumbang pada: ⊙ Peningkatan jati agama, diri dan budaya ⊙ Penyuburan minda kelas pertama ⊙ Pengukuhan institusi keluarga ⊙ Pemantapan perpaduan ⊙ Pengukuhan taraf hidup b. Memperkukuhkan asas pembentukan komuniti beriman, berilmu, berkemahiran, berdaya saing dan berdikari c. Mempergiatkan usaha pembentukan komuniti bertanggungjawab yang bersatu hati menyokong, menyumbang peranan dan menjayakan agenda transformasi pembangunan holistik terdiri daripada: ⊙ Pihak berkuasa tempatan ⊙ Kepemimpinan komuniti ⊙ Pertubuhan sosial ⊙ Generasi muda ⊙ Institusi sosial
Pasca Jangka Masa Panjang (2026 - 2030)	Menterjemahkan hasil berimpak lapan *uslub* teras pemerkasaan komuniti yang mencorakkan Wilayah Kelantan Selatan sebagai sebuah wilayah yang mencapai status "*Baldatun Toiyyibatun Wa Rabbun Ghafur*"

5.2.5 Pembangunan Infrastruktur: Membangunkan Infrastruktur Dan Kemudahan Awam Yang Menyeluruh, Lengkap Dan Mudah Dicapai

i. *Sistem Perhubungan dan Pengangkutan Awam*

Objektif:

a. Membangunkan sistem perhubungan dan pengangkutan awam secara berfokus dan intensif ke arah menyediakan persekitaran sosioekonomi yang berkualiti

b. Mempertingkatkan kualiti infrastruktur dan pengangkutan awam yang memenuhi keperluan semasa dan jangka masa panjang

c. Mengutamakan kemampanan dan kualiti alam sekitar dalam melaksanakan pembangunan perhubungan awam dan sistem pengangkutan awam

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
Segera (2014)	Menetapkan matlamat untuk mempertingkatkan sistem perhubungan dan pengangkutan sebagai agenda utama menggerakkan pembangunan Wilayah Kelantan Selatan
Jangka Masa Pendek (Sehingga Disember 2015)	a. Mewujudkan rangkaian dan akses perhubungan Wilayah Kelantan Selatan dengan memfokus pada: ⊙ Mempertingkatkan perhubungan darat • Merancang pembangunan infrastrukur antara wilayah sebagai asas merangsang pembangunan ekonomi dan fizikal di Wilayah Kelantan Selatan • Merancang pembangunan infrastruktur perhubungan bagi mempertingkatkan tahap kemudahsampaian ke kawasan luar bandar • Menyelaras semua program pembangunan infrastruktur perhubungan antara agensi-agensi berkaitan • Menetapkan mekanisme pemantauan bagi memastikan perancangan pembangunan infrastruktur yang diluluskan, dilaksanakan mengikut jadual menjelang 2020 dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan ⊙ Membangunkan sistem pengangkutan yang mampan • Membuat unjuran keperluan sistem perhubungan dan pengangkutan yang dapat memenuhi keperluan semasa dan pada masa hadapan • Memperkukuhkan sistem perhubungan dan pengangkutan awam selari dengan peningkatan tahap mobiliti penduduk dengan mengenal pasti tapak atau kawasan strategik untuk membina terminal dan stesen pengangkutan awam • Merancang pelaksanaan pembangunan sistem pengangkutan perhubungan dan pengangkutan awam secara berfasa dan strategik • Menetapkan mekanisme pemantauan bagi memastikan perancangan pembangunan sistem pengangkutan

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
	perhubungan dan pengangkutan awam dilaksanakan mengikut jadual menjelang 2020 dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan b. Mendapatkan peruntukan untuk melaksanakan perancangan mempertingkatkan sistem perhubungan dan pengangkutan Wilayah Kelantan Selatan
Jangka Masa Sederhana (2016 - 2020)	a. Mempertingkatkan kecekapan sistem perhubungan darat yang melibatkan Wilayah Kelantan Selatan dengan jajahan-jajahan negeri Kelantan yang lain, negeri-negeri lain serta Putrajaya dan Lembah Kelang sebagai pusat pentadbiran dan ekonomi dengan mengambil inisiatif: ⊙ Mewujudkan akses baru dan strategik di antara Kota Bharu-Jeli ⊙ Membina laluan baru yang menjadikan Wilayah Kelantan Selatan sebagai akses alternatif kepada Lebuhraya Pantai Timur iaitu membangunkan jalan penghubung antara dari Jerteh ke Machang-Tanah Merah-Rantau Panjang dan Kota Bharu-Gua Musang ⊙ Pembinaan pelabuhan darat di Kuala Krai b. Menggerak dan memperkukuhkan kerjasama dengan agensi-agensi pusat untuk memudahkan proses penetapan laluan, jajaran, persimpangan dan kawasan rehat serta proses pengambilan balik tanah dengan langkah-langkah berikut: ⊙ Mengenal pasti laluan dan jajaran yang terlibat ⊙ Mengambil kira kawasan sensitif alam sekitar ⊙ Merangka kos dan jadual pengambilan balik tanah ⊙ Mendapatkan peruntukan c. Membina rangkaian jalan raya yang menyokong pelabuhan darat di Wilayah Kelantan Selatan dengan mengambil langkah-langkah berikut: ⊙ Mengkaji keupayaan jalan raya sedia ada ⊙ Mengkaji keperluan peningkatan taraf sistem jalan raya untuk menampung fungsi baharu bandar ⊙ Menyediakan pelan reka bentuk ⊙ Mendapatkan peruntukan ⊙ Melaksanakan projek mengikut jadual d. Membina rangkaian jalan raya yang menghubungkan Bandar Gua Musang dengan kawasan-kawasan sekitar dengan mengambil langkah-langkah berikut: ⊙ Menyediakan inventori laluan kawasan kampung dan keadaan jalan sedia ada ⊙ Mengenal pasti projek-projek yang perlu dilaksanakan ⊙ Mendapatkan peruntukan ⊙ Melaksanakan projek mengikut jadual e. Memberi penekanan terhadap kemampanan dan kualiti alam sekitar berkaitan dengan program-program pembangunan infrastruktur perhubungan dan sistem pengangkutan: ⊙ Mewajibkan penyediaan Laporan Analisis Kesan Alam Sekitar (EIA) ke atas semua cadangan projek pembangunan infrastruktur perhubungan

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
	⊙ Mewajibkan penyediaan Laporan Analisis Kesan Lalu Lintas (TIA) ke atas cadangan projek-projek pembangunan hartanah mengikut sensitiviti lokasi ⊙ Merancang sistem pengurusan lalu lintas yang efisien di bandar-bandar dan melaksanakan kawalan pelepasan asap kenderaan ⊙ Menggalakkan peningkatan dalam penggunaan mod pengangkutan awam di bandar-bandar f. Memodenkan Terminal KTMB di Tanah Merah dengan mendapatkan peruntukan bagi membina rangkaian jalan raya yang baik, efisien, strategik dan menyeluruh yang menyumbang pada kemudahan akses dan merancakkan aktiviti ekonomi di bandar tersebut g. Memberi penekanan pada sistem penyelenggaraan ke atas infrastruktur perhubungan dan pengangkutan secara cekap, konsisten dan mengikut piawaian h. Melengkapkan pembangunan infrastruktur perhubungan dan pengangkutan dengan membina kawasan rehat dan rawat (R&R) yang kondusif dengan mengambil langkah-langkah berikut: ⊙ Mengenal pasti dan menetapkan lokasi hentian ⊙ Menyediakan pelan susun atur dan pelan reka bentuk ⊙ Mendapatkan peruntukan ⊙ Melaksanakan projek mengikut jadual i. Memperkasakan tahap efikasi pengurusan dan kemampuan kewangan bagi menyediakan perkhidmatan berkualiti untuk masyarakat, merangkumi kemudahan awam, pendidikan, kesihatan dan keselamatan
Jangka Masa Panjang (2021 - 2025)	a. Membina akses baru di antara Jeli dan Kuala Krai: ⊙ Menetapkan laluan dengan mengambil kira keupayaan jalan sedia ada dengan mendapatkan khidmat nasihat daripada Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan ⊙ Menyediakan pelan reka bentuk ⊙ Mendapatkan peruntukan ⊙ Mengurus urusan pengambilan balik tanah ⊙ Melaksanakan projek b. Memberi penekanan pada sistem penyelenggaraan ke atas infrastruktur perhubungan dan pengangkutan secara cekap, konsisten dan mengikut piawaian
Pasca Jangka Masa Panjang (2026 - 2030)	Mempertingkatkan kualiti infrastruktur perhubungan dan pengangkutan secara konsisten sehingga mencapai piawaian sistem perhubungan dan pengangkutan berkelas pertama

ii. *Bekalan Elektrik*

Objektif:

a. Menyediakan bekalan elektrik yang memenuhi keperluan pembangunan setempat dan pengisian fasa transformasi menjelang 2030

b. Mempertingkatkan mutu bekalan elektrik yang menyeluruh meliputi petempatan kampung, kawasan pedalaman, bandar-bandar serta kawasan industri yang sedang dan akan dibangunkan

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
Segera (2014)	Memperkenalkan mekanisme pamantauan dengan kerjasama agensi berkaitan bagi memastikan mutu perkhidmatan bekalan elektrik adalah baik, meliputi semua kawasan dan berterusan
Jangka Masa Pendek (Sehingga Disember 2015)	Memastikan bekalan elektrik dapat memenuhi keperluan pembangunan dan perbandaran khususnya di Wilayah Kelantan Selatan sebagai persediaan memasuki fasa transformasi dan maju dengan mendapatkan khidmat nasihat daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air serta Tenaga Nasional Berhad
Jangka Masa Sederhana (2016 - 2020)	a. Memperuntukkan rizab tanah untuk pemasangan pencawang masuk utama yang baharu dan laluan kabel elektrik ke semua kawasan b. Memperluaskan sumber tenaga elektrik alternatif seperti tenaga solar terutamanya di kawasan pedalaman kerana kurang kos efektif jika menggunakan sumber tenaga elektrik sedia ada c. Menganalisis unjuran keperluan bekalan elektrik 2020-2030 dan merangka tindakan persediaan
Jangka Masa Panjang (2021 - 2025)	Menyediakan pelan pembangunan yang menyeluruh bagi memastikan tenaga elektrik dapat dibekalkan pada masa yang tepat serta mengambil kira risiko gangguan yang boleh menjejaskan operasi khususnya di kawasan-kawasan industri
Pasca Jangka Masa Panjang (2026 - 2030)	a. Mengutamakan penggunaan sumber tenaga elektrik secara kos efektif dan mengamalkan penggunaan elektrik secara berhemat b. Menggalakkan penggunaan gas asli sebagai sumber tenaga elektrik alternatif bagi mengurangkan pergantungan pada minyak

iii. *Bekalan Air*

Objektif:

a. Mempergiatkan pembangunan infrastruktur bekalan air yang menyeluruh meliputi pembangunan rawatan dan pengagihan air (loji rawatan, rangkaian paip dan kemudahan takungan)

b. Mengutamakan bekalan air bersih dan berkualiti yang mencukupi untuk masyarakat

c. Memenuhi keperluan bekalan air untuk pembangunan setempat dan pengisian fasa transformasi menjelang 2030

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
Segera (2014)	Menilai secara menyeluruh infrastruktur bekalan air yang merangkumi sumber air, loji rawatan air, pengagihan air, rangkaian paip dan takungan air
Jangka Masa Pendek (Sehingga Disember 2015)	a. Mendapatkan kerjasama daripada agensi berkaitan bagi mengurangkan kadar kehilangan air atau kadar air tidak berhasil melalui penggantian paip lama, paip bocor, meter air rosak dan mengawal selia kegiatan penyambungan air secara tidak sah b. Menjalankan penilaian bagi meningkatkan mutu dan sistem paip bekalan air sedia ada iaitu dari segi lingkungan, jenis serta saiz paip dan maklumat hasil penilaian tersebut disimpan dalam GIS untuk rujukan dan perancangan pada masa hadapan
Jangka Masa Sederhana (2016 - 2020)	a. Melaksanakan projek Bekalan Air Kelantan Utara (BAKU) bagi memastikan bekalan air mencukupi dan berterusan dengan membina loji air yang mengambil air sungai serta loji rawatan air tanah b. Membina lebih banyak loji rawatan air c. Mempertingkatkan taraf loji sedia ada d. Mempertingkatkan takungan dan tangki simpanan air supaya dapat menampung keperluan 24 jam jika terdapat gangguan bekalan air
Jangka Masa Panjang (2021 - 2025)	a. Menjalankan kajian penilaian semula keupayaan loji air bagi membantu badan pengurusan air mengurus secara cekap dan kos efektif b. Menyusun semula loji air sedia ada bagi memastikan operasi bekalan air mentah adalah ekonomik c. Mengutamakan bekalan air bersih yang berkualiti dan memenuhi piawaian *"National Guideline for Drinking Water"* yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan
Pasca Jangka Masa Panjang (2026 - 2030)	a. Memberi fokus pada usaha menyediakan air bersih berkualiti yang mencukupi dan berterusan b. Memastikan bersikap peka pada teknologi terkini rawatan air yang menghasilkan bekalan air bersih yang berkualiti

iv. *Telekomunikasi*

Objektif :

a. Memperkukuhkan pengurusan KESEDAR melalui penggunaan ICT secara meluas dalam sistem pengurusan dan pentadbiran

b. Mempertingkatkan perkhidmatan telekomunikasi yang dapat memenuhi keperluan semasa dan fasa transformasi menjelang 2030

c. Membuat persediaan bagi merealisasikan matlamat membangunkan koridor multimedia di Wilayah Kelantan Selatan

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
Segera (2014)	a. Menetapkan sasaran pencapaian secara objektif dan strategik terhadap inisiatif-inisiatif yang digubal dalam Pelan Strategik ICT KESEDAR 2013-2017 b. Mewujudkan unit khas untuk mengurus GIS termasuk melantik pegawai yang berkemahiran dalam bidang berkenaan dan melatih warga kerja KESEDAR yang mempunyai kemahiran asas untuk mengurus dan mengendalikannya
Jangka Masa Pendek (Sehingga Disember 2015)	b. Mempertingkatkan keupayaan ibu sawat utama dan ibu sawat kawasan bagi memastikan muatan talian dapat menampung permintaan talian pada masa hadapan terutama di pusat petempatan utama c. Menjalin kerjasama strategik dengan syarikat-syarikat telekomunikasi bagi memperluaskan kawasan liputan perkhidmatan telefon selular dan perkhidmatan jalur lebar terutamanya di kawasan pendalaman d. Menyediakan lebih banyak kemudahan telefon awam terutamanya di kawasan pendalaman dan mengenal pasti mekanisme pemantauan berkesan terhadap kemudahan tersebut
Jangka Masa Sederhana (2016 - 2020)	a. Menyediakan peruntukan rizab tanah untuk pemasangan laluan kabel telefon dengan gentian baharu b. Mempertingkatkan tahap perkhidmatan sistem telekomunikasi yang berteknologi baharu dengan penggunaan gentian optik c. Menjalin perkongsian pintar antara pihak swasta dengan agensi kerajaan dalam penyediaan kemudahan makmal ICT di setiap mukim d. Menilai kemajuan pencapaian Pelan Strategik ICT KESEDAR 2013-2017 bagi mengenal pasti aspek-aspek kritikal yang perlu diperkukuh dan terus dipergiatkan e. Memperkasakan KESEDAR sebagai badan pentadbiran dan pengurusan elektronik: ⊙ Meluaskan penggunaan ICT dalam pentadbiran dan pengurusan ⊙ Meluaskan penggunaan GIS dalam perancangan spatial

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
Jangka Masa Panjang (2021 - 2025)	a. Mempertingkatkan penggunaan teknologi maklumat dan telekomunikasi (ICT) dengan memperkukuhkan infrastruktur ICT sedia ada secara berterusan b. Memantapkan kemudahan dan perkhidmatan telekomunikasi yang berkeupayaan tinggi, menepati keperluan semasa dan pada masa hadapan serta meliputi kesemua kawasan di bawah Wilayah Kelantan Selatan c. Mengutamakan pembangunan latihan modal insan berkemahiran mengurus teknologi tinggi dan moden
Pasca Jangka Masa Panjang (2026 - 2030)	a. Membangunkan koridor multimedia di Wilayah Kelantan Selatan b. Memajukan industri berasaskan teknologi maklumat di kawasan koridor multimedia di Wilayah Kelantan Selatan

v. *Perparitan dan Saliran*

Objektif:

a. Membangunkan sistem perparitan dan saliran yang bersepadu serta menyeluruh untuk menjamin masyarakat menikmati kehidupan yang selamat dan sejahtera

b. Mempertingkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan pemeliharaan saliran dan penyelenggaraan parit serta mengamalkan sikap cintakan kebersihan dan alam semula jadi

c. Meneroka dan mengguna pakai teknologi terkini dan mencapai piawaian antarabangsa dalam mengurus masalah, sumber dan potensi air bagi pembangunan semasa dan pengisian fasa transformasi menjelang 2030

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
Segera (2014)	Merangka perancangan pembangunan sistem pengairan dan saliran yang bersepadu dan menyeluruh bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan kehidupan rakyat yang merangkumi aspek-aspek: a. Pengairan b. Tebatan banjir dan saliran c. Sumber bekalan air dan tenaga elektrik hidro d. Rekreasi dan pemuliharaan sungai
Jangka Masa Pendek (Sehingga Disember 2015)	Mempertingkatkan sistem pengurusan pengairan dengan: a. Menambahkan takungan simpanan air untuk musim kemarau b. Membina saluran konkrit bagi tali air tertiari dan tali air sawah c. Menggunakan sistem kawalan jauh dan dihubungkan kepada bilik kawalan pusat berkomputer d. Membina sistem pam (bergerak dan tetap)

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
Jangka Masa Sederhana (2016 - 2020)	a. Membangunkan infrastruktur tebatan banjir dan saliran dengan: ⊙ Membina empangan ⊙ Membina kolam tadahan air larian ⊙ Mendalam dan melebar sungai ⊙ Menstabilkan tebing sungai ⊙ Membina benteng ⊙ Membina saliran pintasan sebagai saliran tambahan ⊙ Membina sistem pam (bergerak dan tetap) b. Mempergiatkan kempen kesedaran tentang kepentingan sungai kepada penduduk Wilayah Kelantan Selatan secara berterusan dan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan dan swasta
Jangka Masa Panjang (2021 - 2025)	Mendapatkan khidmat nasihat dan kepakaran Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS) bagi melaksanakan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (*Integrated River Basin Management*/IRBM) secara mampan bertujuan: a. Mengatasi pelbagai masalah dan isu sumber air seperti pencemaran air, kekurangan air dan banjir dalam konteks isu guna tanah dan pembangunan di sesebuah lembangan sungai b. Mewujudkan satu keseimbangan dan memenuhi kehendak fungsi-fungsi semula jadi sesebuah sistem lembangan sungai dan juga pembangunannya c. Memenuhi kehendak masyarakat untuk mengurus lembangan sungai bagi menyokong aktiviti pertanian dan industri dan juga melindungi ekosistem semula jadi serta kegunaan rekreasi
Pasca Jangka Masa Panjang (2026 - 2030)	Mengguna pakai teknologi terkini dalam pengurusan dan pendayaupayaan sumber air bagi menggerakkan ekonomi serta memenuhi agenda menyediakan kehidupan berkualiti untuk masyarakat di Wilayah Kelantan Selatan

vi. *Kemudahan Sosial*

Objektif:

a. Menyedia dan memperlengkapkan Wilayah Kelantan Selatan dengan infrastruktur dan kemudahan awam yang bersepadu, berkualiti dan menyeluruh

b. Mentransformasi Wilayah Kelantan Selatan sebagai sebuah wilayah yang lebih tersusun serta pembangunan infrastruktur dan kemudahan awamnya mencapai piawaian sebuah negara/wilayah maju

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
Segera (2014)	⊙ Merangka perancangan dan pendekatan multidimensi bagi memperlengkapkan kemudahan sosial yang berkualiti untuk masyarakat serta menjamin kesejahteraan dan kesempurnaan hidup ⊙ Membuat ketetapan pemakaian Local Agenda 21 dalam pentadbiran setiap PBT

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
Jangka Masa Pendek (Sehingga Disember 2015)	***Pembangunan Kemudahan Pendidikan*** a. Merangka perancangan dengan kerjasama kementerian/jabatan pendidikan bagi menyediakan kemudahan pendidikan daripada peringkat asas sehingga ke peringkat tertiari bagi melahirkan masyarakat yang celik ilmu b. Mempertingkatkan kualiti sekolah-sekolah aliran agama sedia ada bagi melahirkan sistem pendidikan persekolahan yang berkualiti dan memartabatkan pendidikan aliran sekolah agama c. Menyedia dan mempertingkatkan kualiti kemudahan perpustakaan yang lebih efisien dan berkualiti ***Pembangunan Kemudahan Kesihatan*** Mengoptimumkan penggunaan sumber melalui kerjasama antara pihak awam dan swasta ***Pembangunan Infrastruktur Perhubungan dan Pengangkutan Awam*** Memperkukuhkan pembangunan infrastruktur perhubungan dan pengangkutan awam di kawasan pedalaman a. Mempertingkatkan kemudahan dan jaringan jalan raya dan sistem pengangkutan yang berkualiti ke kawasan pendalaman b. Memperbaiki jalan yang rosak dengan segera bagi menjamin keselamatan dan kegiatan ekonomi dapat dijalankan dengan lancar ***Pembangunan Kemudahan Perumahan*** a. Memperkasakan mekanisme penyaluran Program Bantuan Rumah (PBR) KESEDAR iaitu: ⊙ Pembinaan rumah ⊙ Baik pulih rumah b. Merangka perancangan penyediaan perumahan mampu milik yang berkualiti secara menyeluruh dan berfasa dengan memfokus pada: ⊙ Perumahan kos rendah ⊙ Perumahan kos sederhana rendah ⊙ Perumahan kos sederhana ⊙ Perumahan kos tinggi c. Membangunkan sistem maklumat sosioekonomi dan perumahan di peringkat jajahan yang berkaitan dengan perancangan dan pembangunan kawasan yang dihubungkan secara terus dengan agensi pelaksana di peringkat negeri d. Menyediakan maklumat sosioekonomi penduduk bagi kegunaan pemaju awam/swasta yang ingin menyediakan unit kediaman yang menepati keperluan ***Pembangunan Kemudahan Rumah Ibadat*** Menubuhkan satu jawatankuasa yang bertanggungjawab dalam proses perancangan, penyelenggaraan dan pemantauan kemudahan rumah ibadat dan tanah perkuburan ***Pembangunan Kemudahan Sosial, Sukan dan Rekreasi*** a. Merangka perancangan bagi menyediakan kemudahan sosial, sukan dan rekreasi mengikut jenis-jenis pusat petempatan iaitu pusat wilayah, pusat separa wilayah, pusat tempatan utama, pusat tempatan kecil dan pusat pertumbuhan desa

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
	b. Menyediakan kemudahan sosial, sukan dan rekreasi berdasarkan pada bilangan penduduk bagi mewujudkan kemudahan yang mencukupi dan selesa c. Mempertingkatkan kemudahan pengangkutan awam seperti bas dan teksi ke kawasan rekreasi
Jangka Masa Sederhana (2016 - 2020)	***Pembangunan Kemudahan Pendidikan*** a. Menyediakan kemudahan pendidikan mengikut jenis yang diperlukan berdasarkan piawaian semasa dan secara berfasa b. Memperlengkapkan sekolah-sekolah dengan makmal-makmal yang lengkap dengan teknologi terkini sebagai sokongan sistem pendidikan yang disediakan c. Melahirkan pembangunan kemudahan pendidikan yang seimbang melalui penyediaan kemudahan-kemudahan sekolah khas bagi golongan istimewa dan kelainan upaya d. Mewujudkan sebuah universiti atau membangunkan cawangan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) di Wilayah Jeli e. Memperlengkapkan kemudahan perpustakaan dengan menawarkan perkhidmatan e-khidmat dari segi urusan pinjaman dan pemulangan, pencarian bahan, mempunyai sistem rangkaian antara pusat-pusat sumber dengan perpustakaan lain dan kemudahan komputer sebagai pusat latihan ***Pembangunan Kemudahan Kesihatan*** a. Menyediakan kemudahan kesihatan secara komprehensif dan melalui pendekatan secara *four tiers* iaitu peringkat hospital, hospital daerah, klinik kesihatan dan klinik desa b. Menyediakan kemudahan kesihatan berdasarkan pada keperluan penduduk sehingga akhir tahun perancangan c. Mempertingkatkan penggunaan teknologi terkini seperti telekesihatan dalam mewujudkan perkhidmatan kesihatan yang lebih efisien dan sistematik ***Pembangunan Kemudahan Perumahan*** a. Mengutamakan penyediaan rumah kos rendah selaras dengan tahap permintaan penduduk mengikut jajahan: ⊙ Memudahkan proses kelulusan pembangunan yang membabitkan perumahan kos rendah ⊙ Memantau agar kuota minimum 50% penyediaan rumah kos rendah yang dicadangkan dipatuhi ⊙ Menggalakkan penglibatan sektor swasta di dalam pembangunan perumahan kos rendah melalui pemberian insentif seperti usahasama dengan kerajaan bagi pembangunan kemudahan infrastruktur dan kemudahan awam dalam sesuatu projek pembangunan ⊙ Memantau agar pembangunan perumahan kos rendah mematuhi piawaian spesifikasi yang telah ditetapkan oleh kerajaan b. Mempergiatkan inisiatif bagi memenuhi sasaran unjuran keperluan perumahan sehingga 2020 iaitu: ⊙ Perumahan kos rendah: 90,990 unit

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
	⊙ Perumahan kos sederhana rendah: 36,395 unit ⊙ Perumahan kos sederhana: 36,395 unit ⊙ Perumahan kos tinggi: 18,198 unit c. Memantau pelaksanaan projek pembangunan perumahan d. Menyediakan skim bantuan dan sokongan kemudahan perumahan yang adil dan telus: ⊙ Menyediakan mekanisme permohonan dan penyaluran bantuan yang berkesan ⊙ Memperkenalkan Skim Tabungan Kediaman bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk membayar wang pendahuluan dengan kerjasama institusi-institusi kewangan ***Pembangunan Kemudahan Rumah Ibadat*** a. Membangunkan satu sistem komprehensif dan sistematik bagi kemudahan rumah ibadat melalui penyediaan pangkalan data jemaah-jemaah dan kemudahan kawasan tanah perkuburan b. Mempertingkatkan dan menguatkuasakan garis panduan penyediaan kemudahan tanah perkuburan secara lebih intensif c. Memohon penyediaan rumah ibadat dan tanah perkuburan yang berdasarkan pada keperluan sehingga akhir tahun perancangan ***Pembangunan Kemudahan Sosial, Sukan dan Rekreasi*** a. Membangunkan pusat komuniti yang memenuhi keperluan dan kesesuaian kampung (ruang niaga, dewan, padang awam/padang permainan/gelanggang sukan, bilik ICT/Medan Infodesa, perpustakaan mini, tadika dan sebagainya) b. Merancang dan menempatkan kemudahan di lokasi strategik dan pusat pusat tumpuan c. Mewujudkan pengurusan dan penyelenggaraan kemudahan yang telus dan berterusan d. Menggalakkan pembangunan kawasan-kawasan rekreasi sedia ada dan baharu yang menerapkan penyediaan kemudahan-kemudahan secara integrasi dan komprehensif antara rekreasi hierarki rendah hingga tinggi e. Menjalin kerjasama dengan pihak swasta atau pemaju dalam penyediaan kemudahan rekreasi, kompleks-kompleks sukan dan aktiviti rekreasi f. Mempertingkatkan tahap aksesibiliti ke kawasan rekreasi melalui penyediaan akses penghubung dan perkhidmatan pengangkutan awam yang baik dan berkualiti g. Menyedia dan mempertingkatkan kualiti kemudahan sokongan yang lain seperti tandas awam, bilik persalinan dan surau h. Memastikan peruntukan adalah mencukupi dalam menyalurkan bantuan kewangan bagi kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan oleh pihak kerajaan dan swasta
Jangka Masa Panjang (2021 - 2025)	***Pembangunan Kemudahan Pendidikan*** a. Memperkasakan sistem pendidikan bagi pembelajaran dan pengajaran (P&P) selari dengan penggunaan teknologi maklumat terkini

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
	b. Mempergiatkan pembangunan guna tanah yang ideal dan optimum dengan mewujudkan sekolah-sekolah baharu secara integrasi dan berkelompok yang lengkap dengan kemudahan terkini c. Mempertingkatkan kemudahan pendidikan tinggi dengan menambah institusi-institusi pengajian tinggi khususnya dalam bidang sains dan teknologi bersama pendidikan Islam ***Pembangunan Kemudahan Kesihatan*** a. Mewujudkan pusat kemudahan kesihatan swasta bagi peringkat zon Wilayah Kelantan Selatan b. Memajukan Wilayah Kelantan Selatan sebagai hab kesihatan Koridor Pantai Timur ***Pembangunan Kemudahan Perumahan*** a. Meneruskan inisiatif bagi memenuhi sasaran keperluan perumahan pasca 2020 b. Melaksanakan program pembangunan semula kediaman serta mempertingkatkan tahap pembekalan kemudahan asas bagi mewujudkan unit kediaman yang berkualiti dan selesa: ⊙ Mengenal pasti kawasan petempatan kampung yang memerlukan langkah penempatan semula berkelompok bagi memudahkan pembekalan kemudahan asas serta unit-unit kediaman kampung yang memerlukan pembaikan/penggantian segera bagi setiap jajahan ⊙ Menggalakkan penglibatan sektor awam dan swasta dalam meningkatkan kualiti persekitaran dan kualiti unit kediaman kampung bagi menjadikannya sebagai salah satu alternatif/pilihan unit kediaman pada masa hadapan ***Pembangunan Kemudahan Rumah Ibadat*** Memohon penyediaan rumah ibadat dan tanah perkuburan yang berdasarkan pada keperluan sehingga akhir tahun perancangan ***Pembangunan Kemudahan Sosial, Sukan dan Rekreasi*** a. Menggalakkan penyertaan pihak swasta dalam program-program pembangunan kemudahan rekreasi dan sukan b. Memastikan peruntukan adalah mencukupi dalam menyalurkan bantuan kewangan bagi kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan oleh pihak kerajaan dan swasta c. Menyediakan jadual penyelenggaraan bagi memastikan kerja-kerja penyelenggaran dapat berjalan dengan sistematik
Pasca Jangka Masa Panjang (2026 - 2030)	Memperlengkapkan Wilayah Kelantan Selatan dengan infrastruktur sosioekonomi yang moden, inovatif dan dinamik selari dengan pencapaian status sebuah wilayah maju

5.2.6 Pemantapan Perundangan: Memperkasakan Peranan Dan Fungsi KESEDAR Melalui Pengukuhan Rangka Perundangan

Objektif:

a. Memperkasakan fungsi, peranan dan pengurusan Unit Undang-undang KESEDAR

b. Memperkukuhkan fungsi dan peranan KESEDAR terhadap pembangunan Wilayah Kelantan secara berfokus

c. Memajukan saranan perundangan yang menyumbang pada usaha membangunkan Wilayah Kelantan Selatan secara dinamik dan berpotensi mencapai status maju

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
Segera (2014)	a. Memperkasakan fungsi dan peranan Unit Undang-Undang KESEDAR b. Menyelaraskan pertindihan kuasa dan peranan dengan agensi-agensi lain dalam membangun, menyedia dan menyelenggara pembangunan infrastruktur di wilayah-wilayah di bawah KESEDAR c. Membuat permohonan pemberimilikan tanah di Wilayah KESEDAR atas nama KESEDAR bagi memastikan proses membangunkan tanah tersebut dapat dilaksanakan sebagaimana yang dirancangkan oleh KESEDAR
Jangka Masa Pendek (Sehingga Disember 2015)	a. Menubuhkan jawatankuasa bertindak pembangunan wilayah di bawah KESEDAR yang dianggotai oleh wakil daripada KESEDAR, Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan wakil penduduk, berperanan: ⊙ Membincangkan keperluan pembangunan ⊙ Mengelakkan wujudnya pertindihan tugas ⊙ Menjadi saluran yang berkesan dalam menyampaikan keperluan penduduk kepada pihak-pihak yang berkaitan b. Membuat permohonan kebenaran am di bawah Bab 13(A) Enakmen Rizab Melayu Tahun 1930 dan Bab 104 Enakmen Tanah Kelantan c. Mengubah status KESEDAR daripada sebuah agensi kerajaan kepada sebuah perbadanan yang mempunyai kuasa yang lebih luas dan bebas bagi memastikan tiada campur tangan yang keterlaluan daripada pihak-pihak tertentu
Jangka Masa Sederhana (2016 - 2020)	Memastikan penyaluran maklumat yang berkesan, tepat dan menyeluruh sekiranya wujud sebarang pindaan dan penambahbaikan terhadap undang-undang serta peraturan sedia ada
Jangka Masa Panjang & Pasca Jangka Masa Panjang (2021 - 2030)	Memastikan usaha penelitian, penyemakan dan pindaan terhadap undang-undang dan peraturan adalah berobjektif serta memenuhi tuntutan semasa dan sebagai jaminan jangka masa panjang

5.2.7 Pembinaan Imej Dan Kredibiliti: Mengurus Dan Melestari Transformasi Syumul

Objektif:

a. Mengenal pasti pendekatan strategik untuk memperkasakan peranan KESEDAR sebagai sebuah agensi pembangunan wilayah yang berdaya saing

b. Memantapkan tahap efikasi pentadbiran dan pengurusan KESEDAR dengan matlamat mencapai piawaian bertaraf dunia menjelang 2030

c. Meningkatkan imej Wilayah Kelantan Selatan dengan penyediaan infrastruktur lengkap, moden dan berteknologi terkini serta pengukuhan kualiti hidup masyarakat secara menyeluruh

d. Menggembleng usaha melalui penglibatan menyeluruh komuniti Wilayah Kelantan Selatan bersama KESEDAR dalam memacu transformasi

e. Menterjemahkan model pemacuan transformasi mengikut acuan Islam-glokal

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
Segera (2014)	a. Memuktamadkan hala tuju Wilayah Kelantan Selatan bagi menggerakkan perancangan dan agenda transformasi b. Menetapkan pendekatan pelaksanaan program secara integrasi: ⊙ *Sweeping* Pelaksanaan program secara serentak untuk semua lapisan masyarakat ⊙ *Popular* Pelaksanaan program yang akan memacu nama baik KESEDAR dan entitinya dengan segera ⊙ *Mileage* Pelaksanaan program yang memberi manfaat segera kepada kumpulan sasar ⊙ *Seasonal* Pelaksanaan program secara bermusim kerana terdapat musim-musim tertentu program lebih dihargai dan diingini ⊙ *Snowball* Pelaksanaan program berprofil tinggi untuk mewujudkan kesedaran berskala besar bahawa KESEDAR prihatin dan komited terhadap pembangunan sosioekonomi Wilayah Kelantan Selatan dan penduduknya
Jangka Masa Pendek (Sehingga Disember 2015)	a. Meningkatkan kecekapan pengurusan organisasi, komuniti dan wilayah b. Merancang dan melaksanakan program berprofil tinggi untuk mewujudkan kesedaran berskala besar bahawa KESEDAR prihatin dan komited terhadap pembangunan sosioekonomi Wilayah Kelantan Selatan dan penduduknya c. Meningkatkan penyertaan langsung secara kolektif semua pihak yang terlibat (Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, KESEDAR,

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
	agensi-agensi dan masyarakat tempatan) tentang usaha transformasi yang bakal dilaksanakan melalui: ⊙ Program penerangan ⊙ Dialog ⊙ Kempen ⊙ Penerbitan (media cetak dan media elektronik) d. Mempromosi potensi dan kekuatan Wilayah Kelantan Selatan, antaranya: ⊙ Keunikan ⊙ Kekayaan khazanah alam dan sumber ekonomi ⊙ Kemudahan infrastruktur fizikal dan sosioekonomi ⊙ Keupayaan menjana keuntungan dan kemakmuran ⊙ Kecekapan pengurusan sebagai penanda aras kredibiliti dan reputasi e. Menyubur dan membudayakan semangat ukhuwah di kalangan penduduk tempatan yang menjadi teras pada semangat pemuafakatan, kerjasama, jalinan kasih sayang serta saling menghormati, prihatin dan toleransi sehingga berjaya membentuk sebuah komuniti mithali
Jangka Masa Sederhana (2016 - 2020)	a. Memantau dan menilai kemajuan usaha transformasi untuk meraih keyakinan masyarakat dan pelabur luar secara berterusan melalui: ⊙ Jawatankuasa Pemantauan dan Penilaian ⊙ Penyelidikan dan pembangunan ⊙ Badan penilai bebas b. Menambah baik secara berterusan terhadap agenda, program dan mekanisme transformasi c. Menggembleng pendekatan *top-down* dan *bottom-up* sebagai teras menyuntik elemen-elemen bernilai tambah dan inovasi dalam transformasi d. Melaksanakan peranan secara objektif, proaktif, inovatif dan konsisten ke arah merealisasikan prinsip dan matlamat "*Baldatun Toiyyibatun Wa Rabbun Ghafur*" di Wilayah Kelantan Selatan
Jangka Masa Panjang (2021 - 2025)	a. Menyerlahkan peranan KESEDAR sebagai pemangkin sosioekonomi Wilayah Kelantan Selatan dengan memfokus pada: ⊙ Pemantapan kaedah pengurusan berefikasi ⊙ Penyerlahan imej KESEDAR dan entitinya sebagai pembela komuniti ⊙ Pengukuhan KESEDAR dan setiap anak syarikatnya sebagai agensi yang kompeten ⊙ Persediaan mengurus transformasi dan meneroka peluang-peluang baharu untuk memenuhi keperluan semasa dan jangka panjang b. Membina kredibiliti KESEDAR dan Wilayah Kelantan Selatan sebagai agensi dan wilayah berpaksikan model pembangunan Islam-Glokal

FASA TINDAKAN	MENU TINDAKAN
Pasca Jangka Masa Panjang (2026 - 2030)	a. Mempersiapkan warga kerja KESEDAR dan setiap anak syarikatnya serta masyarakat tempatan mengisi imej dan budaya transformasi: ⊙ Kesediaan menyesuaikan diri dengan perubahan ⊙ Keberanian menghadapi cabaran ⊙ Kemahuan untuk menyumbang peranan dan penglibatan ⊙ Keazaman untuk memajukan Wilayah Kelantan Selatan secara konsisten dan dinamik b. Mengidentitikan budaya, nilai dan potensi masyarakat tempatan sebagai model rujukan

Laporan Akhir

BAB 6

MEKANISME PELAKSANAAN INISIATIF STRATEGIK



LEMBAGA KEMAJUAN KELANTAN SELATAN (KESEDAR)

PELAN STRATEGIK KESEDAR DALAM HALA TUJU BARU WILAYAH KELANTAN SELATAN 2030

BAB 6

MEKANISME PELAKSANAAN INISIATIF STRATEGIK

6.0 PENGENALAN

Kerangka dan perincian bagi mekanisme pelaksanaan inisiatif strategik meliputi aspek strategi, pelan tindakan, indikator, sasaran, pelaksana, tempoh dan anggaran kos. Perinciannya dimajukan bagi memenuhi objektif enam teras inisiatif strategik yang merupakan prasyarat untuk mentransformasi KESEDAR sebagai agensi peneraju yang akan mencorakkan Wilayah Kelantan Selatan sebagai sebuah wilayah yang dinamik.



Rajah 6.1: Enam Teras Mekanisme Pelaksanaan

6.1 MEKANISME PELAKSANAAN INISIATIF STRATEGIK

TERAS 1: MEMPERKASAKAN ORGANISASI DAN MEMPERKUKUHKAN SISTEM PENYAMPAIAN

Strategi 1: Memperkasakan Organisasi

BIL.	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN	PELAKSANA	TEMPOH	KOS/ PULANGAN
1.	Menstrukturkan semula dan memantapkan organisasi KESEDAR dan anak syarikat	⊙ Menyemak semula struktur sedia ada ⊙ Mencadangkan penambahbaikan	Struktur yang memenuhi keperluan strategik	KESEDAR: ⊙ BPPSM ⊙ Unit Perhubungan Awam	Bermula 2014	Tiada kos
2.	Melaksanakan pengurusan pencapaian berasaskan ISO	Pelaksanaan ISO	Pengiktirafan ISO bagi semua proses utama	KESEDAR: ⊙ BPPSM & setiap Unit/Bahagian/Pejabat Wilayah	Bermula 2014	RM70,000.00 (enam kali bengkel dan kos SIRIM)
3.	Mempertingkatkan kompetensi modal insan melalui Pelan Pembangunan Modal Insan KESEDAR yang memfokus pada peningkatan: ⊙ Komitmen ⊙ Prestasi ⊙ Kecekapan pengurusan	Asas Penggubalan Modal Insan KESEDAR ⊙ Menjalankan Kajian Keperluan Latihan (TNA) ⊙ Merangka kursus-kursus yang memenuhi keperluan ⊙ Menjalankan dan mengurus kursus-kursus baru dan latihan semula kepada semua peringkat warga ⊙ Pembangunan kerjaya ⊙ Pembelajaran berterusan ⊙ Memberi penganugerahan dan pengiktirafan untuk individu dan jabatan	Mengenal pasti keperluan dari segi: ⊙ Bilangan kursus ⊙ Bilangan peserta berbanding bilangan warga kerja ⊙ Analisis tahap kompetensi ⊙ Menghadiri semua kursus yang telah ditetapkan dalam gred masing-masing ⊙ Menghadiri 40% kursus teknikal *(hard skill)* dan 60% kursus membina potensi diri *(soft skill)* ⊙ Bilangan jam yang diperuntukkan untuk pembelajaran berterusan ⊙ Pemilihan yang profesional	KESEDAR: ⊙ BPPSM	Bermula 2014	RM5,000.00 (tiga kali bengkel)

BIL.	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN	PELAKSANA	TEMPOH	KOS/ PULANGAN
4.	Mewujudkan Modul Latihan Pembangunan Pegawai yang merangkumi: ⊙ Objektif Latihan ⊙ Strategi Latihan ⊙ Kaedah Latihan ⊙ Taqwim Latihan ⊙ Sasaran	Modul Latihan Pembangunan Pegawai	Modul Latihan Pembangunan Pegawai disediakan setiap tiga tahun bemula 2014	KESEDAR: ⊙ BPPSM Bersama: ⊙ KKLW	Mulai 2014	RM15,000 (setiap tahun)
5.	Melaksanakan program peningkatan kerja berpasukan dan penerapan visi dan misi organisasi	Program Tautan Ukhuwah setiap tahun bermula 2014	90% sasaran KPI tahunan KESEDAR tercapai	KESEDAR: ⊙ BPPSM & semua Unit/Bahagian/Pejabat-pejabat Wilayah	Mulai 2014	RM25,000 (satu program setiap tahun)
6.	Mengamalkan ukuran prestasi dan amalan terbaik peringkat nasional dan antarabangsa	⊙ Mengadaptasi ukuran prestasi dan amalan terbaik berdasarkan tanda aras berkaitan ⊙ Melaksanakan jadual audit secara berkala	⊙ Ukuran yang mengikut tanda aras yang ditetapkan ⊙ Prestasi yang menepati atau melebihi tanda aras ⊙ Laporan Audit yang memastikan seratus peratus pematuhan tanda aras	KESEDAR: ⊙ Unit Audit Dalam & setiap Unit/Bahagian/Pejabat Wilayah	Berterusan	Tiada kos
7.	Melaksanakan program Latihan Pembangunan Kepemimpinan ⊙ Kepemimpinan melalui Prinsip 4E (*Envision, Enable, Empower, Energise*) ⊙ Pengurusan Risiko	Peningkatan kualiti dan kuantiti kerja bagi Pegawai bergred 44 ke atas dan bertaraf Eksekutif Kanan	Markah prestasi pegawai Gred 44 ke atas melebihi 85% setiap tahun bermula tahun 2016	KESEDAR - BPPSM Bersama: KKLW	Berterusan	RM5,000 (seorang pegawai setiap tahun)
8.	Melaksanakan program peningkatan nilai-nilai murni dalam bentuk pementoran	Penurunan 10% daripada jumlah kes disiplin pegawai setiap tahun	Sifar rasuah dan masalah disiplin pada tahun 2030	KESEDAR: ⊙ BPPSM & semua Unit/Bahagian/ Pejabat-pejabat Wilayah	Berterusan	Tiada kos
9.	Meningkatkan kerjasama strategik dengan agensi-agensi dan institusi yang berkaitan	Agensi/institusi yang dikenal pasti	Kerjasama strategik diperluaskan dengan agensi/institusi peringkat negeri, Persekutuan dan antarabangsa	KESEDAR: ⊙ Unit Perhubungan Awam ⊙ BPPSM Bersama: ⊙ KKLW	Berterusan	Tiada kos

BIL.	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN	PELAKSANA	TEMPOH	KOS/ PULANGAN
10.	Melaksanakan aktiviti/ program meningkatkan sumbangan ummah	Program/aktiviti tanggungjawab sosial ummah, turun padang, ziarah dan gotong royong di petempatan/ desa/masjid/surau terpilih	Pelaksanaan empat buah program/aktiviti berkaitan sumbangan ummah setiap tahun bermula 2014	KESEDAR: ⊙ Unit Perhubungan Awam ⊙ Bahagian Pembangunan Masyarakat ⊙ Pejabat-pejabat Wilayah	Berterusan	RM3,000 (satu program)
11.	Memantapkan daya kepemimpinan melalui Manual Kepemimpinan Dinamik	Manual Kepemimpinan Dinamik	Manual Kepemimpinan Dinamik disiapkan pada tahun 2015	KESEDAR: ⊙ BPPSM	2015	RM30,000
12.	Melaksanakan program latihan pembangunan modal insan di antaranya merangkumi: ⊙ Islam Sebagai Cara Hidup ⊙ Pemantapan 4 Dimensi Insan ⊙ Kemahiran Pegawai (mengikut keperluan jawatan) ⊙ Kepemimpinan Era Baru ⊙ Adab Bekerja ⊙ Kerja Sebagai Ibadah ⊙ Pemikiran 3K + 1I (Kreatif, Kritikal dan Konstruktif, Inovatif) ⊙ Program Pementoran Pelapis Kepemimpinan ⊙ Rasulullah Model Pemimpin Terhebat	Sejumlah 80% daripada pegawai KESEDAR mendapat peningkatan 20% dalam markah prestasi kerja tahunan bermula tahun 2015	Peningkatan prestasi pegawai sekurang-kurangnya 20% setiap tahun bermula 2015	KESEDAR: ⊙ BPPSM	Mulai 2015	RM3,000 (seorang pegawai setiap tahun)

Strategi 2: Memperkukuhkan Sistem Penyampaian Dan Pengurusan

BIL.	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN	PELAKSANA	TEMPOH	KOS/ PULANGAN
1.	Menyediakan kemudahan saluran dan memudahkan proses bantuan, aduan dan sebagainya	Tahap kepuasan pelanggan	Mensasarkan 100% pelanggan berpuas hati dengan perkhidmatan KESEDAR pada tahun 2030	KESEDAR: ⊙ Unit Perhubungan Awam ⊙ Bahagian Pembangunan Masyarakat ⊙ Pejabat-pejabat Wilayah	Mulai 2014	Tiada kos
2.	Mengkaji dan memperkemaskan pencapaian Pelan Strategik ICT	Pencapaian Pelan Strategik ICT	Menyemak status pencapaian Pelan Strategik ICT dan melaksanakan pemetaan *(mapping)* bagi mengukur jurang pencapaian	KESEDAR: ⊙ Bahagian Teknologi Maklumat	2014-2017	Tiada kos
3.	Memantapkan pengurusan data dan maklumat: ⊙ Menyediakan pangkalan data bagi Wilayah Kelantan Selatan ⊙ Menyediakan sistem berintegrasi di antara kewangan, pengurusan sumber manusia dan GIS di antara KESEDAR dan anak-anak syarikat	Sistem bersepadu yang mempunyai ciri-ciri keselamatan disempurnakan pada tahun 2015	Sistem bersepadu beroperasi sepenuhnya pada tahun 2016	KESEDAR: ⊙ Bahagian Teknologi Maklumat ⊙ Bahagian Perancangan & Penilaian	Mulai 2015	RM2 juta
4.	Memantapkan peraturan dan prosedur sebagai teras untuk menghasilkan tadbir urus dinamik: ⊙ Menyediakan S.O.P. ⊙ Mengemas kini peraturan ⊙ Menjalankan program latihan berterusan	Indeks akauntabiliti ⊙ Pengurusan dan Pentadbiran ⊙ Pengurusan Bajet ⊙ Pengurusan Terimaan ⊙ Pengurusan Perbelanjaan ⊙ Pengurusan Kumpulan Wang/Akaun Amanah ⊙ Pengurusan Aset, Inventori dan Stor ⊙ Pengurusan Pelaburan dan Pengurusan Pinjaman ⊙ Penyata Kewangan	Menerima empat bintang indeks akauntabiliti pada tahun 2015	KESEDAR: ⊙ Unit Audit Dalam ⊙ Bahagian Kewangan ⊙ BPPSM ⊙ Semua Unit/Bahagian/Pejabat-pejabat Wilayah	Mulai 2015	RM5,000 (satu sektor, satu bengkel)

BIL.	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN	PELAKSANA	TEMPOH	KOS/ PULANGAN
5.	Mewujudkan pengurusan kewangan yang berkesan	Prestasi kewangan	90% sasaran keuntungan dicapai setiap tahun bermula tahun 2016	KESEDAR: ⊙ Bahagian Kewangan ⊙ Unit Audit Dalam	Berterusan	Tiada kos
		Kawalan belanja dalam aspek: ⊙ Kawalan pengurusan stok, bekalan pejabat, dan perbelanjaan sumber-sumber lain dengan memastikan sumber-sumber digunakan secara berhemat, cekap dan berkesan ⊙ Keutamaan perbelanjaan disusun semula dengan memberi tumpuan kepada program dan aktiviti yang dapat menyumbang kepada hasil ⊙ Penyelenggaraan secara berjadual ⊙ Pengurangan penyediaan makanan semasa seminar, kursus, mesyuarat dan lain-lain ⊙ Pengubahsuaian ruang pejabat dibekukan sehingga tahun 2018 melainkan keperluan terdesak ⊙ Pendahuluan kepada anak syarikat dikaji dan dibekukan sehingga tahun 2018 ⊙ Pengurangan pemberian saguhati dan cenderahati untuk penganjuran majlis-majlis yang membabitkan anggota KESEDAR ⊙ Elaun lebih masa dikawal rapi	85% peruntukan belanja mengikut perancangan bermula tahun 2014	KESEDAR: ⊙ Bahagian Kewangan ⊙ Unit Audit Dalam	Mulai 2014	Tiada kos
		Bilangan projek	100% projek dilaksanakan bermula tahun 2014	KESEDAR: ⊙ Bahagian Kewangan ⊙ Unit Audit Dalam	Berterusan	Tiada kos

BIL.	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN	PELAKSANA	TEMPOH	KOS/ PULANGAN
6.	Mengoptimumkan sumber pendapatan KESEDAR	Pendapatan	90% daripada hasil kelapa sawit diterima bermula tahun 2016	KESEDAR: ⊙ Pembangunan Pertanian ⊙ Bahagian Ekonomi dan Pelaburan ⊙ Anak Syarikat	Mulai 2016	Tiada kos
		Pulangan pelaburan	7% pulangan pelaburan kewangan di institusi terpilih bermula tahun 2016	KESEDAR: ⊙ Bahagian Ekonomi dan Pelaburan ⊙ Bahagian Kewangan	Mulai 2016	RM3 juta (pulangan minimum bagi setiap tahun)
			Bayaran dividen RM300,000 oleh anak-anak syarikat bermula tahun 2015	KESEDAR: ⊙ Bahagian Ekonomi & Pelaburan ⊙ Anak syarikat	Mulai 2015	RM300,000 (kenaikan % bayaran dividen setiap tahun)
			Kadar minimum 25% pulangan daripada projek pembangunan *(Gross Development Value)* di atas tanah KESEDAR	KESEDAR: ⊙ Bahagian Ekonomi & Pelaburan ⊙ Bahagian Hartanah ⊙ Anak syarikat	Mulai 2015	RM500,000 (kos awalan projek)
		Sumber pendapatan baharu	Sekurang-kurangnya satu projek pembinaan setiap tahun bermula tahun 2015	KESEDAR: ⊙ Bahagian Ekonomi & Pelaburan ⊙ Anak syarikat	Mulai 2015	Pulangan RM2,000,000

Strategi 3: Memantapkan Undang-Undang

BIL.	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN	PELAKSANA	TEMPOH	KOS/ PULANGAN
1.	Membuat permohonan pemberimilikan tanah di Wilayah KESEDAR atas nama KESEDAR bagi memastikan proses membangunkan tanah tersebut dapat dilaksanakan sebagaimana yang dirancangkan oleh KESEDAR	Pemberimilikan tanah atas nama KESEDAR	Permohonan pemberimilikan berjaya dicapai	KESEDAR: ⊙ Unit Undang-undang ⊙ Bahagian Hartanah Bersama: Kerajaan Negeri	Mulai 2014	RM500,000
2.	Memperkasakan fungsi dan peranan KESEDAR di negeri Kelantan	Mewujudkan Jawatankuasa Pembangunan Wilayah yang dianggotai oleh: ⊙ Wakil SUK ⊙ Pihak Berkuasa Tempatan ⊙ Wakil Penduduk ⊙ Jabatan Pertanian ⊙ Jabatan Kerja Raya ⊙ Jabatan Perparitan dan Saliran ⊙ Jabatan Alam Sekitar	Jawatankuasa Pembangunan Wilayah ditubuhkan pada tahun 2014	KESEDAR: ⊙ Bahagian Perancangan & Penilaian ⊙ Unit Undang-Undang	Berterusan	RM500 (setiap mesyuarat)
3.	Pengubahan status KESEDAR daripada sebuah agensi kerajaan kepada sebuah perbadanan yang mempunyai kuasa yang lebih luas dan bebas	Penubuhan KESEDAR Holdings	Penubuhan KESEDAR Holdings berjaya direalisasikan pada tahun 2015	⊙ KESEDAR ⊙ Anak syarikat	Mulai 2015	RM50,000

Strategi 4: Mempergiatkan Penyelidikan Dan Pembangunan

BIL.	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN	PELAKSANA	TEMPOH	KOS/ PULANGAN
1.	Menggalakkan usaha penyelidikan	Bahagian Perancangan dan Penilaian mempunyai pegawai yang mencukupi serta berkemahiran dan berpengetahuan	Bahagian Perancangan dan Penilaian diperkasakan pada tahun 2015	KESEDAR: ⊙ Bahagian Perancangan & Penilaian Bersama ⊙ KKLW	Mulai 2015	RM200,000 (empat orang: gaji pokok setahun)
2.	Menjalankan pemantauan berterusan ke atas pengurusan dan kerja serta memastikan strategi objektif organisasi tercapai	Penambahan pegawai Unit Audit Dalam serta penambahan aktiviti audit setiap tahun	Pengukuhan Unit Audit Dalam selesai pada tahun 2015	KESEDAR: ⊙ Unit Audit Dalam Bersama ⊙ KKLW	Mulai 2015	RM200,000 (empat orang: gaji pokok setahun)
3.	Memastikan tahap perkhidmatan yang cemerlang	Kajian kepuasan pelanggan	Kajian dibuat setiap tahun	KESEDAR: ⊙ Unit Perhubungan Awam Bersama: ⊙ Semua Unit/Bahagian/ Pejabat-Pejabat Wilayah	Mulai 2015	RM20,000 (setiap tahun)
4.	Menyemak dan memantau perancangan serta pencapaian KESEDAR	Kajian/semakan pencapaian Pelan Strategik KESEDAR	Kajian dibuat setiap lima tahun dimulakan pada tahun 2020	KESEDAR: ⊙ Bahagian Perancangan & Penilaian	Mulai 2020	RM50,000 (setiap lima tahun)

TERAS 2: MEMANGKIN EKONOMI BERDAYA TAHAN DAN BERDAYA SAING

Strategi 1: Mendayaupayakan Perancangan Dan Pembangunan Ekonomi

BIL.	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN	PELAKSANA	TEMPOH	KOS/ PULANGAN
1.	Membangunkan sistem maklumat peluang ekonomi dan perniagaan	⊙ Mengemas kini pangkalan data ⊙ Menyedia Manual Pelaburan	⊙ Pangkalan data dikemas kini mengikut keperluan ⊙ Manual Pelaburan disiapkan pada tahun 2015	KESEDAR: ⊙ Bahagian Ekonomi & Pelaburan ⊙ Bahagian Perancangan & Penilaian	2014	RM100,000
2.	Menggalakkan aktiviti penternakan burung walit	Membina bangunan sarang burung walit	⊙ Bilangan bangunan ⊙ Sasaran bilangan dan tahun bina ⊙ Produktiviti ⊙ Pendapatan	KESEDAR: ⊙ Bahagian Pembangunan Pertanian ⊙ Pejabat-pejabat Wilayah Bersama: ⊙ KDSB ⊙ Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani ⊙ ECER ⊙ Majlis Daerah ⊙ Jabatan Perkhidmatan Veterinar	Berterusan	Pulangan RM280,000/ bangunan/ tahun
3.	Mewujudkan Jawatankuasa Promosi dan Pelaburan Wilayah Kelantan Selatan	Penyertaan pelabur tempatan dan antarabangsa daripada firma-firma maju utama dan firma-firma mikro, kecil dan sederhana	Peningkatan penyertaan pelabur tempatan dan antarabangsa mulai 2015	KKLW KESEDAR - Bahagian Ekonomi & Pelaburan Bersama: ⊙ MIDA ⊙ MIDF & Agensi Persekutuan/Negeri	2015	RM150,000 (kos promosi)

BIL.	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN	PELAKSANA	TEMPOH	KOS/ PULANGAN
4.	Mengenal pasti dan memajukan zon-zon pembangunan ekonomi: ⊙ Perindustrian berskala besar ⊙ Perindustrian mikro, kecil dan sederhana ⊙ Pembangunan hab sektor terpilih	Pelaksanaan perancangan guna tanah	Pembangunan secara berfasa mengikut zon-zon pembangunan ekonomi mulai 2015	KESEDAR: ⊙ Bahagian Ekonomi & Pelaburan ⊙ Pejabat-pejabat Wilayah Bersama: ⊙ JPBD Negeri ⊙ KKLW	Mulai 2015	Tiada kos
5.	Mempergiatkan pembangunan perumahan, perdagangan dan perindustrian di kawasan bandar	Kerjasama daripada pihak swasta dan pembangunan menepati Garis Panduan Pembangunan dan Piawaian Perancangan negeri Kelantan	Peningkatan penyertaan swasta dalam pembangunan sektor-sektor utama wilayah sebanyak 20%	KESEDAR - Bahagian Ekonomi & Pelaburan Bersama: ⊙ UPEN ⊙ JPBD Negeri ⊙ PBT ⊙ Syarikat-syarikat swasta	Mulai 2015	RM50,000 setahun (kos promosi setahun)
6.	Menggubal Pelan Pembangunan Wakaf Wilayah Kelantan Selatan	Pelan Pembangunan Wakaf Wilayah Kelantan Selatan	⊙ Pelan disiapkan pada tahun 2015 ⊙ Peningkatan penyertaan individu dan organisasi sebanyak 10% setiap tahun	KESEDAR: ⊙ Bahagian Ekonomi & Pelaburan ⊙ Bahagian Pembangunan Masyarakat Bersama: ⊙ MAIK ⊙ Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR)	Mulai 2015	RM150,000
7.	Menawarkan pakej pembangunan perniagaan (akses perniagaan, sumber modal, insentif perniagaan dan tenaga kerja mahir dan berkualiti)	⊙ Jaringan sokongan dan kerjasama daripada kementerian dan agensi berkaitan ⊙ Akses dan kemudahan kewangan (dana dan pinjaman) ⊙ Tenaga kerja berkemahiran dan berkualiti (program dan latihan, skim perkaderan dengan IPTA/IPTS)	⊙ Perluasan rangkaian institusi kewangan tempatan dan antarabangsa mulai 2016 ⊙ Peningkatan jumlah tenaga kerja berkemahiran dan berkualiti mulai 2016	KESEDAR: ⊙ Bahagian Ekonomi & Pelaburan Bersama: ⊙ Kementerian Sumber Manusia ⊙ MIDA ⊙ MIDF	Mulai 2016	RM2.5 juta

Strategi 2: Memajukan Sektor Pertanian

BIL.	PELAN TINDAKAN	INDIKATOR	SASARAN	PELAKSANA	TEMPOH	KOS/ PULANGAN
Malaysia, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). (2013). *Pelan Integriti FELDA 2013.* Kuala Lumpur : Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA).

Malaysia, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). 2010 Corporate Report : *Boundless Expanse.* Kuala Lumpur : Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA).

Malaysia, Unit Perancang Ekonomi. (1976). *Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980)*. Kuala Lumpur : Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Mondragon Corporation. *(2012). Annual Report 2012.* Mondragon : Mondragon Corporation

UKM Pakar Runding. (2012). *Kajian Sosioekonomi Penduduk Dalam Wilayah Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan*. Laporan Akhir.

LAMPIRAN 2

KERANGKA KONSEPTUAL

Kajian ini dilaksana berpandukan kerangka konseptual yang berorientasikan kajian forensik (iaitu mencari punca pokok pada sesuatu isu) dan seterusnya melakarkan pelbagai kemungkinan senario yang boleh wujud. Pendekatan ini dipilih kerana natijah kajian ini perlu melahirkan analisis yang sejitu mungkin supaya syor yang akan dimajukan bertepatan dengan penyebab yang membawa pada sesuatu keadaan. Dalam kajian ini, keadaan yang dimaksudkan adalah berkaitan dengan prestasi, peranan dan fungsi KESEDAR untuk memenuhi matlamat dan tujuan penubuhannya (**Rajah L2.1**).

Kerangka konseptual bagi kajian ini merangkumi elemen-elemen berikut:

i. Asas kajian:

Perkara-perkara yang dijadikan sebagai dasar utama kajian.

ii. Implikasi objektif ke atas KESEDAR:

Kesan dan impak matlamat kajian terhadap KESEDAR secara menyeluruh.

iii. Hubungan fungsi pada hala tuju baru Wilayah Kelantan Selatan (HKS)=F_{hks}:

Faktor-faktor utama yang mempengaruhi hala tuju baru Wilayah Kelantan Selatan.

iv. Instrumen kajian:

Ulasan karya, kajian amalan terbaik, kajian penandarasan, perbincangan kumpulan fokus, seminar, makmal idea dan simulasi serta kerja lapangan/kaji selidik.

v. Fokus kajian:

Aspek-aspek yang dijadikan sebagai tumpuan utama kajian.

vi. Langkah-langkah analisis kajian:

Aliran perjalanan proses kajian secara langkah demi langkah bermula dengan semakan realiti sehingga menggubal pelan kontingensi.

vii. Formula penggubalan pelan hala tuju:

Formula pencerakinan bersifat forensik untuk menghasilkan nilai tambah dan mengembangkan idea.

viii. Jangkaan hasil kajian:

Rumusan analisis yang bersifat holistik terhadap polisi, strategi dan program KESEDAR serta analisis prestasi dan halangan dan seterusnya penggubalan pelan hala tuju baru dan model transformasi KESEDAR.

ASAS KAJIAN

1. Tuntutan dasar-dasar utama pelan pembangunan dan pelan ekonomi peringkat :
   - ⊙ Nasional
   - ⊙ Negeri
   - ⊙ Wilayah Kelantan Selatan
2. Realiti semasa
3. Prestasi terkini
4. Potensi Pembangunan
5. Ruang-ruang pemerkasaan

IMPLIKASI OBJEKTIF KE ATAS KESEDAR

1. Keberkesanan :
   - ⊙ Pengurusan
   - ⊙ Operasi
   - ⊙ Kewangan
   - ⊙ Kolaborasi
   - ⊙ Perancangan dan pelaksanaan
2. Penandarasan dan unjuran pembangunan Wilayah Kelantan Selatan
3. Teras penilaian dan tahap keupayaan – SWOT
4. Hala tuju – meningkatkan prestasi masa depan
5. Pelan tindakan – strategik, taktikal, operasi
6. Transformasi holistik

HUBUNGAN FUNGSI PADA HALATUJU BARU WILAYAH KELANTAN SELATAN (HKS)=F_{hks}

H=*f* (Kepemimpinan, Warga Kerja, Sistem, Iklim, Kapasiti, Imej, Potensi, Faktor-X)

- ⊙ Kepemimpinan: Kualiti rohani, akal, jasmani & emosi
- ⊙ Warga Kerja: *Attitude, aptitude, altitude, amplitude*
- ⊙ Sistem: Perancangan, pengurusan, penyelidikan dan pembangunan & pemantauan
- ⊙ Iklim: Ekonomi, politik, sosial, antarabangsa
- ⊙ Kapasiti: Kewangan, jaringan, peluang, sumber, tahap berdikari
- ⊙ Imej: Integriti, persepsi
- ⊙ Potensi: Meningkatkan daya saing dan potensi pembangunan
- ⊙ Faktor-X: Mengikut keunikan dan kelebihan negeri

JANGKAAN HASIL KAJIAN

1. Perincian
   - ⊙ Polisi
   - ⊙ Strategi
   - ⊙ Program
2. Analisis prestasi & halangan
3. Pelan hala tuju baru
4. Model Transformasi KESEDAR

KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN HALA TUJU BARU WILAYAH KELANTAN SELATAN 2030

INSTRUMEN KAJIAN

1. Ulasan karya berformulakan DIKW (*Data, Information, Knowledge, Wisdom*)
2. Kajian amalan terbaik
3. Kajian penandarasan
4. Perbincangan kumpulan fokus
5. Seminar
6. Makmal idea dan simulasi
7. Kerja lapangan/kaji selidik :
   - ⊙ Peserta program pembangunan KESEDAR
   - ⊙ Wakil-wakil kementerian dan agensi berkaitan

FORMULA PENGGUBALAN PELAN HALA TUJU



LANGKAH-LANGKAH ANALISIS KAJIAN



FOKUS KAJIAN

Analisis/Kaji :

1. Polisi
2. Strategi
3. Program
4. SWOT
5. Bantuan (Kerajaan Pusat & Kerajaan Negeri)
6. Keupayaan berdikari
7. Perbandingan (domestik & antarabangsa)
8. Ulasan karya
9. Potensi pembangunan (ekonomi, fizikal, pertanian, perdagangan, perumahan & modal insan)

Rajah L2.1: Kerangka Konseptual Kajian Hala Tuju Baru Wilayah Kelantan Selatan

LAMPIRAN 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 PENGENALAN

Bahagian ini memerihalkan beberapa aspek utama yang menjadi teras pelaksanaan kajian:

i. Justifikasi kajian iaitu kepentingan serta faktor-faktor yang menjadikan kajian ini relevan dilaksanakan;
ii. Objektif kajian iaitu matlamat yang ditetapkan untuk dicapai dan dihasilkan daripada kajian ini;
iii. Skop kajian iaitu menentukan kebolehcapaian penganalisisan yang hendak dijalankan terhadap kajian ini.

Selain itu, perkara-perkara yang berkaitan dengan metodologi kajian turut dihuraikan yang merangkumi kaedah pengumpulan data, penentuan saiz sampel kajian, bentuk analisis yang dijalankan dan bentuk jangkaan hasil kajian. Di samping itu, penerangan mengenai bagaimana objektif dan permasalahan analisis kajian dijawab dan output kajian secara keseluruhan turut diperjelaskan. Kajian ini melibatkan empat wilayah di kawasan Kelantan Selatan, iaitu Gua Musang, Kuala Krai, Jeli dan sebahagian Tanah Merah yang disampel di bawah pentadbiran KESEDAR.

3.1 JUSTIFIKASI KAJIAN

i. Wujud keperluan untuk menetapkan piawaian prestasi sebagai tanda aras pencapaian pembangunan di Wilayah Kelantan Selatan berdasarkan pada kedudukannya di peringkat nasional serta beberapa wilayah tempatan dan luar negara.
ii. Wujud tuntutan untuk menilai prestasi KESEDAR dalam melaksanakan program pembangunan secara holistik selaras dengan kehendak Akta 203.
iii. Wujud pertanggungjawaban untuk mengambil kira persepsi, harapan dan ekspektasi daripada *stakeholder,* kumpulan sasar dan masyarakat umum

berhubung pembangunan di Wilayah Kelantan Selatan khususnya dan negeri Kelantan amnya untuk proses penilaian dan penambahbaikan secara berterusan.

iv. Wujud desakan untuk menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi KESEDAR secara holistik termasuk isu kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman kepada KESEDAR dalam menjalankan peranannya.

v. Wujud kesesuaian masa untuk menjajarkan hala tuju baru Wilayah Kelantan Selatan yang selari dengan dasar dan polisi pihak kerajaan khususnya Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PIPLB).

vi. Wujud kesegeraan untuk menggubal *Pelan Induk Hala Tuju Baru Wilayah Kelantan Selatan 2030* melalui pelan tindakan secara berfasa yang bersifat strategik, taktikal dan operasi sebagai garis panduan merealisasikan pembangunan bersepadu.

vii. Wujud ruang untuk memperkasakan peranan dan fungsi KESEDAR sebagai tenaga penggerak dominan khususnya dalam menerajui pelaksanaan *Pelan Induk Hala Tuju Baru Wilayah Kelantan Selatan 2030* termasuk perancangan berfasa bagi mencorakkan pembangunan yang menyumbang pada biaya diri.

3.1 OBJEKTIF KAJIAN

3.1.1 Objektif Umum

Menyediakan perancangan hala tuju baru Wilayah Kelantan Selatan sehingga 2030.

3.1.2 Objektif Khusus

i. *Wilayah Kelantan Selatan*

a. Menilai pencapaian (*overview*) pembangunan Wilayah Kelantan Selatan (sektor ekonomi, sosial, pertanian, perdagangan, perumahan dan perindustrian) berbanding dengan aras dan pencapaian nasional.

b. Mengenal pasti potensi pembangunan utama wilayah, strategi dan mekanisme pembangunan yang meliputi semua agensi pembangunan.

c. Merancang pembangunan Wilayah Kelantan Selatan secara kolaborasi dan bersama antara KESEDAR dengan agensi pembangunan persekutuan dan negeri yang lain, berdasarkan bidang pengkhususan pembangunan masing-

masing mengikut teras/sektor pembangunan utama dengan strategi-strategi pembangunan yang berkesan.

d. Menyediakan penanda aras pencapaian pembangunan bagi Wilayah Kelantan Selatan.

ii. *KESEDAR*

a. Menilai pencapaian penubuhan KESEDAR mengikut sektor pembangunan selaras dengan kehendak Akta 203.

b. Mengenal pasti persepsi *stakeholder* dan kumpulan sasar mengenai peranan, sumbangan, pencapaian dan kejayaan oleh KESEDAR di Wilayah Kelantan Selatan sepanjang penubuhannya.

c. Menilai kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman terhadap KESEDAR dalam melaksanakan perancangan dan pembangunan di Wilayah Kelantan Selatan.

d. Mengenal pasti bentuk penglibatan dan peranan KESEDAR berdasarkan suasana politik tempatan semasa dan juga penglibatan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dalam pembangunan Wilayah Kelantan Selatan.

e. Mengenal pasti potensi-potensi sedia ada dalam Wilayah Kelantan Selatan yang perlu diambil peluang oleh KESEDAR iaitu melibatkan sektor ekonomi, fizikal, pertanian, perdagangan, perumahan dan modal insan selaras dengan dasar dan hasrat kerajaan, seterusnya peluang kepada KESEDAR ke arah biaya diri bagi mengurangkan kebergantungan KESEDAR kepada kerajaan terutama dalam membiayai kos operasinya.

f. Menyediakan cadangan penambahbaikan kepada perancangan, pelaksanaan dan mekanisme pelaksanaan projek serta usaha-usaha inovasi dan transformasi untuk KESEDAR berperanan dengan lebih berkesan dan menonjol selaras dengan peranannya sebagai peneraju utama Wilayah Kelantan Selatan.

g. Penyediaan struktur organisasi KESEDAR yang lebih tersusun dan praktikal selaras dengan tanggungjawab dan peranan organisasi.

3.2 SKOP KAJIAN

3.2.1 Penilaian Pencapaian

i. Penilaian pencapaian pembangunan Wilayah Kelantan Selatan dan KESEDAR sebagai sebuah organisasi.

ii. Kajian perbandingan wilayah perlu dibuat berdasarkan dasar dan polisi yang diamalkan sama ada di dalam dan di luar negara ataupun petunjuk-petunjuk ekonomi dan pembangunan yang digunakan sama ada di peringkat negara ataupun antarabangsa.

iii. Pencapaian perlu diukur berdasarkan model-model pembangunan wilayah di negara-negara lain yang mempunyai tujuan pembangunan yang sama.

iv. Penilaian pada Akta 203 juga perlu diteliti supaya memenuhi hasrat pembangunan untuk masa akan datang dengan mengambil peluang dan kekangan yang mungkin dihadapi.

3.2.2 Persepsi Dan Ekspektasi

i. Persepsi terhadap program yang telah dibangunkan sama ada oleh KESEDAR atau agensi lain.

ii. Pengharapan terhadap program-program yang akan dilaksanakan.

3.2.3 Hala Tuju Baru Wilayah Kelantan Selatan

i. Menterjemahkan tujuan penubuhan KESEDAR iaitu mewujudkan wilayah yang maju, menarik dan menguntungkan.

ii. Memberi fokus pada pembangunan yang sesuai berdasarkan potensi dan keupayaan untuk menjadi pemacu pada pembangunan wilayah.

iii. Memposisikan KESEDAR sebagai sebuah agensi biaya diri yang juga mampu berperanan sebagai agensi pembangunan wilayah yang utama.

iv. Menyediakan perancangan untuk sektor pembangunan utama, projek penting, pelan induk, pelan sisipan dan sebagainya yang dirasakan perlu mengikut keperluan sektor kajian.

3.2.4 Penanda Aras Dan Unjuran Pembangunan

i. Merangkumi sektor pembangunan, penduduk, hasil dalam keluaran negara kasar, peluang pekerjaan, pendapatan, indeks kualiti hidup dan sebagainya.

ii. Menjurus pada sasaran dan penanda aras pembangunan untuk 2020 selaras dengan dasar pembangunan negara terutamanya Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PIPLB).

iii. Memfokus pada sasaran dan penanda aras pembangunan untuk 2030 sesuai dengan evolusi dan transformasi yang sejajar dengan petunjuk-petunjuk pembangunan di peringkat dunia.

3.2.5 Elemen Inovasi Dan Transformasi

i. Pelan ini disediakan melangkaui tahun 2020 di mana Malaysia bakal menjadi negara maju dan seharusnya perancangan projek yang dikenal pasti sebagai pemacu pembangunan wilayah selepas tahun tersebut perlu mengalami perubahan-perubahan terutamanya penambahbaikan dalam usaha-usaha inovasi dan transformasi.

3.2.6 Pengurusan Pelaksanaan Projek

i. Merancang bagaimana pelaksanaan satu-satu projek dapat dilaksanakan dan mencapai hasrat projek.

ii. Memberi fokus pada aspek-aspek utama iaitu mekanisme, masa, pihak bertanggungjawab dan anggaran kos yang terlibat serta langkah-langkah penyelesaian terhadap jangkaan-jangkaan ancaman bagi sesuatu projek.

3.3 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Metodologi yang akan diguna pakai untuk kajian ini adalah holistik yang akan mengambil kira keperluan yang tersurat dan tersirat di dalam objektif dan skop kajian. Ia akan mengambil pendekatan penyelidikan yang merangkumi kedua-dua kaedah; kualitatif dan kuantitatif dengan data dan maklumat yang akan bersumberkan hasil ulasan karya (*literature review*), penandarasan (*benchmarking*), perbincangan (seminar, perbincangan kumpulan fokus serta makmal idea dan simulasi), analisis data sekunder

(*secondary data analysis*), pemerhatian langsung (*direct observation*) serta data primer yang dicerap melalui kaji selidik lapangan (*survey research*).

Telah diambil maklum bahawa subjek-subjek bagi kajian ini merangkumi; (i) pihak berkepentingan (*stakeholders)*; (ii) kumpulan sasar KESEDAR; (iii) agensi pembangunan persekutuan; (iv) agensi-agensi pembangunan negeri yang terlibat dengan pembangunan Wilayah Kelantan Selatan serta; (v) organisasi-organisasi lain yang aktiviti dan struktur masing-masing akan diamati dan dikaji di dalam proses menjalankan penandarasan untuk mendapatkan amalan-amalan yang terbaik bagi KESEDAR.

Medium bagi perolehan data bagi kajian ini melibatkan :

i. Kajian Penandarasan

Kajian penandarasan ini telah dijalankan ke atas 10 agensi pembangunan terpilih (antarabangsa dan tempatan) untuk melihat amalan terbaik bagi setiap agensi berkenaan sebagai penanda aras iaitu:

Jadual L3.1: Agensi Pembangunan Terpilih (Antarabangsa Dan Tempatan)

BIL.	AGENSI	KAEDAH PENANDARASAN
Agensi Luar Negara Terpilih		
1.	Scottish Enterprise, Scotland	Lawatan penandarasan
2.	Chengdu Economic and Technological Development Zone, China	Lawatan penandarasan
3.	Mondragon Corporation, Sepanyol	Lawatan penandarasan
4.	Economic Development Agencies of New Zealand	Kajian berdasarkan data sekunder
Agensi Tempatan Terpilih		
1.	FELDA	Lawatan penandarasan
2.	KEJORA	Lawatan penandarasan
3.	KETENGAH	Lawatan penandarasan
4.	PERDA	Lawatan penandarasan
5.	KEDA	Lawatan penandarasan
6.	IRDA	Lawatan penandarasan

ii. Perbincangan Kumpulan Fokus

Perbincangan kumpulan fokus melibatkan perbincangan, penilaian dan cadangan penambahbaikan daripada wakil-wakil organisasi berkaitan iaitu:

a. Agensi Kerajaan Persekutuan
b. Agensi Kerajaan Negeri
c. Agensi pembangunan Kelantan Selatan

d. Akademia

e. Badan bukan kerajaan

Perbincangan kumpulan fokus juga akan melibatkan kepemimpinan peringkat kampung iaitu:

a. Pemimpin peneroka

b. Pemimpin wanita

c. Pemimpin belia

iii. Seminar

Seminar yang telah dijalankan adalah bertujuan untuk memberi gambaran dan mendapat input bernilai tambah mengenai perkembangan, potensi dan cadangan hala tuju pembangunan Wilayah Kelantan Selatan khususnya berdasarkan penemuan dan analisis kajian yang dijalankan.

iv. Makmal idea dan simulasi

Makmal idea dan simulasi melibatkan proses percambahan fikiran serta pengauditan dan penganalisisan terperinci berdasarkan data dan maklumat yang diperoleh (primer dan sekunder) di mana ia akan melibatkan pihak pengurusan KESEDAR sendiri.

v. Rujukan perpustakaan dan semakan dokumentasi

Pencerapan data daripada pelbagai sumber serta rujukan perpustakaan yang berkaitan dengan isu kajian untuk dijadikan kerangka bagi ulasan karya serta sebagai asas analisis, penghuraian dan penggubalan hala tuju dengan mengambil kira perancangan dan pelaksanaan program pembangunan yang mendasari:

a. Rancangan Malaysia Ke-10

b. Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar (PIPLB)

c. Model Baru Ekonomi Luar Bandar (MBELB)

d. Program Transformasi Ekonomi (PTE)

e. Program Transformasi Kerajaan (GTP)

f. Pelan Fizikal Negara 2

g. Pelan Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER)

h. Rancangan Struktur Negeri Kelantan 2020

i. Rancangan Tempatan Jajahan Gua Musang 2020

j. Rancangan Tempatan Jajahan Kuala Krai 2020

k. Rancangan Tempatan Jajahan Jeli 2020

l. Rancangan Tempatan Jajahan Tanah Merah 2020

m. Dasar-dasar pembangunan Kerajaan Negeri

n. Dasar-dasar pembangunan sektoral nasional

vi. Kaji selidik dan temubual berstruktur

Kaji selidik dan temubual berstruktur telah dijalankan ke atas peserta-peserta program pembangunan KESEDAR dan wakil-wakil agensi yang berkaitan.

3.4 PENSAMPELAN DAN SAIZ SAMPEL

Apabila kajian yang dilakukan melibatkan kaji selidik yang dijalankan ke atas sampel yang perlu dipilih, kaedah pensampelan yang akan diguna pakai akan dipastikan agar mempunyai ciri-ciri yang paling hampir dengan ciri-ciri sampel berkebarangkalian (*stochastic/probabilistic sample*). Untuk ini berlaku, kaedah pemilihan sampel yang akan diguna pakai adalah kaedah pensampelan rawak. Adalah diandaikan bahawa senarai isi rumah yang menjadi kumpulan sasar program-program pembangunan KESEDAR wujud dan boleh dijadikan rangka pensampelan (*sampling frame*) untuk mengupayakan pelaksanaan proses pensampelan rawak. Bagi kaji selidik yang melibatkan subjek-subjek kajian yang rangka pensampelan tidak wujud, pensampelan sistematik atau pensampelan kuota akan digunakan.

3.4.1 Hubungan Di Antara Saiz Sampel Dan Kejituan Anggaran *p*

Sesuatu kajian yang menggunakan sampel bersaiz n akan menghasilkan anggaran ***p*** yang mempunyai nilai di antara $\hat{p} - 1.96\sqrt{\frac{\hat{p}(1-\hat{p})}{n}}$ dan $\hat{p} + 1.96\sqrt{\frac{\hat{p}(1-\hat{p})}{n}}$ di mana $\hat{p}$ adalah anggaran kadar yang diperoleh dari hasil kaji selidik dan $1.96\sqrt{\frac{\hat{p}(1-\hat{p})}{n}}$ ialah nilai kejituan bagi anggaran bagi ***p*** pada tahap keyakinan 95%. Ini bermakna bahawa jika kadar $\hat{p}$ yang diperoleh di dalam kaji selidik yang menggunakan saiz sampel $n = 400$ ialah 50% kita berkeyakinan, dengan tahap 95%, bahawa nilai kadar

sebenar ***p*** adalah di antara 45.1% dan 54.9%. Di dalam contoh ini, tahap kejituan yang diperoleh ialah $E = 1.96\sqrt{\frac{\hat{p}(1-\hat{p})}{n}} = 5.0\%$

Berdasarkan pada cadangan awalan kajian ini, data dicerap daripada kalangan peneroka, iaitu peneroka asal, isteri peneroka dan anak peneroka dengan mengandaikan jika saiz sampel yang digunakan adalah seramai 650 orang, maka kejituan yang diperoleh ialah 3.8%. Ini bermakna bahawa jika kadar $\hat{p}$ yang diperoleh di dalam kaji selidik ialah 50% maka dengan tahap keyakinan 95%, nilai kadar sebenar ***p*** adalah di antara 46.2% hingga 53.8%.

Sebaliknya, pihak perunding mencadangkan untuk menambah saiz sampel yang akan digunakan untuk kajian ini menjadi 800 orang dengan kejituan yang minimum 3.5%. Ini bermakna bahawa jika kadar $\hat{p}$ yang diperoleh di dalam kaji selidik ialah 50%, dengan tahap keyakinan 95%, nilai kadar sebenar ***p*** adalah di antara 46.5% hingga 53.5%. Kejituan di dalam anggaran nilai ***p* (%)** lazimnya menjadi asas kepada penentuan saiz sampel sesuatu kajian. Di dalam setiap penyelidikan yang dibuat untuk kajian, apabila penyelidikan memerlukan penentuan sampel yang sesuai untuk diselidik, penentuan saiz sampel akan mengambil kira tahap kejituan anggaran pemboleh ubah (*precision of variable estimates*) di dalam anggaran yang melibatkan anggaran peratus.

3.4.2 Saiz Sampel

Saiz sampel keseluruhan bagi kajian ini adalah seramai **1,055 orang responden** dengan **kejituan 3.0%**. Saiz sampel tersebut melebihi saiz sampel yang dicadangkan iaitu 800 orang. Bilangan saiz sampel responden adalah seperti **Jadual L2.2**.

Jadual L3.2: Bilangan Penduduk Di Wilayah Kelantan Selatan

BIL.	DAERAH/JAJAHAN	*BILANGAN PENDUDUK	JUMLAH RESPONDEN
1.	Gua Musang	86,189	1,055
2.	Kuala Krai	104,234	
3.	Jeli	39,170	
4.	Sebahagian Tanah Merah	58,740	
	JUMLAH KESELURUHAN	**288,333**	**1,055**

*Sumber: *Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010*

3.5 BENTUK ANALISIS

3.5.1 Analisis Teras

Analisis-analisis bagi kajian ini adalah bersesuaian dengan objektif dan skop kajian. Sebahagian besar daripada ukuran yang digunakan ialah penandarasan (*benchmarking*), pengamatan (*observations*), kaji selidik lapangan (*field surveys*) dan perbincangan/seminar yang mana aspek berkenaan adalah berkaitan dengan ukuran pencapaian fizikal KESEDAR berbanding dengan organisasi-organisasi lain yang sebanding dan setanding dengannya. Pencapaian fizikal digunakan sebagai asas pada pengiraan impak kewujudan KESEDAR ke atas pembangunan wilayah Kelantan Selatan.

Ukuran kedua yang dicerap ialah persepsi pihak berkepentingan (*stakeholders*) dan kumpulan sasar KESEDAR. Analisis persepsi akan tertumpu pada penganggaran nilai-nilai peratus yang bersetuju atau memberi penilaian positif pada isu-isu yang berkaitan dengan prestasi KESEDAR dalam melaksanakan projek-projek pembangunan. Isu-isu pembangunan lazimnya dinilai oleh responden dari aspek-aspek yang berkaitan dengan, antara lain, perancangan, mekanisme pelaksanaan dan kesesuaian program yang dilaksanakan.

Analisis yang berkaitan dengan struktur dan potensi organisasi adalah melalui analisis SWOT serta beberapa alat analisis yang setaraf dengannya (misalnya *SWOT Landscape Analysis*) untuk melihat kekuatan dan kelemahan KESEDAR, peluang-peluang serta ancaman-ancaman yang wujud di sekitar KESEDAR. Analisis SWOT adalah suatu kaedah perancangan berstruktur yang digunakan untuk menilai kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman di dalam projek atau usaha perniagaan. Ia melibatkan penentuan objektif sesuatu perancangan dan mengenal pasti faktor-faktor dalaman dan luaran yang memberi kelebihan atau kelemahan di dalam pencapaian perancangan. Penentuan objektif-objektif perlu dilakukan selepas selesai analisis SWOT. Ia akan membolehkan sasaran dan objektif ditentukan berdasarkan pada kekuatan, kelemahan, peluang dan halangan yang wujud. Penemuan analisis ini akan memandu ke arah cadangan-cadangan bernilai tambah dan berfasa sebagai rujukan tindakan untuk merealisasikan matlamat *Hala Tuju Baru Wilayah Kelantan Selatan 2030*.

3.5.2 Formula Pencerakinan Yang Bersifat Forensik

Perunding menggunakan beberapa formula pencerakinan nilai tambah dan pengembangan idea untuk membantu pihak KESEDAR dalam mengembangkan lagi hasil kajian ini selepas tempoh kajian tamat seperti:

i. D.I.K.W. (*Data, Information, Knowledge, Wisdom*)
ii. S.O.C.R.A.T.E.S. (*Site, Origin, Characteristics, Radiate, Association, Timing, Exacerbate, Severity*)
iii. P.I.O.C.To.C. (*Problem, Information, Objectives, Choices, Trade off, Consequences*)
iv. P.A.R.L.I. (*Problem, Action, Result, Lesson, Innovation*)
v. A.I.D.A.C. (*Awareness, Interest, Desire, Action, Continuity*)
vi. R.A.I.D.K.A.A.R.E.I (*Reality, Awareness, Interest, Desire, Knowledge, Ability, Action, Reinforcement, Evaluation, Innovation*)
vii. O.C.P.A.S *(Observation, Contemplation, Preparation, Action, Sustainability)*

Formula-formula ini digunakan khas untuk menghasilkan analisis yang tepat serta memajukan syor-syor cadangan yang pragmatik.



Rajah L3.1: Formula Pencerakinan Yang Bersifat Forensik

3.6 BENTUK JANGKAAN HASIL

3.6.1 Inisiatif

Hasil kajian dipersembahkan secara nilai tambah dalam bentuk kategori seperti berikut:

i. Perincian polisi, strategi dan program

ii. Analisis prestasi dan halangan

iii. Pelan hala tuju baru

iv. Model Transformasi KESEDAR

3.6.2 Inisiatif Strategik Secara Berfasa

Hasil rumusan kajian diolah dalam bentuk inisiatif strategik yang dibahagikan pada fasa masa seperti yang berikut:

i. Fasa segera: Fasa penetapan landasan (2014)

ii. Fasa jangka pendek: Fasa pengukuhan (sehingga Disember 2015)

iii. Fasa jangka sederhana: Fasa penerokaan (2016-2020)

iv. Fasa jangka panjang: Fasa pemampanan (2021-2025)

v. Fasa pasca jangka panjang: Fasa kedinamikan (2026 - 2030)



Rajah L3.2: Jangkaan Hasil Kajian

3.7 PENERANGAN MENGENAI BAGAIMANA OBJEKTIF DAN PERMASALAHAN ANALISIS KAJIAN DIJAWAB

Jadual L3.3 dan **Jadual L3.4** memperincikan metodologi yang digunakan di dalam kajian mengikut senarai objektif kajian.

Jadual L3.3: Pemadanan Metodologi Dan Objektif Khusus Bagi Pembangunan Wilayah Kelantan Selatan

OBJEKTIF KHUSUS BAGI PEMBANGUNAN WILAYAH KELANTAN SELATAN	METODOLOGI
1. Menilai pencapaian (*overview*) pembangunan Wilayah Kelantan Selatan berbanding dengan aras dan pencapaian nasional	a. Penandarasan (*benchmarking*) b. Sesi percambahan idea di antara KESEDAR dan Perunding (*brainstorming, engagement* dan *syndication*) c. Ulasan karya (*literature review*)
2. Mengenal pasti potensi pembangunan utama wilayah, strategi dan mekanisme pembangunan yang meliputi semua agensi pembangunan	a. Penandarasan (*benchmarking*) b. Sesi perbincangan di antara agensi pembangunan terpilih, KESEDAR dan Perunding (*engagement* dan *syndication*) c. Ulasan karya (*literature review*)
3. Merancang pembangunan Wilayah Kelantan Selatan secara kolaborasi dan bersama antara KESEDAR dengan agensi pembangunan persekutuan dan negeri yang lain berdasarkan bidang pengkhususan pembangunan masing-masing mengikut teras/sektor pembangunan utama dengan strategi-strategi pembangunan yang berkesan	a. Penandarasan (*benchmarking*) b. Sesi perbincangan di antara agensi pembangunan persekutuan/negeri dan Perunding (*engagement* dan *syndication*)
4. Menyediakan penanda aras pencapaian pembangunan bagi Wilayah Kelantan Selatan	a. Penandarasan (*benchmarking*) b. Sesi percambahan idea Jabatan Perancang KESEDAR dengan Perunding (*brainstorming, engagement* dan *syndication*) c. Ulasan karya (*literature review*)

Jadual L3.4: Pemadanan Metodologi dan Objektif Khusus Bagi Pembangunan Agensi KESEDAR

OBJEKTIF KHUSUS BAGI PEMBANGUNAN AGENSI KESEDAR	METODOLOGI
1. Mengenal pasti persepsi mengenai peranan, sumbangan, pencapaian dan kejayaan KESEDAR di Wilayah Kelantan Selatan sepanjang penubuhannya di kalangan *stakeholder* dan kumpulan sasar	a. **Persepsi *Stakeholder:*** Perbincangan dan temuduga berstruktur dengan kumpulan *stakeholder* b. **Persepsi Kumpulan Sasar**: Kaji selidik menggunakan borang soal selidik ke atas sampel yang saiznya dikira melalui persetujuan (di antara KESEDAR dan Perunding) bagi tahap kejituan anggaran persepsi

OBJEKTIF KHUSUS BAGI PEMBANGUNAN AGENSI KESEDAR	METODOLOGI
2. Menilai kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman kepada KESEDAR dalam melaksanakan perancangan dan pembangunannya di Wilayah Kelantan Selatan	**Analisis SWOT:** Sesi-sesi perbincangan di antara KESEDAR dan Perunding untuk melaksanakan analisis SWOT
3. Mengenal pasti bentuk penglibatan dan peranan KESEDAR berdasarkan suasana politik tempatan semasa dan juga penglibatan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur dalam pembangunan Wilayah Kelantan Selatan	Seminar sehari yang merangkumi wakil-wakil daripada pihak Perunding, organisasi yang berkaitan dan KESEDAR
4. Mengenal pasti potensi-potensi yang perlu diambil peluang dalam Wilayah Kelantan Selatan selaras dengan dasar dan hasrat kerajaan 5. Mengenal pasti peluang KESEDAR ke arah biaya diri bagi mengurangkan kebergantungan kos kepada kerajaan	a. Perbincangan berstruktur di antara Perunding dengan KESEDAR (*engagement* dan *syndication*) b. Kajian penandarasan (termasuk lawatan amalan terbaik) melibatkan organisasi dan agensi pembangunan terpilih
6. Menyediakan cadangan penambahbaikan pada perancangan, pelaksanaan dan mekanisme pelaksanaan projek serta usaha-usaha inovasi dan transformasi	Siri bengkel dan makmal untuk penyediaan dokumen bagi mencadangkan penambahbaikan perancangan, pelaksanaan dan mekanisme pelaksanaan projek
7. Penyediaan struktur organisasi KESEDAR yang lebih tersusun dan praktikal selaras dengan tanggungjawab dan peranan organisasi	a. Penandarasan untuk melihat model-model organisasi yang bersesuaian dengan KESEDAR b. Perbincangan untuk menyediakan dan mempersetujui satu struktur organisasi KESEDAR yang baharu

3.8 OUTPUT KAJIAN

3.8.1 Pelan Pembangunan Wilayah

Dokumen ini akan memperincikan inisiatif-inisiatif utama yang digubal untuk menjadi panduan dan rujukan teras pada hala tuju dan proses pembangunan wilayah secara berfasa sehingga tahun 2030.

3.8.2 Pelan Strategik KESEDAR

Dokumen ini akan memperincikan inisiatif-inisiatif utama yang digubal untuk mentransformasikan KESEDAR sebagai sebuah organisasi yang berfungsi sebagai tulang belakang pembangunan wilayah. Fokus adalah pada usaha mentransformasi KESEDAR dan turut mengambil kira inisiatif-inisiatif bersifat strategik, taktikal dan operasi yang dapat memperkasakan peranan KESEDAR dan entitinya menjadi sebuah agensi yang cekap serta bersifat pemangkin pada pembangunan modal insan, ekonomi dan sosial.

LAMPIRAN 4

PENEMUAN UTAMA KAJIAN PENANDARASAN DAN KAJIAN LAPANGAN

4.0 PENGENALAN

Bahagian ini memajukan hasil kajian penandarasan dan kajian lapangan yang telah dilaksanakan. Hasil daripada kedua-duanya dijadikan asas pada pengusulan inisiatif strategik bagi memacu hala tuju baru Wilayah Kelantan Selatan menjelang 2030.

4.1 PENEMUAN KAJIAN PENANDARASAN

Kajian penandarasan dijalankan bertujuan membuat analisis penandarasan dengan agensi-agensi pembangunan wilayah luar negara dan tempatan terpilih iaitu, (i) Scottish Enterprise; (ii) Chengdu Economic and Technological Development Zone (Chengdu ETDZ); (iii) Mondragon Corporation; (iv) Economic Development Agencies of New Zealand ; (v) FELDA; (vi) KEJORA; (vii) KETENGAH; (viii) PERDA; (ix) IRDA dan; (x) KEDA. Hasil analisis ini adalah tertumpu pada maklumat sedia ada yang diperoleh daripada dokumen-dokumen rasmi dan temu bual berstruktur dengan pegawai-pegawai yang mewakili institusi berkenaan bagi mendapatkan gambaran yang tepat dan menyeluruh.

Selain itu, perunding turut menjalankan lawatan penandarasan terhadap agensi-agensi berkenaan untuk membuat pemerhatian langsung, memahami kesungguhan pihak pentadbir dan masyarakat tempatan dalam mengurus perubahan serta menangani cabaran transformasi sosioekonomi dan sosiobudaya yang berlaku secara pesat sehingga berjaya mengubah landskap wilayah atau negara berkenaan. Pemadanan analisis yang dijalankan menjurus pada 18 aspek (**Rajah L4.1**).



Rajah L4.1: Parameter Untuk Analisis Inisiatif Strategik Dan Pencapaian

4.2 PENANDARASAN AGENSI-AGENSI PEMBANGUNAN NEGARA LUAR TERPILIH

4.2.1 Scottish Enterprise

ASPEK	PERINCIAN
Status Institusi	a. Scottish Enterprise (SE) telah ditubuhkan pada 1 April 1991, di bawah *Enterprise and New Towns (Scotland) Act 1990*. Akta tersebut menggabungkan Scottish Development Agency (SDA) dan Scottish Training Agency (STA) di bawah satu badan bersepadu. Pada April 2002, SE telah bergabung dengan Careers Scotland. b. SE berperanan untuk membangunkan ekonomi Scotland dan sentiasa menjana peluang pekerjaan. c. SE menubuhkan jaringan 12 syarikat perusahaan tempatan (yang dikenali sebagai Enterprise Networks) sebagai pemangkin pembangunan ekonomi dalam kawasan ekonomi yang meliputi Lowland Scotland dari daerah Grampian sehingga ke Borders. Pihak Highlands & Islands Enterprise (HIE) pula bertanggungjawab membangunkan kawasan ekonomi di wilayah yang telah diperuntukkan kepada mereka. d. Pada September 2007, Kerajaan Scotland telah menjalankan kajian ke atas Enterprise Networks iaitu jaringan 12 syarikat perusahaan tempatan yang ditubuhkan sebagai pemangkin pembangunan ekonomi yang menyumbang pada beberapa perubahan dari segi pembangunan kemahiran dan kerjaya serta pemerkasaan peranan badan-badan tempatan untuk merangsang perniagaan bagi membantu SE memperkukuhkan pembangunan ekonomi.

ASPEK	PERINCIAN
Faktor Kejayaan	a. Penyediaan jumlah bajet yang besar oleh Kerajaan Scotland/Scottish Office untuk agensi pembangunan termasuk SE melalui dasar desentralisasi pentadbiran. b. Pewujudan akta khusus *Enterprise and New Towns (Scotland) Act 1990 Section 8(1)(a)(i)* untuk penawaran geran bagi memacu modal persendirian. c. Pengenalpastian kepentingan tempatan oleh pihak industri tempatan. d. Penggemblengan usaha menarik pelaburan luar dan pemantapan pelaburan tempatan dengan penyediaan lokasi industri yang berkualiti. e. Pelaksanaan beberapa kajian dan hasilnya, SE telah fokus kepada bilangan lokasi industri yang lebih kecil iaitu lapan zon pembangunan strategik ekonomi. f. Penetapan peranan SE untuk mengenal pasti potensi kluster dalam pembangunan sektor dan industri. g. Pemfokusan pada khidmat sokongan untuk pelaburan perniagaan, peluang kerja dan latihan, eksport dan pemasaran, penyelidikan dan inovasi serta pemantapan persekitaran.
Pengukur Kejayaan	a. Boleh Diperbaharui ⊙ Penanda Aras 2013-2014 ▪ Membangunkan sektor pembuatan komersial di pesisir luar boleh diperbaharui termasuk pembangunan rantaian bekalan dan tarikan pelaburan sektor swasta di lokasi-lokasi utama. ▪ Membantu mendapatkan pelaburan baru ke sektor tenaga boleh diperbaharui melalui *Renewable Energy Investment Fund.* ▪ Menempatkan beberapa penyewa di Bangunan Inovo bagi menggalakkan kerjasama di antara usahawan dan akademia, sebagai bahagian penting dalam *International Technology & Renewable Energy Zone* (ITREZ) di Glasgow. ⊙ Pengukuran ▪ Sasaran pencapaian sebanyak £300 juta-£350 juta tambahan pelaburan swasta ke tenaga pesisir luar boleh diperbaharui menjelang 2016, termasuk £130 juta-£150 juta tambahan pelaburan swasta. b. Pertumbuhan Syarikat ⊙ Penanda Aras 2013 - 2014 ▪ Menjamin peningkatan aktiviti oleh syarikat-syarikat pengurusan kewangan untuk mencapai pertumbuhan perolehan yang ketara dalam pasaran antarabangsa. ▪ Menggalakkan kerjasama dengan syarikat-syarikat di sektor minyak dan gas, termasuk peningkatan bilangan syarikat-syarikat daripada sektor ini dalam portfolio pengurusan akaun. ▪ Membawa masuk pelaburan penting ke syarikat-syarikat sains hayat melalui dana yang telah diperuntukkan. ▪ Menggalakkan perkembangan syarikat-syarikat pelancongan dengan memberi pengalaman kepada pelanggan baru melalui peningkatan penerokaan pasaran serta memanfaatkan aset pelancongan dan pembangunan infrastruktur utama seperti hidro. ⊙ Pengukuran ▪ Pengurusan Akaun • Mencapai pertumbuhan sebanyak £1 bilio-£1.3 bilion oleh firma

ASPEK	PERINCIAN
	kewangan pada tahun 2013-2014. • Membantu 250-350 buah syarikat pengurusan kewangan dalam membangunkan kemahiran kepemimpinan dan strategi. ▪ Pelaburan • Mencapai pelaburan sebanyak £70 juta-£85 juta melalui *Scottish Investment Bank* pada 2013-2014. • Membantu 350-400 buah syarikat segi prestasi kewangan. ▪ Modal & Kecekapan • Menyuntik £250 juta-£350 juta pelaburan modal tambahan dalam projek-projek yang telah dirancang serta disokong oleh SE pada tahun 2013-2014. • Membantu syarikat-syarikat untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti, yang bernilai sekurang-kurangnya £70 juta-£85 juta menjelang tahun 2016. c. Perdagangan Antarabangsa Dan Pelaburan ⊙ Penanda Aras 2013-2014 ▪ Perdagangan Antarabangsa • Menjalankan beberapa aktiviti promosi perdagangan untuk menggalakkan pertumbuhan hasil eksport dalam sektor petroleum dan gas dengan fokus utama pada pasaran baru di Norway, Brazil, Kanada dan Afrika Barat. • Menjalankan usaha sama dengan industri sektor makanan dan minuman bagi meningkatkan aktiviti eksport antarabangsa dan menyaingi perkembangan industri makanan Asia bagi meneroka pasaran Amerika, Eropah dan Timur Tengah. • Menggalakkan pertumbuhan eksport melalui e-perdagangan bagi memanfaatkan peluang peringkat global dalam rangkaian digital. ▪ Pelaburan Dalaman • Mengekalkan kedudukan Scotland yang kukuh dan berdaya saing bagi menarik pelaburan dalaman yang bernilai tinggi melalui beberapa mekanisme analisis perbandingan dan penandarasan. • Menarik pelaburan dalaman utama untuk memberi sokongan pada pertumbuhan sektor di Scotland. ⊙ Pengukuran ▪ Eksport • Mencapai pertumbuhan sebanyak £1.2 bilion kepada £1.7 bilion menerusi jualan antarabangsa dan perniagaan sokongan pada tahun 2011-2015. • Sejumlah 220-330 buah syarikat menyasarkan pertumbuhan aktiviti eksport, termasuk 150-210 buah syarikat menyasarkan pertumbuhan pendapatan sebanyak £1 juta. ▪ Sejumlah 8,000-10,000 buah syarikat bersedia untuk mengembangkan kapasiti mereka dalam aktiviti eksport melalui beberapa inisiatif seperti *Smart Exporter.* ▪ Pelaburan Dalaman • Menyediakan 25,000-35,000 peluang pekerjaan melalui kemasukan pelaburan asing di mana 8,000-12,000 peluang pekerjaan bertaraf tinggi/profesional.

ASPEK	PERINCIAN
	d. Inovasi ⊙ Penanda Aras 2013-2014 ▪ Melakukan perubahan inovasi dan keusahawanan melalui kerjasama dengan agensi-agensi Scottish, Scottish Funding Council dan Highlands & Islands Enterprise (HIE). ▪ Menjalankan kerjasama strategik dengan pemain industri, agensi-agensi Scottish, Scottish Funding Council dan Highlands & Islands Enterprise (HIE) untuk memaksimumkan sumbangan dalam inovasi dan *R&D* melalui program EU Horizon 2020. ▪ Menjalankan aktiviti baru sebagai sumbangan SE kepada Strategi Digital Scotland, termasuk menjalankan demonstrasi projek dalam pelbagai sektor. ▪ Mengatur program bagi menggalak daya saing 30 syarikat yang terlibat. ⊙ Pengukuran ▪ Sokongan Inovasi • Membantu syarikat-syarikat memiliki pendapatan tambahan pada tahun 2013-2014, hasil daripada aktiviti inovasi yang bernilai antara £70 juta-£100 juta dalam tempoh tiga tahun akan datang. ▪ Sokongan *R&D* • Membawa masuk pelaburan berjumlah £110 juta hingga £150 juta melalui *R&D* dan projek-projek sokongan. ▪ Pengkomersialan • Menghasilkan 15-21 buah syarikat keusahawanan menjelang 2015, yang mempunyai keupayaan untuk mencapai pertumbuhan sebanyak £5 juta dalam tempoh lima tahun atau menarik nilai pelaburan sebanyak £10 juta. e. Peralihan Pada Ekonomi Rendah-Karbon ⊙ Penanda Aras 2013-2014 ▪ Mengenal pasti peluang pasaran-pasaran utama dalam teknologi bersih, persekitaran rendah-karbon dan pengangkutan rendah-karbon. ▪ Membantu syarikat-syarikat Scottish menggunakan karbon yang rendah sebagai penggerak utama inovasi dari segi produk, proses dan model perniagaan. ⊙ Pengukuran ▪ Peralihan pada ekonomi rendah karbon • Mengenal pasti antara 80,000-100,000 tan penjimatan CO_2 daripada projek-projek dan sokongan syarikat untuk meningkatkan keberkesanan.
Perancangan Masa Depan Dan Bidang Yang Diberi Penumpuan	a. Tenaga boleh diperbaharui b. Inovasi c. Perdagangan dan pelaburan antarabangsa d. Karbon rendah

ASPEK	PERINCIAN
Kepentingan Kepemimpinan Dan Isu Yang Berkaitan	a. Pembangunan budaya kepemimpinan ⊙ Pembangunan budaya kepemimpinan adalah kunci pertumbuhan ekonomi Scotland. ⊙ Pemimpin yang mempunyai pemikiran global, berkeyakinan dan berkemahiran untuk menempuh cabaran mendatang, boleh menjadi inspirasi dan memberi motivasi kepada orang lain serta mempunyai daya inovasi yang berterusan dan memberikan yang terbaik. Ini dapat membantu Scotland dalam menggali potensi sebenar yang wujud. ⊙ Pengukuhan peranan SE sebagai badan perniagaan sokongan bagi membangunkan **budaya kepemimpinan** melalui pelbagai perkhidmatan termasuk: ▪ **Pembangunan Organisasi** - kumpulan pakar serantau yang bekerja dengan syarikat-syarikat. ▪ **Program Pementoran Perniagaan Scotland** - menawarkan khidmat bimbingan, pandangan dan jaringan perniagaan oleh usahawan yang berjaya dan berpengalaman. ▪ **Program Pembangunan Modal Insan** - membantu pengurus-pengurus baharu dan berpengalaman dalam pembangunan kemahiran. ▪ **Penerokaan Pembelajaran** - menjalankan usahasama dengan Scottish Development International (SDI) untuk mempelajari kaedah amalan terbaik yang dipraktikkan oleh tokoh usahawan di seluruh dunia. ▪ **Program Kepemimpinan Luar Bandar** - program enam bulan yang membantu syarikat-syarikat membangunkan potensi kepemimpinan dan menjadi pendokong pada isu-isu luar bandar serta memahami perancangan luar bandar dan proses pembuatan keputusan. ▪ **Lawatan Amalan Terbaik dan Kursus Lanjutan** - memberi peluang kepada usahawan mempelajari daripada usahawan yang telah berjaya tentang kepentingan pembangunan potensi kepemimpinan, penglibatan warga kerja dan amalan utama yang membawa pada prestasi tinggi, pertumbuhan dan keuntungan.
Kepentingan Sistem Pengurusan Dan Isu Yang Berkaitan	a. Pelaksanaan usaha simpanan dana yang efisien dan pemantapan usaha pemantauan perkhidmatan: ⊙ Memperkemaskan operasi dan struktur pengurusan. ⊙ Mengurangkan kos pentadbiran melalui perkongsian ruang pejabat dengan organisasi lain. ⊙ Merasionalkan keperluan pejabat. ⊙ Mengurangkan perbelanjaan dalam bidang IT dan pemasaran.
Kepentingan Sumber Dan Isu Yang Berkaitan	a. Pembangunan program keusahawanan untuk generasi muda ke arah membentuk usahawan global yang dinamik. b. Pelaksanaan yang melibatkan pelajar terpilih seluruh Scotland, penetapan bidang sains, teknologi dan kejuruteraan, kerjasama dengan lima buah universiti antarabangsa, penglibatan pelajar antarabangsa serta penyertaan pihak industri tempatan.
Kisah Kejayaan Utama	a. Pemantapan sokongan berterusan daripada Kerajaan Scotland terhadap SE serta pemberian 118 tawaran oleh Bantuan Selektif Wilayah yang bernilai £43 juta untuk tahun 2013-2014 dalam menjamin pemilikan modal perbelanjaan bernilai £216 juta dan 4,766 peluang pekerjaan.

ASPEK	PERINCIAN
Inisiatif Kerajaan Dan Badan Politik, Pengaruh Dan Perundangan, Pembangunan Dan Sokongan Untuk Pelaksanaan Projek	a. Pelaksanaan rancangan di bawah *European Commission* (EC) melalui program LEADER (pembangunan komuniti luar bandar) ⊙ Tiga jenis pengukuran di bawah LEADER : ▪ Memberi sokongan teknikal untuk pembangunan luar bandar termasuk latihan dan bantuan pekerjaan, pelancongan luar bandar, firma-firma kecil, industri kraf, perkhidmatan tempatan dan pasaran tani. ▪ Mempergiatkan usaha membentuk beberapa kumpulan LEADER sebagai rakan kongsi tempatan di kawasan luar bandar. ▪ Meningkatkan jaringan EC dengan rangkaian kumpulan LEADER. LEADER dibiayai menerusi geran EC yang diperuntukkan untuk setiap negara anggota. Di Scotland, dana berkenaan disalurkan melalui Jabatan Industri dan Perdagangan United Kingdom kepada Jabatan Pentadbiran Industri Scottish yang bertanggungjawab mengagihkan sumber dana berkenaan kepada wakil-wakil tempatan. Ini melibatkan agensi-agensi pembangunan wilayah, HIE dan SE serta agen-agen kontrak tempatan dan penduduk.

4.2.2 Chengdu Economic and Technological Development Zone (Chengdu ETDZ)

ASPEK	PERINCIAN
Status Institusi	a. Chengdu ETDZ telah disahkan oleh Majlis Negeri sebagai sebuah wilayah pada tahun 2000. b. Chengdu ETDZ telah disahkan oleh Sichuan Provincial Party Committee dan Provincial Government sebagai Hundred Billion Industrial Park yang memfokus pada perusahaan pemasangan automobil, peralatan kejuruteraan dan produk-produk utama perusahaan. c. Pada 2007, Majlis Negeri memilih Chengdu sebagai *Urban and Rural Coordination Pilot Zone* sebagai projek rintis dalam aspek pengurusan tanah, infrastruktur kewangan dan perkhidmatan awam.
Faktor Kejayaan	a. Persekitaran kewangan yang sihat ⊙ Sokongan institusi-institusi kewangan tempatan yang utama dengan membuka ibu pejabat cawangan di wilayah Chengdu (*The People's Bank of China*, *China Banking Regulatory Commission*, *China Securities Regulatory Commission*, *China Insurance Regulatory Commission*). ⊙ Chengdu mendahului dari segi jumlah transaksi yang melibatkan bank asing serta syarikat-syarikat insurans dan kewangan di Barat China. ⊙ Terdapat 14 bank asing dan 15 syarikat insurans membuka cawangan di Chengdu. b. Pemilikan modal insan ⊙ Memiliki 2.3 juta modal insan dalam pelbagai bidang di mana 1.55 juta berkemahiran dalam bidang teknikal. ⊙ Menduduki tangga pertama di barat China dan yang keempat di peringkat nasional dari segi jumlah modal insan. c. Peranan kerajaan sebagai fasilitator ⊙ Menswastakan sebahagian dari tugas kerajaan dengan mewujudkan "*platform company*" yang menggunakan khidmat pekerja sektor swasta untuk mengoperasikan organisasi terpilih, contohnya Tianfu Software Park. Walaupun bertanggungjawab penuh kepada kerajaan, mereka

ASPEK	PERINCIAN
	diberi kelonggaran untuk mentadbir organisasi dan penyewa. d. Penyediaan infrastruktur lengkap ⊙ Menyiapkan kemudahan kereta api bawah tanah Metro Line 1 (menggabungkan North Train Station di utara dengan Convention Center di selatan) pada tahun 2010 dan Metro Line 2 (menggabungkan kawasan hab industri dan universiti di timur dengan hab perkilangan automotif di barat) pada bulan September 2012. ⊙ Membina sistem jalan raya dalam bandar Chengdu dan juga lebuh raya merentasi kawasan belum membangun di utara Sichuan, selatan Gansu dan selatan Shanxi. Jumlah lebuh raya sepanjang 224,000 km dan *expressway* sepanjang 2,240 km menjadikan Sichuan sebagai wilayah yang memiliki kapasiti pengangkutan terbaik di negara China. ⊙ Memiliki empat Stesen Kereta Api Kargo yang menghubungkan Chengdu dengan Chongqing, Baoji, Kunming dan Dazhou. ⊙ Meningkatkan jumlah penerbangan terus ke Eropah, Asia Tenggara, Timur Tengah dan Afrika. Pelaburan sebanyak USD 470 juta (RMB 3 bilion) telah dibuat pada tahun 2011 untuk pembesaran lapangan terbang dengan pembinaan landasan kedua serta terminal baru. ⊙ Membangunkan potensi sebagai hab logistik dengan membina jaringan siber (*cyber network*) untuk meningkatkan perhubungan di peringkat tempatan, negara dan dunia. e. Penerusan legasi sebagai hab perdagangan ⊙ Meneruskan legasi pencapaian gemilang sejak ratusan tahun lalu sebagai pusat perdagangan yang berjaya menarik kedatangan cendekiawan, pedagang dan pendatang. f. Penyediaan platform inovasi ⊙ 36 pusat *R&D*: makmal-makmal utama kebangsaan, pusat-pusat penyelidikan kejuruteraan dan teknologi, pusat-pusat perusahaan teknologi. ⊙ 24 pusat nasional berasaskan industri saintifik dan teknologi: perisian, reka bentuk litar bersepadu dan kelengkapan tenaga baru. ⊙ Empat universiti nasional berasaskan sains dan teknologi. ⊙ Sembilan universiti nasional menumpukan pada inkubator perusahaan berasaskan sains dan teknologi (melibatkan 1.5 juta meter persegi kawasan inkubator). ⊙ 56 pusat perkhidmatan inovasi teknologi awam.
Pengukuran kejayaan	a. Faktor ekonomi: ⊙ KDNK Wilayah: USD 134.06 billion (RMB 813.89 bilion) (+13.0%): ▪ Industri Primer: 4.28 % ▪ Industri Sekunder: 46.57 % ▪ Industri Tertiari: 49.15 % ⊙ Pendapatan kewangan masyarakat tempatan: USD 12.86 (RMB 78.10 bilion) (+18.9%). ⊙ Jumlah jualan runcit untuk barangan pengguna: USD 54.65 (RMB 331.77 bilion) (+16.0%). ⊙ Jumlah eksport-import : USD 47.54 billion (RMB 288.75 bilion) (+25.5%): ▪ Eksport kasar: USD 30.36 billion (RMB 184.40 bilion) (+32.4%). ▪ Import kasar: USD 17.18 billion (RMB 104.35 bilion) (+15.0%). ⊙ Pelaburan kasar aset tetap: USD 589.01 (RMB 3,577.55) (+17.7%).

ASPEK	PERINCIAN
	⊙ Pelaburan asing: USD 8.59 billion (RMB 52.17 bilion) (+31.1%). ⊙ Pendapatan boleh guna per kapita penduduk bandar: USD 4,479.18 (RMB 27,194) (+13.6%). ⊙ Pendapatan bersih per kapita penduduk luar bandar: USD 1,861.41 (RMB 11,301) (+14.2%). ⊙ Berjaya membentuk wilayah Chengdu sebagai negara pengeluar, pengeluar dan pengguna serta pencetus inovasi dengan memanfaatkan sumber tempatan secara optimum dan strategik. b. Faktor bukan ekonomi: ⊙ Amalan dan keputusan politik yang bersifat *top-down* yang mana kerajaan mempunyai kuasa penuh dalam melaksanakan sesuatu dasar atau polisi. ⊙ Kelebihan kedudukan geografi yang berpotensi menjadi pintu masuk khususnya kepada negara-negara Asia seperti Vietnam, Myanmar, India dan sebagainya. ⊙ Jumlah penduduk yang besar disusuli dengan perancangan pembangunan kemahiran yang konsisten untuk penduduk bagi memenuhi keperluan sumber manusia. ⊙ Dasar urbanisasi secara seimbang yang mengambil kira kebajikan, keperluan dan kemampuan menyesuaikan diri dengan transformasi khususnya di kalangan penduduk yang berasal dari luar bandar seperti mengadakan kelas khusus untuk warga emas supaya mampu mengendalikan peralatan elektrik dengan selamat.
Masalah/Cabaran/ Halangan Yang Dihadapi	a. Peningkatan kos buruh. b. Penguasaan Bahasa Inggeris yang rendah di kalangan pegawai-pegawai dan penduduk. c. Peningkatan kos kehidupan. d. Pencemaran udara dan jerebu.
Perancangan Masa Depan Dan Bidang Yang Diberi Tumpuan	a. Bidang asas industri yang kukuh dalam IT, automobil, penerbangan dan aeroangkasa, bahan tenaga dan sumber-sumber berpotensi. b. Tumpuan masa depan menjurus pada bidang elektronik, automobil dan pembinaan. c. Pada 2015, perusahaan automobil disasarkan sebagai peneraju utama bagi kluster *`hundred billions industry'.*
Kepentingan Modal Insan Dan Isu Berkaitan	a. Peruntukan USD 123.51 juta (RMB 749.23 juta) untuk dana khas modal insan: ⊙ Penumpuan pada pembangunan modal insan melalui universiti dan kolej vokasional yang mengkhusus dalam satu-satu bidang bagi memenuhi keperluan industri. ⊙ Pemantauan berterusan melalui pendekatan *check and balance* antara kerajaan dan pemain-pemain industri bagi memastikan keperluan modal insan mencukupi. ⊙ Penggalakan pada modal insan yang berkemahiran dan berkelayakan dari negara luar melalui insentif kadar cukai rendah dan penawaran kemudahan pendidikan untuk anak-anak. ⊙ Mempunyai lebih 50 universiti, 120 sekolah vokasional dan 180 pusat latihan industri untuk pelajar lepasan universiti dan vokasional. ⊙ Pembinaan lebih 30 pusat *R&D.*

ASPEK	PERINCIAN
Kepentingan Sistem Pengurusan Dan Isu Berkaitan	a. Penubuhan *Investment Promotion Committee (IPC*) pada 2007 sebagai agensi penyelaras pelaburan dengan menjalankan peranan berikut: ⊙ Menarik pelaburan domestik dan asing. ⊙ Menjalankan usaha publisiti dan promosi. ⊙ Memberi khidmat nasihat dan penyelidikan kepada industri-industri sukar melalui pemantauan projek dan penyediaan tapak/kawasan. b. Pembahagian Chengdu pada zon khusus secara strategik: ⊙ Tianfu New District untuk syarikat teknologi. ⊙ Eastern New Town untuk syarikat pembiayaan perniagaan, industri budaya dan kreatif. ⊙ Northern New Town untuk perniagaan dan perdagangan. ⊙ Western New Town untuk industri perkhidmatan.
Kepentingan Persekitaran Sosial Yang Kondusif Dan Isu Yang Berkaitan	a. Pendidikan dan penyesuaian pada usaha urbanisasi: ⊙ Memberi pampasan dalam bentuk tunai dan sebuah rumah kepada penduduk yang tanah mereka diambil oleh kerajaan. ⊙ Mendidik penduduk luar bandar untuk menyesuaikan diri dengan cara hidup bandar melalui kursus khas. ⊙ Membuat pemadanan kerja kepada penduduk sesuai dengan keadaan di bandar, contohnya kerja-kerja berkaitan landskap. b. Penyediaan kemudahan rekreasi untuk masyarakat bandar daripada pelbagai lapisan umur. c. Penyediaan kemudahan untuk komuniti antarabangsa (sekolah dan hospital).
Kepentingan Kemahiran, Perhubungan Awam, Komunikasi, ICT, Imej Dan Isu Yang Berkaitan	a. Penubuhan *Chengdu Association of Enterprises with Foreign Investment* (CAEFI) sebagai pemudahcara segi penggalakan pelaburan yang menyediakan perkhidmatan dan kemudahan untuk syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa meneroka peluang perniagaan. b. Penggunaan kemudahan ICT yang menghasilkan kerja yang cekap dan berkesan, contohnya *QQ Chat App.*
Kepentingan Sumber Dan Isu Yang Berkaitan	a. Pembangunan sumber manusia ⊙ Menubuhkan *Overseas Students Pioneer Park* untuk menggalakkan siswazah lepasan luar negara kembali ke China dan memulakan perniagaan sendiri. ⊙ Mewujudkan dana dan mengadakan program sokongan (inkubator) untuk menggalakkan usahawan yang inovatif memulakan perniagaan sendiri dan pada masa yang sama membangunkan kelompok usahawan inovatif. b. Pemanfaatan anugerah sumber asli ⊙ Memiliki lebih 400 buah lombong mineral. Antara rizab mineral berbentuk logam yang dijumpai ialah besi, titanium, tembaga, plumbum, zink, aluminum, emas dan perak termasuk juga mineral bukan logam seperti serpentin, kapur, marmar, batu arang dan gas asli. ⊙ Menerima taburan hujan tahunan yang mencukupi untuk penggunaan domestik. Pada masa yang sama memiliki sumber air dari pelbagai sumber seperti sungai, tasik, empangan dan terusan; contohnya, Sungai Yangtze dan Projek Pengairan Dujiangyan. ⊙ Mempunyai tanah yang subur untuk pertanian kerana terletak di Lembangan Sichuan.

ASPEK	PERINCIAN
Kepentingan Sokongan Politik Dan Isu Yang Berkaitan	a. Dasar yang datang dari pentadbiran pusat (Beijing). b. Pelaksanaan *Go-West Policy* yang bertujuan untuk membangunkan bahagian barat China yang tidak menikmati impak secara langsung daripada pengamalan pasaran terbuka China ke dunia luar. c. Dasar pembangunan yang seimbang antara wilayah.
Formula Dalam Membangunkan Potensi Organisasi Dan Kawasan	a. Pelaksanaan lima strategi pembangunan bandar ⊙ Strategi 1 : Pengangkutan adalah keutamaan ▪ Penyediaan logistik dan infrastruktur • Meletakkan Chengdu Shuangliu International Airport sebagai salah sebuah daripada empat hab pengangkutan terbesar di China di mana ia boleh menampung 31.6 juta penumpang pada tahun 2012. • Mempunyai pengangkutan rel kontena yang terbesar di Asia yang menghubungkan beberapa bandar di China (Shanghai, Shengzhen, Ningbo dan sebagainya). • Memperluaskan penerbangan terus iaitu ke London dan San Francisco. • Melancarkan Chengdu-Euro Train yang menghubungkan Chengdu dengan Lods Poland di mana urusan penghantaran barang dagangan hanya mengambil masa 14 hari. ⊙ Strategi 2 : Industri yang pelbagai ▪ Melibatkan 21 zon. ▪ Membangunkan kawasan industri dan kawasan penduduk. ⊙ Strategi 3 : Membangunkan bandar baru dan lama ▪ Menjadikan konsep *modern, high end, uniqueness and beautification* sebagai teras pembangunan. ▪ Menetapkan secara objektif dengan mensasarkan pelaburan hanya tertumpu pada lima bidang industri yang utama iaitu teknologi tinggi, perusahaan peralatan moden, pelancongan, budaya dan perkhidmatan moden. ⊙ Strategi 4 : Integrasi tiga lapisan ▪ Satu paksi: Peluasan kawasan dari selatan bahagian tengah Tianfu New Zone sehingga ke timur kaki Gunung Longquan. ▪ Dua Sayap: Merujuk pada zon perindustrian di timur dan barat Chengdu yang merupakan zon kluster bagi industri berteknologi tinggi Chengdu-Meishan dan zon perindustrian bagi Zon Ekonomi Longquan. ▪ Enam koridor: Merujuk pada enam zon fungsional yang komprehensif bertujuan menyediakan fungsi-fungsi perkhidmatan yang sempurna berkaitan dengan pengeluaran dan kehidupan, bagi menyesuaikannya dengan kesan dari kluster-kluster industri yang dibangunkan. ▪ Enam zon fungsional: • *Industrial Functional Zone of Innovation, Research and Development* • *Southern Functional Zone* • *Functional Zone of Chengdu-Meishan Strategic Emerging Industries*

ASPEK	PERINCIAN
	• *Airport-based Hi-tech Industrial Functional Zone* • *Longquan High-end Manufacturing Industrial Functional Zone* • *Functional Zone of "Two Lakes and One Mountain" International Tourism and Culture* ⊙ Strategi 5 : Mengamalkan dasar terbuka kepada institusi dalam dan luar negara bagi semua aspek: ▪ Pada 2011, Chengdu telah diiktiraf sebagai *"Best Convention dan Exhibition City in China".* ▪ Pembinaan Global Centre (pusat aktiviti setempat terbesar di dunia) sebagai salah satu platform dan ikon bagi Chengdu menjadi hab ekonomi dan teknologi. b. Pendekatan secara berfasa ⊙ Fasa Pertama (2000-2010) : Membangunkan ekonomi kawasan yang terlibat. ⊙ Fasa Kedua (2011-2020) : Membangunkan kawasan berteknologi tinggi di Tianfu. c. Pengimbangan kemajuan wilayah ⊙ Memposisikan sektor-sektor berasaskan teknologi ke Chengdu bagi mengimbangkan kemajuan sosioekonomi yang telah dicapai oleh wilayah-wilayah lain, khususnya Beijing dan Shanghai. d. Pendekatan secara objektif dan strategik ⊙ Menggerakkan industri secara intensif dan mengurusnya secara efikasi sehingga berjaya melakarkan 21 zon industri yang setiap satunya memfokus pada industri utama. Corak pembangunan bandar pula menjurus pada; (i) pusat bandar (*high-end service*); (ii) sekitar sub-urban (perkilangan dan perkhidmatan pengeluaran) dan; (iii) pedalaman sub-urban (perkilangan, pertanian moden dan pelancongan). Sebarang projek yang tidak berkaitan dengan sasaran industri bagi setiap zon dihentikan atau ditolak. ⊙ Menubuhkan suruhanjaya promosi pelaburan pada tahun 2007 sebagai agensi penyelaras bagi tarikan pelaburan, kerjasama ekonomi, perdagangan asing serta bagi mengelakkan berlakunya pertindanan projek antara daerah di Chengdu. ⊙ Mewujudkan persekitaran persaingan secara terbuka. Chengdu menyediakan persekitaran fizikal dan bukan fizikal yang kondusif bagi meyakinkan pelabur. Mereka juga secara konsisten selama bertahun-tahun lamanya mengamalkan perbincangan secara bersemuka dengan pelabur asing dengan melibatkan Datuk Bandar dan Timbalannya serta ketua-ketua jabatan agensi berkaitan bagi menjawab sebarang persoalan dan memuktamadkan urusan. ⊙ Menjadikan produktiviti sebagai salah satu faktor pengaruh. Hal ini dilaksanakan melalui penganjuran usaha-usaha promosi (pameran, ekspo, karnival, forum perniagaan dan sebagainya). Kini, Chengdu lebih memberi tumpuan kepada pelawat daripada kalangan profesional yang memberi faedah kepada pengeluar, agen-agen pemasaran dan bidang-bidang kepakaran berkaitan.

ASPEK	PERINCIAN
Kisah Kejayaan Utama	a. Penganugerahan peringkat antarabangsa: ⊙ *Top City of The Fastest Development of The Next Decade in the World* oleh Forbes. ⊙ *Top Immerging Commercial City in the World* oleh Fortune. ⊙ *Highly Recommended City for Investment in the Mainland China* oleh Taiwan Electrical and Electronic Manufacturers Association. ⊙ *Top Chinese Inland City Offers Choices for Foreign Investors* oleh World Bank and Japan-China Economic Association. ⊙ *Top New Investment Destination Favored by the US Firms* oleh The American Chamber Commerce in China. ⊙ *A Capital of Gastronomy.* ⊙ *China Top Tourism City.* b. Pencapaian memberangsangkan iaitu dengan 74 projek pelaburan bernilai 112 bilion yuan hasil pemilihan Chengdu sebagai tuan rumah bagi Fortune Global Forum 2013.
Keunikan Yang Boleh Dipelajari Oleh Pihak Lain	a. Mempraktikkan cara hidup yang seimbang antara kerja dan rekreasi melalui pembinaan taman-taman rekreasi. b. Membangun semula dengan lebih sistematik setelah wilayah Sichuan ditimpa gempa bumi pada 12 Mei 2008 yang menyebabkan kematian dan kehilangan hampir 90,000 orang penduduk. c. Memiliki pemikiran positif dengan menganggap masalah yang dihadapi sebagai cabaran baru yang perlu dihadapi. d. Membina penempatan dalam bandar dan pinggir bandar yang membolehkan pekerja menggunakan pengangkutan awam, basikal atau berjalan kaki ke tempat kerja.
Inisiatif Kerajaan Dan Badan Politik, Pengaruh Dan Perundangan, Pembangunan Dan Sokongan Untuk Pelaksanaan Projek	a. Penerimaan sokongan terhadap projek ⊙ Sumber dana jangka pendek dibiayai oleh kerajaan manakala sumber dana jangka panjang pula bersumberkan hasil pelaburan. b. Pengenalan insentif *72 hour visa free transit policy* ⊙ Melaksanakan insentif *72 hour visa free transit policy* bermula sejak 1 September 2013 kepada 45 buah negara yang mempunyai perjanjian visa. c. Penubuhan Chengdu Planning Exhibition Hall yang memberi gambaran sebenar pembangunan Chengdu kepada masyarakat umum khasnya, dan pelawat atau pelabur dari luar amnya.
Status Kewangan Dan Pencapaian	a. Peningkatan KDNK sebanyak 13% iaitu USD 134.5 bilion (2012).

4.2.3 Mondragon Corporation

ASPEK	PERINCIAN
Status Institusi	a. Organisasi ini adalah sebuah koperasi dan bukannya sebuah badan pembangunan komuniti. b. Setiap ahli koperasi di bawah Mondragon Corporation mesti menyempurnakan tempoh percubaan selama enam bulan hingga setahun di dalam syarikat yang mereka bekerja. Syarikat ini mestilah salah sebuah syarikat yang bernaung di bawah Mondragon Corporation. Sebagai bakal ahli koperasi, setiap individu baru bebas untuk mengesahkan atau menolak keahlian tetap mereka selepas tempoh percubaan tersebut.  **Rajah L4.1 : Model Pengurusan Mondragon Corporation**
Faktor Kejayaan	a. Pewujudan kerjasama kukuh dalam sistem koperasi. b. Penggemblengan tanggungjawab individu untuk mempertahankan koperasi. c. Pelaksanaan dasar desentralisasi dan koordinasi perancangan. d. Pemfokusan usaha pada pembentukan organisasi koperasi yang utuh. e. Penjanaan keuntungan daripada empat bidang strategik iaitu: ⊙ Kewangan ⊙ Industri ▪ Penghasilan bahan mentah (*capital goods*) ▪ Barangan pengguna ▪ Komponen industri ▪ Pembinaan ▪ Perkhidmatan ⊙ Jualan. ⊙ Pengetahuan. ▪ Penyelidikan ▪ Latihan f. Pembentukan sistem pertukaran pekerja antara koperasi. g. Pewujudan sistem jaminan kebajikan ahli koperasi. h. Pemantapan dana utama melalui pengukuhan pendapatan daripada bidang industri, peruncitan, kewangan serta penjanaan pendapatan daripada 73 kilang pengeluaran Mondragon Corporation meliputi 16 buah negara di dunia.

ASPEK	PERINCIAN
	i. Penerapan 10 teras yang ditetapkan dalam kongres pertama koperasi iaitu: ⊙ *Open admission* ⊙ *Democratic organisation* ⊙ *The sovereignty of labour* ⊙ *Instrumental and subordinate nature of capital* ⊙ *Participatory management* ⊙ *Payment solidarity* ⊙ *Inter-cooperation* ⊙ *Social transformation* ⊙ *Universality* ⊙ *Education*
Pengukuran Kejayaan	a. Pemerkasaan usaha koperasi untuk menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat melalui: ⊙ Penerokaan bidang industri baru melalui aspek penyelidikan yang dijalankan oleh institusi pengajian khususnya teknologi nano melalui Pusat Penyelidikan Ikerlan. ⊙ Penyediaan program separuh masa kepada pelajar yang kurang berkemampuan dengan kerjasama institusi pengajian. Pelajar yang terlibat dalam program ini mempunyai jadual belajar yang khusus kerana mereka perlu bekerja untuk tempoh tertentu di kilang koperasi Mondragon Corporation. ⊙ Penerokaan bidang industri baru oleh industri di bawah koperasi dan peningkatan pengeluaran. ⊙ Penetapan misi organisasi bahawa tenaga manusia adalah sebagai faktor perubahan persekitaran, masyarakat dan kemanusiaan dalam teras Mondragon Corporation. Justeru, tenaga manusia diberi keutamaan dalam organisasi koperasi. Keuntungan yang dijana hasil usaha tenaga manusia perlu dimanfaatkan menerusi komitmen organisasi untuk menjana lebih banyak peluang pekerjaan. b. Pembangunan kawasan perkampungan terpencil Mondragon-Arrasate yang asalnya dihuni oleh 8,000 penduduk dan meningkat kepada 23,000 penduduk. c. Penyediaan 80,000 peluang kerja sepenuh masa melalui pelbagai koperasi di bawah Mondragon Corporation. d. Pengamalan dasar desentralisasi dan koordinasi yang menggunakan hanya 63 kakitangan yang bertanggungjawab sebagai penyelaras kelancaran kepada keseluruhan perjalanan aktiviti Mondragon Corporation selari dengan dasar koperasi bahawa ahli mempunyai kuasa penuh untuk menentukan hala tuju koperasi. e. Pengamalan konsep piramid terbalik di mana ahli sebagai kuasa majoriti mempunyai kuasa tertinggi dalam organisasi. Suara ahli disalurkan melalui tiga peringkat utama iaitu: ⊙ *Co-operative Congress* ⊙ *Standing Committee* ⊙ *General Council*
Masalah/Cabaran/ Halangan Yang Dihadapi	a. Permasalahan kemerosotan ekonomi negara Sepanyol secara keseluruhan memberi kesan kepada perkembangan perniagaan Mondragon Corporation. b. Pelonggaran keahlian koperasi kepada pekerja/ahli baru dari negara luar yang mempunyai prospek perniagaan seperti pembukaan kilang dan sebagainya disebabkan perbezaan dasar ekonomi.

ASPEK	PERINCIAN
Perancangan Masa Depan Dan Bidang Yang Diberi Penumpuan	a. Pemerkasaan empat teras baharu: ⊙ Pembangunan pengajian sosial dan kemanusiaan. ⊙ Pemantapan bidang kewangan. ⊙ Penerokaan bidang diet dan kulinari. ⊙ Peningkatan dalam kemahiran tinggi dan penguasaan industri.
Kepentingan Kepemimpinan Dan Isu Yang Berkaitan	a. Penentuan arah tuju koperasi oleh ahli. b. Penetapan peranan institusi teras sebagai pusat koordinasi, pengurusan, penyedia latihan dan penasihatan. c. Penggunaan dasar demokrasi dalam pembuatan keputusan. d. Penekanan pada empat teras nilai korporat utama iaitu: ⊙ Kerjasama (*Co-operation*) "*Owners and protagonists*". ⊙ Penglibatan (*Participation*) "*Commitment to management*". ⊙ Tanggungjawab sosial (*Social responsibility*) "*Distribution of wealth based on solidarity*". ⊙ Inovasi (*Innovation*) "*Constant renewal*"
Kepentingan Modal Insan Dan Isu Yang Berkaitan	a. Pengagihan peranan dan tanggungjawab organisasi kepada semua ahli koperasi. b. Penyuburan rasa kebersamaan. c. Pembentukan struktur khas dalam organisasi sebagai pemantau dan penyaluran pandangan serta pengagihan kuasa. Pemantapan struktur kumpulan kerja dan penentuan hala tuju koperasi oleh badan-badan berikut: ⊙ **Ahli:** Ahli perlu menyempurnakan tempoh percubaan dalam bidang kerja masing-masing (enam bulan sehingga setahun) sebelum memutuskan menerima atau menolak tawaran sebagai ahli tetap koperasi. ⊙ **Koperatif:** Berasaskan sistem perkongsian pengurusan. ⊙ **Koperatif Sokongan:** Rangkaian kerjasama antara koperasi akar umbi dikenali sebagai *'co-operative co-operatives'* untuk memberi sokongan dari segi pengurusan. Setiap koperasi mempunyai tenaga kerja sendiri merangkumi kewangan, kebajikan, latihan dan penyelidikan. ⊙ **Bahagian dan Sub-kumpulan:** Jaringan kerjasama secara strategik antara koperasi yang beroperasi dalam bidang yang sama untuk meraih manfaat bersama dalam perkhidmatan dan ekonomi. ⊙ **Perhimpunan Agung:** Badan utama koperasi yang bertindak sebagai saluran keperluan dan kehendak ahli. ⊙ **Kongres Koperatif Mondragon:** Kongres ini terdiri daripada 650 orang ahli dan dibangunkan bertujuan untuk membina kriteria bersifat strategik menjurus pada bagaimana sebuah perbadanan ditadbir melalui perancangan dan penyelarasan ke atas setiap unit perniagaan. ⊙ **Majlis Pentadbir:** Badan perwakilan yang mentadbir koperasi. Ahli-ahli dipilih oleh Perhimpunan Agung. ⊙ **Majlis Pengurusan:** Badan yang menyelaras peranan pasukan pengurusan dan merupakan badan penasihat kepada Majlis Pentadbir. Ia terdiri daripada pengurus besar dan ahli-ahli eksekutif. ⊙ **Pengurusan:** Pasukan pengurusan eksekutif bagi koperasi yang dilantik oleh Majlis Pentadbir. ⊙ **Majlis Sosial:** Badan perwakilan yang mewakili ahli dalam institusi-institusi dalaman. Jumlah ahli lembaga bergantung pada jumlah keseluruhan sesebuah koperasi.

ASPEK	PERINCIAN
	⊙ **Suruhanjaya Pemantauan:** Auditor dilantik bagi memastikan pematuhan pada prinsip-prinsip pengurusan akaun dan aspek-aspek lain yang berkaitan.
Kepentingan Sistem Pengurusan Dan Isu Yang Berkaitan	a. Pelaksanaan sistem pengurusan secara demokrasi dengan menggunakan kaedah piramid terbalik. b. Penentuan pelantikan kepimpinan dan penentuan keputusan berdasarkan persetujuan ahli. c. Pelantikan Jawatankuasa Pemandu dan jawatankuasa di bawahnya dilakukan setiap dua tahun. d. Pelaksanaan mesyuarat berkala bagi setiap jawatankuasa paling kurang selama 1 jam 30 minit bagi setiap bulan dijalankan secara tetap. Penekanan kepada ahli untuk menghayati enam elemen pengurusan yang utama iaitu: ⊙ Berfokuskan pelanggan ▪ Pelaksanaan penjajaran operasi secara strategik ⊙ Pembangunan ▪ Pembaharuan pertumbuhan ▪ Pengantarabangsaan ▪ Promosi ▪ Sinergi korporat
Kepentingan Sistem Pengurusan Dan Isu Yang Berkaitan	⊙ Inovasi ▪ Pengurusan inovasi ▪ Pembangunan teknologi ⊙ Keuntungan ▪ Daya saing ⊙ Penglibatan dalam komuniti ▪ Tanggungjawab korporat ▪ Transformasi sosial ⊙ Keahlian koperasi ▪ Pembangunan ahli ▪ Kepemimpinan ▪ Pendidikan koperasi ▪ Penglibatan ahli dalam anak-anak syarikat ▪ Kesihatan dan keselamatan sewaktu bekerja
Kepentingan Persekitaran Sosial Yang Kondusif Dan Isu Yang Berkaitan	a. Penekanan pada kepentingan mensosialkan pendidikan dan mengelakkan ia daripada menjadi bebanan kepada ahli koperasi. b. Pengukuhan daripada budaya masyarakat Basque Country yang berintegriti.
Kepentingan Kemahiran, Perhubungan Awam, Komunikasi, ICT, Imej Dan Isu Yang Berkaitan	a. Penyediaan ruang dan peluang pembangunan kemahiran kepada generasi baru ahli koperasi. b. Penetapan kepentingan penguasaan bidang sains dan teknologi dengan penubuhan universiti dan politeknik sendiri. c. Penyediaan peluang dan pendedahan kepada pelajar untuk terlibat secara langsung dalam industri. d. Penyediaan bantuan kepada pelajar yang kurang berkemampuan dengan memperkenalkan sistem khidmat di industri secara separuh masa dan penyediaan tempat khusus yang mengeluarkan produk sampingan industri. e. Pemindahan dan perkongsian kepakaran di kalangan ahli koperasi yang berkelayakan ke koperasi lain.

<table>
<tr><th>ASPEK</th><th>PERINCIAN</th></tr>
<tr><td>Kepentingan Sokongan Politik Dan Isu Yang Berkaitan</td><td>a. Penetapan dasar koperasi untuk tidak terlibat dalam aktiviti politik dan menjauhi campur tangan politik.</td></tr>
<tr><td>Formula Dalam Membangunkan Potensi Organisasi Dan Kawasan</td><td>a. Penekanan pada agenda pendidikan dan fokus terhadap bidang terpilih iaitu teknikal, kewangan, kemanusiaan serta kulinari dan sains pemakanan.
b. Penyediaan institusi pembangunan kemahiran dan potensi.
c. Pemilihan peneraju koperasi berdasarkan kemahiran dan potensi.
d. Pengembangan perniagaan ke peringkat antarabangsa.
e. Pewujudan koperasi-koperasi baru.
f. Pewujudan bentuk-bentuk perniagaan baru kepada koperasi.
Penekanan penting terhadap sistem ekonomi mereka iaitu:
⊙ Sumbangan modal
⊙ Modal saham yang pelbagai
⊙ Bayaran pendahuluan
⊙ Pengagihan lebihan dan kerugian bersih
⊙ Dividen koperasi
⊙ Perkongsian keuntungan
⊙ Dana berpusat antara koperasi</td></tr>
<tr><td>Kisah Kejayaan Utama</td><td>a. Pemilihan lima individu yang berkemahiran tinggi semasa penubuhan yang dikenali sebagai Ulgor yang menjadi faktor pencetus kejayaan koperasi.
b. Penyediaan sistem pencen kepada ahli koperasi.
c. Penubuhan credit union yang mampu menandingi bank komersial tempatan yang dikenali sebagai Caja Laboral.</td></tr>
<tr><td>Keunikan Yang Boleh Dipelajari Oleh Pihak Lain</td><td>a. Pemilihan arena persaingan bersifat blue ocean.
b. Pengukuhan oleh budaya tempatan yang menekankan aspek amanah dan kebertanggungjawaban.
c. Pemfokusan usaha dalam menceburi bidang baru yang kurang dari segi persaingan walaupun mempunyai risiko yang tinggi.</td></tr>
<tr><td>Inisiatif Kerajaan Dan Badan Politik, Pengaruh Dan Perundangan, Pembangunan Dan Sokongan Untuk Pelaksanaan Projek</td><td>a. Pembangunan prasarana dan kemudahan awam dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan.</td></tr>
<tr><td>Status Kewangan Dan Pencapaian</td><td>
<table>
<tr><th>KONSEP</th><th>2011 (Euro)</th><th>2012 (Euro)</th><th>SISIHAN %</th></tr>
<tr><td>PEMBANGUNAN PERNIAGAAN</td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>Jumlah Aset</td><td>32.45 juta</td><td>35.88 juta</td><td>10.6</td></tr>
<tr><td>Ekuiti</td><td>4.00 juta</td><td>3.94 juta</td><td>-1.4</td></tr>
<tr><td>EBITDA</td><td>1.30 juta</td><td>1.29 juta</td><td>-0.9</td></tr>
<tr><td>Simpanan Pelanggan Caja Laboral</td><td>18.21 juta</td><td>18.64 juta</td><td>2.3</td></tr>
<tr><td>Dana Aset Lagun-Aro</td><td>4.53 juta</td><td>4.88 juta</td><td>7.6</td></tr>
<tr><td>Jumlah Hasil</td><td>14.83 juta</td><td>14.08 juta</td><td>-5.1</td></tr>
<tr><td>Jumlah Jualan (Industri dan Runcit)</td><td>13.97 juta</td><td>12.90 juta</td><td>-7.6</td></tr>
<tr><td>Pelaburan Bersih</td><td>194 juta</td><td>331 juta</td><td>70.6</td></tr>
</table>
Sumber: Mondragon Corporation Annual Report 2012, 2012
</td></tr>
</table>

4.2.4 Economic Development Agencies of New Zealand

ASPEK	PERINCIAN
Status Institusi	a. Economic Development Agencies of New Zealand (EDANZ) adalah agensi pembangunan wilayah yang memfokus pada pembangunan kepemimpinan dan penyediaan bimbingan dalam membangunkan perniagaan-perniagaan berskala kecil dan besar di New Zealand. b. Peranan utama EDANZ adalah mengenal pasti peluang dan mekanisme untuk mencapai sasaran pertumbuhan ekonomi yang lebih besar melalui jaringan sinergi dengan pelbagai pemain industri ekonomi tempatan dan antarabangsa. c. EDANZ mempunyai agensi di 14 wilayah New Zealand (EDA) yang berfungsi sebagai pemudahcara antara kerajaan pusat dan penerima manfaat di setiap wilayah. d. Jalinan yang kukuh antara agensi pelaksana dan pemain industri membawa kepada kerjasama strategik dalam pelbagai sektor. e. EDA menghubungkan penyelidikan, inovasi dan teknologi dengan agen pengkomersialan bagi memudahkan urusan pelaburan dan pertumbuhan perniagaan peluang pekerjaan. f. EDA bekerjasama secara langsung dengan kerajaan pusat dan pihak berkuasa tempatan bagi mengintegrasikan dasar dan polisi serta menterjemahkannya dalam pelaksanaan inisiatif pembangunan ekonomi. g. Setakat ini, EDANZ telah melabur lebih USD 80 juta dalam aktiviti-aktiviti yang menyokong agenda kerajaan dalam pembangunan ekonomi.
Faktor Kejayaan	a. Pewujudan jalinan kerjasama dengan kerajaan tempatan dan pusat dalam perkongsian pengetahuan dan kepakaran praktikal dalam bidang pembangunan ekonomi untuk: ⊙ Memudahkan pihak yang terlibat mendapatkan akses ke pelbagai perkhidmatan dan kemudahan sokongan yang disediakan oleh kerajaan. ⊙ Memastikan maklum balas yang diterima daripada pihak yang berkenaan adalah cepat dan tepat. b. Peruntukan geran oleh Kerajaan New Zealand dalam pelbagai sektor bagi membantu pertumbuhan ekonomi dan inovasi dalam pertanian, perikanan, perhutanan, tenaga, penyelidikan dan lain-lain. c. Pemantauan secara terus dan berkala oleh Kerajaan New Zealand melalui EDANZ. d. Pemilikan sumber dalam pertanian, perikanan, perhutanan dan makanan secara lestari. e. Penggalakan pemilikan sijil profesional di kalangan kakitangan syarikat-syarikat perniagaan yang terlibat bagi menambah pengetahuan dalam pembangunan ekonomi serta meningkatkan kredibiliti organisasi.
Masalah/Cabaran/ Halangan Yang Dihadapi	a. Pertumbuhan ekonomi negara yang kurang pesat: ⊙ Mempunyai purata pertumbuhan ekonomi tahunan yang kurang daripada 1.0% untuk tiga tahun berturut-turut sebelum 2008. ⊙ Mengalami kegawatan ekonomi beberapa bulan sebelum negara-negara membangun yang lain mengalami situasi yang sama. ⊙ Mengalami pertumbuhan ekonomi yang lembap dan tidak seimbang akibat daripada hutang dan perbelanjaan kerajaan yang berlebihan. ⊙ Mengalami penyusutan dalam aktiviti eksport dan import pada tahun 2005 hingga 2010.

ASPEK	PERINCIAN
Perancangan Masa Depan Dan Bidang Yang Diberi Penumpuan	a. Inovasi b. Penyelidikan dan Pembangunan
Kepentingan Kepemimpinan Dan Isu Yang Berkaitan	a. Pemilikan modal insan yang berpengalaman dalam industri pelbagai sektor dan pernah terlibat secara langsung dalam menjayakan projek-projek di wilayah-wilayah New Zealand.
Kepentingan Sokongan Politik Dan Isu Berkenaan	a. Pembiayaan oleh Kerajaan New Zealand bagi sektor-sektor utama oleh *Ministry of Primary Sector* dan *Ministry of Business, Innovation and Employment* ⊙ *Sustainable Farming Fund* ▪ Memberi sokongan pada projek-projek dalam sektor berasaskan tanah. ▪ Membantu menyelesaikan masalah dan halangan berkaitan ekonomi, sosial dan alam sekitar dengan menggalakkan penglibatan masyarakat dalam setiap projek yang dilaksanakan. ⊙ *The Primary Growth Partnership* ▪ Melabur secara bersama dengan rakan-rakan pelabur dalam projek-projek yang memberi manfaat kepada pengeluar dan pengguna dalam industri pertanian dan penternakan, hortikultur, makanan laut, perhutanan dan produk-produk berasaskan kayu serta pemprosesan makanan. ⊙ *Wool Industry Research Limited* ▪ Membiayai organisasi dan penyelidikan yang berkaitan dengan industri bulu biri-biri. ⊙ *The Agricultural and Marketing Research and Development Trust* ▪ Merupakan dana yang tidak berasaskan keuntungan yang memberi sokongan dalam sektor pertanian, hortikultur dan perhutanan. ▪ Menyediakan kemudahan dana untuk program pembangunan kepemimpinan, inovasi dan penyelidikan serta membiayai pakar-pakar dan penceramah antrabangsa untuk datang ke New Zealand bagi tujuan persidangan dan forum. ⊙ *Technology Development Grants* ▪ Memberi sokongan kepada organisasi yang mempunyai rekod cemerlang dalam *R&D*, yang memperuntukkan sebahagian besar daripada pendapatan mereka dalam bidang penyelidikan.
Formula Dalam Membangunkan Potensi Organisasi Dan Kawasan	a. Pengurusan projek yang berkesan melalui gabungan pendekatan *top-down* dan *decentralised* iaitu pemantauan langsung oleh ibu pejabat EDANZ serta pengurusan diselia oleh EDA di wilayah masing-masing.
Kisah Kejayaan Utama	a. Pembangunan kemudahan penyelidikan akuakultur dan saluran paip ke perairan Nelson ⊙ Merupakan inisiatif untuk membangunkan industri makanan laut dan akuakultur. ⊙ Merupakan usahasama di antara EDA wilayah, sektor swasta dan universiti. ⊙ Menyediakan 1,000 meter persegi ruang penyelidikan dan kemudahan pendidikan termasuk makmal, kemudahan makmal bio-keselamatan, ruang pejabat dan sistem penapisan air laut untuk menyokong aktiviti pengkomersialan akuakultur.

ASPEK	PERINCIAN
	b. Pembangunan *Oil and Gas Specialist Technologies Cluster* ⊙ Menggunakan pendekatan inovasi bagi pembangunan sektor, industri sokongan dan wilayah. ⊙ Membawa misi perdagangan ke peringkat antarabangsa dalam usaha menjadikan New Zealand sebagai peneraju industri. ⊙ Memberi impak positif pada industri gas dan petroleum tempatan, dan ekonomi. c. Penglibatan enam organisasi dalam projek rintis ⊙ Menyasarkan peningkatan keuntungan, pengeluaran, keupayaan pengurusan, kemahiran kepemimpinan, penglibatan pekerja dan budaya bekerja di pejabat. ⊙ Menyasarkan penglibatan 24 buah organisasi di Auckland di peringkat seterusnya bagi membantu mereka menjadi lebih berdaya saing. ⊙ Menyediakan kemudahan dana bagi membantu organisasi yang terlibat untuk menembusi pasaran antarabangsa.
Keunikan Yang Boleh Dipelajari Oleh Pihak Lain	a. Penggalakan daya inovasi ⊙ Menubuhkan Kementerian Sains & Inovasi bagi memudahkan urusan antara perniagaan, organisasi penyelidikan dan Kerajaan New Zealand. ⊙ Memperkenalkan *Technology Transfer Voucher* bagi menggalakkan aktiviti pemindahan ilmu dan kemahiran daripada organisasi penyelidikan kepada pemilik-pemilik perniagaan. ⊙ Memperuntukkan sebanyak USD 321 juta melalui Bajet 2010 untuk menyokong *R&D.* ⊙ Memperuntukkan dana secara jangka panjang kepada Crown Research Institute bagi membolehkan mereka merancang pelan yang lebih baik tanpa perlu mengemukakan sebarang permohonan terlebih dahulu. ⊙ Membangunkan hab cipta dan inovasi seperti Danish Technology Institute and Finland's Technopolis bertujuan untuk menghubungkan perniagaan dan penyelidikan. ⊙ Memperuntukkan bajet sebanyak USD 21 juta untuk tempoh lima tahun (2010 - 2015) bagi penubuhan New Zealand Food Innovation (rangkaian nasional bagi empat pusat inovasi makanan). ⊙ Membelanjakan sehingga USD 2.5 bilion dalam penyelidikan pada tahun 2010, iaitu melebihi 13.0% perbelanjaan pada 2008.
Inisiatif Kerajaan Dan Badan Politik, Pengaruh Dan Perundangan, Pembangunan Dan Sokongan Untuk Pelaksanaan Projek	a. Pewujudan akta *Securities Act (Venture Capital Schemes) Exemption Notice 2008* yang mengurangkan kos peningkatan modal dan mengecualikan syarikat-syarikat SME daripada menerbitkan prospektus.
Status Kewangan Dan Pencapaian	a. *Business Migration Package* ⊙ Mensasarkan pasaran OECD (*Organisation for Economic Co-operation and Development*) termasuk Amerika Syarikat dan United Kingdom serta meninjau peluang pasaran yang berpotensi seperti India dan Asia Tenggara. ⊙ Menarik lebih USD 600 juta nilai pelaburan dalam 20 bulan selepas pelancaran. ⊙ Sehingga Jun 2011, sebanyak USD 155 juta telah dilaburkan di New Zealand dan tambahan sebanyak USD 195 juta telah diluluskan bagi

ASPEK	PERINCIAN
	pemindahan pelaburan. Permohonan daripada pelabur asing yang bernilai USD 253 juta sedang diproses. b. Sektor makanan dan minuman ⊙ Menjana pendapatan sebanyak USD 22 bilion pada 2009. c. Sektor akuakultur dan perikanan ⊙ Menghasilkan pendapatan sebanyak USD 390 juta daripada 5,700 hektar keluasan kawasan perairan. ⊙ Mensasarkan penubuhan industri USD 1 bilion menjelang 2025. d. Petroleum dan sumber asli ⊙ Menjadikan minyak sebagai sumber pendapatan terbesar bagi aktiviti eksport pada tahun 2010. ⊙ Meletakkan New Zealand di kelompok 10 negara teratas bagi aktiviti cari gali petrolem pada tahun 2009.

4.3 PENANDARASAN AGENSI-AGENSI PEMBANGUNAN WILAYAH TEMPATAN

4.3.1 Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)

ASPEK	PERINCIAN
Status Institusi	a. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan atau FELDA telah ditubuhkan pada 1 Julai 1956 di bawah Ordinan Kemajuan Tanah (*Land Development Ordinance*) 1956. b. Fungsi FELDA yang diperuntukkan di bawah Akta (Pindaan 1991) adalah seperti berikut: ⊙ Menjalankan dan melaksanakan projek pembangunan tanah. ⊙ Memaju, memudah dan melaksanakan pembangunan, pengurusan dan perkhidmatan ekonomi, sosial, pertanian, penempatan, perindustrian dan komersial, serta aktiviti sampingan yang lain di kawasan di mana FELDA diberi kuasa melaksanakan projek pembangunan tanah atau di kawasan yang dimiliki oleh FELDA dan syarikatnya. ⊙ Melaksanakan kegiatan yang dapat membantu memodenkan sektor pertanian di kawasan di mana FELDA diberi kuasa mentadbirnya terutama dalam kegiatan yang berkaitan dengan pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran hasil keluaran pertanian dan ternakan. ⊙ Membantu, membimbing, menasihati, mengurus dan menyelaraskan kegiatan-kegiatan sosial, penempatan, pertanian, industri dan komersial dalam kawasan FELDA. ⊙ Mulai April 2004, FELDA diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Menteri yang bertanggungjawab ke atas FELDA ketika itu ialah YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia. ⊙ Mulai 3 April 2009, FELDA menggalas tanggungjawab yang lebih besar kerana YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak telah dilantik sebagai Perdana Menteri Malaysia yang keenam.
Faktor Kejayaan	a. Penggemblengan kepemimpinan di pelbagai peringkat untuk membawa FELDA maju ke hadapan ⊙ FELDA berada di bawah tanggungjawab YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak sejak beliau memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri sehinggalah sekarang.

ASPEK	PERINCIAN
	⊙ Pengurusan organisasi FELDA yang berpengalaman terutamanya gabungan tenaga profesional dengan bekas penggerak pembangunan tanah dan kawasan luar bandar. ⊙ Pemimpin masyarakat yang sanggup berkorban terutamanya semasa fasa awal pembangunan tanah. b. Pemilikan warga kerja dengan pelbagai kepakaran dan kemahiran ⊙ Memiliki struktur organisasi yang lengkap untuk melaksanakan visi dan misi organisasi. ⊙ Mempunyai pegawai yang profesional dalam menguruskan amanah dan tugasan dalam bidang masing-masing. c. Pengurusan organisasi secara sistematik ⊙ Mempunyai perancangan secara menyeluruh untuk membangunkan FELDA. ⊙ Mempunyai Pejabat Wilayah yang memantau Pejabat Rancangan di setiap rancangan FELDA. ⊙ Mempunyai pusat penyelidikan khusus iaitu Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak untuk melaksanakan kerja-kerja penyelidikan dan pembangunan. d. Pendapatan dan kemudahan mendapatkan bekalan keperluan asas ⊙ Menghasilkan pendapatan lumayan untuk peneroka hasil daripada aktiviti pertanian sama ada kelapa sawit ataupun getah melalui pengurusan ladang secara produktif dan berkelompok. ⊙ Menyediakan kemudahan Kedai G'Mart untuk peneroka mendapatkan barang keperluan dan bayaran dibuat secara potongan daripada bayaran FELDA kepada peneroka. e. Pengiktirafan di peringkat antarabangsa ⊙ Menjadi rujukan dan model oleh pelbagai pihak di peringkat antarabangsa. ⊙ Menerima pelbagai jemputan untuk berkongsi kejayaan dan memberi nasihat serta komentar pada pelbagai projek yang dirancang oleh negara luar. f. Pelaburan tempatan dan antarabangsa ⊙ Membuat pelbagai pelaburan untuk mengembangkan potensi ekonomi dan menjana pendapatan untuk FELDA. ⊙ Menyenaraikan FELDA Global Ventures Holdings Berhad (FGVH) ke Papan Utama Bursa Malaysia pada 28 Jun 2012. ▪ Berada pada kedudukan ke 25 teratas di kalangan syarikat Bursa Malaysia. ▪ Modal pasaran berjumlah RM 16.6 billion. ▪ Jumlah warga kerja hampir 19,000 orang di 44 buah anak syarikat di lebih 10 buah negara. g. Penjanaan potensi dan sumber ⊙ Membangun dan berkembang daripada sebuah agensi pengurusan tanah rancangan sehingga muncul sebagai sebuah konglomerat ternama di dunia.
Pengukuran Kejayaan	a. Faktor ekonomi: ⊙ Penyenaraian FGVH ke Papan Utama, Bursa Malaysia dengan modal pasaran sebanyak RM16.6 bilion dan tawaran awam awal (IPO) ketiga terbesar di dunia.

ASPEK	PERINCIAN
	⊙ Pemilikan aset bernilai tinggi di dalam dan luar negara. ⊙ Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) telah mencatat keuntungan sebelum cukai dan zakat yang besar: ▪ Kumpulan : RM985,643,000. ▪ Kumpulan Permodalan FELDA (KPF): RM440, 275, 000. • Pelaburan dan penjanaan hasil menerusi pelbagai syarikat induk, subsidiari langsung dan tidak langsung, usaha sama, bersekutu dan pelaburan jangka panjang dalam bidang berikut: i. Perladangan ii. Hiliran sawit iii. Khidmat iv. Pengilangan b. Faktor bukan ekonomi: ⊙ Melaksanakan konsep pembangunan reformasi tanah paling sesuai dengan realiti di Malaysia. ⊙ Kemampuan membasmi kemiskinan yang mana pada awal pembukaan berada pada kadar lebih kurang 70 peratus tetapi kini hanya kadar di bawah empat peratus. ⊙ Mewujudkan pusat-pusat pertumbuhan baharu seperti Jengka dan Serting yang pesat membangun dengan keupayaan kuasa beli masyarakat FELDA. ⊙ Memberi peluang kepada generasi kedua untuk muncul sebagai kumpulan profesional dalam sektor awam dan swasta. ⊙ Mentransformasikan FELDA sebagai badan pembangunan tanah menjadi badan penjana kekayaan. ⊙ Membangunkan Program Perumahan Generasi Baru FELDA (PGBF) di seluruh negara secara berfasa.
Masalah/Cabaran/ Halangan Yang Dihadapi	a. Pengharapan dan pergantungan generasi baru FELDA untuk menikmati kemudahan seperti mana yang dinikmati oleh peneroka sebagai generasi awal atau pelopor. b. Pengawalan elemen negatif dan masalah sosial di kalangan remaja dan belia yang keciciran pelajaran dan masih tinggal di tanah rancangan bersama ibu bapa atau keluarga. c. Peningkatan mutu bekalan air terutama di kawasan yang masih menggunakan paip lama. d. Persepsi warga peneroka bahawa pengurusan di sesetengah rancangan bersifat kurang telus, contohnya dalam penyaluran bantuan, pinjaman dan sebagainya. e. Penyebaran dan penglibatan masyarakat FELDA secara lebih menyeluruh dalam setiap program dan aktiviti yang dianjurkan.
Perancangan Masa Depan Dan Bidang Yang Diberi Tumpuan	a. Pembangunan sosioekonomi peneroka dengan memberi tumpuan dan komitmen terhadap: ⊙ Pembangunan kebun dan tanam semula (seperti pelaksanaan amalan terbaik, bantuan teknologi dan baja, sokongan khidmat nasihat, kawalan kos dan jaminan produktiviti). ⊙ Peningkatan taraf dan kualiti hidup yang berterusan melalui pelaksanaan program-program pembangunan yang memenuhi keperluan serta kebajikan peneroka, keluarga peneroka dan komuniti FELDA secara keseluruhannya.

ASPEK	PERINCIAN
	b. Penyediaan infrastruktur di tanah rancangan untuk menarik modal insan yang cemerlang menetap dan membangunkan rancangan. c. Peningkatan pendidikan terutamanya dalam pengurusan, gaya hidup dan perpaduan. d. Pembangunan generasi baru dengan aktiviti pertanian, pelancongan dan keusahawanan. a. Pelaburan dan penjanaan hasil menerusi FGVH di peringkat tempatan dan global.
Kepentingan Kepemimpinan Dan Isu Yang Berkaitan	b. Pemerkasaan kepemimpinan peringkat rancangan iaitu Jawatankuasa Kemajuan Rancangan (JKKR) dan Gerakan Persatuan Wanita (GPW). c. Pembentukan jawatankuasa kepemimpinan di peringkat wilayah iaitu Gabungan JKKR dan GPW, manakala Jawatankuasa Perunding Peneroka (JKKP) pula merupakan badan perhubungan dan perundingan di peringkat nasional yang dianggotai oleh pengurusan tertinggi FELDA, ketua peneroka dan penerokawati serta pemimpin belia. d. Penggabungan persatuan belia di FELDA di bawah Majlis Belia FELDA Malaysia (MBFM) yang telah didaftarkan secara rasmi pada 7 Ogos 1991.
Kepentingan Modal Insan Dan Isu Berkaitan	a. Penubuhan Pusat PERMATA dengan kerjasama Jabatan Perdana Menteri untuk mengasah bakat dan potensi awal kanak-kanak. b. Penubuhan Asrama Semai Bakti bagi menempatkan pelajar menengah rendah untuk mendapat pendidikan sempurna di sekolah-sekolah terpilih di bandar. c. Pelaksanaan Skim Tuisyen FELDA di semua sekolah rendah dan menengah dalam rancangan FELDA untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar terutamanya dalam peperiksaan UPSR, PMR dan SPM. d. Pelaksanaan Kelas Prep atau kelas tambahan di rancangan untuk membantu pelajar mengulangkaji di bawah pengawasan dan bimbingan petugas FELDA. e. Penubuhan Pusat Pembelajaran Sains (PPS) Daerah bagi menempatkan pelajar di asrama dan disediakan kemudahan tuisyen untuk pelajar aliran sains tulen. f. Penubuhan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) FELDA dengan kerjasama pihak MARA. g. Penempatan pelajar yang mendapat 5A tetapi tidak dapat masuk ke sekolah berasrama ke sekolah-sekolah terkawal. h. Penganjuran Latihan Kemahiran Generasi Baru FELDA untuk melatih generasi baru dalam pelbagai bidang kemahiran. i. Pembiayaan bagi membantu anak peneroka mendapat sumber kewangan untuk meneruskan pengajian mereka di institusi pengajian tinggi menerusi Skim Pinjaman Pelajaran Tinggi FELDA (SPPTF). j. Penghantaran pelajar cemerlang untuk mengikuti kursus persediaan ke luar negara di bawah Skim Dana Khas Pelajar Cemerlang ke universiti luar negara dan Biasiswa Tabung Minda ke universiti dalam negara.
Kepentingan Sistem Pengurusan Dan Isu Berkaitan	a. Pengurusan organisasi secara profesional. b. Penetapan Bidang Keberhasilan Utama (KRA) dan pengukurannya (KPI) serta program yang dilaksanakan. *c.* Penetapan Dasar Pengurusan Risiko yang mengikut garis panduan *Risk Management Policy & Guideline Document.* d. Penggubalan Pelan Integriti FELDA yang disokong dengan mekanisme penilaian melalui instrumen penarafan keberkesanan dan sistem penarafan

ASPEK	PERINCIAN
	integriti korporat bertujuan meningkatkan profesionalisme, integriti dan
	nilai-nilai murni dalam organisasi. e. Pewujudan pejabat rancangan di setiap buah rancangan FELDA memudahkan pengurusan, pelaksanaan dan pemantauan dilakukan oleh ibu pejabat. f. Pembentukan organisasi kepemimpinan komuniti di rancangan dengan penubuhan JKKR, GPW dan Persatuan Belia yang berperanan sebagai perantara komuniti dengan pihak pengurusan. g. Pembudayaan amalan penyelidikan dan pembangunan untuk menangani masalah yang dihadapi dan meneroka bidang baru.
Kepentingan Persekitaran Sosial Yang Kondusif Dan Isu Yang Berkaitan	a. Penyediaan skim pinjaman untuk kemudahan warga peneroka di tanah rancangan contohnya seperti Skim Pinjaman Pembesaran Rumah Peneroka dan Tabung Bantuan Kebajikan Peneroka. b. Pengenalan Pelan Perlindungan Insurans Berkelompok Berkonsepkan Syariah untuk menjaga kebajikan warga peneroka. c. Pembiayaan untuk pembinaan Pusat Literasi Keluarga (PLK) sebagai tempat pembelajaran awal bagi anak-anak peneroka berumur di antara tiga hingga lima tahun sebagai persediaan memasuki tadika. d. Penyediaan tempat bagi anak-anak istimewa di rancangan di mana mereka boleh belajar daripada penjaga atau pengasuh yang disediakan tentang kemahiran hidup supaya boleh berdikari dan menguruskan diri sendiri dengan penubuhan Pusat Dalam Komuniti (PDK). e. Pemberian wang hari raya atau sumbangan hari raya kepada semua warga peneroka di seluruh negara sejak tahun 2003. f. Pembinaan Kompleks Sukan Komuniti (KSK) Semai Bakti untuk kemudahan menjalankan aktiviti sukan dan riadah. g. Pembinaan dewan serbaguna iaitu Dewan Semai Bakti untuk menjalankan aktiviti kemasyarakatan, kebudayaan, perjumpaan dan mengeratkan perpaduan. h. Pembinaan Gelanggang Sukan Terbuka Semai Bakti untuk menambah bilangan kemudahan sukan di rancangan FELDA. i. Pembinaan Projek Perumahan Warga FELDA (PWF) untuk menyediakan rumah yang mampu milik, selesa dan sempurna. j. Pertandingan untuk menggalakkan kampung dijaga dengan cantik dan bersih iaitu Anugerah Keceriaan Kawasan Kampung FELDA (AKKF).
Kepentingan Kemahiran, Perhubungan Awam, Komunikasi, ICT, Imej Dan Isu Yang Berkaitan	a. Penganjuran Hari Peneroka peringkat kebangsaan menjadi medan perjumpaan secara tahunan di kalangan warga peneroka dari seluruh negara. b. Penetapan matlamat membentuk warga FELDA sebagai Komuniti Berprestasi Tinggi. c. Penggiatan pendekatan mengurus dokumen secara elektronik. d. Peningkatan kecekapan pengurusan kewangan dengan menggunakan sistem *Host 2 Host (Maybank2E)* dan *e-Penyata.* e. Pelaksanaan Program Inovasi dan Transformasi FELDA merangkumi aspek ekonomi, sosial, *Tenggaroh Response Action Joint Unit* (TERAJU) dan Pengurusan & Bantuan Perancangan Kewangan sebagai persediaan menghadapi gelombang pemodenan. f. Peningkatan daya saing FELDA ke tahap global.

ASPEK	PERINCIAN
Kepentingan Sumber Dan Isu Yang Berkaitan	a. Pembangunan sumber manusia di semua peringkat dengan penganjuran pelbagai program latihan dan kemahiran. b. Pemilikan ladang pertanian untuk dua komoditi utama iaitu kelapa sawit dan getah. c. Penjanaan hasil dari aset dan hartanah yang dimiliki melalui kaedah penjualan dan penyewaan. d. Pelaburan dalam sektor yang berpotensi di peringkat tempatan dan antarabangsa.
Kepentingan Sokongan Politik Dan Isu Yang Berkaitan	a. Penempatan FELDA di bawah Jabatan Perdana Menteri. b. Pengiktirafan FELDA sebagai salah satu model untuk pembangunan masyarakat luar bandar.
Formula Dalam Membangunkan Potensi Organisasi Dan Kawasan	a. Pengurusan organisasi FELDA secara profesional. b. Pengurusan hasil pertanian secara sistematik membolehkan hasil dijana secara maksimum. c. Penjanaan hasil melalui aktiviti perniagaan. d. Pengembangan aktiviti ekonomi melalui pelaburan dalam pelbagai bidang yang berpotensi di dalam dan luar negara dan berperanan sebagai pelaku global. e. Membangunkan komuniti FELDA sebagai komuniti contoh luar bandar.
Kisah Kejayaan Utama	a. Pensijilan MS ISO 9001 : 2008 daripada CI International Certification Sdn. Bhd. (2011). b. Penarafan 5 Bintang dan Overall Top 10 Websites 2011 daripada Malaysia Government Portals and Websites Assessment (MGPWA) (Disember 2011). c. Anugerah Koperasi Cemerlang Negara 2011 (Kluster Besar), sempena Sambutan Hari Koperasi Negara 2011. d. Anugerah Hiramatsu, Pengiktirafan antarabangsa daripada Jawatankuasa *One Village One Product* (OVOP) (2010). e. *Pensijilan Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO)(2010).* f. *Outstanding Ruminant Entrepreneurship (2007).* g. Anugerah Tonggak Kesejahteraan Peneroka, MPOB (2006). h. Anugerah Leader Agriculturer & Logging Sector (FELDA Holdings Sdn. Bhd.) (2003). i. Anugerah Pengurusan Projek JPA (1993). j. Anugerah Pengurusan Sumber Manusia JPA (1993) k. Anugerah Pengurusan Teknologi Maklumat JPA (1993). l. Anugerah Kualiti Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dato' Ahmad Sarji Abdul Hamid (1993). m. Anugerah Pengurusan Kewangan JPA (1992). n. Anugerah Kebangsaan Tun Abdul Razak (1980).
Keunikan Yang Boleh Dipelajari Oleh Pihak Lain	Keunikan FELDA yang boleh dipelajari oleh pihak lain dirumuskan berdasarkan faktor-faktor utama yang dikenal pasti iaitu: a. Pengurusan organisasi secara dinamik yang mampu berkembang selaras dengan perkembangan FELDA yang bermula sebagai sebuah agensi pembangunan tanah sehingga berkembang sebagai sebuah konglomerat di peringkat global. b. Pengurusan ladang pertanian khususnya kelapa sawit dan getah sehingga berjaya mengekalkan kesinambungan hasil pertanian.

ASPEK	PERINCIAN
	c. Pengurusan hasil pertanian khususnya pada sawit dan getah sehingga mampu menjana pulangan hasil yang baik. d. Pengurusan komuniti FELDA di setiap rancangan di seluruh negara.
Inisiatif Kerajaan Dan Badan Politik, Pengaruh Dan Perundangan, Pembangunan Dan Sokongan Untuk Pelaksanaan Projek	a. Penyediaan pelbagai kemudahan dan infrastruktur untuk keselesaan warga peneroka FELDA. b. Penjanaan aktiviti ekonomi contohnya dengan penyediaan skim untuk usahawan dan pinjaman KPF. c. Pemasaran hasil pertanian dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).
Status Kewangan Dan Pencapaian	a. Membangunkan koperasi yang diurus tadbir oleh KPF untuk warga FELDA. b. Membangunkan FELDA Holdings Berhad dan FELDA Global Ventures Holdings Berhad di bawah Kumpulan FELDA Global yang mempunyai rangkaian 88 anak syarikat yang beroperasi di empat benua dan 12 negara seluruh dunia. c. Pencapaian Kewangan ⊙ Umum ▪ Pendapatan bersih (2010) : RM818.95 juta. ▪ Jumlah aset (2010) : RM17,887.65 juta. ▪ Jumlah liabiliti (2010) : RM3,714.23 juta. ▪ Jumlah pegangan saham (2010) : RM14,173.42 juta. ▪ Jumlah bayaran bonus insentif produktiviti peneroka 2010 (BIPP): RM92,108. ▪ Purata pendapatan bersih peneroka (sehingga September 2011): • Sawit : RM5,255. • Getah : RM3,507. ⊙ Kumpulan Permodalan FELDA (KPF)* ▪ Jumlah perolehan (2012) : RM825.73 juta. ▪ Keuntungan bersih sebelum cukai (2012) : RM351.7 juta. ▪ Jumlah pelaburan (2012) : RM3.15 bilion (pertumbuhan sebanyak 8.8%): • Syarikat Usahasama/Luar : RM842.01 juta • Deposit/Simpanan : RM586.09 juta • Sekuriti Pasaran : RM571.77 juta • Hartanah : RM490.48 juta • Syarikat Kumpulan FELDA : RM353.60 juta • Amanah Raya Berhad : RM103.49 juta • Pembiayaan : RM85.37 juta • Koop Bank : RM54.85 juta • Sukuk : RM36.0 juta • Syarikat Kumpulan KPF : RM26.41 juta ▪ Jumlah bayaran bonus & tunai kepada pemegang saham KPF (2012) : RM345,383 juta. ▪ Jumlah bayaran zakat perniagaan : RM10.5 juta. ⊙ FELDA Global Ventures Holdings Bhd. (FGVH) ▪ Jumlah perolehan 2012 (sehingga 31 Disember 2012) : RM12.89 bilion. ▪ Keuntungan selepas liabiliti Perjanjian Tanah Pajakan, cukai dan zakat (2012) : RM905.1 juta saham (2012) : RM6.1 bilion.

ASPEK	PERINCIAN
	▪ Pendapatan sebelum faedah, cukai, susut nilai dan pelunasan (2012) RM1.44 bilion. ▪ Dana pemegang. * Sumber: *Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke-32 dan Pengumuman Pembayaran Dividen Sebanyak 10 Peratus dan Bonus 6.5 Peratus bagi Tahun 2012*
Pendapat Masyarakat Umum Dan Komentar	a. Peneroka dipandang sebagai golongan yang bertuah dan dianggap anak emas pihak kerajaan kerana mendapat perhatian yang lebih. b. Peneroka dihormati kerana sanggup berkorban dan bersusah payah sehingga berjaya mengubah nasib hidup ke arah yang lebih baik.

4.3.2 Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)

ASPEK	PERINCIAN
Status Institusi	a. Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) ditubuhkan pada 1 Jun 1972 di bawah: ⊙ Akta Parlimen 75 ⊙ Seksyen 3, Akta Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972 ⊙ Enakmen Bil. 7/1972 Enakmen Kejora ⊙ Enakmen Lembaga Kemajuan Johor Tenggara 1972 b. KEJORA adalah salah sebuah agensi badan berkanun di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (KKLW) yang berfungsi sebagai agen Pembangunan Wilayah bagi kawasan Tenggara negeri Johor: ⊙ Keluasan kawasan 300,364 hektar (Kota Tinggi [3488.7 km persegi] & Kluang [2851.6 km persegi]) ⊙ Keluasan kawasan meliputi 16% dari keluasan negeri Johor ⊙ Terbahagi kepada dua wilayah kecil iaitu Johor Tengah dan Pengerang merangkumi: ▪ Mukim : 10 ▪ Kampung tradisional : 70 ▪ Rancangan FELDA : 32 ▪ Bandar Baru : 6 c. Visi KEJORA: Menjadikan wilayah KEJORA makmur dan sejahtera pada tahun 2020. d. Misi KEJORA: Menerajui pembangunan wilayah Johor Tenggara melalui pemerkasaan modal insan dan pemapanan ekonomi secara strategik dan berkesan. e. Objektif KEJORA: ⊙ Mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi ⊙ Mewujudkan peluang-peluang pekerjaan ⊙ Mempercepatkan pertumbuhan ekonomi di wilayah Johor Tenggara
Faktor Kejayaan	a. Pemantapan sokongan daripada Kerajaan Negeri kerana Pengerusi KEJORA adalah Menteri Besar Johor. b. Penyerahan tugas kepada KEJORA oleh Kerajaan Negeri sebagai pihak berkuasa tempatan di kawasan yang diwartakan selama lima tahun (Januari 2013 – Disember 2017): ⊙ Lembaga boleh bertindak sebagai pemungut hasil tanah ⊙ Menjalankan tugas sebagai Lembaga Bandaran Johor Tenggara (LBJT)

ASPEK	PERINCIAN
	c. Pengukuhan fungsi KEJORA oleh keanggotaan ahli Lembaga yang berkelayakan, berkepakaran dan memainkan peranan dengan berkesan. d. Penyaluran projek pembangunan persekutuan oleh Ahli-Ahli Parlimen bertaraf menteri di kawasan KEJORA merancakkan lagi usaha dan peranan KEJORA.
Pengukuran kejayaan	a. Penekanan kepentingan oleh pihak pengurusan terhadap cara kerja yang mementingkan penilaian hasil dan impak dari projek dan program yang dijalankan. b. Pelaksanaan 22 kajian penilaian outcome secara *self funded* untuk fokus secara mendalam terhadap penambahbaikan hasil (*outcome*): ⊙ Pemanfaatan kawalan MS ISO 9001:2008 terhadap kualiti hasil kerja ⊙ Pelaksanaan kawalan Indeks Prestasi Utama (KPI) ⊙ Penyediaan Sistem e-Aduan dan pelbagai program turun padang setiap bulan untuk mengukur keberkesanan dan kejayaan ⊙ Penarafan dan pencapaian pelbagai anugerah daripada pihak Kerajaan Persekutuan, KKLW dan Kerajaan Negeri
Masalah/Cabaran/ Halangan Yang Dihadapi	a. Peruntukan pembangunan yang terhad. b. Persaingan dengan pembangunan sekitar (projek-projek berimpak besar) seperti pembangunan Wilayah Iskandar dan Desaru segi kemampuan untuk penyesuaian dan pelaksanaan kerjasama. c. Pengecilan kawasan iaitu kawasan pertanian, kawasan pentadbiran dan kampung wilayah KEJORA akibat desakan pembangunan sekitar. d. Penerimaan dan kesediaan masyarakat dan modal insan terhadap perubahan dan pembangunan di mana tahap pendidikan masih rendah serta sikap dan minda yang belum bersedia dan kurang terbuka. e. Penyambungan hayat KEJORA kerana sebelum ini sudah ada cadangan untuk menutup operasi KEJORA. f. Penglibatan dan campur tangan yang tidak diperlukan daripada pihak politik. g. Permasalahan kekurangan tenaga kerja dan masalah perjawatan untuk pewujudan jawatan baru seperti kekurangan kakitangan teknikal khususnya bagi jawatan jurutera yang hanya berstatus J17 sedangkan banyak projek pembangunan yang dijalankan memerlukan pemerhatian yang khusus.
Perancangan Masa Depan Dan Bidang Yang Diberi Penumpuan	a. Pembangunan bandar ⊙ Peluasan bandar dan kampung ⊙ Hab pengangkutan ⊙ Edu-Biz park b. Pelancongan ⊙ Pelancongan Desa Lestari ⊙ Pembangunan destinasi pelancongan pertengahan ⊙ Pembangunan produk pelancongan c. Pertanian ⊙ Pertanian berteknologi tinggi ⊙ Industri ternakan haiwan ⊙ Industri asas tani ⊙ Industri landskap ⊙ Pembangunan kawasan bekas lombong ⊙ Kajian Pelan Pembangunan Pengeluaran Makanan

ASPEK	PERINCIAN
	d. Perindustrian ⊙ Peluasan kawasan industri e. Pembangunan usahawan f. Pembangunan modal insan ⊙ Peneraju pembangunan modal insan bagi program perpindahan penduduk RAPID (Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia oleh Petronas di Pengerang, Johor) ⊙ Penyediaan tenaga kerja di kalangan penduduk untuk tiga projek mega (RAPID, J-Biotech, Khazanah-Desaru)
Kepentingan Kepemimpinan Dan Isu Yang Berkaitan	a. Pengukuhan gabungan kerja pemimpin tertinggi KEJORA dalam membentuk kumpulan kerja yang efektif. b. Penggunaan gaya kepemimpinan yang mesra organisasi dan mendekati permasalahan kakitangan. c. Penekanan kepada kakitangan tentang cara kerja berdedikasi, berwawasan, bercita-cita tinggi dan mementingkan pencapaian. d. Pemerkasaan semangat kerja dengan menjadikan pengalaman susah payah membangunkan KEJORA sebagai *passion* dalam bekerja. e. Pengamalan keterbukaan sikap dan penerimaan idea-idea baharu daripada kakitangan bawahan.
Kepentingan Modal Insan Dan Isu Yang Berkaitan	a. Pembangunan kualiti modal insan dan kepemimpinan di kalangan jawatankuasa penduduk dan pemerkasaan berkala terhadap institusi tersebut. b. Penyaluran program pembangunan insan melalui jawatankuasa penduduk. c. Pemantauan aduan dan pelaksanaan mesyuarat jawatankuasa setempat secara berkala untuk memantau permasalahan penduduk. d. Pemerkasaan Bahagian Pembangunan Sosial dan Kemajuan Desa. e. Pelaksanaan kursus-kursus pembangunan kemahiran kepada kakitangan yang menepati keperluan kerja serta kursus pembinaan usahawan di kalangan kakitangan di bawah Gred 41. f. Penyediaan pelbagai peluang kepada generasi baru melalui program seperti penawaran peluang kerjaya, pembangunan penempatan baharu, bantuan pelajar melalui pihak sekolah dan program khas modal insan.
Kepentingan Sistem Pengurusan Dan Isu Yang Berkaitan	a. Pewujudan jawatankuasa kecil dalam setiap pelaksanaan program penting dengan melibatkan wakil-wakil yang dipilih dari setiap jabatan berkaitan. b. Pelaksanaan Sistem Pematuhan Pengurusan seperti Kawalan Dalaman, MS ISO 9001:2008, Kawalan Pemantauan Projek, Kawalan Prestasi Utama, Pembudayaan Inovasi, Pengurusan Khidmat Pelanggan dan Inisiatif ICT Dalam Pengurusan. c. Pelaksanaan sistem pemantauan bulanan melalui My Prestasi.
Kepentingan Persekitaran Sosial Yang Kondusif Dan Isu Yang Berkaitan	a. Penekanan terhadap maklum balas dan komentar daripada pelanggan. b. Pelaksanaan "*flying squad*" untuk melakukan tinjauan situasi setempat dan melakukan analisis awal untuk setiap permohonan projek atau permintaan baik pulih infrastruktur. c. Pelaksanaan pelbagai program pembangunan: ⊙ Pembangunan infrastruktur yang lengkap seperti pembangunan bandar baharu, pembangunan perumahan, pembangunan institusi seperti sekolah dan pejabat kerajaan. ⊙ Pembangunan pertanian berteknologi tinggi dan akuakultur untuk penjanaan hasil pertanian dan penyediaan peluang kerja.

ASPEK	PERINCIAN
	⊙ Pembangunan perindustrian melalui pembangunan lot industri. ⊙ Program pembangunan usahawan dalam empat skop utama iaitu: ▪ Pembangunan prasarana perniagaan ▪ Promosi dan pemasaran produk ▪ Latihan, kursus dan bimbingan ▪ Pinjaman dan pembiayaan ⊙ Pembangunan pusat pelancongan dengan bantuan penyediaan kemudahan pelancongan desa, pelaksanaan kajian serta program pemasaran dan promosi. ⊙ Pelaksanaan kajian-kajian penting sebelum penetapan sesuatu dasar seperti Kajian Keseimbangan Impak Sosial dan Fizikal dengan mengambil kira pembangunan berimpak tinggi dalam wilayah KEJORA. ⊙ Pembangunan kampung tradisional dengan program seperti kampung tersusun, kemudahan kampung dan penempatan berkelompok.
Kepentingan Kemahiran, Perhubungan Awam, Komunikasi, ICT, Imej Dan Isu Yang Berkaitan	a. Pelaksanaan agenda turun padang dan keterlibatan dengan penduduk melalui institusi pemimpin masyarakat dan penganjuran majlis-majlis secara berperingkat di setiap tempat seperti program majlis berbuka puasa. b. Penganjuran program-program berbentuk kemasyarakatan yang menggalakkan kehadiran ramai penduduk seperti sambutan hari raya dan sambutan hari kemerdekaan. c. Pemantapan keupayaan organisasi dalam aspek penggunaan teknologi ICT berpandukan *ICT Strategic Planning* (*ISP*).
Kepentingan Sumber Dan Isu Yang Berkaitan	a. Penubuhan anak syarikat KEJORA Development Holding Sdn. Bhd. dengan penumpuan dalam bidang hartanah, pelancongan dan pertanian sebagai usaha KEJORA ke arah biaya diri. b. Peningkatan peruntukan pembangunan daripada KKLW dalam membantu KEJORA melaksanakan pelbagai program. c. Pertambahan peruntukan daripada KKLW yang menyebabkan pertambahan kerja dan berlaku kekangan dalam pelaksanaan program/projek akibat kekurangan tenaga kerja di KEJORA.
Kepentingan Sokongan Politik Dan Isu Yang Berkaitan	a. Pengukuhan usaha pembangunan kawasan dan pelaksanaan program pembangunan oleh Ahli Parlimen yang memegang jawatan Menteri. b. Pelaksanaan pengurusan tanah dan projek pembangunan yang berkesan melalui kerjasama yang baik daripada pihak Kerajaan Negeri. c. Penerusan hubungan baik dengan pihak Istana dan kerjasama dalam pembangunan tanah.
Formula Dalam Membangunkan Potensi Organisasi Dan Kawasan	a. Pemerkasaan usaha pembangunan berdasarkan kajian terperinci yang dilakukan terlebih dahulu. b. Pembangunan projek dan program baru berdasarkan nilai strategik hasil daripada dapatan kajian. c. Penetapan empat rangka strategik dalam Pelan Strategik KEJORA 2010-2020 yang memfokuskan pada sektor ekonomi, modal insan, pembangunan bandar dan luar bandar serta pembangunan kapasiti. d. Pemerkasaan kekuatan sedia ada iaitu kekuatan hasil perancangan bandar sebelum ini ke arah mewujudkan perancangan yang lebih tersusun. e. Penyuburan usaha penambahbaikan terhadap program dan projek yang telah dijalankan.
Kisah Kejayaan Utama	a. Pewujudan enam bandar baharu di seluruh kawasan KEJORA. b. Peningkatan kematangan dalam pengurusan kawasan yang belum

ASPEK	PERINCIAN
	membangun menjadi sebuah kawasan penempatan dan industri yang berdaya maju.
Keunikan Yang Boleh Dipelajari Oleh Pihak Lain	a. Penilaian *outcome* dan impak dari projek dan program yang dijalankan yang menjadi rujukan organisasi luar. b. Perancangan pembangunan yang bersifat komprehensif dan tidak hanya tertumpu pada pembangunan pertanian sahaja tetapi juga pada pembangunan sosioekonomi komuniti di samping menitikberatkan suntikan elemen-elemen transformasi (teknologi dan inovasi) bagi memenuhi keperluan serta tuntutan persediaan menghadapi cabaran semasa dan pada masa hadapan. c. Pengurusan aset dan kewangan hasil pelaksanaan inisiatif KIK (Kumpulan Inovatif & Kreatif) yang sentiasa menjadi rujukan.
Inisiatif Kerajaan Dan Badan Politik, Pengaruh Dan Perundangan, Pembangunan Dan Sokongan Untuk Pelaksanaan Projek	a. Pemerkasaan idea dan pandangan daripada badan politik terhadap projek dan program pembangunan. b. Pemanfaatan dari inisiatif Kerajaan Negeri yang proaktif dalam pengurusan tanah dan bantuan perundangan untuk proses pengambilan tanah.
Status Kewangan Dan Pencapaian	a. Penerimaan peruntukan pembangunan ⊙ RMK 8 : RM97,000,070.00 ⊙ RMK 9 : RM77,060,000.00 ⊙ RMK 10 (2011-2013) : RM86,564,000.00 b. Penerimaan peruntukan pembangunan KKLW ⊙ RMK 8 : RM14,901,496.30 ⊙ RMK 9 : RM37,814,554.00 ⊙ RMK 10 (2011-2013) : RM14,094,206.00 c. Penerimaan peruntukan pengurusan ⊙ RMK 9 : RM123,212,980.00 ⊙ RMK 10 (2011-2013) : RM114,477,600.00
Pandangan Masyarakat Umum Dan Komentar	a. Pengukuhan oleh sokongan masyarakat terhadap fungsi dan tugas KEJORA. b. Penekanan oleh masyarakat terhadap keperluan kepada sebuah agensi yang boleh terus memberi khidmat kepada masyarakat dalam bentuk pembangunan fizikal dan bukan fizikal. c. Penonjolan sokongan berterusan masyarakat setempat terhadap KEJORA sejak isu cadangan penutupan KEJORA di bawah Dasar Penswastaan sehingga ke hari ini.

4.3.3 Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)

ASPEK	PERINCIAN
Status Institusi	a. KETENGAH merupakan salah sebuah Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) di bawah Kementerian Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Ia diperbadankan secara rasmi pada 12 April 1973 di bawah Akta Parlimen Bil. 104/73. b. Antara lain, tugas Lembaga sebagaimana Akta adalah, *"Bagi menjalankan kerja-kerja Lembaga dengan serta merta untuk melaksanakan projek pembangunan yang telah dikesan oleh Jawatankuasa Bertindak Kerajaan Pusat dan Negeri untuk mengawal, menyelaras, memula dan mempercepatkan pembangunan di kawasan Terengganu Tengah".*

ASPEK	PERINCIAN
	c. Berdasarkan perubahan semasa serta faktor-faktor baru pembangunan wilayah maka Perancangan Strategik Pembangunan KETENGAH 2001-2010 telah disemak semula dan satu perancangan strategik yang baru telah dirangka bagi memenuhi perubahan-perubahan sehingga tahun 2020.
Faktor Kejayaan	a. Penyediaan jumlah dana tetap daripada Kerajaan Persekutuan melebihi 30 juta setahun dan ditambah lagi dengan suntikan dana daripada Kerajaan Negeri sebanyak 150 juta bagi projek pembangunan KETENGAH terutama projek Tasik Kenyir. b. Pewujudan anak-anak syarikat yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan di kawasan KE TENGAH. c. Penyediaan ruang daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam membantu memacu kejayaan KETENGAH dengan menjadikan KETENGAH sebagai pusat pembangunan yang terancang. d. Kedudukannya yang strategik berhampiran dengan kawasan pemprosesan minyak Petronas. e. Penetapan bahawa KETENGAH tidak menguruskan peneroka tetapi hanya menguruskan penduduk dari sudut penyediaan peluang pekerjaan. f. Penyediaan jumlah dana tetap daripada Kerajaan Persekutuan melebihi 30 juta setahun dan ditambah lagi dengan suntikan dana daripada Kerajaan Negeri sebanyak 150 juta bagi projek pembangunan KETENGAH terutama projek Tasik Kenyir. g. Pewujudan anak-anak syarikat yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek-projek pembangunan di kawasan KE TENGAH. h. Penyediaan ruang daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam membantu memacu kejayaan KETENGAH dengan menjadikan KETENGAH sebagai pusat pembangunan yang terancang. i. Kedudukannya yang strategik berhampiran dengan kawasan pemprosesan minyak Petronas j. Penetapan bahawa KETENGAH tidak menguruskan peneroka tetapi hanya menguruskan penduduk dari sudut penyediaan peluang pekerjaan.
Pengukuran Kejayaan	a. Penyediaan prasarana yang sempurna kepada penduduk dalam memastikan kawasan peninggalan lombong besi Bukit Besi yang sebelum ini hanyalah sebuah kawasan hutan mempunyai kemudahan yang setara dengan kawasan bandar. b. Pemilikan rumah kepada penduduk melalui sistem sewa beli bagi memastikan setiap penduduk mempunyai kediaman sendiri. c. Kejayaan mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk setempat melalui anak-anak syarikat di bawah KETENGAH.
Masalah/Cabaran/ Halangan Yang Dihadapi	a. Penghijrahan golongan muda untuk mencari pekerjaan di bandar sekitar yang menawarkan peluang pekerjaan dalam bidang petroleum. b. Premis-premis perniagaan yang disewakan kepada penduduk tetapi tidak dimanfaatkan dengan sebaik mungkin. c. Penyalahgunaan peluang oleh usahawan. d. Penglibatan ahli politik secara terus pernah mewujudkan situasi yang sukar kepada KE TENGAH. e. Penduduk awal kembali ke kampung halaman dan golongan muda ramai yang berhijrah menyebabkan peluang pekerja direbut oleh warga asing. f. Penjualan tanah yang dianugerahkan kepada penduduk kampung sekitar bagi tujuan pembangunan berkelompok kepada orang luar.

ASPEK	PERINCIAN
Perancangan Masa Depan Dan Bidang Yang Diberi Penumpuan	12 Sektor Teras/Objektif KETENGAH 2010-2020: a. Pembangunan bandar dan pusat pertumbuhan pemangkin pada pembangunan Wilayah. b. Penyediaan kemudahan infrastruktur dan komunikasi sebagai sokongan pada pembangunan serta boleh mengurangkan jurang fizikal antara bandar dan luar bandar. c. Pengeluaran produk pertanian. d. Pelonjakan ekonomi yang moden, mampu dan menguntungkan. e. Pembentukan usahawan yang berdaya maju, berdaya tahan dan mampu bersaing. f. Penyediaan infrastruktur pelancongan. g. Penyediaan kemudahan perumahan dan ruang niaga yang mencukupi, selesa, berkualiti, kondusif dan mampu milik. h. Pengamalan gaya kehidupan yang harmoni, berkasih-sayang, berdikari, mengamalkan nilai-nilai positif dan berpengetahuan. i. Penjanaan sumber manusia yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi serta menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat. j. Pengurangan kadar kemiskinan dengan memiliki pendapatan minimum melebihi paras kemiskinan. k. Pemuliharaan alam sekitar. l. Penawaran perkhidmatan yang cekap, telus dan berdaya saing.
Kepentingan Kepemimpinan Dan Isu Yang Berkaitan	a. Pengujudan program untuk golongan belia bagi membentuk golongan pelapis kepemimpinan dengan penubuhan Briged Belia KE TENGAH. b. Penjalinan hubungan yang rapat antara KETENGAH dengan pemimpin masyarakat. c. Penjalinan hubungan yang rapat antara pengurusan KETENGAH dengan Kerajaan Negeri serta wakil rakyat setempat.
Kepentingan Modal Insan Dan Isu Yang Berkaitan	a. Penubuhan Universiti Teknologi Mara di Bukit Besi bertujuan untuk memberi peluang yang lebih kepada golongan muda untuk melanjutkan pelajaran ke menara gading dan membantu meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan. b. Pelaksanaan Program Pintar Al-Qur'an di peringkat sekolah bertujuan bagi mewujudkan golongan pelajar sekolah yang memiliki akhlak yang terpuji di samping bertujuan mewujudkan golongan Ulul Al-Bab. c. Pengujudan Program Latihan dan Kemahiran Kerjaya dalam sektor perkapalan, mekanik, masakan dan jahitan demi memberi peluang kepada golongan belia dan wanita meningkatkan kemahiran dan menjana pendapatan. d. Penyediaan saguhati dan bantuan dalam bentuk kewangan diberikan kepada pelajar-pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan yang mereka lalui. e. Peluang pekerjaan dengan anak-anak syarikat KETENGAH diberi keutamaan kepada penduduk dan juga anak-anak penduduk yang mempunyai keupayaan dan kelayakan bagi membantu meningkatkan taraf hidup dan pendapatan mereka.

ASPEK	PERINCIAN
Kepentingan Sistem Pengurusan Dan Isu Yang Berkaitan	a. Penubuhan anak-anak syarikat membantu dalam menguruskan pembangunan di KETENGAH yang akhirnya memberi manfaat bukan hanya kepada KETENGAH tetapi juga kepada penduduk negeri Terengganu. b. KETENGAH bertindak sebagai penaung kepada anak-anak syarikat ini yang mana anak-anak syarikat ini mampu menjana ekonomi hasil daripada pembangunan yang dilaksanakan di KE TENGAH. c. Penetapan peraturan bahawa setiap pembangunan di kawasan KETENGAH perlu mendapat keizinan terus daripada KE TENGAH. d. Kerajaan Negeri mengiktiraf perancangan yang dilaksanakan oleh KETENGAH.
Kepentingan Persekitaran Sosial Yang Kondusif Dan Isu Yang Berkaitan	a. Penyediaan kemudahan seperti rumah, pusat aktiviti sosial, pusat pendidikan seperti UiTM, pusat latihan dan bandar-bandar kecil mewujudkan persekitaran yang baik. b. Penyaluran bantuan di mana secara keseluruhan, hanya 10% sahaja penduduk di KETENGAH berada di bawah paras kemiskinan yang melayakkan mereka menerima bantuan e-*Kasih.* c. Penyediaan rangkaian kemudahan untuk golongan muda seperti kemudahan riadah, pusat internet, dewan serbaguna dan sebagainya bertujuan bagi mengelakkan mereka terlibat dalam masalah gejala sosial. d. Ketiadaan pengangkutan awam (bas) bagi menghubungkan KETENGAH dengan bandar-bandar berhampiran. e. Permasalahan sosial yang turut dihadapi oleh penduduk KETENGAH yang antaranya disebabkan oleh kesan daripada pembangunan bandar sekitar dan pengaruh gejala sosial yang menular.
Kepentingan Kemahiran, Perhubungan Awam, Komunikasi, ICT, Imej Dan Isu Yang Berkaitan	a. Penetapan yang mewajibkan semua pegawai peringkat pengurusan melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana dengan pembiayaan sepenuhnya oleh KETENGAH. b. Penyediaan kemudahan internet yang berkelajuan tinggi dengan menggunakan fiber optik di kawasan bandar KETENGAH. c. Penggubalan program pembangunan bagi golongan belia.
Kepentingan Sumber Dan Isu Yang Berkaitan	a. Penerimaan sokongan kewangan yang kukuh daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. b. Pemilikan sumber modal insan yang kukuh. c. Penjanaan kewangan yang kukuh dengan memberi keutamaan kepada anak-anak syarikat KETENGAH melaksanakan projek pembangunan yang dirangka. d. Perolehan sumber modal awal adalah daripada Kerajaan Persekutuan dan pinjaman daripada Bank Pembangunan Asia.
Kepentingan Sokongan Politik Dan Isu Yang Berkaitan	a. Penerimaan sokongan langsung daripada Menteri Besar Terengganu dalam membantu membangunkan KETENGAH terutama di kawasan Tasik Kenyir. b. Penjalinan hubungan yang rapat dengan wakil-wakil rakyat tempatan. c. Penerusan legasi kepemimpinan yang mana asal penubuhan KETENGAH adalah hasil gagasan daripada Perdana Menteri Malaysia Kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussein dan bekas Menteri Terengganu ketika itu.
Formula Dalam Membangunkan Potensi Organisasi Dan Kawasan	a. Pewujudan peluang pekerjaan dan perniagaan sebagai opsyen yang menjamin pendapatan. b. Pengutamaan kepada anak-anak syarikat KETENGAH untuk menjalankan projek pembangunan.
Kisah Kejayaan Utama	a. Penggiatan usaha membangunkan kawasan hutan menjadi sebuah kawasan penempatan dan membina bandar Al-Muktafi Billah Shah sebagai salah sebuah bandar utama serta bandar- bandar sekitar yang lain iaitu: ⦿ Bukit Besi ⦿ Ketengah Jaya

ASPEK	PERINCIAN
	⊙ Seri Bendi ⊙ Cheneh Baharu b. Penggalakan pada usaha menjadikan Tasik Kenyir sebagai salah satu destinasi pelancongan utama di Malaysia dalam tempoh 30 tahun.
Keunikan Yang Boleh Dipelajari Oleh Pihak Lain	a. Pemajuan Lembah Limau sebagai sebuah ladang yang mampu meneroka pasaran tempatan dan antarabangsa. b. Penggunaan tanah secara optimum dengan mempergiatkan penternakan lembu untuk memenuhi permintaan pasaran tempatan dan antarabangsa. c. Pemanfaatan keunikan dan keindahan bentuk muka bumi dan khazanah alam yang berpotensi menjadi sumber ekonomi khususnya sektor pelancongan.
Inisiatif Kerajaan Dan Badan Politik, Pengaruh Dan Perundangan, Pembangunan Dan Sokongan Untuk Pelaksanaan Projek	a. Penetapan peraturan bahawa setiap pembangunan di kawasan KETENGAH perlu mendapat keizinan terus daripada KETENGAH. b. Kerajaan Negeri mengiktiraf perancangan yang dilakukan oleh KETENGAH. c. Penggalakan daripada Kerajaan Negeri dalam menjadikan KETENGAH sebagai hab perabot Terengganu. d. Penerimaan sokongan daripada Kerajaan Pusat dalam menjadikan KETENGAH sebagai hab unggas melalui Projek ECER.
Status Kewangan Dan Pencapaian	a. Status kewangan yang stabil dengan peruntukan tetap daripada Kerajaan Persekutuan. b. Peruntukan tambahan daripada Kerajaan Negeri. c. Penjanaan hasil daripada anak-anak syarikat. d. Kutipan sewa premis perniagaan.

4.3.4 Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)

ASPEK	PERINCIAN
Status Institusi	a. Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) telah ditubuhkan pada 1 Jun 1983 di bawah Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang, 1983 (Akta 282). b. PERDA mula beroperasi pada tahun 1984 dan diletakkan di bawah tanggungjawab Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah. c. Pada 15 Ogos 2005, PERDA telah diletakkan di bawah kawal selia pentadbiran Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) untuk mempertingkatkan keberkesanan operasinya. d. Keluasan kawasan operasi PERDA meliputi 60% daripada keluasan negeri Pulau Pinang.
Faktor Kejayaan	a. Pentadbiran dan pengurusan oleh warga kerja yang majoritinya adalah anak tempatan memudahkan perhubungan dan lebih memahami realiti setempat. b. Pemilikan kuasa pengambilan tanah. c. Pembelian dan pemilikan sebagai aset yang bernilai tinggi kerana tiada tanah rizab Melayu di Pulau Pinang. d. Pemilikan tanah berstatus "*first grade*" yang bebas untuk dibangunkan. e. Penerimaan sokongan politik kritikal. f. Pemerolehan peruntukan daripada Unit Perancang Ekonomi (EPU) di bawah Majlis Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang. g. Persekitaran yang kondusif untuk usahawan dan kegiatan perniagaan. h. Pertambahan jumlah penduduk termasuk pekerja dari negeri-negeri jiran. i. Penyediaan kemudahan infrastruktur yang baik seperti jalan raya, premis perniagaan dan pelabuhan. j. Penjalinan kerjasama strategik dengan agensi kerajaan yang lain, syarikat-

ASPEK	PERINCIAN
	syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan pihak swasta. k. Pelaksanaan peranan sebagai perantara di antara pihak korporat dengan penerima sumbangan. l. Penerimaan pengiktirafan untuk program persijilan yang dilaksanakan oleh PERDA-Tech.
Pengukuran Kejayaan	a. Penetapan lima KPI teras dengan penyediaan Pelan Tindakan Pembangunan PERDA secara tahunan merangkumi butiran berikut: ⊙ Teras ⊙ Bidang keberhasilan utama (KRA) ⊙ Program/projek yang dirancang ⊙ Indeks Prestasi Utama (KPI) ⊙ Bahagian/Unit bertanggungjawab ⊙ Seksyen yang akan melaksanakan ⊙ Bilangan perjawatan yang terlibat ⊙ Kumpulan sasar b. Penilaian projek dan program menerusi Kajian Penilaian Outcome: ⊙ Menubuhkan Seksyen Penyelidikan dan Penilaian ⊙ Membuat kajian sebelum projek dan program dimulakan ⊙ Membuat penilaian selepas projek dan program dimulakan c. Penggunaan khidmat perunding luar untuk kajian impak d. Pembangunan Bandar PERDA dalam tempoh 10 tahun ⊙ Menukar kawasan pertanian menjadi sebuah kawasan komersial yang lengkap dengan pelbagai kemudahan
Masalah/Cabaran/ Halangan Yang Dihadapi	a. Perubahan masyarakat lambat berlaku kerana sikap enggan berubah terutama oleh golongan miskin. b. Pergantungan yang tinggi sebahagian usahawan pada dana dan subsidi kerajaan melambatkan perkembangan perniagaan. c. Penggunaan pengaruh segelintir individu yang berkepentingan diri mengganggu perancangan yang telah disusun. d. Kekurangan sumber peruntukan contohnya dalam RMK 10 kerana status PERDA yang tidak memenuhi ciri-ciri yang dimiliki oleh kementerian.
Perancangan Masa Depan Dan Bidang Yang Diberi Tumpuan	a. Penjanaan hasil daripada aktiviti ekonomi yang sedang dilaksanakan: ⊙ Menyewakan tanah untuk pertanian ⊙ Membina dan menjual rumah mampu milik ⊙ Menyewakan premis bangunan IKS, kedai dan gerai ⊙ Menjual lot tanah b. Pengekalan geopolitik Melayu/Bumiputera terutama di kawasan berisiko tinggi di mana mungkin berlakunya pelepasan penguasaan politik. c. Peningkatan pemilikan hartanah Bumiputera. d. Penyediaan hartanah mampu milik untuk Bumiputera.
Kepentingan Kepemimpinan Dan Isu Yang Berkaitan	a. Pengukuhan kemampuan lembaga pengarah dengan penyaluran maklumat dan isu-isu berkaitan PERDA. b. Penempatan warga kerja secara pinjaman di anak syarikat contohnya sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi di PERDA Ventures. c. Peningkatan profesionalisme warga kerja menerusi pendekatan kepelbagaian kemahiran (*multiskilling*). d. Pemerkasaan komuniti dan masyarakat menerusi program kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat setempat, contohnya

ASPEK	PERINCIAN
	menerusi Program Peningkatan Profesionalisme Pemimpin Masyarakat.
Kepentingan Modal Insan Dan Isu Berkaitan	a. Penyediaan generasi pelapis berkualiti menerusi Program Didik Cemerlang Akademik (Mutiara PDCA): ⊙ Mengadakan kelas tuisyen secara percuma ⊙ Mengadakan bengkel teknik menjawab soalan secara berpusat di ibu pejabat PERDA ⊙ Menyediakan soalan latih tubi dalam talian (*online*) secara percuma dengan melantik guru sebagai pembimbing dan perantara kepada pelajar di sekolah masing-masing ⊙ Menonjolkan pelajar cemerlang menerusi Program Pecutan Akhir b. Pemerkasaan belia menerusi program latihan Belia Pewaris Nusa. c. Pengajian kemahiran kepada lepasan SPM. d. Pemulihan potensi belia corot akademik menerusi program Sukses Asas Kemahiran Teknikal (SAKTI) ⊙ Menawarkan program sijil kemahiran selama lapan bulan dalam bidang pendawaian elektrik, kimpalan dan mekanik kenderaan motor. e. Pembangunan usahawan menerusi usaha pemasaran produk usahawan, kursus dan latihan keusahawanan dan pembangunan program pelancongan desa, contohnya pembangunan inap desa dengan jenama *"Mai Homestay".*
Kepentingan Sistem Pengurusan Dan Isu Berkaitan	f. Pengambilan warga kerja ⊙ Membuat penilaian menggunakan kaedah peperiksaan merangkumi aspek sahsiah (20%), matematik (20%), pengetahuan am (20%), pengetahuan berkaitan negeri (20%) dan kecerdasan akal (20%). g. Penilaian prestasi warga kerja berdasarkan merit ⊙ Mendapat banyak manfaat semasa sistem Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) dilaksanakan apabila warga kerja berpotensi diberikan peluang dan peranan yang sewajarnya. h. Pembinaan kerja berpasukan ⊙ Membudayakan amalan percambahan fikiran sesama warga kerja dan membuat pemadanan tugasan berdasarkan kecenderungan dan minat.
Kepentingan Persekitaran Sosial Yang Kondusif Dan Isu Yang Berkaitan	a. Penerimaan dan keterbukaan masyarakat di Pulau Pinang untuk mengambil bahagian dalam pelbagai program dan aktiviti anjuran PERDA. b. Penempatan penduduk di sekitar kawasan pembangunan membuka peluang dan memudahkan mereka melibatkan diri dalam pelbagai aktiviti. c. Penyediaan infrastruktur dan kemudahan membantu melancarkan urusan. d. Perhubungan yang mudah dengan jajaran jalan raya yang menghubungkan seluruh negeri dan dengan negeri-negeri jiran. e. Penyediaan kemudahan pengangkutan darat dan laut menerusi pelabuhan yang besar. f. Pengukuhan peranan Pulau Pinang sebagai pusat pengagihan (*distribution centre*) dan logistik. g. Pengiktirafan sebagai sebahagian Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).
Kepentingan Kemahiran, Perhubungan Awam, Komunikasi, ICT, Imej Dan Isu Yang Berkaitan	a. Pemerkasaan warga kerja menerusi program dan kursus kemahiran yang memenuhi keperluan bidang kerja. b. Peranan sebagai pusat sehenti dan tempat rujukan untuk masyarakat. c. Penilaian prestasi menerusi kaedah *mystery shopper* yang dijalankan oleh ibu pejabat dan perunding luar yang dilantik. d. Pembangunan *Portal e-Didik* PERDA sebagai satu kemudahan interaktif yang memudahkan proses pembelajaran dan membolehkan pelajar menjawab soalan peperiksaan, menyemak markah serta prestasi keseluruhan secara atas talian.

ASPEK	PERINCIAN
Kepentingan Sumber Dan Isu Yang Berkaitan	a. Penjanaan sepenuhnya sumber bank tanah yang dimiliki untuk memperoleh hasil pulangan. b. Peningkatan harga hartanah kerana permintaan yang tinggi. c. Penyediaan peluang pekerjaan yang menarik kedatangan tenaga kerja dari luar.
Kepentingan Sokongan Politik Dan Isu Yang Berkaitan	a. Perhatian khusus oleh Kerajaan Persekutuan untuk membela nasib Bumiputera. b. Peranan sebagai agensi utama untuk menyampaikan dasar-dasar Kerajaan Persekutuan.
Formula Dalam Membangunkan Potensi Organisasi Dan Kawasan	a. Penjalinan kerjasama pintar dengan pelbagai agensi kerajaan untuk manfaat masyarakat, contohnya menggunakan kemudahan MIMOS dalam memberi pendedahan bidang multimedia kepada pelajar PERDA-Tech. b. Perkongsian maklumat dan kepakaran dengan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM yang menjalankan pelbagai kajian yang memfokuskan pada Pulau Pinang. c. Penyelidikan dan penilaian dijadikan sebagai teras utama dalam pelaksanaan program dan projek.
Kisah Kejayaan Utama	a. Pengiktirafan sijil PERDA-Tech yang bukan hanya oleh Kementerian Sumber Manusia dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sahaja tetapi juga oleh badan antarabangsa dalam bidang yang ditawarkan. b. Penyediaan perumahan kos rendah sepenuhnya untuk golongan Bumiputera c. Pembangunan Bandar PERDA yang asalnya adalah sebuah kawasan pertanian dalam menjadi sebuah bandar komersial lengkap dengan kemudahan. d. Pembangunan golongan pelajar sekolah sebagai agen perubahan untuk keluarga dan masyarakat menerusi Program Mutiara PDCA. e. Pembangunan potensi golongan belia yang terpinggir menerusi program Sukses Asas Kemahiran Teknikal (SAKTI).
Keunikan Yang Boleh Dipelajari Oleh Pihak Lain	a. Perjalanan operasi, program dan aktiviti PERDA dengan menggunakan peruntukan daripada hasil yang dijana sendiri (RM18 juta) lebih besar berbanding dengan peruntukan semasa geran kerajaan (RM5.5 juta). b. Permintaan terhadap lepasan PERDA-Tech oleh industri sangat menggalakkan dan kebanyakannya menerima tawaran kerja daripada majikan atau syarikat di mana pelajar menjalani latihan praktikal. c. Pembinaan dan penjualan rumah kos rendah kepada golongan sasar dengan harga subsidi. d. Penganjuran program sijil kemahiran khas untuk memulihkan potensi belia yang ketinggalan dari segi akademik dan dipengaruhi pelbagai gejala sosial sehingga mereka mendapat kerja yang berpendapatan tetap. e. Penyelidikan dan penilaian terhadap program dan aktiviti yang dijalankan secara konsisten manakala kajian *outcome* pula dijalankan secara berkala. f. Pengemaskinian laporan kemajuan dan pencapaian yang dibuat secara bulanan dan hasilnya dilaporkan kepada pihak pengurusan tertinggi menerusi e-mel.
Inisiatif Kerajaan Dan Badan Politik, Pengaruh Dan Perundangan, Pembangunan Dan Sokongan Untuk Pelaksanaan Projek	a. Penggubalan dan penetapan polisi PERDA terutama dalam perjanjian kerjasama pembangunan hartanah: ⊙ Mewajibkan projek perumahan yang membina lebih 100 unit rumah dengan memperuntukkan 30% daripadanya adalah rumah berstatus kos rendah. ⊙ Mensyaratkan rumah kos rendah dibina lebih awal dalam projek tersebut untuk menyelesaikan masalah penduduk yang dipindahkan susulan dari pelaksanaan projek tersebut.

ASPEK	PERINCIAN
	b. Penjalinan kerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri untuk menyalurkan zakat dan bantuan kepada golongan sasar. c. Peluasan peranan sebagai pelaksana program agensi lain dengan menggunakan peruntukan kumpulan wang amanah dan program *CSR*. d. Penawaran Kursus Sijil Kejuruteraan Pertanian sejak tahun 2008 dengan kerjasama Politeknik Kota Bharu untuk menyediakan modal insan Pelan Pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).
Status Kewangan Dan Pencapaian	a. Penghasilan adalah bersumberkan: ⊙ Peruntukan semasa geran kerajaan (RM5.5 juta pada 2012) ⊙ Pendapatan dari hasil aktiviti ekonomi (RM18 juta pada 2012) ⊙ Peruntukan kumpulan wang amanah daripada agensi lain

4.3.5 Lembaga Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA)

ASPEK	PERINCIAN
Status Institusi	a. Lembaga Pembangunan Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA) ditubuhkan di bawah Akta Parlimen pada tahun 2007. b. Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI) adalah koridor pembangunan selatan baru di Johor yang berpotensi sebagai pemangkin pembangunan yang akan merangsang pertumbuhan ekonomi Malaysia. c. WPI meliputi 221,634 hektar (2,217 km persegi) kawasan tanah selatan sebahagian daripada Johor. Ia merangkumi kawasan lebih kurang tiga kali saiz Singapura dan dua kali saiz Hong Kong. WPI meliputi seluruh daerah Johor Bahru (termasuk daerah dalam pulau), Mukim Jeram Batu, Mukim Sungai Karang, Mukim Serkat dan Pulau Kukup dalam Mukim Ayer Masin, semua dalam daerah Pontian. d. IRDA berperanan sebagai pihak berkuasa atau pusat rujukan untuk mempromosi, kelulusan, pelaksanaan dan peraturan di WPI. e. Visi IRDA : Mencorakkan Iskandar Malaysia sebagai pilihan utama untuk melabur, bekerja, bermastautin dan beriadah. f. Misi IRDA: Menerajui pembangunan wilayah Johor Tenggara melalui pemerkasaan modal insan dan pemapanan ekonomi secara strategik dan berkesan. g. Objektif IRDA : Merealisasikan wawasan membangun Iskandar Malaysia menjadi sebuah metropolis yang kuat dan mampan di kedudukan antarabangsa. h. Fokus utama dan peranan IRDA: ⊙ Mewujudkan dasar-dasar, arahan-arahan dan strategi-strategi yang mempunyai kesan langsung pada aktiviti-aktiviti pembangunan dalam WPI. ⊙ Memastikan prestasi aktiviti-aktiviti yang dijalankan selaras dengan entiti-entiti kerajaan dalam Iskandar Malaysia. ⊙ Mempromosi, merangsang dan memudahkan projek pembangunan dalam Iskandar Malaysia. ⊙ Memainkan peranan sebagai "*one-stop centre*" untuk menghadapi pelabur-pelabur dan memberikan respons kepada keperluan para pelabur dalam satu keadaan yang baik dan pada masa yang tepat. i. Lima tonggak strategi WPI: ⊙ Kedudukan di Persada Antarabangsa ⊙ Pengujudan Projek Pemangkin ⊙ Pembentukan *Hard & Soft Infrastructure Enablers*

ASPEK	PERINCIAN
	⦿ IRDA sebagai Badan Kawal Selia yang Berkuasa ⦿ Pembangunan Sosioekonomi yang Seimbang j. Tiga kunci asas WPI : ⦿ Pembahagian yang adil antara semua pihak berkepentingan ⦿ Pembangunan dan pembentukan nilai ⦿ Membina negara k. WPI dipacu untuk menjadi hab bertaraf antarabangsa bagi industri kreatif, pendidikan, kesihatan, kewangan, pelancongan dan logistik. l. WPI mewujudkan lima zon ekonomi utama : ⦿ Zon Ekonomi Utama A : Bandar Johor Bahru ⦿ Zon Ekonomi Utama B : Nusajaya dan Medini ⦿ Zon Ekonomi Utama C : Pintu Pembangunan Barat ⦿ Zon Ekonomi Utama D : Pintu Pembangunan Timur ⦿ Zon Ekonomi Utama E : Senai-Skudai m. Penterjemahan perancangan dan pembangunan WPI melalui Pelan Hala Tuju Iskandar Malaysia berasaskan pelan tindakan strategik meliputi: ⦿ Pelan Induk Penyata Sifat Kawasan ⦿ Pelan Induk Pengurusan Saliran & Air Ribut ⦿ Pelan Induk Operasi Penyelenggaraan ⦿ Pelan Induk Paparan Jalan ⦿ Pelan Induk Pengangkutan ⦿ Pelan Induk Teknologi Komunikasi Maklumat ⦿ Pelan Induk Elektrik ⦿ Pelan Induk Perancangan Alam Sekitar ⦿ Pelan Induk Guna Tanah Bersepadu ⦿ Pelan Induk Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu ⦿ Pelan Induk Tenaga Boleh Diperbaharui dan Kecekapan Tenaga ⦿ Pelan Induk Keselamatan & Perlindungan ⦿ Pelan Induk Pelan Pesisir Pantai Pengurusan
Faktor Kejayaan	a. Penyaluran sokongan daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. b. Pembentukan teraju kepemimpinan dan pengurusan organisasi yang berkelayakan, berkepakaran, berpengalaman dan memainkan peranan dengan berkesan. c. Penyertaan meluas sektor swasta. d. Penyediaan beberapa bentuk insentif kewangan dan cukai yang berjaya menarik pelaburan dan penyertaan berganda dalam pembangunan ekonomi WPI serta dengan sokongan kemudahan insentif daripada agensi-agensi: ⦿ Lembaga Kemajuan Pelaburan Malaysia (MIDA) ⦿ Multimedia Development Corporation (MDEC) ⦿ Kementerian Pertanian ⦿ Pusat Kewangan Islam Malaysia (MIFC) ⦿ Perbadanan Bioteknologi Malaysia ⦿ Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) e. Penyediaan modal insan yang berpendidikan dan berkemahiran. f. Pembangunan terancang dan berfasa dengan mengambil kira pengukuhan asas-asas yang bersifat fizikal dan bukan fizikal bagi melonjakkan pembangunan serta prestasi secara dinamik.
Pengukuran Kejayaan	a. Penggunaan amalan terbaik dan pematuhan pada piawaian antarabangsa. b. Pelaksanaan 21 daripada 32 pelan hala tuju WPI (sehingga 2011). c. Perkembangan positif dan dinamik: ⦿ Pendidikan Perjanjian dan pembukaan kampus cawangan beberapa pusat pengajian

ASPEK	PERINCIAN
	tinggi antarabangsa (Newcastle University, Marlborough College Malaysia, Netherlands Maritime Institute of Technology, Raffles University Iskandar, University of Southampton). ⊙ Kesihatan Pemeteraian perjanjian dengan Gleneagles Medini Hospital. ⊙ Perumahan ▪ Pelancaran PRISMA, projek perumahan awam di WPI. ▪ Pembangunan projek bandar sejahtera dengan kerjasama Khazanah Nasional dan Temasek Holdings. ⊙ Infrastruktur ▪ Pembinaan Lebuh Raya Pantai. ▪ Penyempurnaan projek-projek saliran dan pembersihan sungai. ⊙ Pengangkutan ▪ Pelancaran perkhidmatan Bas Iskandar Malaysia. ⊙ Keselamatan ▪ Penyediaan 12 Pusat Polis Komuniti. ⊙ Sukan dan Rekreasi ⊙ Pembinaan kompleks sukan dan stadium di EduCity. ⊙ Pewujudan taman tema (LEGOLAND, *Puteri Harbour Family Indoor Theme Park*). ⊙ Pelancaran *Johor Premium Outlets.* d. Penyertaan pelabur tempatan dan antarabangsa yang memberangsangkan seperti Danga Bay, UEM Land, Kota Selat Tebrau. Seagate Technology, Flextronics International dan Qimonda.
Masalah/Cabaran/ Halangan Yang Dihadapi	a. Penggiatan usaha mendapatkan kefahaman, persepsi dan penerimaan positif daripada sebahagian masyarakat terhadap inisiatif yang dirangka. b. Persediaan masyarakat untuk menggerakkan pembangunan secara kolektif dan memiliki semangat daya saing. c. Pengurusan transformasi secara cekap dan konsisten. d. Penyesuaian masyarakat terhadap perubahan dan pengamalan nilai-nilai baharu yang menuntut mereka lebih proaktif, kreatif dan inovatif. e. Penglibatan dan campur tangan yang tidak diperlukan daripada pihak politik. f. Persaingan daripada negara-negara jiran.
Perancangan Masa Depan Dan Bidang Yang Diberi Penumpuan	a. Perancangan masa depan ⊙ Modal Pemadanan sumber modal dengan jangkaan hasil melalui inisiatif: ▪ Memperluaskan pelaburan domestik dan asing ▪ Meningkatkan kerjasama dan kolaborasi ekonomi serantau ▪ Meningkatkan jaringan kerjasama sektor awam dan swasta ▪ Membangunkan jaringan rel berkelajuan tinggi ⊙ Permintaan Memastikan permintaan dipenuhi dan kejayaan pelaksanaan projek-projek utama: ▪ Pelancongan dan rekreasi ▪ Pendidikan ▪ Penjagaan kesihatan ▪ Infrastruktur ⊙ Penawaran Menggunakan pendekatan kluster bagi pembangunan-pembangunan baharu yang menyumbang pada:

ASPEK	PERINCIAN
	▪ Kepadatan segi fizikal dan geografi ▪ Kewujudan hab-hab aktiviti ekonomi ▪ Keberkesanan penggunaan tenaga dan sistem transit massa ▪ Kemajuan ekonomi yang menyumbang pada peningkatan modal insan ⦿ Pemangkin Memastikan penyediaan: ▪ Infrastruktur asas ▪ Persekitaran kehidupan yang selesa untuk didiami ▪ Pembangunan yang memberi manfaat kepada penduduk tempatan Mengamalkan prinsip kesilapan sifar dalam sistem penyampaian bagi pemangkin-pemangkin kritikal: ▪ Imigresen ▪ Modal insan ▪ Keselamatan ▪ Insentif Mempergiatkan pembangunan sosial: ▪ Program pembangunan modal insan ▪ Program pembasmian kemiskinan ▪ Perumahan awam ▪ 'Program Perkongsian Kekayaan' melalui 'Model Hartanah Sosial' b. Bidang yang diberi tumpuan Mensasarkan enam kategori perkhidmatan berasaskan sektor (sepertimana dikenal pasti dalam Pelan Pembangunan Komprehensif) iaitu: ⦿ Kreatif ⦿ Pendidikan ⦿ Penasihat kewangan dan perundingan ⦿ Penjagaan kesihatan ⦿ Logistik ⦿ Pelancongan
Kepentingan Kepemimpinan Dan Isu Yang Berkaitan	a. Pentadbiran dan struktur organisasi yang berkaliber dan berwawasan. b. Pengukuhan kepemimpinan organisasi yang diterajui oleh YAB Perdana Menteri dan Menteri Besar Johor serta sokongan profesional ahli-ahli Lembaga Pengarah, Majlis Penasihat dan Pengurusan IRDA. c. Pembentukan Jawatankuasa IRDA yang menyumbang pada pemacuan WPI secara dinamik iaitu: ⦿ Jawatankuasa peringkat Menteri Malaysia-Singapura (JMC) ⦿ Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan (AIC) ⦿ Jawatankuasa Pembangunan Sosial ⦿ Jawatankuasa Dana Projek Sosial d. Pemerkasaan semangat kerja berpasukan dan penglibatan secara kolektif untuk merealisasikan visi dan misi organisasi. e. Pengamalan keterbukaan sikap dan penerimaan idea-idea baharu daripada seluruh warga IRDA.
Kepentingan Modal Insan Dan Isu Yang Berkaitan	a. Pewujudan Rangkaian Modal Insan Iskandar Malaysia (RMIIM) ⦿ Untuk menggalak dan mengekalkan hubungan kerjasama yang efektif di kalangan para pengamal sumber manusia dalam menghadapi cabaran modal insan di WPI. ⦿ Mesyuarat Rangkaian Sumber Manusia yang dianjurkan setiap tiga bulan merupakan medium sesuai untuk pengamal sumber manusia membincangkan isu semasa, berkongsi amalan terbaik dan yang lebih

ASPEK	PERINCIAN
	utama untuk mewujudkan rangkaian sumber manusia di WPI. b. Penggubalan Pelan Induk Modal Insan yang mengandungi 65 inisiatif di mana empat daripadanya telah dilaksanakan: ⊙ Penambahbaikan Portal JobsMalaysia ⊙ Penubuhan Pusat Sehenti JobsMalaysia ⊙ Penganjuran pesta kerjaya ⊙ Pelaksanaan inisiatif pembangunan modal insan c. Pemanfaatan terhadap rangka kerja jaringan agensi kerajaan seperti Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan Perbadanan Sumber Manusia Berhad (PSMB). d. Pengutamaan terhadap pembangunan modal insan sebagai persediaan memenuhi tuntutan persekitaran korporat dan pertumbuhan industri korporat serta dalam usaha menembusi pasaran antarabangsa. e. Penggilapan potensi modal insan dari segi mengembangkan daya kreativiti dan inovatif dengan menyediakan kemudahan bertaraf antarabangsa (khususnya untuk animasi digital, studio perfileman serta kemudahan latihan untuk seni kreatif dan sains). f. Penyediaan peluang serta kemudahan kepada modal insan asing untuk berkongsi kemahiran, kepakaran dan pengetahuan.
Kepentingan Sistem Pengurusan Dan Isu Yang Berkaitan	a. Pematuhan pada amalan terbaik dan piawaian antarabangsa. b. Penubuhan Kota Iskandar sebagai pusat pentadbiran yang baharu bagi negeri Johor. c. Pewujudan pusat kewangan Iskandar yang beroperasi di Daerah Kewangan Baru di Bandaraya Johor Bahru. d. Penyediaan kemudahan perbankan Islam sebagai opsyen kepada sistem kewangan konvensional. e. Pewujudan Iskandar Investment Berhad sebagai sebahagian pemangkin pelaburan untuk Iskandar Malaysia. f. Pewujudan Zon Perdagangan Bebas Pelepas berkeluasan 1,000 ekar untuk tujuan pelaburan. g. Pelaksanaan Sistem Pematuhan Pengurusan seperti Kawalan Dalaman, piawaian antarabangsa, Kawalan Pemantauan Projek, Kawalan Prestasi Utama, Pembudayaan Inovasi, Pengurusan Khidmat Pelanggan dan Inisiatif ICT Dalam Pengurusan. h. Pelaksanaan pengurusan risiko melalui pembentukan sebuah jawatankuasa pengurusan risiko dan kumpulan kerja risiko. i. Pengamalan sistem pemantauan yang berkesan. j. Pengukuhan operasi dan pengurusan melalui usaha menjalankan Kaji Selidik Penglibatan Pekerja yang dilaksanakan sejak 2008. k. Pewujudan Bahagian Pengurusan Prestasi Korporat bagi memudahkan rumusan dan penilaian pencapaian. l. Penganjuran dan penglibatan secara konsisten melalui persidangan, dialog perdagangan, mesyuarat (serantau dan antarabangsa), pameran, acara dan sebagainya. m. Penggalakan pada usaha penyelidikan dan pembangunan. n. Penjalinan jaringan kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan, swasta, kumpulan pakar dan komuniti untuk memastikan program pembangunan dipergiatkan secara berkesan.

ASPEK	PERINCIAN
Kepentingan Persekitaran Sosial Yang Kondusif Dan Isu Yang Berkaitan	a. Penetapan matlamat untuk mewujudkan komuniti pemastautin yang aktif, komprehensif, terurus, mesra alam, serta direka dan dibina dengan baik dan saling berhubungan. b. Perancangan penyediaan persekitaran sosial yang kondusif untuk memenuhi keperluan semasa dan keperluan masa hadapan. c. Penyediaan perancangan, skim dan kemudahan perumahan yang seimbang, memenuhi keperluan dan kebajikan setiap strata masyarakat, mengutamakan struktur kejiranan dan jaminan keselamatan serta menggalakkan penggunaan tenaga secara cekap dalam konteks pembinaan bangunan mahupun unit rumah. d. Penggalakan penghijrahan rakyat asing ke Malaysia melalui sokongan terhadap program "Malaysia Rumah Keduaku" yang melayakkan mereka menerima pelbagai bentuk insentif. e. Penyediaan akses dan kemudahan pendidikan bagi peringkat tadika, sekolah (rendah dan menengah) dan universiti/kolej. f. Perancangan pembangunan EduCity di Nusajaya menyumbang pada pembentukan WPI sebagai pusat: ⦿ Rangkaian universiti bertaraf dunia ⦿ Pemimpin industri berasaskan pengetahuan ⦿ Kelompok industri sentrik penyelidikan dan pembangunan (*R&D)* ⦿ Pusat tindakan industri pendidikan ⦿ Sekolah dan kolej antarabangsa ⦿ Kemudahan tempat tinggal dan rekreasi ⦿ Kemudahan persidangan dan pameran bertaraf dunia g. Pembukaan kampus cawangan institusi pengajian tinggi terkemuka di dunia. Terdapat empat institusi pengajian tinggi yang beroperasi di Educity (Newcastle University (United Kingdom), De Ruyter Maritime Institute dan Willem Barentsz Maritime Insitute (Netherlands), iCarnegie (Amerika Syarikat) dan Universiti Antarabangsa Al-Bukhari). h. Pembangunan terancang membangunkan rangkaian kemudahan kesihatan (hospital, pusat pakar, pusat perubatan alternatif, penyelidikan dan pembangunan, perubatan, pemulihan dan kejururawatan). i. Pembentukan WPI menjadi sebuah kawasan semula jadi, taman-taman dan kebun-kebun dengan memperuntukkan kawasan tanah seluas 23,158 hektar yang dikhususkan untuk penghijauan Iskandar Malaysia. j. Penggubalan Rancangan Penghijauan Iskandar Malaysia berasaskan pada empat prinsip: ⦿ Kualiti alam sekitar untuk Iskandar Malaysia ⦿ Penciptaan habitat dan pengekalan biodiversiti untuk Iskandar Malaysia. ⦿ Pemuliharaan air dan pengekalannya ⦿ Peningkatan persekitaran yang dibina dan kualiti hidup k. Pengutamaan pada pembangunan dan penyediaan kemudahan yang lengkap, moden dan terkini bagi aspek: ⦿ Keselesaan beriadah ⦿ Tarikan tempatan ⦿ Lokasi-lokasi menarik ⦿ Penggalakan pelancongan khususnya Melawat Malaysia

ASPEK	PERINCIAN
Kepentingan Kemahiran, Perhubungan Awam, Komunikasi, ICT, Imej Dan Isu Yang Berkaitan	a. Penganjuran program-program komuniti untuk seluruh lapisan masyarakat. b. Penyediaan sokongan melalui tanggungjawab sosial korporat (*CSR*). c. Pemanfaatan dan pengukuhan sokongan dengan pihak media. d. Penembusan jalur lebar. e. Penghormatan dilantik sebagai perintis kepada pelaksanaan inisiatif Transformasi Kemajuan Elektronik Serantau Kerajaan (GREAT). f. Pemantapan maklumat dan promosi melalui penubuhan Portal Pembangunan Iskandar. g. Penyediaan infrastruktur pengangkutan dan jaringan telekomunikasi tanpa wayar. h. Penggubalan pelan pembangunan Bandar MSC Cyberport. **i.** Pembangunan modal insan yang memiliki penguasaan ICT dan bahasa antarabangsa.
Kepentingan Sumber Dan Isu Yang Berkaitan	a. Pemilikan bank tanah yang luas. b. Pembangunan industri terancang dan pengurusan secara strategik merangkumi lima zon utama berhampiran tiga pelabuhan bertaraf dunia (Tanjung Langsat, Pasir Gudang dan Tanjung Pelepas), lapangan terbang antarabangsa (Senai), rangkaian keretapi dan laluan dua tambak. c. Pengukuhan dalam industri pembuatan yang berupaya memenuhi keperluan dan tuntutan sektor perkhidmatan (khususnya industri kreatif, pendidikan, kesihatan, kewangan, pelancongan dan logistik). d. Penjanaan potensi bidang-bidang utama yang merangsang pertumbuhan Iskandar Malaysia: ⊙ Elektrik dan elektronik ⊙ Petro dan bahan kimia oleo ⊙ Makanan dan pemprosesan agro ⊙ Logistik dan perkhidmatan berkaitan ⊙ Pelancongan ⊙ Perkhidmatan kesihatan ⊙ Perkhidmatan pendidikan ⊙ Perkhidmatan kewangan ⊙ ICT dan industri-industri kreatif
Kepentingan Sokongan Politik Dan Isu Yang Berkaitan	a. Penerimaan komitmen dan kerjasama daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. b. Perkongsian matlamat merealisasikan visi WPI di kalangan pimpinan Kerajaan Negeri mahupun parti-parti politik lain di negeri Johor.
Formula Dalam Membangunkan Potensi Organisasi Dan Kawasan	a. Perancangan dan pelaksanaan secara strategik, berfasa dan berimpak. b. Penetapan outcome yang memenuhi tuntutan tempatan dan antarabangsa secara seimbang, holistik, berdaya maju dan berdaya saing. c. Penggemblengan kepakaran tempatan dan antarabangsa bagi pembangunan yang memenuhi piawaian nasional dan antarabangsa. d. Pengukuhan melalui usaha pemantauan, penilaian, penyelidikan dan penambahbaikan terhadap program dan projek yang telah dijalankan.
Kisah Kejayaan Utama	a. Penjenamaan Iskandar Malaysia yang menjadi tumpuan dan menerima pengiktirafan antarabangsa. b. Pencapaian pesat pelaksanaan pembangunan oleh lima zon ekonomi yang utama. c. Pengurusan yang berefikasi dan bertaraf antarabangsa.

ASPEK	PERINCIAN
	d. Pencapaian pendapatan pelaburan melebihi sasaran. e. Perubahan lanskap sosioekonomi WPI dengan imej perbandaran, pemodenan hab multisektor serta pusat tumpuan antarabangsa yang sesuai dengan matlamat menjadikan WPI sebagai sebuah metropolis yang kuat dan mampan di kedudukan antarabangsa. f. Peningkatan taraf sosioekonomi masyarakat hasil daripada limpahan pembangunan.
Keunikan Yang Boleh Dipelajari Oleh Pihak Lain	a. Penerusan legasi kepemimpinan politik, sosial dan ekonomi yang menyumbang pada kesediaan serta kemampuan masyarakat mengoptimumkan potensi dan menghadapi cabaran transformasi. b. Penyediaan pakej asas yang kukuh segi infrastruktur, polisi mesra dan persekitaran perniagaan yang meyakinkan. c. Kedudukan lokasi strategik bagi membina jaringan strategik dengan pusat global antarabangsa dan seterusnya memangkin WPI sebagai sebuah hab multisektor. d. Perancangan dan pembangunan yang seimbang dengan pengutamaan terhadap perkembangan ekonomi dan kehidupan berkualiti.
Inisiatif Kerajaan Dan Badan Politik, Pengaruh Dan Perundangan, Pembangunan Dan Sokongan Untuk Pelaksanaan Projek	a. Pengiktirafan WPI sebagai sebahagian pemangkin utama dan pembangunan berimpak di bawah RMK-9 dan RMK-10. b. Pemerkasaan idea dan pandangan daripada badan politik terhadap projek dan program pembangunan. c. Pemanfaatan daripada inisiatif proaktif Kerajaan Negeri dalam pengurusan tanah dan bantuan perundangan untuk proses pengambilan tanah.
Status Kewangan Dan Pencapaian	a. Penetapan sasaran: ⊙ Pertumbuhan keluaran dalam negeri kasar pada kadar 8% setiap tahun. ⊙ Nilai pelaburan berjumlah RM383 bilion bagi sepanjang 20 tahun (sehingga 2025). ⊙ Nilai pelaburan fasa pertama (2006-2010) : RM47 bilion (pencapaian pelaburan tempatan dan asing melebihi sasaran iaitu RM70 bilion). b. Peruntukan pembangunan infrastruktur jalan raya (2008) : RM3 bilion. c. Peruntukan pembangunan perumahan awam (2008) : RM200 juta.
Pandangan Masyarakat Umum Dan Komentar	a. Pencapaian memberangsangkan menyuntik persepsi positif terhadap potensi dan keupayaan IRDA dan WPI menghadapi persaingan global. b. Peletakan asas yang kukuh untuk menjadikan WPI sebagai hab multisektor. c. Persaingan ekonomi yang kompetitif dan sihat dengan negara-negara jiran. d. Pemerkasaan modal insan yang berilmu, berkemahiran dan berdaya saing. e. Pemeliharaan dan pembangunan seni, budaya, kreativiti dan inovatif bertaraf antarabangsa. f. Penyediaan persekitaran yang kondusif dan memenuhi keperluan insan.

4.3.6 Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)

ASPEK	PERINCIAN
Status Institusi	a. Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah atau KEDA telah ditubuhkan pada 28 Mei 1981 di bawah Akta 249, Akta Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah 1981. b. Penubuhan KEDA berdasarkan pada tempoh hayat iaitu selama 20 tahun (sehingga 28 Mei 2001) dan tempoh hayat dilanjutkan sebagaimana ditentukan dengan persetujuan di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan. Pelanjutan untuk tempoh hayat yang terkini adalah selama sembilan tahun bermula tahun 2010 hingga 2019. c. Tujuan penubuhan KEDA adalah untuk membantu mempercepatkan pembangunan sosioekonomi dan infrastruktur di kawasan operasi KEDA. d. Keluasan kawasan operasi KEDA adalah seluas 8,279 km persegi iaitu 89% daripada keseluruhan negeri Kedah. e. Visi: Menjadi sebuah agensi pembangunan yang utama dalam memaju dan memperkukuhkan taraf sosioekonomi penduduk dan kumpulan sasar khususnya dan negeri Kedah pada amnya. f. Misi: Berusaha mengeksploitasi sepenuhnya segala sumber manusia dan ekonomi serta membangunkan kawasan luar bandar bagi mewujudkan satu order sosioekonomi yang lebih mantap dan berdaya maju sejajar dengan dasar-dasar pembangunan negara. g. Objektif KEDA : ⊙ Memajukan masyarakat luar bandar khususnya golongan sasar KEDA dalam semua bidang sosioekonomi melalui usaha-usaha pembangunan modal insan, latihan kemahiran, ekonomi dan fizikal dengan tumpuan pada peningkatan kualiti hidup. ⊙ Meningkatkan penyertaan golongan sasar dalam kegiatan ekonomi menerusi peningkatan pengupayaan. ⊙ Mewujudkan pembangunan yang seimbang di antara kawasan bandar dan luar bandar dalam kawasan operasi KEDA. h. Fungsi dan peranan KEDA: ⊙ Menggalak, membantu, memaju dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial. ⊙ Menggalak, membantu, memaju dan mengusahakan pembangunan perumahan, pertanian, perindustrian dan perdagangan. ⊙ Mewujudkan pembangunan yang seimbang di antara kawasan bandar dan luar bandar dalam kawasan operasi KEDA.
Faktor Kejayaan	a. Pengurusan kepemimpinan yang sistematik ⊙ Mempunyai kepemimpinan organisasi yang tersusun dan jelas bagi setiap fungsi bahagian. ⊙ Membantu dalam aspek kepemimpinan komuniti (golongan sasar) seperti JKKKP, RELA dan koperasi luar bandar dengan memberi latihan/kursus serta bantuan projek pembangunan yang bersesuaian mengikut keperluan setempat. b. Pemilikan sikap (*attitude*) warga kerja KEDA yang sentiasa ingin mencuba sesuatu yang baharu dan mencabar (berdaya saing) serta bakat (*aptitude*) banyak menyumbang pada kejayaan membangunkan kawasan luar bandar. c. Penekanan pada nilai integriti dan pemikiran positif dititikberatkan di kalangan warga kerja KEDA bagi melahirkan warga kerja yang berdisiplin dan amanah. d. Penyusunan sistem kerja yang teratur dan jelas dalam membentuk

ASPEK	PERINCIAN
	perancangan, pengurusan, penyelidikan dan pembangunan serta pemantauan ke atas projek yang dilaksanakan bagi memastikan KPI yang disasar tercapai. e. Perubahan iklim ekonomi, sosial dan politik yang mempengaruhi strategi perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan serta pengurusan agensi.
Pengukuran Kejayaan	a. Faktor ekonomi: ⊙ Pencapaian pelaksanaan program pembangunan di bawah KEDA: ▪ Program Pembangunan Bandar dan Pusat Pertumbuhan Desa (10 lokasi) ▪ Projek Pembangunan Semula Kawasan di KEDA (empat lokasi) ▪ Program Perindustrian dan Keusahawanan ▪ Projek Pertanian dan Ternakan ▪ Projek Peningkatan Pendapatan Petani Kedah ▪ Projek Pemulihan Sawah dan Tanah Terbiar Di Kawasan Terpencil b. Faktor bukan ekonomi: ⊙ Pencapaian KPI tahunan ⊙ Laporan Penilaian *Outcome* Projek Pembangunan ⊙ Laporan Tahunan KEDA
Masalah/Cabaran/ Halangan Yang Dihadapi	a. Pertindihan bidang kuasa dengan Kerajaan Negeri Kedah dan Agensi Pembangunan Wilayah Utara (NCER) dalam aspek pembangunan negeri Kedah. b. Peruntukan yang terhad hingga menyukarkan KEDA melaksanakan projek pembangunan secara menyeluruh bagi aspek modal insan, ekonomi dan fizikal dalam kawasan operasi KEDA secara serentak. c. Persaingan daripada projek pembangunan yang berimpak besar seperti Projek Rubber City di kawasan Durian Burung, Padang Terap dan Projek Auto City di kawasan Bukit Kayu Hitam segi pelaksanaan kerjasama.
Perancangan Masa Depan Dan Bidang Yang Diberi Tumpuan	a. Penumpuan perancangan masa depan KEDA adalah berteraskan pada objektif penubuhan: ⊙ Pembangunan sosial ▪ Modal insan ▪ Pendidikan vokasional ⊙ Pembangunan ekonomi ▪ Pertanian ▪ Perindustrian ▪ Keusahawanan ▪ Pelancongan ⊙ Pembangunan fizikal ▪ Prasarana ▪ Penempatan ⊙ Program biaya diri ke arah pengkorporatan KEDA
Kepentingan Kepemimpinan Dan Isu Yang Berkaitan	a. Pemerkasaan kepemimpinan organisasi yang sistematik bagi setiap fungsi bahagian merupakan aspek yang penting dalam membentuk kejayaan KEDA sehingga kini. b. Pelaksanaan pelbagai program pembangunan modal insan khususnya untuk masyarakat luar bandar termasuk kepemimpinan komuniti bagi membentuk mereka mempunyai sikap daya saing dan berdikari dari segi mempertingkatkan kualiti hidup dan pendapatan keluarga.

ASPEK	PERINCIAN
Kepentingan Modal Insan Dan Isu Berkaitan	a. Penyediaan peluang pendidikan kepada generasi baru melalui program pendidikan (Kolej KEDA) dan bantuan pendidikan kepada para pelajar. b. Pelaksanaan pelbagai kursus dan latihan kemahiran kepada masyarakat luar bandar khususnya yang melibatkan semua peringkat usia bagi tujuan pembangunan modal insan.
Kepentingan Kepemimpinan Dan Isu Yang Berkaitan	a. Peningkatan profesionalisme warga kerja menerusi pendekatan kepelbagaian kursus/latihan kemahiran yang disediakan oleh organisasi. b. Pelaksanaan sistem pengurusan yang tersusun dan jelas dalam membentuk perancangan, pembangunan, penyelidikan dan pembangunan serta penilaian dan pemantauan terhadap projek yang dilaksanakan bagi memastikan KPI yang disasar tercapai.
Kepentingan Sistem Pengurusan Dan Isu Berkaitan	a. Peningkatan profesionalisme warga kerja menerusi pendekatan kepelbagaian kursus/latihan kemahiran yang disediakan oleh organisasi. b. Pelaksanaan sistem pengurusan yang tersusun dan jelas dalam membentuk perancangan, pembangunan, penyelidikan dan pembangunan serta penilaian dan pemantauan terhadap projek yang dilaksanakan bagi memastikan KPI yang disasar tercapai.
Kepentingan Persekitaran Sosial Yang Kondusif Dan Isu Yang Berkaitan	Pelaksanaan projek pembangunan yang berbentuk fizikal seperti penempatan dan prasarana yang lengkap bagi mewujudkan persekitaran luar bandar yang menarik dan selesa.
Kepentingan Kemahiran, Perhubungan Awam, Komunikasi, ICT, Imej Dan Isu Yang Berkaitan	a. Pemerkasaan warga kerja KEDA menerusi kursus/latihan kemahiran secara *hard skills* dan *soft skills* selain daripada memberi bantuan projek bagi memenuhi keperluan bidang kerja. b. Pemantapan keupayaan organisasi dalam aspek pengendalian dan penggunaan teknologi ICT melalui pendedahan kursus/latihan pengkomputeran kepada warga kerja. c. Penganjuran pelbagai program yang berbentuk kemasyarakatan yang menggalakkan kehadiran ramai penduduk/masyarakat sekitarnya seperti program keagamaan, program perayaan dan sebagainya.
Kepentingan Sumber Dan Isu Yang Berkaitan	a. Peningkatan kadar peruntukkan setiap tahun yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan membantu KEDA dalam melaksanakan pelbagai projek yang ditetapkan. b. Pengukuhan dalam industri pelancongan berupaya memenuhi keperluan dan tuntutan dalam sektor pembangunan ekonomi di negeri Kedah. c. Penganjuran pelbagai latihan dan kemahiran untuk mempertingkatkan kualiti pembangunan sumber manusia. d. Pengurusan hasil pertanian secara sistematik membantu dalam peningkatan ekonomi negeri. e. Pembangunan sektor keusahawanan di peringkat komuniti dengan penganjuran pelbagai kursus dan latihan kemahiran boleh mempertingkatkan taraf kualiti hidup di samping membasmi kemiskinan rakyat di negeri Kedah.
Kepentingan Sokongan Politik Dan Isu Yang Berkaitan	a. Penerimaan sokongan langsung daripada Kerajaan Negeri dalam pelbagai aspek pembangunan. b. Penjalinan hubungan baik dengan badan-badan politik berkaitan dalam melaksanakan pelbagai program pembangunan di negeri Kedah.

ASPEK	PERINCIAN
Formula Dalam Membangunkan Potensi Organisasi Dan Kawasan	a. Persediaan yang tinggi dalam melaksanakan projek pembangunan yang merangkumi tapak (tanah), kumpulan sasar dan keupayaan warga kerja KEDA. b. Penjalinan kerjasama dengan agensi-agensi berkaitan dalam projek pembangunan. c. Pemerkasaan organisasi ke arah biaya diri.
Kisah Kejayaan Utama	a. Penarafan dan pencapaian anugerah daripada pelbagai pihak terhadap organisasi KEDA. b. Pelaksanaan pelbagai projek pembangunan yang merangkumi aspek modal insan, ekonomi dan prasarana dari sejak penubuhannya. c. Pelbagai jenis bantuan disalurkan kepada peserta penempatan bagi membantu meningkatkan pendapatan keluarga dan taraf kualiti hidup.
Keunikan Yang Boleh Dipelajari Oleh Pihak Lain	a. Pengurusan organisasi yang dinamik yang mana mampu berkembang selaras dengan kemajuan pembangunan yang sedia ada di negeri Kedah. b. Perancangan pembangunan yang bersifat komprehensif dalam membangunkan kawasan luar bandar dengan menitikberatkan elemen-elemen pembaharuan bagi memenuhi keperluan rakyat. c. Pelaksanaan pendekatan jalinan kerjasama dengan Kerajaan Negeri, pemimpin setempat dan politik bagi mendapat maklum balas mengenai keperluan setempat dan perancangan yang ingin dilaksanakan.
Inisiatif Kerajaan Dan Badan Politik, Pengaruh Dan Perundangan, Pembangunan Dan Sokongan Untuk Pelaksanaan Projek	a. Penerimaan sokongan daripada Kerajaan Negeri dalam merancang membangunkan kawasan operasi secara menyeluruh. b. Penyediaan kemudahan prasarana untuk keselesaan penduduk setempat.
Status Kewangan Dan Pencapaian	Penyaluran sumber kewangan KEDA: a. Bantuan geran daripada Kerajaan Persekutuan. b. Penjanaan hasil dari kutipan bayaran sewa perumahan, industri dan mesin. c. Suntikan modal/pinjaman asing daripada Bank Pembangunan Asia untuk projek infrastruktur, perumahan dan pusat pertumbuhan desa.

4.4 PENEMUAN KAJIAN LAPANGAN

Bahagian ini memajukan penemuan berdasarkan pada kajian lapangan yang telah dijalankan terhadap responden yang dipilih secara rawak dari empat wilayah di bawah Kelantan Selatan, iaitu Gua Musang, Jeli, Tanah Merah dan Kuala Krai. Kaji selidik dijalankan ke atas responden yang merupakan penduduk di Rancangan Kemajuan Tanah (RKT), Rancangan Pemulihan Tanah (RPT), Kampung Tradisional (KT), penempatan FELDA dan bandar di keempat-empat wilayah berkenaan. Selain itu, bab ini turut memperincikan perkara-perkara berikut:

i. Demografi responden secara deskriptif berdasarkan data yang dicerap daripada BAHAGIAN A (PROFIL RESPONDEN) yang terkandung di dalam borang soal selidik.

ii. Analisis profil responden.

iii. Analisis terhadap penilaian responden berhubung KESEDAR dan program pembangunannya, isu dan permasalahan yang dihadapi, cadangan penambahbaikan termasuk dari segi memperkukuhkan peranan KESEDAR.

iv. Analisis profil sikap dan pemikiran responden.

4.4.1 Senarai Lokasi Kaji Selidik

Jadual L4.1 : Senarai Lokasi Kaji Selidik

WILAYAH			
GUA MUSANG	**JELI**	**TANAH MERAH**	**KUALA KRAI**
RKT Paloh 1 RKT Jeram Tekoh RKT. Sg. Asap RPT Sg. Terah KT Kg. Kundor KT Kg. Batu Papan FELDA Chiku 5 Bandar	RPT Pasir Dusun RPT Sg. Satan KT Lubok Bungor KT Air Lanas Bandar	RPT Air Chanal RPT Perala KT Tok Che Dol KT Ulu Kusial Bandar	RPT Sg. Pas RPT Temalir RPT Mengkebang KT Pahi KT Manik Urai Bandar

4.4.2 Demografi Dan Jumlah Responden

Jadual L4.2 : Bilangan Responden Mengikut Kategori

WILAYAH	KATEGORI RESPONDEN					JUMLAH KESELURUHAN
	RKT	RPT	KG. TRADISIONAL/ PENDUDUK	BANDAR	FELDA	
Gua Musang	129	57	40	31	45	**302**
Jeli	0	92	81	30	0	**203**
Tanah Merah	0	107	66	36	2	**211**
Kuala Krai	0	242	68	29	0	**339**
Jumlah Keseluruhan	**129**	**498**	**255**	**126**	**47**	**1,055**
Peratus (%)	**12.2**	**47.2**	**24.2**	**11.9**	**4.5**	**100**

4.4.3 Profil Responden

Jadual L4.3 : Butiran Profil Responden

ASPEK		BILANGAN	PENILAIAN (%)
Jantina			
	Lelaki	584	55.4
	Perempuan	471	44.6
Bangsa			
	Melayu	1,032	97.8
	Cina	21	2.0
	India	2	0.2
	66 tahun dan ke atas	98	9.3
Taraf perkahwinan			
	Berkahwin	766	72.6
	Balu/Janda/Duda	91	8.6
	Bujang	198	18.8
Pendidikan tertinggi			
	Tidak bersekolah	116	11.0
	LCE/SRP/PMR dan ke bawah	442	41.9
	MCE/SPM/SPMV	356	33.7
	Sijil	35	3.3
	GCE/STPM/Diploma	85	8.1
	Ijazah	18	1.7
	Sarjana	3	0.3
	Doktor falsafah	-	-
	Lain-lain	-	-
Sektor pekerjaan			
	Bekerja sendiri	225	21.3
	Peneroka	214	20.3
	Suri rumah	189	17.9
	Berniaga	141	13.4
	Swasta	89	8.4
	Kerja ladang	51	4.8
	Pelajar	43	4.1
	Petani/Nelayan/Penternak	37	3.5
	Kerajaan	32	3.0
	Pesara	27	2.6
	Lain-lain	7	0.7
Pendapatan bulanan			
	Tiada pendapatan	239	22.7
	Bawah RM440	90	8.5
	RM440-RM750	336	31.8
	RM751-RM1,500	291	27.6
	RM1,501-RM2,500	68	6.4
	RM2,501-RM3,500	20	1.9
	RM3,501 dan ke atas	11	1.0

Jadual L4.3 : Butiran Profil Responden (Sambungan)

ASPEK	BILANGAN	PENILAIAN (%)
Tempoh tinggal di KESEDAR		
1 tahun hingga 10 tahun	129	12.2
11 tahun hingga 20 tahun	152	14.4
21 tahun hingga 30 tahun	313	29.7
31 tahun hingga 40 tahun	300	28.4
41 tahun hingga 50 tahun	120	11.4
51 tahun dan ke atas	41	3.9
Pertubuhan yang disertai (bagi individu yang terlibat sahaja)		
Kepemimpinan kampung (JKKK/JKKP/JKKR)	139	13.2
Kepemimpinan wanita (Persatuan Wanita KESEDAR/JKKP)	64	6.1
Kepemimpinan belia	58	5.5
Kelab Keluarga KESEDAR/Koperasi	52	4.9
Lain-lain	69	6.5
Sumber rujukan berkaitan dengan KESEDAR		
Rakan-rakan/Keluarga	599	56.8
Pengurusan KESEDAR	486	46.1
Kepemimpinan kampung/wanita/belia	320	30.3
Media cetak (surat khabar, majalah)	121	11.5
Media elektronik (TV, radio, internet)	120	11.4
Papan iklan/Kain rentang	92	8.7
Program/Seminar	91	8.6

4.4.4 Penilaian Respons Penduduk KESEDAR

Bahagian ini memerihalkan dapatan kajian dengan membentangkan hasil daripada analisis respons yang diperoleh dari kerja lapangan soal selidik yang telah dijalankan ke atas 1,055 orang dengan merangkumi tiga bahagian, iaitu:

i. Perbandingan respons berdasarkan wilayah
ii. Penilaian respons terhadap program pembangunan KESEDAR terpilih
iii. Persepsi responden terhadap soalan terbuka

Berhubung respons soalan terbuka, setiap isu dan permasalahan serta cadangan yang dikemukakan oleh responden akan dikelaskan mengikut faktor-faktor yang terkandung dalam fungsi utama kajian.

Di samping itu, ukuran yang digunakan dalam penilaian bagi tahap kepuasan atau persetujuan responden terhadap sesuatu aspek adalah skor yang diperoleh daripada respons terhadap soalan-soalan di dalam borang soal selidik.

Respons bagi sekumpulan kenyataan digunakan untuk mengukur kepuasan atau persetujuan terhadap aspek tertentu dalam kajian ini termasuklah segi penilaian program/aktiviti pembangunan KESEDAR, persetujuan/kepuasan terhadap pelaksanaan program/aktiviti program pembangunan KESEDAR serta penilaian kepuasan terhadap perkhidmatan dan pengurusan KESEDAR.

Setiap kenyataan menghasilkan respons dalam skala 5-titik. Skor yang dilaporkan adalah nilai purata respons yang terhasil daripada sekumpulan responden terhadap setiap soalan yang diajukan. Skor-skor ini pada asalnya berskala 1 hingga 5, telah ditransformasikan kepada skala 0% ke 100% untuk memudahkan perbandingan peratusan. Skor peratus ini kemudiannya dikelaskan mengikut kategori seperti berikut:

SKOR (%)	TAHAP KEPUASAN/PERSETUJUAN
0 hingga 19	Sangat Tidak Puas Hati/Sangat Tidak Bersetuju
20 hingga 39	Tidak Puas Hati/Tidak Bersetuju
40 hingga 59	Sederhana/Memuaskan
60 hingga 79	Puas Hati/Setuju
80 hingga 100	Sangat Puas Hati/Sangat Setuju

a. *Tahap Pengetahuan, Penglibatan Dan Kepuasan Responden Terhadap Program/Aktiviti Pembangunan KESEDAR*

Jadual L4.4(a) : Tahap Pengetahuan, Penglibatan Dan Kepuasan Responden Terhadap Program/Aktiviti Pembangunan KESEDAR Mengikut Wilayah

PROGRAM/AKTIVITI	GUA MUSANG			JELI			TANAH MERAH			KUALA KRAI		
	BILANGAN (%)			BILANGAN (%)			BILANGAN (%)			BILANGAN (%)		
	P1	P2	K	P1	P2	K	P1	P2	K	P1	P2	K
Pembangunan Ekonomi												
Program Pembangunan Keusahawanan	188 (62.3)	27 (8.9)	87.4	151 (74.4)	21 (10.3)	65.7	120 (56.9)	15 (7.1)	84.0	181 (53.4)	9 (2.7)	73.3
Program Pembangunan Pelancongan	123 (40.7)	12 (4.0)	66.7	70 (34.5)	3 (1.5)	66.7	56 (26.5)	6 (2.8)	80.0	55 (16.2)	-	-
Program Pembiayaan Ekonomi KESEDAR	158 (52.3)	14 (4.6)	74.3	125 (61.6)	15 (7.4)	57.3	97 (46.0)	12 (5.7)	86.7	151 (44.5)	8 (2.4)	72.5
Program Promosi dan Pemasaran	114 (37.7)	5 (1.7)	80.0	66 (32.5)	8 (3.9)	80.0	52 (24.6)	-	-	62 (18.3)	6 (1.8)	63.3
Pembangunan Pertanian												
Program Tanam Semula*	221 (73.2)	50 (16.6)	71.6	132 (65.0)	-	-	153 (72.5)	-	-	243 (71.7)	-	-
Projek Agropolitan Kelantan Selatan*	118 (39.1)	3 (1.0)	53.3	63 (31.0)	-	-	60 (28.4)	-	-	87 (25.7)	-	-
Program Sara Hidup *	179 (59.3)	48 (15.9)	40.0	90 (44.3)	-	-	78 (37.0)	-	-	151 (44.5)	-	-
Pembangunan Masyarakat												
Program Pembangunan Minda Insan	133 (44.0)	18 (6.0)	80.0	69 (34.0)	5 (2.5)	84.0	83 (39.3)	3 (1.4)	86.7	112 (33.0)	9 (2.7)	66.7
Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya	147 (48.7)	16 (5.3)	77.5	102 (50.2)	9 (4.4)	73.3	112 (53.1)	8 (3.8)	85.0	156 (46.0)	7 (2.1)	77.1
Program Peningkatan Pendapatan (PPP)	112 (37.1)	11 (3.6)	54.5	70 (34.5)	5 (2.5)	72.0	75 (35.5)	8 (3.8)	87.5	72 (21.2)	2 (0.6)	60.0
Program Kemajuan Pendidikan (PKP)	106 (35.1)	6 (2.0)	73.3	66 (32.5)	3 (1.5)	73.3	82 (38.9)	7 (3.3)	91.4	68 (20.1)	3 (0.9)	66.7

Jadual L4.4(a) : Tahap Pengetahuan, Penglibatan Dan Kepuasan Responden Terhadap Program/Aktiviti Pembangunan KESEDAR Mengikut Wilayah (Sambungan)

PROGRAM/AKTIVITI	GUA MUSANG			JELI			TANAH MERAH			KUALA KRAI		
	BILANGAN (%)			BILANGAN (%)			BILANGAN (%)			BILANGAN (%)		
	P1	P2	K	P1	P2	K	P1	P2	K	P1	P2	K
Program Bantuan Rumah (PBR):												
a. Pembinaan Rumah	105 (34.8)	10 (3.3)	64.0	65 (32.0)	13 (6.4)	63.1	72 (34.1)	7 (3.3)	74.3	161 (47.5)	24 (7.1)	66.7
b. Baik Pulih Rumah	162 (53.6)	48 (15.9)	73.3	82 (40.4)	9 (4.4)	60.0	97 (46.0)	22 (10.4)	78.2	159 (46.9)	14 (4.1)	67.1
Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS)*	126 (41.7)	25 (8.3)	78.4	53 (26.1)	-	-	60 (28.4)	-	-	84 (24.8)	-	-
Program Sahsiah dan Keagamaan	149 (49.3)	57 (18.9)	83.9	90 (44.3)	20 (9.9)	77.0	82 (38.9)	14 (6.6)	77.1	105 (31.0)	17 (5.0)	75.3
Program Pembangunan Wanita	134 (44.4)	11 (3.6)	81.8	88 (43.3)	9 (4.4)	73.3	65 (30.8)	1 (0.5)	80.0	95 (28.0)	7 (2.1)	74.3
Program Pembangunan Sukan dan Budaya	185 (61.3)	56 (18.5)	81.1	93 (45.8)	18 (8.9)	70.0	101 (47.9)	26 (12.3)	73.8	123 (36.3)	18 (5.3)	77.8
Program Pengukuhan Silaturahim	149 (49.3)	47 (15.6)	80.0	73 (36.0)	15 (7.4)	73.3	86 (40.8)	25 (11.8)	73.6	114 (33.6)	8 (2.4)	75.0
Program Pembangunan Institusi dan Kepemimpinan	112 (37.1)	10 (3.3)	78.0	48 (23.6)	5 (2.5)	64.0	56 (26.5)	3 (1.4)	66.7	46 (13.6)	3 (0.9)	73.3
Program Pembangunan Belia dan Remaja	152 (50.3)	16 (5.3)	80.0	80 (39.4)	10 (4.9)	78.0	82 (38.9)	2 (0.9)	90.0	109 (32.2)	3 (0.9)	60.0
Program Pendidikan ICT	143 (47.4)	15 (5.0)	74.7	68 (33.5)	5 (2.5)	60.0	82 (38.9)	9 (4.3)	75.6	86 (25.4)	5 (1.5)	80.0
Program Medan InfoDesa	105 (34.8)	12 (4.0)	73.3	42 (20.7)	6 (3.0)	66.7	59 (28.0)	8 (3.8)	77.5	48 (14.2)	2 (0.6)	90.0

Petunjuk: P1= Pengetahuan ; P2=Penglibatan ; K=Kepuasan
*Program-program berkenaan hanya melibatkan penduduk di RKT sahaja

Jadual L4.4(b) : Tahap Pengetahuan, Penglibatan Dan Kepuasan Responden Terhadap Program/Aktiviti Pembangunan KESEDAR Secara Keseluruhan

PROGRAM/AKTIVITI	BILANGAN (%)		PENILAIAN (%)
	PENGETAHUAN	PENGLIBATAN	
Pembangunan Ekonomi			
Program Pembangunan Keusahawanan	640 (60.7)	72 (6.8)	78.6
Program Pembangunan Pelancongan	304 (28.8)	21 (2.0)	70.5
Program Pembiayaan Ekonomi KESEDAR	531 (50.3)	49 (4.6)	71.8
Program Promosi dan Pemasaran	294 (27.9)	19 (1.8)	74.7
Pembangunan Pertanian			
Program Tanam Semula*	749 (71.0)	50 (4.7)	71.6
Projek Agropolitan Kelantan Selatan*	328 (31.1)	3 (0.3)	53.3
Program Sara Hidup *	498 (47.2)	48 (4.5)	40.0
Pembangunan Masyarakat			
Program Pembangunan Minda Insan	397 (37.6)	35 (3.3)	77.7
Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya	517 (49.0)	40 (3.8)	78.0
Program Peningkatan Pendapatan (PPP)	329 (31.2)	26 (2.5)	68.5
Program Kemajuan Pendidikan (PKP)	322 (30.5)	19 (1.8)	78.9
Program Bantuan Rumah (PBR): a. Pembinaan Rumah	403 (38.2)	54 (5.1)	66.3
b. Baik Pulih Rumah	500 (47.4)	93 (8.8)	72.3
Program Pembangunan Masyarakat Setempat (PPMS)*	323 (30.6)	25 (2.4)	78.4
Program Sahsiah dan Keagamaan	426 (40.4)	108 (10.2)	80.4
Program Pembangunan Wanita	382 (36.2)	28 (2.7)	77.1
Program Pembangunan Sukan dan Budaya	502 (47.6)	118 (11.2)	77.3
Program Pengukuhan Silaturahim	422 (40.0)	95 (9.0)	76.8
Program Pembangunan Institusi dan Kepemimpinan	262 (24.8)	21 (2.0)	72.4
Program Pembangunan Belia dan Remaja	423 (40.1)	31 (2.9)	78.1
Program Pendidikan ICT	379 (35.9)	34 (3.2)	73.5
Program Medan InfoDesa	254 (24.1)	28 (2.7)	74.3

ii. Tahap Persetujuan Terhadap Program Pembangunan KESEDAR

Jadual L4.5 : Purata Tahap Persetujuan Responden Terhadap Program Pembangunan KESEDAR Mengikut Wilayah

ASPEK	PENILAIAN (%)			
	GUA MUSANG	JELI	TANAH MERAH	KUALA KRAI
Pembangunan Ekonomi	63.6	67.7	66.4	60.2
Pembangunan Masyarakat	68.9	69.0	69.6	64.1
Pembangunan Infrastruktur	74.6	74.1	74.2	70.4

iii. Tahap Persetujuan Terhadap Pengurusan KESEDAR

Jadual L4.6 : Tahap Kepuasan Responden Terhadap Pengurusan KESEDAR Mengikut Wilayah

ASPEK	PENILAIAN (%)			
	GUA MUSANG	JELI	TANAH MERAH	KUALA KRAI
Memberi perkhidmatan terbaik kepada penduduk KESEDAR	67.3	67.7	73.3	65.6
Menjaga kebajikan penduduk KESEDAR	64.4	64.0	71.2	63.5
Menjalankan pelbagai program/aktiviti untuk tingkatkan pengukuhan diri penduduk KESEDAR	63.4	65.1	69.0	64.1
Menambah baik program yang dilaksanakan	63.1	61.3	70.7	63.4
Menyediakan ruang komunikasi yang memudahkan urusan (pertanyaan, maklum balas, aduan)	68.2	63.2	71.4	67.2
Menyediakan maklumat yang mencukupi	67.2	61.8	72.0	64.9
Memberi penerangan yang mudah difahami	68.8	64.1	72.3	66.7
Memastikan urusan menepati masa	65.0	60.6	70.1	64.5
Memantau serta mengambil tindakan dengan cekap dan segera	63.8	59.8	70.8	62.9
Membuat tindakan susulan secara berkesan dan berterusan	63.6	60.9	70.5	63.4
Memberi layanan mesra	71.0	69.7	76.8	69.0
Penilaian secara keseluruhan terhadap kualiti kerja pengurusan KESEDAR	**67.7**	**65.8**	**74.4**	**66.4**

4.4.5 Penilaian Terhadap Program Pembangunan Terpilih KESEDAR

i. Tahap Kepuasan Terhadap Program Pembangunan Usahawan KESEDAR

Jadual L4.7 : Pecahan Responden Yang Terlibat dengan Program Pembangunan Usahawan KESEDAR

SEKTOR	BILANGAN	PERATUS (%)
Perniagaan	25	39.7
Perkhidmatan	17	27.0
Industri makanan	16	25.4
Ternakan	6	9.5
Tanaman	5	7.9
Industri kraf	1	1.6
Akuakultur	1	1.6

Jadual L4.8 : Tahap Kepuasan Responden Terhadap Aspek Pembangunan Keusahawanan

ASPEK	PENILAIAN (%)
Meningkatkan hasil pendapatan	73.5
Menyediakan latihan dan bimbingan secara berterusan	60.7
Menyalurkan bantuan pinjaman	70.0
Memantau perkembangan terhadap kegiatan keusahawanan yang dijalankan	70.5
Menyediakan kemudahan infrastruktur keusahawanan	67.9
Meningkatkan daya saing di kalangan usahawan	69.7
Menghebahkan maklumat tentang program yang dijalankan kepada masyarakat yang lain	64.6
Membantu memasarkan perniagaan dan hasil tani	68.1
Penilaian keseluruhan pembangunan usahawan	**70.0**

ii. Tahap Kepuasan Terhadap Program Pembangunan Generasi Baru KESEDAR

Jadual L4.9 : Pecahan Responden Yang Terlibat dengan Program Pembangunan Generasi Baru KESEDAR

PROGRAM	BILANGAN	PERATUS (%)
Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya (PLKK)		
Kursus Jahitan Pakaian	8	16.7
Kursus Membuat Kek dan Makanan Dingin Beku	8	16.7
Kursus Mekanik Kenderaan Bermotor	7	14.6
Kursus Ketrampilan dan Andaman	3	6.3
Kursus Kejuruteraan Marin	2	4.2
Program Pembangunan Minda Insan (PPMI)		
Kursus Motivasi Belia	23	47.9
Kursus Usahawan dan Jati Diri	19	39.6
Kursus Wanita dan Isi Rumah	5	10.4

Jadual L4.9 : Pecahan Responden Yang Terlibat dengan Program Pembangunan Generasi Baru KESEDAR (Sambungan)

PROGRAM	BILANGAN	PERATUS (%)
Program Kecemerlangan Pendidikan (PKP)		
Klinik Peperiksaan UPSR, PMR, SPM dan STPM	10	20.8
Kolej Poly-Tech MARA KESEDAR	5	10.4
Yayasan Pendidikan KESEDAR	3	6.3

Jadual L4.10 : Tahap Kepuasan Responden Terhadap Aspek Pembangunan Generasi Baru KESEDAR

ASPEK	PENILAIAN (%)
Menyediakan program/aktiviti yang sesuai dengan keperluan masyarakat	71.7
Menghebahkan maklumat tentang program yang dijalankan	70.4
Menyediakan kemudahan infrastruktur latihan dan kemahiran	68.9
Melahirkan masyarakat yang berilmu dan berkemahiran tinggi	71.5
Membantu meningkatkan prestasi diri	68.8
Menyediakan peluang pekerjaan	67.5
Membentuk generasi baru yang berdaya saing	67.9
Penilaian keseluruhan pembangunan generasi baru	**69.8**

iii. Tahap Kepuasan Terhadap Program Pembangunan Pertanian

Jadual L4.11 : Tahap Kepuasan Responden Terhadap Aspek Pembangunan Pertanian

ASPEK	PENILAIAN (%)
Membangunkan semula kebun-kebun peneroka dengan menggunakan baka tanaman terpilih dan teknologi terkini	67.5
Memberi jaminan keselamatan ladang	60.2
Membantu peneroka meningkatkan keuntungan daripada penggunaan tanah dengan pelbagai aktiviti pertanian	55.7
Membentuk masyarakat peneroka yang maju dan cemerlang melalui aktiviti pendidikan dan pembangunan institusi	63.1
Memastikan RKT-RKT mempunyai kemudahan peneroka yang sempurna dan terurus	63.9
Penilaian secara keseluruhan pembangunan pertanian	**61.9**

4.4.6 Analisis Persepsi Responden Berdasarkan Respons Terhadap Soalan Terbuka


Bahagian ini menganalisis respons responden terhadap soalan terbuka yang diklasifikasikan sebagai perspektif umum, yang mana soalan-soalan tersebut berkisar pada isu dan masalah utama yang dihadapi oleh penduduk, faktor-faktor kurang puas hati terhadap program dan aktiviti, cadangan penambahbaikan program pembangunan serta harapan responden terhadap KESEDAR dalam tempoh 15 tahun akan datang.

Respons-respons tersebut kemudiannya dikategorikan mengikut fungsi hubungan seperti yang terkandung dalam teras utama kajian. Perincian hubungan adalah seperti berikut:

Jadual 4.12: Fungsi Hubungan Terhadap soa;an Terbuka

FUNGSI	PENGUKURAN
Kepemimpinan	Kualiti rohani, akal, jasmani dan emosi
Warga Kerja	*Attitude (sikap), aptitude (kemahiran), altitude (KPI), amplitude (impak)*
Sistem	Perancangan, pengurusan, pemantauan, penyelidikan dan pembangunan
Iklim	Ekonomi, politik, sosial, antarabangsa
Kapasiti	Kewangan, jaringan, peluang, sumber, tahap berdikari
Imej	Imej, persepsi
Potensi	Meningkatkan daya saing dan potensi pembangunan
Faktor-X	Mengikut keunikan dan kelebihan negeri

i. *Isu Dan Masalah Utama Yang Dihadapi Oleh Responden*




Rajah L4.1 : Isu dan Masalah Utama Yang Dihadapi Oleh Responden Mengikut Fungsi

Jadual L4.13: Perincian Isu Dan Masalah Utama Yang Dihadapi Oleh Responden Mengikut Fungsi

FAKTOR	PERINCIAN
